

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 49**

**Khamis**

**17 November 2016**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 7)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2017	
<u><b>Jawatankuasa:</b></u>	
<u><b>Jadual:</b></u>	
Maksud B.43	(Halaman 39)
Maksud B.45	(Halaman 122)
Maksud B.46	(Halaman 163)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 38)
Usul Anggaran Pembangunan 2017	
<u><b>Jawatankuasa:</b></u>	
Maksud P.43	(Halaman 39)
Maksud P.45	(Halaman 122)
Maksud P.46	(Halaman 163)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

**Khamis, 17 November 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Teo Nie Ching [Kulai]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian Kesihatan akan menaikkan caj wad dan rawatan di seluruh hospital Kerajaan di negara ini sehingga 50 peratus mulai Disember ini. Sekiranya benar, berapa pendapatan tambahan yang dijangka akan diperoleh oleh KKM setiap bulan.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya sudah jawab soalan ini secara mendalam di peringkat Jawatankuasa. Walau demikian, kerana ditanya balik oleh ahli Parlimen Kulai, keputusan untuk pengemaskinian caj bagi kemudahan rawatan pesakit warganegara yang berdasarkan perintah fi di bawah kementerian akan dikuatkuasakan seperti yang telah dijelaskan pada 1 Januari akan datang. Pengemaskinian ini cuma melibatkan kelas satu dan kelas dua sahaja. Untuk kelas satu untuk caj wad, rawatan, siasatan dan ujian dan sebagainya.

Manakala, untuk bagi kelas dua kenaikan sebanyak 25% cuma untuk caj wad sahaja dan ini tidak secara langsung kena-mengena dengan wad tiga, *its class* tiga. Seperti yang saya telah jelaskan, 98.5% daripada pesakit Kementerian Kesihatan menggunakan kemudahan wad tiga sahaja. Kelas dua dan kelas satu cuma melibatkan lebih kepada tiga puluh ribu orang pesakit sahaja dan jumlah tambahan pendapatan yang kita akan dapat yang kita jangkakan pada tahun depan ialah sejumlah RM49.9 juta, hampir RM50 juta. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sini hendak tanya sedikit. Selepas ini kenaikan caj di wad satu dan kedua, berapa banyak lagi subsidi yang akan diterima oleh pesakit-pesakit yang pilih wad satu dan dua? Juga skim FPP akan diperluaskan kepada tiga puluh dua hospital di seluruh negara dan sama

ada pendapatan daripada FPP ini bagai mana akan membantu pesakit-pesakit yang tidak memilih FPP? Sekian sahaja, terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada menjelaskan berkaitan dengan FPP di dalam Jawatankuasa pun dan tujuan mengadakan FPP untuk membantu kerajaan di dalam proses mengekalkan doktor pakar di dalam sistem perkhidmatan awam. Ini diberi peluang di beberapa hospital, kepada pakar-pakar yang mempunyai pengkhususan di dalam bidang-bidang tertentu supaya mereka boleh kekal di dalam perkhidmatan awam dan menyumbang kepada merawat pesakit-pesakit di dalam Kementerian Kesihatan. Mereka boleh menjalankan tugas ini dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kementerian untuk memastikan bahawa kegunaan fasiliti yang disediakan oleh FPP tidak akan mengancam tanggungjawab mereka kepada pesakit lain di dalam hospital. Khususnya pesakit daripada kelas tiga. Saya memberitahu memang ada subsidi, tetapi peratusan subsidi itu saya boleh beritahu kepada Yang Berhormat, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejauh manakah dakwaan yang mengatakan caj yang akan dinaikkan oleh Kementerian Kesihatan ini akan memberikan kesan yang berat kepada kumpulan M40 yang dikatakan yang banyak akan menduduki kelas dua? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya sudah jelaskan pada masa dahulu, keputusan untuk menggunakan kelas dua atau kelas satu itu terpulang kepada pesakit, ini ialah pilihan mereka sendiri. So, ada kalau mereka mahu mendapat rawatan percuma dan mereka itu di dalam rawatan melalui kelas tiga dan kemudahan-kemudahan yang disediakan, kita tidak akan menghalang mereka. Kalau mereka secara sendiri memilih untuk menggunakan kelas dua atau kelas satu dan biasa ini ialah mereka pun menggunakan kemudahan yang ada di dalam sektor swasta.

Mereka boleh buat perbandingan dengan sektor swasta dan sektor awam, masih dengan peningkatan caj ini sektor awam ini masih kurang daripada pembayaran di sektor swasta. Itu sebab ada pilihan untuk datang kepada sektor awam, so dari sudut itu saya ingat perkara ini tidak akan menjadi satu isu kepada mereka yang pilih kelas dua atau kelas satu. Tetapi sebaliknya adalah satu pilihan yang kurang daripada menggunakan pihak swasta, beri subsidi ya, lebih kurang 60% subsidi yang diberi. Walaupun kita naik caj, masih kerajaan beri 60% subsidi kepada rawatan. Terima kasih.

## ■1010

2. **Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah untuk memastikan pihak penasihat syariah boleh memainkan peranan dalam mengurangkan potensi penipuan dan moral *hazard* dalam syariah *crowd funding*.

**Menteri Kewangan II [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, selaku pengawal selia pasaran modal negara termasuk pasaran modal Islam, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sentiasa mengambil kira kepentingan para pelabur dalam memperkenalkan sebarang rangka kerja baru. Bagi produk *certain instrument* pasaran modal Islam di Malaysia adalah menjadi satu keperluan untuk melantik penasihat syariah berdasarkan kepada peruntukan di bawah *Registration of Shariah Advisers Guidelines*.

Untuk memastikan produk *certain instrument* pasaran modal Islam tersebut adalah patuh syariah, garis panduan tersebut menetapkan kriteria dan kelayakan yang diperlukan untuk menjadi penasihat syariah. Sehingga kini terdapat 51 individu serta 17 badan korporat yang telah didaftarkan sebagai penasihat syariah. Senarai tersebut bolehlah Yang Berhormat dapati dalam laman sesawang *Security Commission*.

Berhubung dengan *crowd funding*, SC telah mengeluarkan *guideline of recognize marker* ataupun garis panduan RMO bagi mengawal selia aktiviti *crowd funding* di Malaysia. Garis panduan tersebut menetapkan peruntukan pendaftaran sesebuah badan korporat untuk menjadi *recognize market operator*. Tanggungjawab RMO berserta peruntukan untuk penawaran produk serta instrumen pasaran modal Islam melalui *recognize marker*.

Di bawah garis panduan RMO tersebut sekiranya RMO ingin menawarkan produk, serta instrumen pasaran modal Islam melalui *recognize marker*, RMO tersebut perlu melantik penasihat syariah untuk memberi nasihat serta memastikan produk serta instrumen yang ditawarkan adalah patuh syariah. Garis panduan tersebut juga menetapkan peranan penasihat syariah tersebut memberi nasihat pakar dan panduan berkaitan semua isu syariah berhubung dengan produk serta instrumen pasaran modal Islam terutamanya dari segi dokumentasi, struktur serta instrumen pelaburan.

Penasihat syariah juga dikehendaki untuk memastikan bahawa dana yang dikumpul hasil daripada *crowd funding* tersebut digunakan bagi tujuan patuh syariah sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sekarang saya jemput Yang Berhormat Parit Sulong untuk mengemukakan soalan tambahan pertama dalam tempoh 30 saat.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah aktiviti ECF ini boleh menarik minat pelaburan daripada dalam dan juga luar negara dan apakah ekspektasi daripada pihak kerajaan kepada masa depan ECF ini di Malaysia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menjawab dalam tempoh masa dua minit 30 saat.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Seperti mana Yang Berhormat tahu, bahawa ECF ini diperkenalkan di dalam pasaran kita ialah untuk membantu syarikat-syarikat yang kita anggap sebagai syarikat kecil atau pun syarikat-syarikat yang mempunyai idea tetapi mereka tidak boleh pergi ke normal *banking sector* untuk mendapat pinjaman atau pun pasaran *market* terbuka ataupun *equity market* dalam pasaran kita.

Jadi dengan adanya ECF ini, sebenarnya dia boleh membantu banyak syarikat-syarikat kecil, untuk pengetahuan Yang Berhormat setakat hari, ini kita mempunyai 11 syarikat perusahaan kecil yang telah dapat mengambil modal daripada ECF ini sebanyak RM9.3 juta dan sebahagian daripada RM9.3 ini datang daripada negara-negara seperti Australia, Finland, Germany, Iran, Singapore, Sweden dan Turki. Jadi sudah tentu ECF ini memberi manfaat banyak kepada syarikat-syarikat yang dalam kategori *small and medium size* ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tiada soalan kedua. Baiklah, sekarang saya jemput Yang Berhormat Lenggong untuk soalan ketiga dalam masa satu minit.

**3. Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan sejauh mana penyertaan YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di dalam lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke China baru-baru ini, mohon YB Menteri jelaskan perjanjian atau persefahaman yang telah dipersetujui iaitu berkaitan pengeksportan burung walet ke China.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan yang dikemukakan semasa program lawatan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri ke China baru-baru ini, yang saya berkesempatan untuk bersama dengan rombongan beliau. Kami telah mengadakan penandatanganan perjanjian apa yang disebutkan dengan izin, *Protocol of Inspection, Quarantine and Veterinary Hygiene Requirements for The Exportation of Raw-unclean Edible Birdnest from Malaysia to China*. Ertinya ia merupakan protokol

mengenai pemeriksaan kuarantin dan keperluan kebersihan veterinar bagi pengeksportan sarang burung walet mentah yang belum bersih daripada Malaysia ke China.

Protokol ini penting kerana ia membolehkan kita mengeksport burung walet yang mentah dan belum bersih lagi kerana sebelum ini, isu ini tertanggung lebih tiga tahun. Ia menyebabkan kehilangan pendapatan, terutama sekali di kalangan pengusaha-pengusaha kita. Kita mempunyai kira-kira 10 ribu pengusaha, ada 20 ribu rumah-rumah sarang burung ini di seluruh negara yang akibat daripada sekatan untuk kita mengeksport yang belum bersih ini.

Harga sarang burung ini turut jatuh. Pada satu ketika, RM8,000 ,RM10,000 per kilogram, jatuh sehingga kurang daripada RM1,000 dan keadaan ini telah memberikan mesej yang baik. Sebelum ini kita maklumkan kemungkinan protokol ini ditandatangani telah pun meningkat pada RM3,000 sekarang ini dan *insya-Allah* akan meningkat lagi. Dan ianya adalah merupakan satu sumber pendapatan yang baik di kalangan pengusaha-pengusaha kita sekalian.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih, apakah langkah kementerian untuk galakkan penyertaan usahawan dalam industri sarang burung walet ini dan memastikan sarang burung walet yang dikeluarkan selamat dan tidak dikenakan sekatan sebagaimana sebelum ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih. Ada dua perkara untuk menggalakkan secara semula jadinya apabila kita dapat memastikan harganya tinggi, kerana ada pelaburan yang terpaksa dilaburkan kepada pengusaha. Sebuah rumah, mungkin harganya RM200,00 ataupun RM300,000 bagi sebuah rumah burung walet untuk bersarang. Dan ianya adalah pelaburan yang memerlukan pulangan, pulangan itu berdasarkan harga yang tinggi. Harga yang tinggi berdasarkan pada permintaan yang tinggi. Buat masa sekarang permintaan yang terbesar ialah daripada negara China kerana ada keperluan di sana dan ada tradisi selama lebih pada 400 tahun mereka percaya bahawa ada kandungan-kandungan tertentu daripada sarang burung ini sangat baik untuk kesihatan diri dan sebagainya.

Sebab itu, apa yang berlaku tiga empat tahun yang lepas, kerana terdapat kes di mana apa yang kita hantar dikatakan mengandungi kandungan-kandungan yang tidak selamat. Melalui protokol ini ialah merupakan suatu persetujuan daripada pihak negara China untuk membenarkan pihak kami melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar, untuk mengadakan peraturan-peraturan kami di sini sebelum mereka keluar. Dan kita akan pastikan bahawa ia nya memenuhi kualiti-kualiti yang dikehendaki.

Sebagai contohnya, melalui protokol ini disenaraikan 35 syarat-syarat sebelum dibawa ke sana. Dan kita akan patuhi syarat ini dan kita akan bangunkan satu platform dalam masa enam bulan daripada sekarang, supaya semua pengusaha-pengusaha dapat memenuhi syarat-syarat ini dan kita akan pastikan kualiti yang baik supaya peristiwa yang berlaku tiga empat tahun lalu tidak berulang lagi dan ia akan menjamin pendapatan yang berterusan kepada pengusaha-pengusaha kita.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan memberi apa-apa insentif kepada orang ramai untuk memproses sarang burung walet ini, sebab kita tahu harga mentah sarang burung walet hanya mungkin sampai RM2,000 lebih sekilo tetapi selepas proses ia akan berlipat ganda..

■1020

Jadi, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan rakyat Malaysia terutamanya suri rumah tangga untuk bekerja memproses sarang burung walet ini?

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini memproses sendiri adalah suatu yang tidak digalakkan. Ini kerana ia melibatkan kerja yang rumit. Ia memerlukan tempat yang sesuai, memerlukan standard yang tertentu. Akhirnya sebelum ini apa yang berlaku ialah pihak *authority* daripada negara China iaitu AQSIQ, dia hanya meluluskan apa yang telah diproses masuk ke negara mereka ialah *plant* ataupun pusat-pusat, kilang-kilang yang diiktiraf oleh mereka. Bukannya dibuat di belakang rumah dan sebagainya. Ini kerana memastikan bahawa ia dibuat dengan cara yang betul, bersih dan tidak ada perkara-perkara yang tidak dikehendaki.

Kita tahu bahawa antara kerja yang susah ialah kerja cabut bulu. Cabut bulu walet itu memerlukan masa yang lama, lapan jam kerja cuma lebih kurang 10 keping boleh dibuat satu hari. Sekarang ini tidak ada pekerja tempatan yang dikatakan mampu untuk melaksanakannya. Kebanyakan *plant* ataupun tempat-tempat melakukannya menggunakan pekerja-pekerja luar dari Nepal, daripada negara lain semuanya wanita. Kebanyakan untuk bekerja di bawah mikroskop selama lapan jam, sembilan jam ataupun 10 jam satu hari. Jadi sebab itu industri burung walet ini menjadi kesukaran untuk semua orang hendak buat.

Bagi kita apabila dibenarkan menghantar yang mentah dan belum diproses ini adalah merupakan satu *break through* yang besar dari segi lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini ke China, membolehkan kita menghantar terus. Sekarang ini yang diproses tidak banyak tetapi yang dikeluarkan banyak.

Ia dipercayai bahawa yang keluaran banyak itu pergi ke China melalui jalan-jalan lain, termasuk Hong Kong ataupun melalui Vietnam dengan cara yang disebutkan

*illegal* tadi dan pedagang-pedagang yang melakukannya, menekan harga kepada pengeluar-pengeluar kita. Sebab itu kita harapkan dengan membolehkan mereka masuk terus dengan— ke negara China dengan cara yang *legal*, ia akan membantu meningkatkan pendapatan mereka tanpa semua orang melabur dalam kerja memproses perkara ini. Jadi sebab itu kita harapkan ia akan dapat memberikan impak yang besar kepada ekonomi kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Terima kasih. Baiklah Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]**

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Rozman bin Isli [Labuan]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah rasional Jabatan Pertanian mengenakan permit untuk pengimportan masuk bagi sebahagian produk pertanian dari Sabah ke Labuan.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]:**

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Labuan dan saya sendiri rasa terharu dengan pantun yang diberikan.

Kita sedar bahawa masalah di Labuan adalah satu masalah yang serius. Ini termasuk apabila kejatuhan harga minyak dunia, mereka yang terlibat dalam industri *oil and gas* di Labuan itu sudah tentu terencat dan ia menyebabkan ekonomi di sana menjadi murah. Daripada soalan yang dikemukakan ini bertanya kenapa barang-barang pertanian dari Sabah, Sarawak dan sebagainya terpaksa melalui proses import permit.

Saya sudah berbincang dengan pihak kementerian, saya katakan ada sebahagian daripada perkara ini ialah faktor legasi kerana ini undang-undang yang dipersetujui tahun 1981. Apabila Labuan menjadi Wilayah Persekutuan, tidak lagi menjadi sebahagian dari Sabah dalam tahun 1984, Labuan dilihat sebagai suatu entiti yang tersendiri. Ini kerana peraturan-peraturan kuarantin, Sabah mempunyai peraturan sendiri, Sarawak mempunyai peraturan sendiri.

Bagi melindungi Labuan daripada kemungkinan termasuk barang-barang pertanian, tumbuh-tumbuhan, binatang dan sebagainya. mereka mesti melalui proses bukannya dibayar tetapi mesti diperiksa dahulu, mendapat sijil yang disebutkan *phytosanitary*, kebersihan dan sebagainya. Saya percaya bahawa ia sedikit sebanyak menyulitkan, supaya perkara-perkara ini menjadi suatu yang mudah dicari di Labuan dan ia akan memberi kesan kepada ekonomi Labuan.



Pihak kami Tuan Yang di-Pertua, kita percaya bahawa perkara ini perlu dilihat kembali dan kita bersedia untuk mengkajinya.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Kami merasakan selama ini penyerahan Labuan pada Wilayah Persekutuan itu akan memberikan kelebihan kepada Labuan tetapi banyak juga kes-kes yang mana ia menjadi cabaran pula. Banyak hal terutamanya apabila polisi dibuat, selalu terlepas pandang. Betullah seperti ramai yang mengatakan Labuan ini *nor there, neither here*. Jadi termasuklah kes berkenaan dengan permit ini.

Jadi kami amat mengharapkan dan soalan saya, bolehkah kementerian terutama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri sekarang untuk memastikan supaya satu keputusan yang tegas dan serius dibuat untuk memastikan terlepas pandang ini tidak berlaku lagi di mana sesuatu yang berpotensi di Labuan seperti Labuan sebagai *port landing* tuna untuk kita buat suatu keputusan besar untuk menjadikan Labuan sebagai tempat bukan sahaja *landing* tuna tetapi untuk pemprosesan tuna dan pengeksportan tuna. Seterusnya menjadikan tuna ini sebagai produk pelancongan untuk Labuan di bawah projek-projek Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucap tahniah atas cadangan yang dikemukakan. Yang Berhormat begitu cakna, begitu *concern* tentang masa depan Labuan dan saya sendiri merasakan saya sepatutnya berkongsi kecaknaan tersebut untuk memastikan Labuan akan terus subur, mekar, berkembang maju dan sebagainya.

Kalau saya sebutkan tadi bukan isu terlepas pandang, ini ialah isu pada waktu itu berpendapat bahawa Labuan perlu dilindungi daripada kemungkinan ada orang membawa tumbuhan, binatang yang kemungkinan boleh merosakkan Labuan, itu tujuannya pada waktu tersebut. Perkara ini bukan sahaja Labuan tetapi juga Semenanjung. Semenanjung untuk membawa barang-barang pertanian dari luar negara ataupun daripada sebahagian negara kita Sabah dan Sarawak ia mesti melalui proses kuarantin.

Sarawak melindungi misalnya negeri mereka daripada penyakit kuku dan mulut yang dikatakan berbahaya. Sekarang ini Sarawak adalah di antara negeri yang paling terlindung hinggakan barang daripada Semenanjung ataupun dari Sabah, perlu melalui proses kuarantin yang mereka mesti membawa barang-barang tersebut memerlukan import permit bagi tujuan kebersihan. Bukannya AP dan sebagainya.

Akan tetapi sebagaimana yang disebutkan tadi sekiranya kita katakan perlu kerana kalau ada kawalan yang ketat, peraturan-peraturan yang ketat menyebabkan

hotel-hotel di Labuan susah hendak dapat pisang misalnya. Musim durian orang Brunei, orang tempat lain pergi ke Labuan, susah hendak cari durian di Labuan kerana ada peraturan begini dan sebagainya. Perkara ini kita sedia untuk melihat kembali, berbincang dan kita akan mengkaji. Ini kerana adalah peraturan dan kesediaan ini mesti datang permintaan daripada orang Labuan dan saya menganggap permintaan Yang Berhormat hari ini adalah peraturan yang perlu dilihat kembali bagi pihak orang Labuan. Saya menganggap ini adalah satu permintaan yang perlu dilihat secara serius.

Oleh sebab itu juga Yang Berhormat, perkara-perkara lain sudah pun dilaksanakan dan kita akan bangunkan bersama. Misalnya untuk menjadikan Labuan sebagai tempat pendaratan ikan laut dalam misalnya. Labuan tempat pendaratan tuna tetapi ia tidak semudah kita katakan bahawa hari ini kita isytiharkan ada pengusaha untuk melakukannya. Ini kerana tuna adalah satu industri yang kompleks, di mana ikan diambil dari tempat yang jauh daripada Labuan, didaratkan di situ memerlukan logistik untuk—kalau untuk mendapatkan tuna yang harganya mahal di pasaran Jepun, di pasaran Amerika dan sebagainya ia memerlukan terus, penerbangan terus. Ini memerlukan satu perkara yang perlu dilihat kembali. Labuan untuk terus terbang ke Jepun belum ada. Dari Labuan terus terbang ke Amerika untuk tujuan orang makan *sashimi* ataupun *sushi* yang hanya perlu sampai ke sana dalam masa dua atau tiga hari.

#### ■1030

Jadi, mungkin untuk tujuan sejuk beku boleh tetapi tujuan untuk tuna yang boleh dipasarkan dengan harga yang mahal sehingga RM500 ataupun RM1,000 per kilogram sebagaimana yang ada dalam pasaran Jepun dan Amerika, ia memerlukan keperluan-keperluan lain bukan sekadar pelabuhan itu sahaja tetapi ini juga perlu kita lihat bersama.

Terima kasih Yang Berhormat dan pihak kementerian bersedia untuk bersama dengan orang Labuan untuk melihat sesuatu yang baik timbul dari sini. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri.

Menyedari hakikat bahawa seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, dagangan dengan negara China dan juga Malaysia terangsang mengenai hubungan sarang burung telah pun dirunding dengan baik mengikut peraturan-peraturan. Ini di antara negara-negara yang berasingan. Inikan pula Labuan dengan wilayah negeri Sabah yang dahulunya merupakan sebahagian dari negeri Sabah. Sudah menjadi amalan berpuluh-puluh tahun petani dan nelayan dari wilayah Sabah itu untuk membawa hasil pertanian mereka ke Labuan.

Sepatutnya keikhlasan wilayah Sabah itu untuk mengizinkan supaya Labuan ini diserahkan kepada Wilayah Persekutuan seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Labuan tadi, timbal balas daripada kerajaan itu seharusnya dilihat dengan serius. Bukan hanya berdasarkan dengan peraturan. Saya ingat peraturan ini manusia. Saya akui, saya setuju dengan Yang Berhormat, ia perbuatan manusia tetapi juga kita melihat daripada segi keselamatan, daripada segi hasil-hasil pertanian, bunga-bunga pun seumpama itu— seumpama manusia juga.

Hendak masuk ke Sabah kena pakai kad pengenalan, masuk ke Sarawak pun sedemikian rupa juga. Dahulu kita pakai pasport kalau masuk ke Sabah, selepas itu kita gunakan kad pengenalan. Akan tetapi saya ingat untuk memastikan supaya kehidupan masyarakat di Labuan ini yang begitu melihat bila ia diwilayahkan bahawa *advantage at the on* bukan hanya peluang pekerjaan, bahkan itu juga merupakan satu tempat yang sepatutnya dari segi *financial offshore* dapat dilihat, dapat disuburkan. Itu tidak begitu subur, ini pula daripada segi sektor pertanian, perikanan yang saya lihat amat penting sekali.

Jadi saya serahkan, saya amat setuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Labuan supaya Kerajaan Persekutuan melihat dengan serius perkara ini. Bukan hanya oleh sebab daripada segi peraturan semata-mata. Terima kasih banyak.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, ini pandangan menyokong apa yang telah kita sebutkan sebentar tadi bahawa kita sedar bahawa Labuan ada tujuan-tujuan yang tertentu apabila ia dijadikan sebahagian daripada Wilayah Persekutuan. Ada sejarahnya.

Kita sedar bahawa akibat daripada kejatuhan harga minyak dunia, mereka yang terlibat dalam *oil and gas* misalnya, begitu terkesan sekali. Ini boleh menjadikan Labuan muram. Kita mesti mencari perkara-perkara lain. Ini termasuk untuk melonggarkan peraturan-peraturan yang disebutkan tadi. Saya setuju, kerana ada sejarah. Misalnya sejarah kalau masuk Sabah dan Sarawak suatu ketika dahulu kena pakai pasport. Orang rasa ini suatu perkara yang pelik tetapi ada sejarahnya. Sebagaimana orang China nak masuk Hong Kong kena ada visa pada hari ini. Mereka sama-sama dalam negara yang sama tetapi mereka ada sejarah yang tertentu bagi persetujuan bersama.

Sebab itu saya sebutkan tadi, apa pun cara yang boleh kita bantu untuk Labuan dibangunkan termasuk yang disebutkan oleh Yang Berhormat Labuan sebentar tadi iaitu bagi tempat pusat pendaratan ikan laut dalam, tuna dan pilihan-pilihan lain seperti kemasukan barang-barang pertanian, bintang dan sebagainya untuk ke sana lebih dilonggarkan. Kerana kita tahu bahawa Labuan bukannya pulau pertanian. Tetapi dengan kelonggaran ini, sekurang-kurangnya untuk memenuhi hotel ataupun orang

pergi ke sana melancong dan sebagainya mudah untuk mendapat barang-barang ini, kita bersedia untuk melihatnya kembali. Ini bukanlah, saya katakan, undang-undang yang tak boleh diubah. Kita katakan ini ialah peraturan yang boleh diuruskan dengan baik. Terima kasih Yang Berhormat.

**2. Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah pengeluaran dan pasaran Proton Persona baru berbanding dengan Perodua Bezza baru dan ciri-ciri menarik masing-masing kereta.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Langat kerana bertanya soalan ini. Saya ingin menjawab soalan ini bersama soalan Yang Berhormat Gombak yang juga pada hari ini kerana ia adalah berkaitan perkara yang sama iaitu tentang Proton.

Proton dan Perodua merupakan syarikat automobil tempatan yang telah melancarkan model kereta baru pada tahun 2016 iaitu Proton Persona pada 23 Ogos 2016 dan Perodua Bezza pada 21 Julai 2016. Sejak pelancarannya, jumlah pengeluaran Proton Persona sehingga Oktober 2016 adalah sebanyak 7,464 unit manakala Perodua Bezza telah mencatatkan 22,799 unit bagi tempoh masa Julai hingga Oktober 2016.

Kedua-dua model ini mempunyai reka bentuk yang menarik bagi sebuah model sedan, namun Proton Persona dan Perodua Bezza mempunyai ciri-ciri menarik yang tersendiri. Perodua Bezza merupakan kategori segmen A manakala Proton Persona adalah segmen B. Bezza pula adalah sedan pertama daripada Perodua dan merupakan kenderaan cekap tenaga, EEV atau *energy efficient vehicle*, dengan izin.

Harga jualan Perodua Bezza ialah antara RM42,800 hingga RM50,800 sebuah manakala Proton Persona ialah antara RM45,000 hingga RM55,000 sebuah. Berat Perodua Bezza ialah 900 hingga 930 kilogram manakala Proton Persona ialah 1,020 hingga 1,130 kilogram. Enjin Perodua Bezza ialah 1.3 liter manakala Proton Persona ialah 1.6 liter. Kuasa kuda Perodua Bezza ialah 101 manakala Proton Persona ialah 107. Bahan api Perodua Bezza ialah 22 kilometer untuk satu liter manakala Proton Persona ialah 17.9 kilometer untuk satu liter.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menetapkan beberapa syarat kepada Proton bagi pinjaman mudah berjumlah RM1.5 bilion. Pasukan petugas *task force* yang diterajui oleh Dato' Sri Idris Jala, Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU, ditubuhkan bagi

memastikan Proton mematuhi syarat-syarat pinjaman mudah yang ditetapkan oleh kerajaan.

Antara syarat-syarat yang dikenakan termasuk keperluan Proton mendapatkan rakan kongsi asing. Proses mengenal pasti rakan kongsi strategik telah bermula sejak bulan Jun 2016 apabila Proton telah mengeluarkan jemputan, *request for proposal* (RFP) dengan izin, kepada 14 syarikat pengeluar kenderaan OEM.

Hasil daripada maklum balas RFP dan penilaian awal Proton, sebanyak lima buah syarikat OEM telah dikenal pasti berpotensi untuk menjalinkan perkongsian strategik dengan Proton. Proses pemilihan rakan strategik ini dijalankan secara mendalam bagi memastikan Proton berjaya mendapatkan rakan kongsi asing terkemuka yang akan membantu dalam R&D dan menjadi syarikat yang berdaya maju serta berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Selepas penelitian, Proton sudah menyenarai pendek tiga buah syarikat untuk perbincangan dan rundingan lanjut. Perjanjian perkongsian strategik Proton dengan syarikat OEM terpilih dijangka dapat dimeterai seawal separuh pertama tahun 2017, dijangka pada 31 Mac 2017. Terima kasih.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Soalan ini timbul apabila saya melihat Proton Persona dan Perodua Bezza ini hampir seiras. Hari ini baru saya tahu Proton Persona dan Perodua Bezza ini berbeza di CCnya. Proton Persona 1.6 dan Perodua Bezza 1.3. Harganya lebih kurang sama iaitu RM50,000. Apabila Yang Berhormat Menteri menjawab harganya lebih kurang sama iaitu lebih kurang RM50,000 dan volum yang dijualnya pula berbeza iaitu Proton Persona lebih kurang 7,000 dan Perodua Bezza 22,000, jadi saya ingin bertanya soalan tambahan, adakah benar persepsi yang ditimbulkan oleh masyarakat atau rakyat mengatakan bahawa *quality control* Perodua itu lebih baik daripada Proton?

■1040

Sebagai contoh mudah, orang banyak menyebut, bila sampai *tang power window* mudah rosak berbanding antara Proton dengan Perodua, cepat rosak. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Mengenai persepsi. Persepsi bukanlah kenyataan yang sebenar tetapi apabila kita melihat jualan yang begitu berbeza 22,799 unit untuk Perodua Bezza dan 7,464 unit untuk Proton Persona, saya kira antara perkara utama yang menjadi ukuran oleh pihak pembeli ialah kerana Perodua Bezza ini adalah kenderaan cekap tenaga. Itu yang saya kira yang menjadi pilihan kepada pembeli. *Energy efficient vehicle* ini bukanlah satu

perkara yang mudah untuk dikeluarkan. Proton masih lagi tidak mengeluarkan kenderaan EEV.

Untuk menukar satu-satu jenama dan membuat R&D untuk satu jenama, kadang-kadang dia boleh mencecah sehingga RM1billion kosnya. Jadi oleh kerana Proton masih lagi belum mempunyai rakan kongsi asing, walhal Perodua memiliki rakan kongsi asing. Jadi kos untuk Perodua melahirkan satu-satu model EEV seperti itu adalah jauh lebih murah dan Proton masih lagi belum dapat mengeluarkan. Yang lain-lain hanya persepsi. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua beri peluang kepada saya untuk soalan tambahan. Sebelum itu saya hendak mengalu-alukan kehadiran rombongan JKK Kampung Sokti dan JKK Kampung Gintung, Parlimen Jerantut ke Dewan yang mulia ini. [*Tepuk*] Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hebat Yang Berhormat Jerantut.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** ...Kita tadi telah di beritahu oleh Yang Berhormat Menteri pinjaman sebanyak RM1.5 bilion telah diberi kepada Proton. Persoalan saya ialah pertama apakah tujuan pinjaman itu diberi dan adakah Proton diberikan syarat tambahan iaitu cuba meneroka pasaran kereta baru yang sekarang ini seperti *company* Toyota, Honda telah mengeluarkan kereta-kereta *hybrid* mereka. Apakah Proton diminta juga melaksanakan perancangan untuk mengeluarkan kereta *hybrid* Malaysia sendiri? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan :** Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. RM1.5 bilion yang diberikan pinjaman mudah 4% yang perlu dibayar dalam masa 15 tahun itu tujuannya antara lain adalah untuk membayar segala bayaran yang tertunggak kepada vendor. Proton ini ada vendor, jumlah 224 vendor semuanya. Pekerja Proton sendiri ada 12 ribu orang dan vendor ini ada 50 ribu orang. Jadi Kabinet membuat keputusan 62 ribu orang pekerja sama ada secara langsung ataupun tidak langsung bergantung pada pengeluaran Proton.

Oleh kerana itu kita berikan pinjaman mudah itu yang kita berikan RM921.48 juta atau 61.4% daripada RM1.5 bilion. Bakinya RM578.52 juta belum lagi kita berikan. Dari segi untuk mengeluarkan jenama-jenama yang lain ataupun kereta yang kaedah Proton *hybrid* dan sebagainya. Itu salah satu yang difikirkan. Satu lagi ialah untuk mengurangkan kos ataupun secara keseluruhan pemulihan secara menyeluruh terhadap Proton. Pada tahun sudah misalnya rugi RM600 juta. Jadi kita perlu membuat satu *turnaround* yang cepat. Kalau tidak kita tidak dapat memastikan Proton terus mengalami keuntungan.

Kemudian, saya juga ingin memaklumkan di sini, ini walaupun tidak ditanya tapi saya suka berkongsi. Daripada lima pengeluar kereta yang utama di Malaysia, apakah *market share* mereka, apakah pembahagian pasaran untuk mereka. Pertama Perodua 36 peratus, kedua Proton, masih lagi Proton tapi beza dengan Perodua itu jauh. Jika Perodua 36 peratus *market share*, Proton 17 peratus. Honda 16 peratus, Toyota 11 peratus, Nissan 7 peratus. Itu 5 jenama yang dibeli oleh rakyat daripada 591,298 unit yang terjual pada tahun 2015. Terima kasih.

**3. Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sejauh manakah penerimaan majikan berhubung Perintah Gaji Minimum 2016 yang telah berkuat kuasa pada 1 Julai yang lalu dan berapakah jumlah majikan yang masih belum melaksanakan perintah tersebut.

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, sebelum saya menjawab soalan nombor tiga, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan rombongan dari Jerantut dan rombongan dari Maran ke Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja iaitu sebuah jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia dari 1 Ogos 2016 sehingga 31 Oktober 2016 adalah seperti berikut. Bilangan bagi JTK Semenanjung Malaysia, bilangan pemeriksaan berkanun 3,811. Bilangan majikan yang patuh kepada perintah gaji minimum 2016 ialah 3,793.

Manakala bilangan majikan yang tidak patuh kepada perintah gaji minimum adalah seramai 18. Bagi JTK Sabah, bilangan pemeriksaan berkanun yang telah dibuat ialah 1,688. Bilangan majikan yang patuh kepada perintah gaji minimum adalah 1,600. Bilangan majikan yang tidak patuh 88. Bagi JTK Sarawak pula, bilangan pemeriksaan berkanun adalah berjumlah 1,715. Bilangan majikan yang patuh kepada perintah gaji minimum 2016, 1,650. Bilangan majikan yang tidak patuh 65. Keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, bilangan pemeriksaan berkanun yang telah dibuat oleh JTK, Jabatan Tenaga Kerja di seluruh Malaysia adalah 7,214.

Daripada itu, bilangan majikan yang patuh kepada perintah gaji minimum adalah sebanyak 7,043 iaitu merupakan 98 peratus dan bilangan majikan yang tidak patuh hanya 171 iaitu merupakan 2 peratus sahaja. Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya berdasarkan kepada statistik penguatkuasaan yang dikemukakan oleh pihak Jabatan Tenaga Kerja, majikan telah menerima dasar ini.

**■1050**

Ia merupakan satu perubahan positif di mana mereka telah mula mengubah struktur industri dan operasi mereka agar bersesuaian dengan Dasar Pertumbuhan Negara. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan tadi. Nampaknya daripada penerangan Yang Berhormat Menteri tadi sekitar dua peratus sahaja yang tidak mengikut perintah gaji minimum ini.

Soalan seterusnya saya Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua apakah langkah prihatin oleh kementerian ini bagi membantu pekerja-pekerja di kedai-kedai biasa, di kedai-kedai makan, pengawal-pengawal keselamatan, pencuci-pencuci, *cleaners* pejabat yang sememangnya dilihat kumpulan ini kurang pembelaannya di mana majikan tidak mengamalkan gaji minimum tetapi mereka tidak berani untuk membuat laporan kerana bimbang kehilangan pekerjaan. Akhirnya jawatan-jawatan ini akan diisi oleh pekerja-pekerja tanpa izin yang tidak berpermit. Terima kasih.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Yang Berhormat dari Pasir Gudang. Kita sedar bahawa perkara itu memang berlaku. Akan tetapi adalah hasrat kerajaan, hasrat kerajaan untuk memastikan bahawa semua pekerja di negara kita ini mendapat gaji minimum iaitu bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak RM920 sebulan manakala bagi Semenanjung Malaysia adalah sebanyak RM1,000.

Dengan ini sebenarnya kementerian kita, Kementerian Sumber Manusia telah menubuhkan pasukan khas penguatkuasaan dalam mana pasukan ini yang berpusat di Jabatan Tenaga Kerja di Putrajaya akan membuat pemeriksaan mengejut ke atas premis-premis dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya. Memang Tuan Yang di-Pertua, ia mengambil masa untuk kita melaksanakannya dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menyambung persoalan tentang gaji minimum yang tidak mengikut Akta Gaji Minimum 2012, kita dimaklumkan bahawa laporan yang saya terima SOCSO telah pun memberitahu bahawa kedapatan hampir RM1 juta mereka ini yang tidak dibayar gaji minimum mengikut peraturan Akta Gaji Minimum 2012. Jadi yang merunsingkan kita ialah bila menyebut tentang angka itu melebihi kadar apa yang dimaklumkan.

Kalaulah perkara itu benar-benar berlaku, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri apakah langkah kementerian yang boleh dilakukan untuk mengawal selia laporan PERKESO ini atau memberi kuasa penguatkuasaan Akta Gaji Minimum 2012



kepada PERKESO untuk mereka memastikan gaji minimum itu mengikut Akta Gaji Minimum 2012. Mohon penjelasan, Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih, Yang Berhormat. Mengenai angka yang telah disebutkan oleh rakan saya tadi bagi saya itu adalah dengan izin, *it is news to me* kerana sebagai Menteri Sumber Manusia sepatutnya apa jua angka dan apa jua yang berlaku dalam agensi dan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia saya sendiri sepatutnya diberitahu dahulu.

Mengenai soalan yang kedua iaitu dalam mana beliau telah menyebut PERKESO. Harus diingatkan di sini bahawa di bawah Akta Kerja 1955 ada klausa, seksyen atau artikel dalam klausa itu di mana pekerja-pekerja nasib mereka dari segi pelbagai bidang dan pelbagai situasi akan terbela. Saya harap itu menjawab soalan kawasan saya dari Kuala Langat.

**4. Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jenis dan kadar elaun bulanan tetap, elaun-elaun lain yang tidak tetap serta faedah-faedah lain, termasuk peruntukan-peruntukan kewangan yang boleh dituntut atau dinikmati oleh setiap ahli Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), termasuk Pengerusi dan Setiausahanya.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengambil kira lebih 70 peratus daripada penduduk di negara ini tinggal di dalam bandar dan isu-isu perbadanan menjadi semakin kompleks. Maka kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dalam kawasan bandar.

JPP yang diwujudkan bergerak sebagai satu entiti yang dianggotai oleh wakil masyarakat setempat bagi mendukung dan memantau pelaksanaan program-program pembangunan, kemasyarakatan dan modal insan yang dilaksanakan sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan di samping menangani isu-isu perbandaran dan penyampaian perkhidmatan secara berterusan.

Bagi membantu Pengerusi dan Setiausaha JPP yang dilantik oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mengurus tadbir zon JPP masing-masing maka dibayar elaun seperti berikut:

- (i) untuk kawasan majlis bandar raya atau majlis perbandaran elaun pengerusi RM800 sebulan dan elaun setiausaha RM400 sebulan;
- (ii) bagi kawasan majlis daerah, elaun pengerusi RM500 sebulan dan elaun setiausaha RM250 sebulan.

Pengerusi dan Setiausaha JPP juga turut layak menerima kemudahan rawatan di hospital kerajaan seperti berikut:

- (i) kemudahan rawatan Kelas Kedua dengan maksimum RM500 bagi setiap tuntutan.

Selain daripada itu, lapan orang ahli jawatankuasa JPP yang dibayar elaun seperti berikut:

- (i) untuk kawasan majlis bandar raya dan majlis perbandaran RM75 bagi setiap mesyuarat yang dihadiri maksimum enam kali setahun;
- (ii) bagi kawasan majlis daerah RM50 bagi setiap mesyuarat yang dihadiri serta maksimum enam kali setahun.

Setiap JPP juga turut diberi elaun keraian mesyuarat tidak melebihi RM100 setiap mesyuarat dengan maksimum kekerapan enam kali setahun. Terima kasih.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya tidak melihat ada satu butiran pun yang berkenaan dengan peruntukan tahunan khusus untuk JPP dalam Bajet 2017. Adakah JPP akan diteruskan di mana saya lihat sering kali JPP ini dia tidak membantu PBT dalam sistem penyampaianya. Malah setiap kali PBT hanya dikritik seperti keadaan di Pulau Pinang. Kita sudah bayar mereka RM1.5 juta elaun untuk dua tahun yang lepas tetapi kita tidak lihat ada apa-apa usaha yang dibuat oleh mereka. Hanya dua sidang media yang dibuat dalam bulan Oktober sahaja. Adakah ini satu pembaziran wang rakyat dan satu pembaziran sumber negara. Silakan.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Peruntukannya ada di bawah kesejahteraan bandar. Akan tetapi kita tidak ada satu peruntukan khas untuk membuat aktiviti-aktiviti. Untuk makluman Yang Berhormat, JPP ini bukan sahaja ada di Pulau Pinang, dia ada di seluruh negara tetapi tugas di antara Pengerusi JPP mungkin dengan Ahli Majlis dia agak berbeza yang sepatutnya dia mesti *compliment each other* tetapi mungkin di Pulau Pinang negeri yang ditadbir oleh kerajaan yang berbeza dengan Persekutuan. Maka mungkin ada ketidakserasian, kerana sebagai Pengerusi JPP, ia dilantik secara pentadbiran oleh Kerajaan Persekutuan melalui KPKT.

#### ■ 1100

Dalam masa yang sama, kita tahu dalam zon-zon yang telah pun dilantik menerusi JPP ini juga ada Ahli-ahli Majlis. Ahli Majlis ini pula dilantik oleh kerajaan negeri. Jadi mereka *unserable* kepada kerajaan negeri, pengerusi *unserable* kepada Kerajaan Persekutuan.

Jadi, kalau Yang Berhormat mengatakan, hanya membazirkan wang negara tidak tepat kerana mereka ada tugas-tugas mereka, ada berbagai-bagai program yang telah dan sepatutnya mereka laksanakan untuk menambah gerak kerja JPP seperti Gerak Kerja Komuniti MyBomba, Gerak Kerja Komuniti Selamat, Gerak Kerja Komuniti Sihat, Gerak Kerja Komuniti Bersih, Gerak Kerja Komuniti Sejahtera, dan pelbagai program untuk kita memberikan kesejahteraan hidup kepada rakyat bandar. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan.

Sejauh mana keberkesanan rancangan kementerian dalam penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan memberi manfaat kepada penduduk setempat melalui program kemasyarakatan, mohon statistik terkini program-program JPP yang telah pun dilaksanakan.

Keduanya, adakah cara ahli JPP itu yang lantikan dulu ini dibuat secara tangkap muat? Adakah rancangan kementerian atau Menteri untuk supaya lantikan kali ini dibuat secara lebih teratur, dan tersusun supaya mereka memberikan perkhidmatan yang baik kepada masyarakat di Kerajaan Tempatan. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Parit.

Seperti mana yang sedia maklum, saya dah nyatakan tadi bahawa JPP ini tidak ada satu peruntukan khas untuk mereka membuat program-program. Oleh sebab itu, mereka akan mengadakan program-program bersama dengan persatuan-persatuan penduduk di dalam kawasan bandar dan mereka menjalankan program-program dengan mencari peruntukan-peruntukan sendiri, mungkin melalui Ahli-ahli Parlimen ataupun pihak-pihak swasta. Namun demikian, kita sedang memikirkan, bagaimana cara untuk kita nak memberikan bantuan untuk mereka menjalankan aktiviti-aktiviti supaya gerak kerja JPP ini dapat dirasai di peringkat akar umbi.

Yang kedua mengenai lantikan. Kita sedia maklum bahawa lantikan ini setiap dua tahun sekali. Kalau saya tidak silap, lantikan yang pertama telah pun selesai dua tahun yang lepas, sekarang masuk lantikan yang kedua. Mengenai lantikan ini, ada syarat-syaratnya. Syarat-syarat yang kita sedia maklum, daripada segi umurnya tidak boleh lebih 65 tahun, ada SPM dan juga ia dicalonkan atau dicadangkan oleh pemimpin-pemimpin tempatan. Hari ini, kita juga ada letak pegawai-pegawai kita di semua kawasan JPP ini untuk memantau keberkesanan ahli-ahli JPP, dan di dalam kita hendak membuat lantikan kali kedua- setelah tamat tempoh dua tahun, sokongan atau *recommendation* daripada para pegawai kita juga akan diambil kira sama ada ahli JPP ini layak diteruskan atau tidak. Terima kasih.

**5. Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan adakah *Malaysian Timber Industry Board* (MTIB) dan *Malaysian Timber Council* (MTC) mempunyai perancangan strategik bagi mengembangkan industri kayu negara.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Ahli Yang Berhormat Kota Tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Industri Kayu Malaysia (MTIB) dan *Malaysian Timber Council* merupakan agensi kementerian yang bertanggungjawab untuk membangunkan industri perkayuan negara selaras dengan strategi yang digariskan di bawah Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIC). MTIB dan MTC saling melengkapi usaha-usaha pembangunan industri perkayuan negara.

MTIB memfokuskan usaha untuk menggalakkan pembangunan produk kayu bernilai tambah kepada 60 peratus menjelang tahun 2020. MTIB juga menggalakkan industri perkayuan, meningkatkan rangkaian nilai yang beralih daripada pembuatan produk berasaskan *original equipment manufacturer* kepada *original design manufacturer* dan *own-brand manufacturing*.

MTIB juga memperkukuhkan pembangunan industri perabot berkonsepkan kluster supaya lebih tersusun dan berpusat, dan meningkatkan pembangunan modal insan bagi industri perkayuan. Ia dilaksanakan menerusi pelbagai program, latihan, kemahiran untuk belia dan industri yang dikendalikan di Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) dan meningkatkan pembangunan usahawan bumiputera dengan menyediakan pelbagai program seperti Program Sokongan Bahan Mentah kepada usahawan kayu bumiputera dan Program Peningkatan Kapasiti Pengeluaran di kilang kerja kayu SME bumiputera.

Manakala MTC pula menumpukan usaha kepada meningkatkan aktiviti promosi produk kayu-kayan ke pasaran antarabangsa, dan menembusi pasaran baru serta memperkukuhkan pasaran yang sedia ada. MTC juga membantu industri kayu-kayan dengan aktiviti perolehan sumber bahan mentah. Seterusnya MTC melaksanakan penyebaran maklumat dan risikan pasaran industri kayu-kayan melalui tiga buah pejabat MTC di luar negara iaitu Emiriah Arab Bersatu di Dubai, di China dan juga di London, *United Kingdom*. Sekian, terima kasih.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya ucap tahniah kepada kerajaan kerana membuat kerangka untuk menambah- *add value* daripada 40 peratus ke-60 peratus hingga tahun 2020. Ini amat penting sebab kita nak

guna *optimize*-kan kayu kita. Kayu kita Tuan Yang di-Pertua kayu yang memang baik seperti meranti, merbau, keruing dan sebagainya. Suka saya cakap di sini pasaran kayu *furniture*, contoh dunia bernilai RM455 bilion, dan eksport sahaja USD250 bilion.

Yang menariknya tahun 2005 sampai tahun 2014, pertumbuhan ini daripada USD87 bilion kepada USD272 bilion di Asia sahaja, maknanya meningkat 300 peratus.

Jadi saya lihat ini amat baik untuk industri perindustrian negara. Jadi saya hendak tanya, walaupun kita baik, tetapi 58 peratus kepada tenaga kerja yang terlibat secara langsung dalam bidang ini, industri ini warga asing. Jadi saya hendak tanya, soalan tambahan saya, adakah usaha-usaha yang disebut oleh Menteri tadi mesti dibuat dalam kerangka yang lebih tersusun, mungkin melibatkan TVET supaya bidang perindustrian negara ini bukan sahaja lumayan tetapi dapat dinikmati oleh pekerja tempatan dan mendapat gaji yang tinggi. Adakah ini nak digerakkan bersama dengan TVET? Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Tinggi.

Memang sebenarnya kita menghadapi, Malaysia menghadapi masalah dengan pekerja di dalam industri perindustrian. Setakat ini memang lebih daripada 50 peratus pekerja-pekerja yang bekerja di kilang perindustrian, di industri perindustrian kita ialah pekerja-pekerja asing. Kementerian berusaha sedaya-upaya untuk memastikan perkara ini tidak akan berlaku dan kita boleh mengatasi masalah-masalah pengambilan pekerja ini dari luar negeri, pekerja-pekerja asing dan menggunakan pekerja-pekerja tempatan.

Kementerian telah melaksanakan, menubuhkan beberapa buah institusi latihan. Satu daripadanya ialah WISDEX. WISDEX ini sebuah pusat latihan yang diadakan di Banting, Selangor dan sebuah lagi di Kota Kinabalu, Sabah. Setakat ini, institusi ini telah mengeluarkan semenjak tahun 1995, 12,000 orang pekerja ataupun peserta yang telah menghadiri kursus-kursus perindustrian.

#### ■1110

Inilah kita harapkan akan dapat membantu mengisi kerja-kerja di kilang-kilang yang ada di seluruh Malaysia. Selain daripada itu, MTIB juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk memperkenalkan apa yang dinamakan kursus '.....ntric' di dalam sekolah-sekolah.

Kementerian akan menyediakan atau pun MTIB akan menyediakan program-program yang sesuai supaya murid-murid dapat diperkenalkan daripada awal lagi dalam bidang-bidang perindustrian ini. Jadi *insya-Allah* dengan usaha yang begitu gigih yang dilaksanakan oleh MTIB untuk memastikan anak-anak kita diperkenalkan kepada

industri perkayuan akan menambah lagi dan dengan itu kita tidak lagi bergantung kepada pekerja-pekerja asing. Sekian terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tahu bahawa *sustainable timber export* itu amat penting terutamanya di negara-negara *European Union* dan juga pasaran dunia mahukan Malaysia mengamalkan *sustainable timber export*.

Saya di sini ada satu senarai *list map of damage forest reserve* di Pahang. Saya amat terkejut kerana lebih daripada 90,000 hektar *forest reserve*, hutan simpanan atau bersamaan dengan lebih 222,000 *acres forest reserve* telah ditebang. Ia telah menyebabkan menimbulkan perhatian daripada dunia termasuk *European Union* yang kita tahu bahawa *European Union* kita telah *sign Voluntary Partnership Agreement* bersama dengan *Forest Law Enforcement Governance and Trade (FLEGT)*.

Ini akan menimbulkan *confidence* daripada *European Union* kalau kita teruskan di *forest station* yang menyebabkan hutan simpanan kita ditebang dan *illegal timber* ini kalau dia masuk ke *European Union* dan mereka protes, maka *timber industry* kita akan kena *ban*.

Jadi saya agak kluatir kerana kita mahu negara kita amalkan *sustainable forest export, timber*. Jadi saya minta, kalau boleh kementerian jelaskan apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh kementerian untuk mengawal *illegal timber, illegal logging* dan bagaimana kita boleh *comply* dengan *Forest Law Enforcement Governance and Trade Voluntary Partnership Agreement* supaya kita boleh mencapai *world standard*. Sekian terima kasih.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan dan jelaskan kepada Yang Berhormat Bayan Baru bahawa pengawalan pembalakan sebenarnya bukan di bawah kementerian. Ia di bawah kerajaan negeri, *state matter*. Jadi kita tidak ada kuasa untuk mengawalnya.

Cuma yang ingin saya nyatakan di sini bahawa di Malaysia kita telah mengharamkan pengeksporan balak. *Ban-logs* telah diharamkan. Jadi maknanya apa juga yang telah dikeluarkan dari hutan simpan atau pun mana-mana tempat sepatutnya digunakan di dalam negeri.

Akan tetapi yang saya ingin jelaskan kepada Yang Berhormat Bayan Baru ialah sebenarnya eksport kita ke luar negeri merupakan sebahagian besarnya adalah *furniture* ataupun perabot. Perabot ini yang dieksport ke Amerika dan di Eropah adalah dibuat daripada *rubber wood*. Jadi, ini sebenarnya kita memang adalah *sustainable* dan kita akan menghasilkan perabot-perabot yang begitu banyak dan sebahagian besar daripada eksport kita ke Amerika, ke Europe dan juga Jepun. Semuanya adalah

datangnya daripada *rubber wood*. Jadi kita tidak ada masalah daripada itu. Sekian terima kasih.

**6. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah peruntukan Program Tutor Guru dan apakah ketetapan yang perlu dipenuhi oleh guru dalam program ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai atas soalan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan, saya ingin mengucapkan syabas kepada hampir 450,000 pelajar yang telah menduduki peperiksaan UPSR sekarang dalam proses untuk mendapatkan keputusan mereka di sekolah masing-masing. Kepada mereka yang telah mendapat keputusan cemerlang, tahniah dan syabas saya ucapkan. Kepada mereka yang kurang cemerlang, jangan putus asa. Ini baru permulaan. Saya pasti ada masa depan yang dapat mengukuhkan lagi pencapaian mereka dalam peperiksaan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lembah Pantai, sebagai sokongan kepada usaha mentransformasi pendidikan negara, kerajaan telah memberi tablet serta perisian tutor kepada guru di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia di negeri Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan peruntukan sebanyak RM50 juta yang telah disalurkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, perisian tutor dan e-Paper ini bertujuan membantu guru-guru mengakses pangkalan data soalan dan memudahkan mereka menyediakan latihan kepada murid-murid serta digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Dengan pemberian tablet tersebut, guru-guru dapat memanfaatkan kemudahan ini dalam meningkatkan kualiti pembelajaran murid untuk menghadapi keperluan abad ke-21 dan memenuhi Aspirasi Pendidikan Nasional.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, tiada ketetapan spesifik yang perlu diikuti oleh guru dalam penggunaan program e-Tutor. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama ataupun KPI penggunaan program ini mestilah mencapai 60 peratus pada Disember 2017.

Sekiranya Petunjuk Prestasi Utama ini tidak tercapai, Program Intervensi akan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bersama-sama pembekal. Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan terima kasih atas

penjelasan dan saya rujuk di sini perbelanjaan kerajaan yang lebih RM1 bilion yang dibayar untuk capaian internet, pertambahan juga dengan belanja RM57 juta lebih untuk projek jalur lebar. Semua ini wajib sebagai prasyarat sebelum tablet-tablet yang diedarkan kepada guru yang bernilai RM340 juta sampai dan dapat diguna pakai.

Persoalan saya, bila masa sudah bertahun-tahun kita wujudkan jawatankuasa kaji beban guru. Maka saya melihat kalau ada tablet bernilai begitu tinggi tetapi capaian internet tidak lagi boleh dilakukan dan diguna pakai oleh hampir ke 10,000 buah sekolah-sekolah kerajaan. Maka mengapakah tidak kerajaan mengambil peluang ini mendengar dan juga meneruskan perluasan Program Rintis Pembantu Guru. Pembantu guru ini hanyalah 860 orang Tuan Yang di-Pertua dan mereka sebenarnya memohon agar pembantu-pembantu guru inilah yang dapat membantu mereka mengurangkan beban. Bukan isu pemberian tablet tetapi dengan masalah capaian internet.

Jadi saya mohon sebenarnya daripada Yang Berhormat, kalau boleh diberikan sedikit pengubahsuaian kerana kita mendengar Yang Berhormat sendiri berkali-kali dengar keluhan daripada para guru. Jadi, akhirnya walaupun saya sambut baik program-program tablet dan juga e-Tutor tetapi pada saya isu pembantu guru wajib kita perluaskan. Mohon maklum balas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Selain daripada memberi sokongan terhadap program-program tutor ini, juga memberi pandangan tentang beban guru. Yang Berhormat, untuk maklumat Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Padang Terap sendiri mempengerusikan jawatankuasa untuk mengurangkan beban guru.

Sejak beliau mengambil alih pimpinan di Kementerian Pendidikan Malaysia, pelbagai kriteria dan juga pelbagai tindakan telah kita ambil untuk meringankan beban guru. Ini merupakan proses kita berterusan. Kita tidak akan melepaskan tanggungjawab ini dan memang kita telah pun melaksanakan beberapa agenda untuk meringankan beban guru. Ini merupakan antara tanggungjawab tunjang Kementerian Pendidikan Malaysia sekarang untuk meringankan beban guru.

■1120

Kita juga ambil faham, maklum bahawa kelajuan internet ini penting dan dalam fasa kedua ini, kita sedang menambah baik kelajuan internet dan ini maklumat Yang Berhormat juga. Sebagai rintis, kita telah mulakan di negeri Sarawak dan Wilayah Persekutuan dan baru sebulan dan kita memantau keberkesanan program ini dan saya pasti setakat ini kita mendapat *feedback* yang begitu baik daripada guru-guru dari Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan.



Penggunaan juga agak baik tetapi boleh ditambah baik lagi. Kita akan teruskan. Dalam bab yang diminta tentang guru-guru pembantu ini, memang benar. Kita telah melaksanakan dua negeri dalam rintis, Melaka dan Kedah dan kita nampak ia berjaya dan berkesan. Kita juga pasti akan meluaskan program ini dan ini tertakluk kepada keperluan dan juga peruntukan kewangan yang sewajarnya. Terima kasih Yang Berhormat .

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama-tama saya pun hendak ambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pelajar-pelajar yang mencapai keputusan cemerlang yang pada tahun ini 6A, kalau sebelum-sebelum ini 5A terutama dalam Parlimen saya Gerik dan juga pasal Timbalan Speaker bagi peluang kepada pelajar-pelajar dalam Parlimen Kuala Krau. *[Tepuk][Ketawa]*

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan tutor guru ini pada Mei 2016. Soalan saya, apakah pendekatan baru yang diguna pakai dalam Program Tutor Guru bagi meningkatkan prestasi guru sendiri dan murid-murid terutama dalam perancangan penyediaan bank soalan bagi dimasukkan dalam aplikasi tutor guru di mana soalan-soalan tadi, kita hendakkan disediakan selari dengan format Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Minta komen daripada kementerian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hebat soalan Yang Berhormat Gerik.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Sudah kalau Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Kuala Krai masuk dalam pelajar, pelajarnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kuala Krau.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Kuala Krau minta pelajar berdoa agar pelajar-pelajar juga, saya pun berdoa agar pelajar-pelajar Hulu Selangor pun cemerlang dalam peperiksaan dan juga doa semua Ahli-ahli Parlimen, pelajar-pelajar UPSR mereka cemerlanglah ya. *[Ketawa][Tepuk]*

Yang Berhormat, sebagai persediaan untuk mengajar, sebenarnya soalan yang ditanya itu memang relevan, cukup bertepatan. Sebagai persediaan untuk mengajar, guru selalunya akan menyediakan lembaran kerja yang menggariskan antara lain topik bahan yang akan digunakan. Lembaran ini selalunya dibuat secara manual ataupun dengan perisian *Word Processor*.

Sekarang dengan tutor guru ini, ia merupakan alat pengajaran guru, *teaching tool* untuk memudahkan guru mencipta lembaran kerja digital dalam proses pengajaran

dan pembelajaran. Ia memudahkan mereka untuk membuat persediaan dan berdasarkan kepada soalan-soalan peperiksaan sebelum ini supaya mereka dapat menyediakan pelajar-pelajar menduduki peperiksaan ini dan juga ia juga membantu guru merancang aktiviti pengajaran yang berfokuskan kepada soalan-soalan yang disediakan untuk dibuat pilihan.

Pada masa yang sama, mereka juga dapat melibatkan soalan-soalan yang mana ada Kebolehan Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dimasukkan sekali. Kita pasti dengan adanya perisian ini, tutor guru ini boleh mewujudkan soalan-soalan untuk latihan dari bank soalan tutor, video daripada *Youtube* contohnya, imej internet, jawapan-jawapan soalan latihan, semua ini akan dapat membantu guru-guru mewujudkan soalan-soalan KBAT dan ia juga akan membantu pelajar-pelajar menduduki peperiksaan. Maka apabila kita melaksanakan satu projek seumpama ini, kita juga mengambil kira keperluan dan bagaimana ia dapat mengukuhkan lagi proses KBAT murid-murid di sekolah kita. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kanowit dari kawasan pedalaman.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih kerana memberi peluang untuk saya bertanya dalam soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri, saya berminat dengan usaha pekerjaan baru yang telah dimulakan pada bulan Mei. Akan tetapi soalan saya adalah, sebab ini adalah perkara yang baru, jadi adakah ia melibatkan *on line puttering* ataupun ia *on tablet* di mana *at least stand alone computer* ataupun PC boleh gunakan program ini sebab kalau *online*, saya fikir sekolah-sekolah di luar bandar memang akan ketinggalan. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Kanowit. Seperti mana Yang Berhormat Kanowit sedia maklum, di Sarawak kita mulakan projek ini. Hampir 42,000 warga Kementerian Pendidikan Malaysia termasuk guru, pegawai-pegawai perkhidmatan di JPN dan PPD telah menerima *tablet* ini. Ya, untuk makluman Yang Berhormat, *tablet* ini boleh digunakan secara *stand alone by itself*. Okey, tak ada masalah. So, maka kita juga, tetapi kita juga ada sediakan kemudahan untuk mereka *log in* sekiranya guru-guru boleh bawa *tablet* ini balik ke rumah, *log in on their own* untuk menggunakan maklumat-maklumat yang ada untuk persiapan pendidikan mereka. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya bagi pihak Yang Berhormat Sekijang, mengalu-alukan kehadiran Pemuda dan Puteri UMNO dalam Parlimen Sekijang. [*Dewan tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Patut warna-warni pagi, sila. Ya, *pink colour*.

7. **Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah pembinaan Balai Polis Pekan Nanas yang baru dapat dilaksanakan memandangkan balai polis sedia ada begitu sempit dan kecil dan sudah tidak dapat menampung keperluan bertugas dan kebajikan anggota.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Piai. Untuk makluman Yang Berhormat, Balai Polis Pekan Nanas telah beroperasi sejak tahun 1975 di atas tapak seluas dua ekar dengan komponen seperti berikut, sebuah bangunan pentadbiran balai polis dan juga 11 unit rumah teres kelas 'D'. Balai polis ini mempunyai kekuatan seramai 28 orang anggota diketuai oleh pegawai berpangkat Inspektor.

Dengan kekuatan tersebut, nisbah antara polis dan penduduk adalah 1:2,135 orang di mana jumlah penduduk di kawasan Pekan Nanas adalah seramai lebih kurang 59,000 orang. Namun demikian, buat masa ini belum ada cadangan daripada pihak Ibu Pejabat Kontinjen Polis IPK Johor untuk membina semula balai polis ini. Ini kerana IPK Johor telah menilai dan menyusun keutamaan projek yang lebih menjurus kepada menaik taraf Kompleks PDRM yang sangat uzur dan daif.

Walau bagaimanapun, PDRM sedang dalam tindakan susulan untuk merealisasikan bangunan baru bagi kompleks balai polis ini. PDRM juga menjangkakan perancangan projek ini akan disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) *Rolling Plan* Ke-3 pada tahun 2018 bagi program pembangunan fizikal. Perancangan projek ini penting dalam masa PDRM memenuhi aspirasi dan harapan penduduk sekitar dalam menjaga keamanan dan juga keselamatan setempat.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] :** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam situasi sekarang Yang Berhormat, jumlah anggota di Balai Polis Pekan Nenas adalah seramai 23 orang. Angka ini jauh lebih rendah daripada jumlah yang diperuntukkan sejak tahun 1960-an iaitu seramai 27 orang.

Jadi soalan tambahan saya kepada kementerian, apakah tindakan kementerian untuk menangani masalah kekurangan anggota polis di mana sekurang-kurangnya 30 anggota polis diperlukan di kawasan Pekan Nanas supaya kebajikan penduduk di kawasan ini dapat dijaga. Adakah kementerian akan mempertimbangkan penyelarasan semua balai polis di seluruh negara supaya mempunyai keseragaman dan memenuhi keperluan masyarakat? Sekian, terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Memang kita prihatin terhadap anggota ataupun bilangan anggota di tiap-tiap balai polis. Tetapi kemungkinan tadi disebut, sekarang hanya 25 orang dan pada pengetahuan kita, Pekan Nanas mempunyai 28 anggota setakat ini. Walaupun demikian, kita akan cuba berbincang dengan HR di KDN dan juga PDRM untuk menambah bilangan anggota untuk memenuhi hasrat Yang Berhormat supaya anggota di sana dapat ditambahkan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, setakat ini indeks jenayah untuk makluman Yang Berhormat di Pekan Nenas agak menurun kalau dibandingkan dua tahun yang lepas. Jadi jangan khuatir, kita akan sentiasa menjaga keamanan di tempat yang Yang Berhormat pohon itu.

Untuk menyeragamkan semua balai polis, memang itu agak sukar untuk kita sebab ini bergantung kepada keperluan dari semasa ke semasa dan sudah tentu kalau IPK Johor ataupun Ketua Polis *Commissioner* Johor perlukan penambahbaikan dan sebagainya, kita akan cuba mengambil perhatian tentang masalah ini. Terima kasih.

■1130

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sekijang, ini balai polis di Tanjong Piai. Ada kaitan dengan Yang Berhormat Sekijang?

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Umum Tuan Yang di-Pertua. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya dengan pihak kementerian, kita tahu antara permasalahan kerajaan untuk membina balai-balai polis ini ialah masalah berkaitan dengan kekangan kewangan. Adakah pihak kementerian pernah memikirkan NBOS bersama dengan Kementerian KPKT terutamanya meletakkan syarat untuk syarikat-syarikat perumahan yang membuat rumah dalam jumlah yang besar. Contohnya dalam 500 hingga 700 buah rumah meletakkan syarat mesti untuk diwujudkan, dibina sebuah balai polis baru. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Itu cadangan yang baik. Kita ambil maklum perkara ini dan akan membawa kepada pihak pengurusan PDRM. Terima kasih.

8. **Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan statistik penderaan kanak-kanak dari tahun 2008 hingga 2016 dan langkah-langkah yang bakal diambil oleh pihak kementerian dalam menangani isu penderaan ini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud, Yang Berhormat Kota Raja untuk 17 November 2016 dan Yang Berhormat Datuk Koh Nai Kwong, Yang Berhormat Alor Gajah pada 24 November 2016 bersekali kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat prihatin dan memandang serius kes penderaan yang berlaku ke atas kanak-kanak. Merujuk kepada statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan bagi tempoh tahun 2008 sehingga Jun 2016 adalah sebanyak 17,497 kes, tahun 2008 mencatat sebanyak 1,708 kes.

Seterusnya pada tahun 2009 hingga tahun 2013, jumlah kes penderaan yang dilaporkan meningkat kepada 1,638 kes bagi tahun 2009, 1,858 kes bagi tahun 2010, 1,925 bagi tahun 2011, 2,157 kes bagi tahun 2012 dan 2,346 kes bagi tahun 2013. Kes yang dilaporkan pada tahun 2014 dan tahun 2015 pula mencatat penurunan iaitu sebanyak 2,303 kes dan 2,270 kes. Walau bagaimanapun sehingga Jun 2016, jumlah kes penderaan yang dicatatkan adalah sebanyak 1,210 kes.

Bagi menangani isu penderaan kanak-kanak, kementerian telah menjalinkan kerjasama strategik dengan pelbagai agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, syarikat korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk meningkatkan kesedaran berkaitan dengan penderaan kanak-kanak. Antara langkah yang diambil bagi menangani isu ini ialah pindaan terhadap Akta Kanak-kanak 2001 telah diluluskan di Parlimen pada Mei 2016 dan kini dikenali sebagai Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016. Pindaan ini meliputi penambahbaikan kepada aspek pengurusan kes kanak-kanak yang memerlukan perkhidmatan berkaitan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan.

Antara pindaan yang dimasukkan adalah meningkatkan hukuman kepada individu yang melakukan penganiayaan atau mendedahkan kanak-kanak hingga mengakibatkan kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal, emosi atau seksual di bawah seksyen 31(1) Akta Kanak-kanak 2001. Selain itu, individu yang didapati bersalah juga dikehendaki menjalani perintah khidmat masyarakat sebagai hukuman.

Kerajaan telah menggubal Dasar Perlindungan Kanak-kanak pada bulan Julai 2009 untuk memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan sewajarnya.

Dasar ini turut memastikan komitmen menyeluruh diambil oleh semua pihak termasuklah ibu bapa atau penjaga kanak-kanak dalam melindungi kanak-kanak. Juga melaksanakan program pencegahan seperti kempen, seminar dan forum berkaitan kesedaran mengenai penderaan melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi seperti Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak Daerah dan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Selain itu, program pencegahan dan advokasi berkaitan penderaan turut dijalankan oleh NGO dan sektor korporat seperti P.S the Children, Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM) dan Syarikat Telekomunikasi DiGi. Menubuhkan Pusat Aktiviti Kanak-kanak bagi menyediakan perkhidmatan sokongan dan advokasi kepada keluarga dan kanak-kanak yang berisiko tinggi dalam aspek penderaan dan pengabaian. Kini terdapat 149 PAKK di seluruh negara.

Kementerian juga telah memperkenalkan perkhidmatan Talian Nur pada tahun 2007 yang kini dikenali sebagai Talian Kasih 15999. Talian ini membantu untuk memudahkan orang awam dan mangsa penderaan kanak-kanak membuat aduan dan mendapatkan khidmat nasihat. Seterusnya pada bulan November 2010, kementerian juga telah memperluaskan perkhidmatan Talian Kasih 15999 yang mewujudkan talian khusus bagi aduan kanak-kanak iaitu Childline 15999.

Bagi kanak-kanak yang menjadi mangsa pula, JKM turut menyediakan tempat perlindungan bagi kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan. Sehingga kini ,terdapat 13 buah rumah kanak-kanak di seluruh negara. Kementerian juga turut menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada mangsa penderaan kanak-kanak bagi membantu mengukuhkan emosi dan psikologi mangsa penderaan kanak-kanak. Pegawai Psikologi juga membuat rawatan susulan secara berterusan untuk mengembalikan semangat daripada aspek emosi, fizikal, mental dan spiritual mangsa.

Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) juga melaksanakan program di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan yang memberikan kesedaran dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial kepada remaja dan juga kepada ibu bapa. Terima kasih.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang komprehensif. Saya rasa langkah-langkah yang diambil oleh kementerian yang ada tadi itu mungkin tidak mencukupi keseluruhannya, tetapi sudah ada elemen-elemen untuk pencegahan dan

menangani masalah ini. Namun, trend dia walaupun tadi ada menunjukkan sedikit penurunan dua tahun terakhir ini, secara umumnya meningkat.

Laporan juga telah menunjukkan bahawa di antara dua kes yang didera, satu daripada dua kes ini adalah penderaan yang dilakukan oleh ibu atau bapa sendiri. Di antara sebab penderaan ini dikatakan tekanan kepada ibu bapa dan perkara yang paling kerap menyebabkan tekanan adalah tekanan ekonomi.

Dalam keadaan negara kita sekarang, ekonomi kurang memberangsangkan dengan B40 kita begitu ramai, apakah langkah-langkah yang dibuat oleh kementerian untuk membantu ibu bapa terutamanya golongan yang kurang berpengalaman, yang muda, yang tidak boleh menangani masalah *stress* dan sebagainya. Di manakah boleh mereka mendapat pertolongan untuk menangani masalah mereka ini? Ini kerana kadang-kadang semua yang disebutkan Menteri tadi adalah untuk membantu mangsa apabila penderaan sudah berlaku. Akan tetapi pencegahan sebenarnya adalah bagaimana ibu bapa ini dapat dibantu supaya mereka dapat mengawal *stress* dan cara mereka deal dengan anak-anak yang mungkin kadangkala nakal dan agak *demanding* pada kehidupan mereka. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Memang inilah satu perkara yang selalu menjadi perbincangan hangat kita di kementerian, bagaimana kita dapat membantu untuk menangani masalah di mana ibu bapa yang menjadi pendera kepada anak-anak ini. Pertamanya, memang kita melalui LPPKN kita mempunyai program pra perkahwinan yang kita panggil SMARTSTART di mana bila kita mempunyai program perkahwinan secara beramai-ramai itu, mereka perlu melalui program SMARTSTART ini selama dua hari. Di sinilah kita juga memasukkan elemen-elemen bagaimana untuk menjadi bukan sahaja suami isteri yang baik tetapi juga menjadi ibu bapa yang baik, yang berupaya untuk mendidik, mengawal emosi mereka secara berterusan.

#### ■1140

Saya ingin mengambil kesempatan ini kerana saya diberikan kesempatan ini juga meminta semua pihak yang mengendalikan kursus-kursus pra-perkahwinan itu supaya dapat memasukkan antara lainnya elemen-elemen mendidik bakal suami dan isteri, bakal bapa dan ibu ini supaya mereka dapat mengawal emosi mereka dalam keadaan-keadaan yang tertentu terutama sekali apabila mereka mempunyai anak-anak.

Selain daripada itu, saya tahu sekarang ini kursus hanyalah terlalu pendek sahaja. Mungkin perlu dipanjangkan. Secara peribadi, saya mencadangkan selepas sahaja bertunang, terus kursus supaya kita siap sedia untuk menangani masalah ini apatah lagi dengan cabaran-cabaran masa kini.

Kedua, kita memang ada *counselors* kita. Jika ada masalah-masalah yang terlibat, ia melibatkan ibu bapa yang bermasalah, suami isteri yang bermasalah ini, kita di seluruh negeri di dalam negara kita Malaysia ini, setiap negeri kita ada Klinik Nur Sejahtera kita di mana pihak suami isteri boleh datang untuk mendapatkan kaunseling daripada kaunselor-kaunselor kita yang berdaftar di seluruh negara ini. Di kebajikan juga kita mempunyai kaunselor-kaunselor. Mereka boleh membantu untuk mencegah daripada mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang menyebabkan penderaan, kesakitan fizikal kepada anak-anak mereka dan juga kemudian sesuatu yang akan mereka kesali.

Selain daripada itu, dari segi ekonominya pula, kita di Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan bantuan kanak-kanak kepada keluarga yang mempunyai anak yang layak. Maka, kita sediakan peruntukan untuk setiap kanak-kanak RM100 seorang sehingga maksimumnya RM450. Jadi ini antaranya yang telah kita sediakan di kementerian. *Insyaa-Allah* untuk kursus-kursus ini, kita akan teruskan. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri, kita semua tahu penderaan ini berlaku sama ada berlaku dalam sedar ataupun tidak sedar. Sama ada semula jadi ataupun tidak semula jadi. Kita dapati penderaan ini berlaku sama ada penderaan yang sangat teruk ataupun penderaan yang tidak berapa teruk. Maknanya untuk mengesan masalah ini, ia satu perkara yang agak rumit dan ia bergantung kepada perundangan negara itu sendiri. Saya difahamkan perundangan di negara kita ini, melibatkan umur di antara —kalau saya tidak silap 18 tahun, maka ia dikira masih dalam kawasan pengawasan ibu bapa.

Persoalan saya, kalau dikatakan sebab ia berkenaan dengan bentuk jatuh hukuman. Maknanya kalau seorang kanak-kanak yang berumur bawah 18 tahun duduk dalam kereta, maknanya ibu dan bapa telah meninggalkannya. Kalau ada orang buat laporan, kita akan kena denda tersebut dan sejauh manakah tindakan hukuman ini yang telah dikenakan kepada mereka khususnya hukuman khidmat masyarakat. Maka, saya hendak tahu adakah kerajaan akan membawa rang undang-undang baru di atas dasar-dasar yang kita laksanakan ini.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Lipis. Kalau mengikut definisi kanak-kanak, memanglah yang berumur di bawah 18 tahun. Jadi apa juga kesalahan-kesalahan yang ada di bawah undang-undang kita iaitu Akta Kanak-kanak yang baru, sama-sama telah kita pinda di Dewan yang mulia ini dalam bulan Mei yang lalu, ia masih lagi definisi kanak-kanak itu ialah mereka yang berumur di bawah 18 tahun. Apa juga kesalahan yang ada di dalam



akta itu, yang menyebut tentang kanak-kanak adalah untuk mereka yang di bawah 18 tahun. Jadi, termasuklah kalau tadi ditinggalkan dalam kereta dan berlaku sesuatu yang buruk terhadap kanak-kanak itu. Maka, itu merupakan satu kesalahan mengikut perundangan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, apabila di bawah ke mahkamah, itu satu benda yang mungkin boleh di *debate* —kan ataupun di *argue* —kan oleh peguam-peguam yang mewakili para ibu bapa kalau dikirakan dia terlalu besar. Sudah cukup besar. Akan tetapi, setakat ini kita belum ada lagi hasrat untuk meminda undang-undang kita seperti mana yang dihasratkan oleh Yang Berhormat tadi berkaitan dengan had umur tadi. Terima kasih.

**9. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah mekanisme terkini yang diambil oleh pihak Kastam Diraja Malaysia dalam menyelesaikan masalah penyeludupan di negara kita dan apakah statistik terkini jenayah penyeludupan yang telah berjaya dibanteras sejak lima tahun lepas sehingga kini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Yang Berhormat Langkawi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengambil pendekatan yang menyeluruh melibatkan kerjasama strategik bagi menangani isu penyeludupan di negara ini. Antara mekanisme yang terkini adalah melalui pelaksanaan *Collaborated Boredom Management* dengan izin di mana sistem dan prosedur pengkastaman dimantapkan, pegawai-pegawai penguat kuasa JKDM ditempatkan di pertahanan pertama pintu masuk negara. Pemantauan rapi juga dibuat melalui mesin pengimbas di pintu-pintu masuk utama negara turut dijalankan secara berterusan.

Kita menyedari bahawa penyeludupan ini bukan hanya melalui pintu masuk utama sahaja tetapi ia juga mungkin berlaku di pantai-pantai dan sebagainya. Dengan itu pendekatan Strategi Lautan Biru (NBOS) juga diambil bersama dengan agensi-agensi lain seperti APMM, Polis Diraja Malaysia, JPJ, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Imigresen, Kementerian Kesihatan, KPDNKK, JPN, SSM dan sebagainya.

Jadi semua ini dibuat adalah untuk memastikan bahawa kita tukarkan, ada pertukaran maklumat dan kepakaran aktiviti risikan. Seterusnya, kita juga sedar bahawa kita memerlukan pemantapan pegawai-pegawai kita di mana kita mempunyai lebih daripada 600 orang pegawai penguat kuasa di seluruh negara yang diberikan pelbagai

latihan. Antaranya adalah berkaitan dengan bagaimana hendak mengendalikan senjata api, pemanduan taktikal bersenjata, kursus risikan dan sebagainya.

Seterusnya soalan berkaitan dengan statistik, saya hanya sekadar hendak bacakan, bagi tahun 2015 di mana kita telah pun berjaya melaksanakan, menjalankan tangkapan dengan 6,943 kes melibatkan jumlah nilai ringgitnya RM414.9 juta dan cukai yang sepatutnya dibayar adalah sebanyak RM631 juta. Untuk makluman Dewan, yang paling banyak adalah berkaitan dengan rokok sebanyak RM314 juta dan berkaitan dengan minuman keras RM212 juta. Terima kasih.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita maklum, pada tahun lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan ini telah memaklumkan bahawa penyeludupan rokok, arak dan kereta di tiga buah pulau bebas cukai mencecah sehingga RM1 bilion. Lanjutan daripada itu, baru-baru ini 1 November, kerajaan telah laksanakan satu format baru bagi jualan rokok dan arak di Langkawi, Labuan dan Tioman.

Pertamanya, hanya di kedai bebas cukai berdaftar sahaja boleh menjual rokok dan arak. Setiap pembeli dibenarkan tiga *carton* dan tiga kotak bir sebulan. Setiap pembeli kena tunjuk IC. Setiap KBC ada dua pegawai kastam yang bertugas daripada 10.00 pagi sampai 10.00 malam yang akan merekodkan semua pembelian. Beberapa hari yang lalu, kastam telah mengeluarkan satu arahan kepada KBC iaitu arahan nombor enam iaitu hanya KBC di jeti dan *airport* Langkawi sahaja boleh menjual rokok dan arak kepada pelancong.

■1150

Ini tidak logik dan akan membuatkan monopoli pasaran oleh peniaga KBC di jeti dan *airport* sedangkan peniaga-peniaga di kedai bebas cukai yang lain di seluruh Langkawi yang melebihi 50 kedai akan mengalami masalah jualan. Apakah Kastam akan terus tempatkan pegawai-pegawainya di KBC ini selama-lamanya atau sementara sahaja bagi mengira jumlah penjualan rokok dan arak dan jumlah kemasukan?

Keduanya, apakah rancangan kerajaan untuk memperketat *loophole* penyeludupan yang mungkin hanya *paperwork* sahaja nampak berjalan tetapi rokok dan arak diseludup? Saya masih ingat ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan format baru ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat. [*Ketawa*]

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Minta maaf, minta maaf... [*Ketawa*]  
Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya ini pasal ada masalah besar di Langkawi, Tuan Yang di-Pertua. Minta bagi ruang sikit kerana isu ini telah menjadi riuh di Pulau

Langkawi. Jadi saya perlu jawapan daripada Timbalan Menteri Kewangan tentang masalah yang wujud sekarang di Pulau Langkawi.

Harapan saya semoga pihak Kementerian Kewangan dapat memberi jawapan yang boleh menyelesaikan masalah. Sebenarnya dulu kata tidak perlu ada gangguan kepada masyarakat tempatan tetapi nampaknya dengan keadaan ini, sudah tentu mengganggu. Saya mohon jawapan.

**Dato' Othman bin Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kita menyedari bahawa hal berkaitan dengan KBC ataupun kedai bebas cukai ini melibatkan tiga pulau iaitu Langkawi, Labuan dan juga Tioman. Melalui perutusan khas dalam pengubahsuaian Bajet 2016 pada 28 Januari 2016 lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan telah pun mengumumkan dua langkah cukai tidak langsung berhubung mengurangkan ketirisan hasil daripada— masa ini yang kita jangkakan hampir RM1 bilion di pulau bebas cukai (PBC) Langkawi, Tioman dan juga Labuan. Kerajaan menstrukturkan semula saluran penjualan rokok dan minuman keras untuk dihadkan kepada kedai bebas cukai yang dilesenkan oleh Jabatan Kastam. Kedua, memperketatkan pengecualian duti cukai ke atas kenderaan di pulau bebas cukai tersebut.

Jadi, *mechanism* untuk kawalan rokok dan minuman keras ini dan juga *mechanism* kawalan ke atas kenderaan diwujudkan bagi memastikan bahawa tidak ada ketirisan dalam penjualan rokok dan juga barangan yang terutama sekali rokok dan juga minuman keras. Ada juga hal-hal berkaitan dengan penyalahgunaan AP kereta yang didaftarkan di pulau-pulau tersebut tapi dibawa keluar ke tanah besar tetapi tidak dikembalikan semula setelah tamat tiga bulan.

Jadi walau bagaimanapun, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Langkawi— contohnya, kita baru melaksanakan penguatkuasaan perkara ini mulai 1 November yang dikatakan Kastam hanya mengarahkan KBC di jeti dan juga di *airport* yang boleh mendapatkan *duty free* ini. Akan tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, di Langkawi terdapat 56 kedai bebas cukai yang telah pun diluluskan oleh Kastam dan juga di Labuan sebanyak 21 buah manakala di Tioman ada tiga.

Jadi, saya akan menjalankan siasatanlah seandainya *allegation* ataupun apa yang disebut oleh Yang Berhormat Langkawi itu benar, maka saya ingat pihak Kastam akan meneruskan usaha untuk memastikan pelaksanaan ini dilaksanakan di 56 buah kedai bebas cukai ini.

Kita tahu bahawa matlamatnya adalah untuk memberi manfaat kepada pelancong-pelancong sama ada pelancong asing mahupun tempatan dan juga

penduduk-penduduk tempatan. Jadi sudah tentulah— ini peringkat permulaan— mungkin ada masalah-masalah pelaksanaan tetapi *insya-Allah*, kita akan cuba atasi dalam masa yang terdekat. Terima kasih.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya tentang penyeludupan ini, banyak disebut terutama barang keperluan macam minyak kita diseludup. Apakah faktor terbesar yang menyebabkan penyeludupan ini sukar diatasi? Adakah ia faktor *manpower*, tenaga manusia ataupun faktor dana atau apa, pada pandangan kementerian? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini semua MP dari Kedah boleh minum teh lepas ini, bincang elok-elok.

**Dato' Othman bin Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang bertanya Kedah, yang menjawab Kedah, tanya soalan tambahan pun Kedah.

**Dato' Othman bin Aziz:** [*Ketawa*] Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kita menyedari bahawa sebenarnya masalah penyeludupan ini melibatkan banyak faktor. Sudah tentulah saya ingat dorongan utama adalah untuk membuat untung sebanyak mungkin bagi orang yang hendak menyeludup. Ada juga yang menyeludup ini kerana hendak ambil kesempatan di atas harga-harga yang lebih murah kemudian dijual di tempat lain dengan lebih mahal dan akhirnya memberi keuntungan yang lebih.

Dari segi *manpower*, kita menyedari contohnya macam saya sebut awal tadi, macam negara kita, kalau kita bercakap di Semenanjung sahaja pun mempunyai pantai yang begitu panjang, apatah lagi kalau kita bercakap di Sabah dan juga di Sarawak. Kita tahu bahawa penyeludup-penyeludup ini mempunyai taktik dan strategi yang saya kira selalu memberi cabaran kepada pihak penguat kuasa. Mereka ini mungkin lebih satu dua *step* ke depan.

Sebab itulah saya melihat bahawa penggunaan teknologi moden, mungkin penggunaan *drone* dan seumpamanya, boleh kita gunakan dan pihak Kastam, *insya-Allah*, akan cuba menimbang perkara ini dengan segera supaya kita juga dapat cuba mengatasi masalah-masalah yang dihadapi iaitu bagaimana kita hendak menyekat daripada mulanya strategi melaksanakan penyeludupan ini berlaku. Sudah tentu kita juga di pihak Kastam, pihak lain-lain agensi yang terlibat akan memperkasakan lagi mungkin dari segi *manpower* itu sendiri, dari segi sumber manusia dan juga dari segi kelengkapan.

Apa yang lebih penting adalah bagaimana kita dapat menggembeleng tenaga di antara pelbagai agensi yang ada ini untuk kita hendak mengoptimumkan dan kita hendak memberi maklum kepada orang-orang yang terlibat dengan penyeludupan ini, kerajaan jauh lebih di hadapan daripada mereka. Ini sudah tentu menjadi satu cabaran dan kita yakin bahawa kita, *insya-Allah*, akan dapat melakukannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**10. Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) jumlah kakitangan kaum Orang Asli di Jabatan Orang Asli dan peratusan Orang Asli mengikut pecahan agama; dan
- (b) bilangan Orang Asli Kristian yang menjawat jawatan Pengarah Negeri, Jabatan Orang Asli.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan nombor 10. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sehingga ke hari ini, jumlah kakitangan kaum Orang Asli di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) adalah seramai 170 orang bagi jawatan tetap dan 234 orang bagi jawatan kontrak.

Peratusan kakitangan Orang Asli di Jabatan Kemajuan Orang Asli mengikut pecahan agama adalah seperti berikut:

Agama	Bilangan (orang)	Peratusan (%)
Islam	55	32.35
Kristian	5	2.94
Sikhisme	3	1.76
Buddha	1	0.59
Lain-lain	4	2.35
Tiada agama	102	60.00

Tiada agama itu yang mengikut kepercayaan amalan nenek moyang mereka dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, setakat ini belum ada Orang Asli Kristian yang menjawat jawatan Pengarah Negeri Jabatan Kemajuan Orang Asli. Sekian, terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih. Soalan tambahan saya ialah saya hendak tahu sama ada kementerian ada memberi arahan tegas kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli supaya tidak boleh berlakunya apa-apa diskriminasi berlandaskan agama? Ini kerana saya terima aduan di beberapa tempat Orang Asli yang mengatakan infrastruktur asas seperti jalan dan elektrik dibekalkan kepada tempat orang Islam tetapi yang bukan Islam kurang dapat.

Soalan saya ialah adakah arahan tegas diberikan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli supaya semua dilayan dengan saksama?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang senang hatilah dengan dakwaan itu, bagi pihak kementerian dan JAKOA. Seolah-olah kita membahagikan pembangunan berdasarkan kepada agama. Itu janganlah bersangka yang jahat sekali itu ya.

■1200

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bukan ada arahankah dibuat? Ini kerana kita ada dapat aduan, sebab itu saya tanya. Ya kah tidak arahan itu?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya menyatakan di sini dengan terus terang, tidak ada. Kita tidak merasakan kepada apa yang didakwa sebegitu, ya.

Okey, untuk menjawab soalan tambahan daripada segi pengambilan Orang Asli ke perkhidmatan awam. Pihak Berkuasa Melantik iaitu SPA telah memberi kelonggaran daripada segi syarat tapisan kepada pemohon tertentu seperti orang kurang upaya (OKU), penerima bantuan di bawah rakyat termiskin (PBRT) dan masyarakat Orang Asli diberi kelebihan.

Jadi soalan tadi, adakah kementerian memberi arahan yang tegas. Kita tidak perlu memberi arahan yang tegas kerana ada garis panduan sedia ada yang diguna pakai. Kita memang prihatin kepada masyarakat Orang Asli dan kita memang kalau- di mana mereka layak kita beri kelonggaran supaya mereka ini lebih layak dan kita ambil. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, tamat sudah Sesi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan. Saya jemput Yang Berhormat Menteri, Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1).

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****12.01 tgh.****Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam Peringkat Jawatankuasa, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Kementerian Belia dan Sukan; dan Kementerian Sumber Manusia bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2017 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Isnin, 21 November 2016.”

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary****Yap Ken Jin]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]***RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2017****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Anggaran Pembangunan 2017 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis” **[Hari Ketujuh]**

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

***[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Maksud B.43 [Jadual] -  
Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan 2017] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.43, dan Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Sabak Bernam.

**12.03 tgh.**

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan lima Butiran.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, 10 minit.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Yang pertama Butiran 070000; kedua Butiran 080100; ketiga Butiran 040100; dan kelima Butiran 100100.

Saya ingin menyentuh Butiran 070000 – Pengurusan Sisa Pepejal.

Saya ingin membangkitkan kelemahan kutipan sampah pepejal di Selangor seperti kutipan sampah tidak mengikut jadual yang ada kalanya sehingga beberapa hari dan beberapa minggu. Akibatnya tempat longgokan sampah dan juga terutamanya denggi terus merebak...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini salah forumlah. Itu sepatut dibahas di DUN Selangor.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Kerajaan Negeri Selangor hari ini boleh berbangga kerana menjadi negeri yang banyak menyumbang kes denggi iaitu berjumlah 7382 kes denggi, dan kemudian 22 kematian.

Saya berada di dalam 7382. Bermakna tahun lepas saya terlibat dengan denggi dan saya berada di Hospital Sungai Buloh. Itu sebabnya pagi ini saya hendak bercakap. Jadi bukti itu bukti yang betul bukan sengaja, bukan isu politik.

Manakala jumlah terkumpul kes denggi yang dilaporkan pada tahun ini sehingga mencatat meningkat sebanyak 15.1 peratus iaitu 15,251 kes. Ini data yang tepat ya. Beberapa Pihak Berkuasa Tempatan telah pun mendapat amaran daripada Kementerian Kesihatan bagi menyelesaikan segera masalah kebersihan kawasan, dan mengatasi masalah pembiakan nyamuk aedes yang berleluasa.

Sehubungan dengan ini, saya ingin mendapat penjelasan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, apa tindakan dan langkah yang diambil kepada PBT yang gagal memberikan perkhidmatan yang berkesan dalam



pengurusan sisa pepejal di negeri Selangor? Adakah langkah kementerian bagi mengatasi masalah kutipan sisa pepejal di negeri Selangor termasuk mengatasi masalah longkang yang tersumbat?

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 080000 – Kerajaan Tempatan.

Berhubung dengan pemasangan CCTV di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan keselamatan bandar. Berdasarkan prestasi CCTV yang berfungsi sepenuhnya sebanyak 928 buah pada tahun 2015, dan 992 buah pada 2016, dan dianggarkan 1002 buah pada tahun 2017, saya mendapat maklum balas daripada PBT di Selangor, tetapi di Terengganu CCTV yang telah dipasang itu tidak dapat berfungsi dengan baik dan berkesan. Terutama kerana tidak ada peruntukan penyelenggara CCTV dan ketiadaan bilik kawalan yang beroperasi dengan cekap.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada KPKT, bilangan CCTV yang telah dipasang di seluruh negara dan bilangan CCTV yang dikenal pasti tidak beroperasi ataupun rosak. Sejauh mana kementerian memantau penggunaan ataupun operasi CCTV dan keberkesanan dalam memastikan keselamatan dan keamanan bandar? Adakah kementerian menyediakan peruntukan khusus untuk setiap PBT bagi menyelenggarakan CCTV.

Berhubung dengan Pihak Berkuasa Tempatan, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, sama ada mempunyai cadangan untuk memisahkan PBT antara Parlimen Sungai Besar dan juga Parlimen Sabak Bernam dengan mewujudkan Majlis Daerah Sungai Besar dan juga Majlis Daerah Sabak Bernam.

Seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan Butiran 040100 – Kesejahteraan Bandar.

Di sini khususnya pelaksanaan program pembasmian kemiskinan bandar bertujuan untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah di bandar untuk meningkatkan kualiti hidup. Berdasarkan prestasi bilangan rumah daif yang telah dibaik pulih sebanyak 210 unit pada tahun 2015, tetapi dianggarkan 2300 unit pada tahun 2016, dan dijangka 5000 unit pada tahun 2017- tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Bukan seperti Kerajaan Negeri Selangor yang berangan-angan hendak jadi negara berkebakikan. Akan tetapi rakyat terus diabaikan.

Saya mendapat maklum balas daripada PBT bahawa peruntukan sebanyak RM40,000 bagi pembinaan rumah baru, dan RM10,000 untuk baik pulih didapati tidak mencukupi memandangkan harga binaan yang meningkat masa kini.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada KPKT, adakah kerajaan bercadang mengkaji semula jumlah peruntukan yang disediakan bagi penyediaan rumah baru, dan baik pulih rumah daif supaya lebih sesuai dengan kos masa kini.

Saya ingin menyentuh Butiran 100100 – Landskap Negara.

Bertujuan mewujudkan persekitaran yang bersih, indah, selesa dan selamat khususnya melalui pembangunan landskap, taman-taman awam, kawasan awam, dan kemudahan rekreasi. Saya ingin mendapatkan penjelasan bilangan taman awam berskala besar yang telah diwujudkan seluruh negara, dan perancangan kerajaan untuk membangunkan taman berskala besar?

■1210

Saya mendapat maklum balas kurangnya tumpuan diberikan untuk menyediakan landskap bagi kawasan pelancongan di seluruh negara seperti kawasan tumpuan ramai khususnya pantai dan sebagainya. Kawasan tumpuan pelancongan mempunyai landskap yang menarik dan adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan peruntukan khusus untuk PBT. Berhubung dengan taman permainan ataupun taman rekreasi awam, saya dapati pihak PBT di Selangor ini gagal menyediakan prasarana dan kemudahan kepada awam. Taman permainan dan taman rekreasi yang sedia ada tidak diselenggarakan dengan baik contohnya di Taman Sentosa, Sabak Bernam yang terus tidak terurus dengan baik, apakah langkah dan tindakan kerajaan bagi menambah baik taman permainan dan juga taman rekreasi di seluruh negara?

Akhirnya saya ingin menyentuh Butiran 051000 – Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata. Saya ingin membangkitkan kegagalan sesetengah pemaju untuk memberikan hak milik strata kepada pembeli rumah walaupun rumah telah menjelaskan keseluruhan harga rumah dan bayaran penyelenggaraan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian, berapakah bilangan kes hak milik strata yang telah diadukan dan diselesaikan sepanjang tahun 2015 dan 2016? Kenapakah sesetengah pembeli gagal mendapatkan hak milik strata dan apakah tindakan kerajaan ke atas pemaju yang gagal menyerahkan hak milik strata kepada pemilik? Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Seremban.

**12.12 tgh.**

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya berkenaan dengan 050000 – Tribunal Tuntutan Rumah dan Pengurusan Strata. Beberapa minggu lepas semasa sesi soal jawab, saya telah mencadangkan kepada pihak kementerian untuk menaikkan had tuntutan untuk tribunal perumahan daripada

RM50,000 kepada RM100,000 tetapi apabila saya lihat balik fungsi dan juga had tuntutan yang dibenarkan dalam Tribunal Tuntutan Rumah dan Pengurusan Strata, saya mendapati bahawa ada percanggahan daripada segi had tuntutan di antara dua tribunal ini walaupun sekarang ini digabungkan untuk perumahan dan *property* hanya RM50,000 tetapi untuk bangunan-bangunan berstrata, had tuntutannya ialah RM250,000. Jadi bagi saya adalah tidak logik kalau *landed property* dan juga strata ini had tuntutan itu berlainan.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian dan apakah tindakan pihak kementerian untuk menaikkan had tuntutan ini meminda akta tribunal ini supaya kuasa ataupun had tuntutan dapat dinaikkan secara mungkin seragam sekurang-kurangnya kepada RM250,000. Ini kerana memang tribunal ini adalah sebuah badan yang amat penting untuk pembeli-pembeli rumah untuk menyelesaikan apa-apa tuntutan ataupun apa-apa masalah dengan pihak pemaju. Ini merupakan satu badan ataupun sebuah institusi yang mudah dan cepat untuk pihak pembeli rumah untuk membuat tuntutan mereka dan juga menyelesaikan apa-apa permasalahan dengan pihak pemaju.

Keduanya Tuan Pengerusi, berkenaan dengan mekanisme ataupun cara kita mendengar tuntutan-tuntutan ini dan juga bagaimana tribunal ini berfungsi. Saya mendapati bahawa tribunal ini ada berpusat di beberapa negeri di beberapa zon. Ada zon utara, ada zon timur, ada zon selatan tetapi bukannya di setiap negeri ada. Jadi kadang-kadang untuk pembeli-pembeli rumah yang membuat tuntutan ini, mereka kadang-kadang terpaksa datang ke Kuala Lumpur untuk membuat tuntutan dan juga apabila kes itu didengar.

Justeru itu saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya melihat kepada bagaimana kita hendak memudahcarakan untuk pembeli-pembeli rumah mungkin daripada segi pendengaran kes tribunal ini dapat dijalankan ataupun menggunakan kaedah tribunal bergerak. Kita tidak perlu mengadakan pejabat tribunal secara tetap di setiap negeri tetapi umpamanya di Seremban, di Negeri Sembilan kalau ada kes yang didengar, mungkin satu bulan itu diperuntukkan satu atau dua hari pihak tribunal itu turun ke Seremban untuk mendengar kes-kes yang dibuat atau dibawa di Negeri Sembilan. Satu atau dua hari dalam setiap bulan, itu saya rasa pun sudah mencukupi dan tidak perlu ada kos tambahan, tidak perlu ada pejabat tribunal yang tetap tetapi bolehlah menggunakan kemudahan-kemudahan di pihak kerajaan negeri, di wisma negeri dan sebagainya.

Jadi itu dapat memudahkan pihak pembeli rumah di negeri-negeri supaya kes-kes mereka dapat didengar dengan lebih cepat. Itu saya harap dapat dipertimbangkan cadangan itu.

Keduanya Tuan Pengerusi berkenaan dengan 070000 – Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Saya melihat dalam buku bajet ini bahawa peruntukan pada tahun ini telah ditambah dengan begitu banyak daripada peruntukan tahun 2016 sebanyak RM775 juta, tahun ini telah dinaikkan kepada RM1.9 bilion. saya berharap pihak Menteri dapat memberikan pecahan bagaimanakah peruntukan ini diagihkan kepada tujuh negeri itu yang tertakluk kepada Akta Sisa Pepejal Negara ini dan bagaimanakah peruntukan ini diagihkan. Saya juga berharap pihak Menteri dapat memberikan satu pecahan bagaimanakah setiap PBT ataupun setiap negeri, setiap PBT khususnya menerima bantuan daripada pihak Kerajaan Persekutuan.

Adakah setiap PBT itu kadarnya ialah RM1 kepada RM1 iaitu apabila mendapat cukai taksiran daripada rakyat, mereka membayar kepada kos untuk sisa pepejal ini, ada juga subsidi satu kepada satu daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Adakah semua pihak PBT dapat menunaikan tanggungjawab mereka dan kalau ada mana-mana PBT yang ada berhutang dari segi kos sisa pepejal negara ini, saya harap pihak Menteri dapat memberikan satu pecahan dan bagaimanakah peruntukan itu diagihkan oleh pihak kementerian di peringkat Persekutuan, khususnya bagaimanakah RM1.9 bilion itu diagihkan.

Berkenaan dengan P.43, 010000 - Projek Kecil di pihak berkuasa tempatan. Di sana ada diperuntukkan sebanyak RM336 juta. Saya ingin mendapatkan respons daripada pihak kementerian bahawa ada satu projek khusus yang telah lama dipohon oleh pihak Majlis Daerah Jelebu untuk menambah, meningkat tarafkan dan juga menambah baik Dewan Orang Ramai Titi. Telah dua, tiga tahun ditutup dewan orang ramai itu di Pekan Titi sehingga hari ini belum dibuka balik. Mungkin dewan orang ramai ini di kawasan-kawasan bandar fungsinya tidak begitu penting tetapi di kawasan-kawasan luar bandar, khususnya di kampung-kampung baru, di pekan-pekan kecil di luar bandar, dewan orang ramai ini memainkan satu fungsi yang cukup penting.

Ada majlis-majlis perkahwinan, ada majlis persatuan-persatuan, mereka perlukan satu tempat, satu dewan untuk mengadakan majlis-majlis tetapi di Dewan Orang Ramai Titi ini sudah dua, tiga tahun ditutup, dikatakan hendak projek menaiktarafkan tetapi saya telah bangkitkan berkali-kali kepada pihak majlis dan juga pihak kerajaan negeri, dikatakan peruntukan belum sampai daripada pihak kementerian. Bukannya banyak, dia hanya perlukan dalam RM200,000 ataupun RM300,000 sahaja. Mengapakah kita lihat ada RM336 juta diperuntukkan tetapi satu projek RM200,000,

sudah tunggu bertahun-tahun belum dapat lagi? Jadi saya harap ini dapat diberikan perhatian oleh pihak kementerian.

Keempat, saya juga pernah tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri sebelum ini berkenaan dengan persatuan penduduk iaitu dalam pengumuman bajet oleh Yang Amat Berhormat Pekan, dikatakan bahawa ada geran RM10,000 diberikan kepada persatuan-persatuan penduduk untuk tujuan-tujuan keselamatan dan juga penyelenggaraan alat-alat keselamatan.

Geran ini telah diumumkan tetapi mekanisme bagaimana untuk memohon geran itu belum lagi ditentukan. Saya ada satu soalan minggu depan tetapi kalau boleh, saya harap pihak Yang Berhormat Menteri, kalau sudah berjanji bahawa akan melihat bagaimanakah mekanisme untuk permohonan ini kerana ini sepatutnya diberikan atau dimaklumkan kepada rakyat supaya persatuan-persatuan penduduk yang inginkan bantuan ataupun memohon geran ini mendapat tahu bagaimanakah geran ini dipohon.

Terakhir Tuan Pengerusi berkenaan dengan 040300 - Pemberi Pinjam Wang dan juga pajak gadai. Saya tidak faham mengapa lesen pemberi pinjam wang ataupun along berlesen ini masih diletakan di bawah kuasa pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bagi saya mungkin untuk pemberi pinjam wang ini, lesen itu mungkin lebih sesuai diuruskan oleh pihak Kementerian Kewangan ataupun Kementerian Dalam Negeri kerana saya tidak pasti bagaimanakah pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan membuat penguatkuasaan dan juga memastikan pihak pemberi-pemberi pinjam wang ini melaksanakan *business* mereka dengan mengikut kaedah undang-undang.

■1220

Ini kerana kita tahu bahawa pemberi pinjaman wang ini merupakan along-along yang berlesen. Kadar faedah mereka yang dikenakan oleh mereka lebih tinggi dan cara mereka menuntut balik hutang itu kadang-kadang amatlah tidak berpatutan. Kadang-kadang menggunakan kekerasan dan sebagainya. Jadi saya hendak tahu, apakah tindakan atau pun bagaimanakah mekanisme penguatkuasaan daripada pihak kementerian untuk memastikan pemberi-pemberi pinjaman wang ini menjalankan bisnes mereka dengan berhemah dan juga apabila mereka menuntut semula hutang itu, tidak menggunakan kekerasan. Jadi penguatkuasaan itu saya rasa lebih sesuai kalau ia di bawah Kementerian Dalam Negeri atau pun pihak Kementerian Kewangan di mana pihak polis dapat memantau kegiatan mereka dan sebagainya. Jadi saya harap ini dapat diberikan penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**12.21 tgh.**

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 070100 – Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Isu tapak pelupusan sampah di Pekan Nanas telah beberapa kali saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Pada satu ketika, ia seolah-olah telah menemui jalan penyelesaian apabila sebuah tapak baru yang telah pun sepatutnya sampai ke fasa pelaksanaan namun akhirnya terhenti dan sekarang masih dalam pencarian tapak baru. Penyelesaian kepada isu tapak pelupusan sampah ini amat penting sebagai penanda aras kepada keberkesanan pentadbiran kerajaan agar ia tidak dimanipulasikan oleh pihak yang berkepentingan dengan memberikan gambaran negatif kepada rakyat yang mudah dijaja dengan maklumat separuh benar.

Sebagaimana yang sedia maklum, kaedah yang dilaksanakan di tapak sedia ada adalah pelupusan sampah secara konvensional akan menyebabkan pencemaran alam sekitar yang lebih ketara dan akan menjadi rungutan dan aduan rakyat. Mantan Yang Berhormat Menteri Besar Johor pada 14 Januari 2010 telah mengumumkan bahawa tapak pelupusan sampah di Kampung Air Putih akan ditutup sepenuhnya kerana sebuah tapak baru telah diperolehi di Kampung Chok, Ulu Pulau untuk mengatasi masalah bau busuk. Dimaklumkan tapak pelupusan baru ini akan dilengkapi dengan sistem *sanitary landfill*. Tetapi pada 9 Mac 2016, dimaklumkan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, sebuah stesen pemindahan sisa pepejal bersebelahan dengan tapak pelupusan sisa pepejal yang sedia ada akan dibina untuk mengatasi masalah pencemaran bau.

Saya tidak setuju dengan penambahan sebuah stesen pemindahan sisa pepejal yang bersebelahan dengan tapak pelupusan sisa pepejal sedia ada kerana kawasan persekitaran tersebut terdiri daripada kawasan perumahan, sekolah, Klinik Kesihatan Tiga atau KK Tiga yang baru sahaja dibina. Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya terima banyak aduan mengenai bau busuk daripada tapak pelupusan tersebut masih berkekalan.

Oleh yang demikian, berdasarkan fakta yang saya bangkitkan, saya memohon Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mempertimbangkan semula kepada cadangan awal yang telah diputuskan sebelum ini memandangkan tapak berkenaan difahamkan telah pun selesai tindakan pengambilan balik tanah dan telah pun ada plan pembinaan yang telah juga diluluskan.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, apakah sebab sebenar yang menyebabkan projek tersebut dibatalkan walhal segala urusan jabatan-jabatan sebelumnya telah pun selesai dan tiada bantahan. Kerajaan juga telah membelanjakan

jutaan ringgit bagi mendapatkan lokasi tersebut. Maka saya berharap kerajaan dapat mencari jalan penyelesaian yang lebih baik dan sempurna demi kesejahteraan masyarakat dan juga janji kerajaan ditepati.

Tuan Pengerusi, saya seterusnya ingin menyentuh Butiran 110300 – Pembangunan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Tuan Pengerusi, kepesatan pembangunan di kawasan Tanjung Bin dengan adanya loji di Tanjung Bin yang bernilai RM5 bilion untuk penjanaan elektrik serta projek hub petrokimia yang bernilai RM1.7 bilion mendapatkan kawasan tersebut, mempunyai nilai ekonomi yang tinggi sekali gus berisiko tinggi juga kepada kejadian-kejadian kebakaran berdasarkan bentuk industri yang terlibat di kawasan tersebut. Lokasi kawasan berkenaan juga terletak berhampiran dengan kawasan perkampungan tradisional selain dari sebuah perkampungan atas air di kawasan Mukim Air Masin yang sangat berisiko tinggi dengan kejadian kebakaran.

Pada keseluruhannya, di kawasan Serkat dan Air Masin terdapat sebanyak 25,000 buah rumah penduduk dan 500 buah bangunan awam seperti sekolah, masjid, surau, balai raya dan lain-lain rumah ibadat. Pada waktu ini, perkhidmatan bomba disediakan dari bandar Pontian pada jarak 40 kilometer dari Tanjung Bin dan mengambil masa 30 minit sekurang-kurangnya untuk sampai ke lokasi jika berlakunya bencana seperti kebakaran. Walaupun di kawasan zon industri terdapat unit kawalan kebakaran dalaman tetapi keperluan bantuan dari luar amat diperlukan bagi mempercepatkan tindakan. Bagi keadaan penempatan perumahan atas air di Mukim Air Masin pula, kedudukan fizikal rumah yang rapat dan kebanyakannya masih dibina dengan kayu dan papan juga mengundang risiko kebakaran yang amat serius.

Selain daripada itu, sebuah jeti sebagai hub kemasukan orang ramai dari negara jiran, Indonesia dan Singapura menggunakan feri menjadikan kawasan tersebut yang kedudukannya bersebelahan dengan penempatan atas air juga amat memerlukan jaminan pengurusan bencana kebakaran yang kritikal. Dengan adanya sebuah balai bomba di kawasan selatan Pontian ini akan menjadikan prasarana di kawasan ini lebih terjamin keselamatan, khasnya dari sudut kawalan bencana kebakaran.

Permohonan ini pernah saya kemukakan di Dewan yang mulia ini. saya rasa, tiba masanya Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menimbangakan dengan serius bagi mewujudkan sebuah balai bomba di kawasan selatan Pontian iaitu bagi keperluan di kawasan Serkat dan Air Masin serta sokongan kepada isu keselamatan di kawasan industri Tanjung Bin. Itu sahaja, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Kota Raja.

**12.27 tgh.**

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut membahas Bekalan 43, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Nombor satu saya ingin menyentuh perkara 030000 – Dasar dan Pembangunan. Dalam perkara 030200 – Pembangunan dan Pelaksanaan Projek, saya ingin meminta supaya kementerian ada menggubal satu dasar pembangunan rumah di atas tanah gambut. Kita ada peraturan untuk pembangunan di tanah tinggi tetapi kita tidak ada peraturan untuk di tanah gambut. Dalam dua penggal menjadi wakil rakyat di kawasan Klang ini, hampir keseluruhan tanah di kawasan ini adalah tanah gambut.

Beberapa kes di mana rumah, apabila sudah dibina, selepas tamat waktu jaminannya, nampak retak yang teruk dan tanah juga turun. Ini semua tidak masuk dalam *warranty*. Memang kalau kita tanya pemaju, mereka melaksanakan *soil test* untuk menentukan meletakkan asas atau *foundation* kepada bangunan itu. Oleh itu, tidak ada apa-apa *structural defect* yang mungkin menyebabkan rumah itu runtuh dan sebagainya tetapi rumah itu rosak teruk. Baru-baru ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pegawai daripada KPKT yang turun juga ke kawasan saya untuk membuat lawatan tapak di Taman Muraya dan Elvina, satu kawasan Taman Bandar Puteri 2 di mana rumahnya baru dihuni dari tahun 2014 tetapi hampir 100 peratus daripada rumah-rumahnya mengalami retak dan *porch*-nya itu akan turun, pagarnya pecah dan sebagainya.

Ini bukanlah pengalaman pertama saya berjumpa dengan penduduk ini tetapi daripada segi perundangannya, pemaju tidak ada komitmen, tidak ada tanggungjawab daripada segi undang-undang untuk memperbetulkan ini. Apa yang mereka lakukan adalah membuat *repair*, pembaikan secara *superficial*. Kalau ada retak, ditampal. Akan tetapi masalahnya adalah tanah gambut ini semua kita tahu bahawa ia akan mendap. Ini akan menyebabkan struktur-struktur yang tidak ada *foundation* juga akan turun. Satu kawasan perumahan di Klang, saya diberitahu dalam kawasan Klang, Yang Berhormat Klang, rumah-rumah ini mengalami kerosakan yang teruk sehingga pemaju terpaksa menggantikan rumah *one to one* kepada mereka kerana kalau penduduk atau pembeli bising, dia takut reputasinya tercemar, maka dia menggantikan rumah-rumah ini.

**■1230**

Akan tetapi dalam kawasan saya ini saya tak fikir mereka akan menggantikan rumah dan saya kira kita perlu ada satu peraturan. Pihak PBT mengetahui perkara ini tetapi oleh sebab ada kelompangan dalam undang-undang kita, maka pembinaan rumah di atas tanah gambut tidak ada peraturan tambahan. Mereka hanya melakukan



minimum apa yang diperlukan oleh undang-undang sahaja. Jadi saya minta pihak kementerian mengkaji pembangunan rumah di atas tanah gambut kerana yang terpaksa menanggungnya ialah rakyat. Kalau boleh saya hendak Yang Berhormat Menteri turun tengok jugalah supaya faham apa kehendak-kehendak saya lahirkan ini.

Kalau kita tak buat begitu Yang Berhormat Menteri, maknanya pembeli rumah terpaksa memperbaiki rumah sendiri. Saya memberi cadangan bahawa mereka menunggu sehingga mendapan itu tak berlaku lagi, maksimum. Kemudian baru kita panggil pihak pemaju untuk membuat pembaikan. Saya biasa membaca di negara seperti Holland di mana tanah mereka memang tanah gambut. Sebelum sesuatu pembangunan dimulakan, bahagian sedimen gambut itu ataupun *pick soil* itu dikeluarkan dan kemudian ditambun, barulah mereka membina rumah di atasnya. Jadi tidak ada masalah retak ataupun tanahnya turun, rumahnya senget dan ini adalah serius. Akan tetapi dari segi strukturnya tidak ada masalah. Jadi pemaju lepas dalam pembangunan jenis ini tetapi rakyat di bawah itu menanggung rumahnya bukan murah RM400,000, RM500,000 kosnya. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri dapat melihat kepada ini. Saya ingat pegawai KPKT yang pergi hari itu faham tentang perkara ini.

Kedua, saya ingin bawa kepada 110000 – Bomba dan Penyelamat Malaysia. Mengenai pengurusan panggilan kecemasan. Juga sekali lagi baru-baru ini berlaku kebakaran di dalam kawasan saya dan aduan yang kita dapat adalah bomba lambat sampai. Bomba lambat sampai sebab tanda-tanda jalan sudah tidak ada, vandalisme, jadi mereka tak dapat cari jalan. Bila sampai, satu rumah sudah hangus terus, dua rumah lagi terkena dan tidak boleh diselamatkan yang satu rumah ini.

Masalahnya ialah apabila kita memanggil nombor 999 ini, *this is Malaysia Emergency Response Services (MERS)*, dia ada masa, telefon ini sekatannya okey siapa panggil dari mana, apa alamatnya, 'bla, bla, bla'. Masa itu semua orang sedang panik, hendak beritahu tentang kebakaran. Jadi alamat pun tak tahu, nombor pun tak tahu. Akhirnya, bomba sampai lambat. Saya ingin mencadangkan, kita menggunakan teknologi lebih baik daripada melalui telefonis 999. Amat mudah saya ingat kalau saya kira ada satu kita guna *WhatsApp system* sahaja yang aplikasi yang ada. Kementerian tidak perlu untuk mengeluarkan peruntukan tambahan untuk mengadakan atau mencipta satu sistem lain juga. Dengan *WhatsApp system* ini, kita boleh *WhatsApp* terus dan memberikan *location* kebakaran itu sendiri. Bomba boleh menggunakan peta itu sama ada *Waze* kah, *Google* kah untuk sampai kepada tapak kebakaran itu. Saya harap kementerian dapat mengkaji.

Perkara kedua mengenai kebakaran adalah rumah-rumah yang uzur. Kita tahu projek-projek perumahan yang lama, 20 tahun, 30 tahun, kebanyakan mereka tidak ada insurans kebakaran. Kebanyakan pembeli bila sahaja tamat bayar kepada bank, maka mereka tidak meneruskan insurans kebakaran. Jadi apabila berlaku kebakaran, rumah hangus, mereka tidak ada kompensasi langsung, tidak ada insurans. Saya harap kerajaan juga dapat mengkaji supaya kita mewajibkan insurans kebakaran ini. Ya kerana berapalah sangat dapat kita sebagai wakil rakyat kerajaan untuk menggantikan ataupun menolong mereka *because total lost* satu rumah teres RM50,000 tak cukup untuk membangunkannya semula. Jadi mungkin kerana rakyat tak dapat memikirkan jarak masa panjang kemungkinan-kemungkinan yang mereka akan hadapi. Saya harap kerajaan mengkaji supaya mewajibkan insurans kebakaran, sambung terus selepas bayar *loan* ataupun pinjaman kepada bank, terus membayar insurans kebakaran supaya sekiranya berlaku rumah-rumah lama semakin lama ini insiden litar pintas kerap berlaku.

Saya juga ingin menyokong tadi daripada Yang Berhormat Seremban menyebut tentang pemberi pinjaman wang iaitu dalam Butiran 040300. Saya pun tidak nampak di mana dan bagaimana **KPKT** ataupun PBT dapat menguruskan peminjam-peminjam wang berlesen ini. Siapa pantau mereka, berapa *interest* yang mereka ambil dan sebagainya.

Akhirnya sekali, saya hendak sebut tentang Butiran 080000 – Kerajaan Tempatan. Kita harus mengkaji semula tentang sistem perjawatan tertutup ini. Kita kadang-kadang dalam satu PBT itu, ada pegawai-pegawai yang terlalu lama dan kita tahu bahawa mereka tidak boleh dipindahkan keluar daripada PBT itu. Kalau dia *dead wood*, *dead wood* lah sampai dia pencen dan orang lain tak ada peluang hendak naik kerana dia duduk di atas di situ dan *performance* dia tidak bagus. Bila seseorang duduk di jabatan seperti perancangan, pembangunan dan sebagainya, bila terlalu lama dalam satu kawasan, maka insiden rasuah lebih mudah berlaku dan Yang Berhormat-Yang Berhormat mungkin hanya satu penggal, dua penggal. Akan tetapi mereka duduk daripada mula bekerja sampai mereka pencen. Mereka mengenali semua, mereka lebih mengenali pemaju daripada kita. Kerap kali aduan daripada rakyat sampai kepada PBT, kalau wakil rakyat tak tahu, maka dia akan jadi tolak ‘ding dong, ding dong, ding dong’ antara pemaju rakyat dan sebagainya. Jadi saya harap sistem perjawatan ini dikaji untuk kebaikan pentadbiran PBT. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**12.37 tgh.**

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tentang Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pembangunan P.43 Butiran 01513.

Tuan Pengerusi, tentang peningkatan harga perumahan di Parlimen Merbok. Kebelakangan ini, pembangunan ekonomi yang pesat di kawasan Parlimen Merbok telah menyebabkan permintaan perumahan kediaman meningkat. Apabila dilihat semula harga perumahan di Malaysia termasuk di kawasan Parlimen Merbok telah meningkat secara mendadak sama ada di bandar-bandar besar atau di bandar-bandar kecil dan bergantung pada lokasi tertentu. Lebih dari sepuluh tahun yang lalu, pasaran hartanah di Malaysia telah mengalami perkembangan harga yang ketara di seluruh Malaysia. Setakat ini, harga perumahan hampir mencecah langit walaupun faktor sebenar di sebalik kenaikan yang tidak logik tersebut masih menjadi persoalan. Kerajaan telah menyelesaikan masalah ini dengan melaksanakan beberapa program antaranya ialah rumah PR1MA, Rumah Mesra Rakyat oleh SPNB, rumah mampu milik oleh GLC.

Projek perumahan swasta yang terbengkalai banyak berlaku di kawasan Parlimen Merbok. Projek perumahan nelayan Tanjung Dawai yang diumumkan oleh PM semasa lawatan ke Tanjung Dawai pada 31 Oktober 2012 sebagai menyelesaikan terhadap masalah penempatan nelayan di kawasan terbabit. Namun, projek tersebut masih lagi belum siap sepenuhnya walaupun LKIM telah memberikan tiga kali tempoh lanjutan kepada kontraktor. Mohon kementerian menyelesaikan isu ini bagi meneliti hasrat kerajaan dalam membantu golongan nelayan khususnya di kawasan Parlimen Merbok.

**■1240**

Untuk mengatasi masalah ini dengan berkesan kerajaan harus tegas dalam menguatkuasakan dasar atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan pembangunan perumahan, sebagai contoh perlu ada pemantauan yang betul untuk harga rumah. Walaupun harga rumah ditetapkan mengikut nilai hartanah, alam sekitar dan kemudahan yang disediakan. Pemaju masih mengenakan harga yang tinggi dengan mengatakan bahawa terdapat peningkatan dalam kos bahan mentah. Akan tetapi kenaikan harga bahan-bahan ini tidak senada dengan harga rumah yang tinggi. Kontraktor sememangnya boleh menyelaraskan harga kos pembinaan walaupun bahan yang digunakan tidak selari dengan kualiti yang ditetapkan dalam kontrak kerana tidak ada sistem pemantauan yang berkesan.

Selain itu, untuk menyelesaikan masalah perumahan mampu milik ini, bukanlah sesuatu perkara yang mudah tetapi gabungan beberapa langkah yang melibatkan

semua pihak yang berkaitan dengan menjadikan ia perkara yang tidak mustahil untuk dilakukan. Kita memerlukan politik yang kukuh untuk melaksanakan seperti caj pembangunan yang lebih rendah kelulusan ataupun *fast track* projek perumahan yang mahu dimiliki dan undang-undang terhadap penjualan hartanah. Di pihak pemaju, memerlukan perkara yang betul dalam melaksanakan sistem jualan mereka dengan cara-cara yang telus dan adil, bukan kepada pelabur atau spekulator. Di pihak pengurusan kewangan, bank-bank dan institusi kewangan boleh menyumbang dengan memperkenalkan pakej-pakej pinjaman bagi membeli rumah kali pertama. Bank Negara juga perlu merujuk kepada garis panduan yang diperkenalkan dengan mengutamakan pembeli rumah kali pertama.

Akhir sekali untuk pelabur dan spekulator, sudah tiba masa untuk kumpulan ini dikenakan cukai yang tinggi di bawah Cukai Keutamaan Harta Tanah (CKHT) untuk menghalang mereka daripada terus membeli hartanah secara pukal dan membuatkan harga semakin meningkat melalui tuntutan palsu yang mereka buat. Harga perumahan di Merbok dan seluruh Malaysia sekarang adalah terlalu tinggi terutama bagi golongan berpendapatan rendah, ia menjadi beban yang berat untuk mereka dari segi kewangan.

Oleh itu dalam usaha menangani masalah ini pihak Kerajaan Persekutuan dan negeri, pemaju, Bank Negara dan semua masyarakat perlu berganding bahu untuk melaksanakan langkah penambahbaikan. Ini kerana terdapat banyak cara untuk mengurangkan harga perumahan yang tinggi untuk membantu rakyat, kemampuan untuk membeli rumah dan meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**12.44 tgh.**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara yang saya perlu bangkit. Satu adalah saya nak tanya apakah peranan penglibatan kementerian dalam Lokal Agenda 21, masa di mana "*Government knows best*" adalah sudah terlepas. Apa yang ada sekarang adalah *good governance* adalah perkara yang mustahak. Sejak kita menandatangani Lokal Agenda 21 pada tahun 1992, peranan yang dimainkan oleh kementerian untuk mengarahkan atau kawal selia peranan yang dimainkan oleh majlis tempatan nampaknya tidak efektif. Banyak tempat di seluruh negara di mana majlis tempatan membuat pembangunan, pembaharuan dan sebagainya. Tidak ada konsultasi langsung dengan pihak-pihak yang ada di sana. Kekurangan pengetahuan atau pun mengimplementasikan Lokal Agenda 21.

Maka saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri , apakah yang dibuat oleh kerajaan, apa yang dibuat oleh kementerian supaya PBT ini boleh mengikuti arahan atau sekurang-kurangnya *don't, not on face value*. Sekurang-kurangnya membuat apa yang tertera Lokal Agenda 21, itu yang kurang sekarang Tuan Pengerusi. Peranan yang mustahak sekali adalah di mana undi yang ketiga. Satu perkara, *the third vote is the most important vote* dalam sistem demokrasi tetapi tidak dipersetujui oleh Kerajaan Barisan Nasional. Walaupun kerajaan Pulau Pinang telah membawa kes tersebut hingga ke Mahkamah Persekutuan, memaksa satu yang ada di Local Agenda 21 iaitu lebih peranan yang dimainkan oleh '*red .....*' di negara ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya ingin tahu apakah kawal selia mengenai plastik beg? Di mana ada macam-macam warna, di mana selepas guna plastik beg dia perlu buang di satu tempat, di satu tong yang beza. Pihak-pihak yang duduk di kondominium, dalam *flat* tidak langsung menghiraukan arahan-arahan majlis tempatan. Apa yang dibuat, apakah *sensible education* yang dibuat oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan? Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, sebenarnya saya berminat hendak tanya sama ada Menteri dan Timbalan Menteri, sekarang mereka ingat kah warna plastik beg apa untuk muat sampah yang apa? Masih ingat kah? Ada satu kala kita lihat ada banyak publisiti dalam surat khabar, ada banyak *warning* kalau tidak buat, akan ambil tindakan. Sebenarnya *to complicated*. Saya ambil contoh, di Parlimen sini ada kah? Ada tong macam ini kah? Ada plastik beg kah? Sebenarnya bagi saya, saya pun sudah lupa dan saya duduk di kondominium. Di kondominium kita semua buang dalam satu tong di dalam tingkat itu sahaja, memang tidak dilaksanakan.

Jadi saya rasa, lebih banyak publisiti *advertisement* dibuat untuk mengingatkan rakyat tentang ini dan tidak perlu ada banyak warna lah, ini mengelirukan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Warna-warni itu untuk pakaian cukuplah, untuk tong-tong sampah itu tidak perlu satu, dua, tiga warna.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Macam Timbalan Menteri warna-warni. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Timbalan Menteri? Warna-warni? Oh! Saya tidak tahu. Saya ingat kita mula dengan Parlimen lah. Dari sini kita mula supaya ada tong-tong sampah untuk membuang sampah, plastik terutamanya. Tunjuk ajar patut bermula dari sini atau mula dari kindergarten, itu pilihan Yang Berhormat Menteri.

Saya ingin merujuk Butiran 140500 – Sewaan CCTV. Hampir lebih kurang satu tahun kita perlu belanja dalam lingkungan RM15 juta. Apa *target* dia? Apa yang telah kita capai? Apakah kesedaran yang kita ada? Perlu kah kita menyewa walhal kita ada

orang-orang yang boleh *perform* atau kawal selia perkara tersebut, kenapa banyak wang sedemikian? Seterusnya Butiran 31000 iaitu pembelian satu helikopter atau banyak helikopter, saya tidak tahu.

Akan tetapi saya nak tanya baru-baru ini kebakaran di beberapa hutan-hutan di Ipoh, Meru Valley. Di mana hutan sedang terbakar, bomba datang dan kata "*Kami tidak dapat buat apa-apa, kita tidak ada alat-alat yang tertentu*". Saya tanya "*Kenapa kamu datang ke sini?*" "*Kita hanya datang supaya kita tidak membenarkan kebakaran hutan masuk ke kawasan perumahan*". Itu sahaja, *border area* sahaja mereka kawal selia. Adakah ini peranan atau apa yang perlu di buat oleh kementerian? Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu *maintenance* oleh *maintenance* rumah-rumah pangsa dan sebagainya. Terutama macam di Ipoh ada dua tempat, satu adalah... [*Tidak jelas*] dan satu adalah Sungai Pari Flats.

Semasa kita menerajui kerajaan negeri Perak Tuan Pengerusi. Sungai Pari Flats yang ada lebih kurang 25 tingkat dikatakan *structure* dia *boleh last for another hundred years*. Akan tetapi sekarang dalam tempoh beberapa tahun ia telah terbiar, terbengkalai dan sangat teruk hingga ada ramai ada yang duduk di sana adalah penagih dadah dan sebagainya.

#### ■1250

Apakah kawal selia oleh kementerian? Apakah arahan oleh kementerian? Saya ingat lagi di *Wala Court*, saya sendiri dengan Setiausaha Negara masa itu lebih kurang empat tahun dulu telah melawat dan beberapa strategi telah dibuat mengenai untuk mengatasi masalah tersebut. Hingga hari ini *only on drawing board*, tidak ada apa-apa yang diimplementasikan. Apakah yang dibuat oleh kementerian sejak perkara itu berlaku?

Perkara yang lain saya ingin merujuk adalah peranan, pandangan atau polisi kerajaan mengenai '*Build then Sell*'. Semasa saya menjadi anggota PAC Tuan Pengerusi, kita ada membuat beberapa analisis mendapat pandangan dari *developer* dan pembeli. Pada masa itu lebih kurang enam tahun, tujuh tahun dulu, adalah kita membuat pandangan memberitahu kepada kerajaan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa '*Build then Sell*' is the best system. Kalau negara macam Thailand boleh mengadakan '*Build then Sell*', kenapa kita tidak boleh ada di sini.

Perkara yang saya nak tanya apakah kawal selia oleh kementerian dengan rumah-rumah yang dibina, di mana mendapat kebenaran untuk diiklankan. Di mana macam satu kawasan di Tambun, Anjung Tawas di jalan Kuala Kangsar di mana kementerian telah memberi kebenaran untuk mengadakan *Gated and Guarded*

*Community*. Akan tetapi selepas rumah itu telah dibina, rumah-rumah lebih kurang 100 rumah telah dibina didapati pembeli-pembeli itu telah ditipu oleh *developer*. Ini adalah kerana mereka membeli rumah-rumah tersebut kerana ada iklan di bawah itu ditulis 'telah diluluskan oleh kementerian'. Akan tetapi selepas rumah-rumah itu telah dibina dan telah dibeli oleh masyarakat di sana didapati bahawa mereka tidak ada kebenaran untuk mengadakan *Gated Community*. Tidak boleh dan tidak ada kebenaran untuk *Guarded Community*.

Jadi apa yang dibuat oleh kementerian? Macam mana ini boleh jadi? Saya ada nampak surat-surat yang telah ditulis kepada kementerian untuk mendapatkan kepastian, dan untuk mendapatkan pertolongan daripada mereka supaya mengatasi masalah pembeli-pembeli rumah tersebut. Mereka membeli rumah-rumah dengan RM400,000 tetapi sekarang tidak ada *Gated and Guarded Community* menjadi lebih kurang RM250,000 sahaja. Siapa yang akan membayar ganti rugi tersebut? Walhal, syarikat perumahan dekat muflis sekarang. Maka siapa? Apakah peranan kementerian? Ini adalah satu antara perkara yang perlu diambil kira. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Eh.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ada lagi?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]* Boleh saya tanya? Yang Berhormat Ipoh Barat, saya nak tanya apa pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat tentang cadangan Yang Berhormat Menteri yang cadangkan untuk bagi pemaju memberi pinjaman kepada mereka yang ingin membeli rumah tapi tidak dapat kelulusan pinjaman daripada bank. Adakah cadangan Yang Berhormat Menteri ini menggalakkan pemaju ini menjadi 'Ah Long', kenakan kadar bunga yang lebih tinggi dan melanggar peraturan pinjaman wang daripada Bank Negara. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Banyak pandangan, satu sahaja. Ini akan menjadi masalah yang sangat mustahil untuk mengatasi. Saya harap perkara macam ini tidak menjadi satu polisi kerajaan. Lebih baik kita memberi arahan kepada bank untuk mengatasi masalah kepada pembeli-pembeli. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Gerik.

**12.50 tgh.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin membahaskan dalam Kementerian Kesejahteraan Bandar. Butiran 110500 – Keselamatan Kebakaran. Peristiwa kebakaran Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru memberi kesan yang besar kepada negara, dengan kata lain bangunan-bangunan lama pihak kementerian kenalah sentiasa menasihati terutamanya dari segi *wiring*. Kalau

sudah melebihi 25 tahun, kalau tidak nanti akan berlaku lagi kebakaran yang boleh mengorbankan ramai jiwa dan boleh merugikan banyak tempat warisan dalam negara.

Dalam Butiran 040000 – Kesejahteraan Bandar. Saya ingin menarik perhatian di bawah tajuk ini, saya rasa Jawatankuasa Penduduk (JKP). Saya minta kementerian dapat duduk dengan kerajaan negeri untuk memastikan supaya tidak bertindih kawasan JKK, kawasan Kampung Baru (JKK Kampung Baru) dan juga kawasan JPP. Nanti kita akan melihat ketiga-tiga jawatankuasa yang mewakili kerajaan di peringkat akar umbi ini akan ada pertindihan. Jawatankuasa Keselamatan Kampung di bawah kerajaan negeri, Jawatankuasa Kampung Baru, JPP jadi ia akan merugikan dari segi pembangunan di satu tempat.

Walau bagaimanapun, saya amat berterima kasih kepada kementerian kerana telah menubuhkan JPP di kawasan taman-taman. Di mana ini membantu, membantu dari segi pembangunan di kawasan taman yang selama ini dibiarkan walaupun ada setengah-setengah taman dapat mengambil tindakan dengan mengadakan Jawatankuasa Penduduk. Akan tetapi dengan adanya rangkaian, dengan ada elaun yang diberi di kawasan majlis daerah dan juga di kawasan Majlis Perbandaran serta bandar raya, secara tidak langsung kawasan-kawasan taman telah diberi perhatian, tidak dianaktirikan. Pada saya antara penyebab kawasan majlis daerah, kawasan Majlis Perbandaran, kawasan bandar raya yang tidak menyokong kerajaan kerana majoriti mereka tidak diberi perhatian dari segi soal yang kecil sampailah besar soal perparitan, rumah kena cat, *flat* dan pelbagai lagi. Ini antara yang mungkin boleh membantu mendekatkan kerajaan dengan rakyat di peringkat taman-taman.

Dalam masa yang sama Kerajaan Tempatan di bawah Butiran 080000. Saya memohon supaya di bawah Kerajaan Tempatan ini, di dua majlis daerah dalam Parlimen saya iaitu Majlis Daerah Gerik dan juga Majlis Daerah Pengkalan Hulu agar permohonan projek-projek yang dikemukakan oleh pihak Majlis Daerah dapat diberi pertimbangan oleh pihak kementerian seperti di Gerik kita hendak bangun tandas di Taman Inai, kita hendak membina market babi yang baru di kawasan perkampungan cina dan ada beberapa projek dewan-dewan yang masih belum dapat dibina dalam Majlis Daerah Gerik.

Begitu juga di Majlis Daerah Pengkalan Hulu, kita hendak bangun kawasan tasik takung di tengah pekan tadi dengan pelbagai program dan kegiatan untuk memastikan kawasan majlis daerah yang tidak mendapat sumber yang banyak tadi dapat menarik perhatian semua kumpulan boleh datang ke Parlimen Gerik walaupun kita ada pelbagai produk pelancongan seperti *Royal Belum* di Majlis Daerah Gerik.



Manakala di Pengkalan Hulu kita ada satu gua yang nak masuk dalam gua itu kena menyelam masuk dalam air. Ada kawasan bersempadan dengan Betong, makanan dan di kawasan Gerik sendiri pelbagai makanan yang menarik terdapat di sana. Kita yakin dengan kemudahan dan bantuan daripada pihak Kerajaan Tempatan ini, boleh membantu menaikkan lagi imej Gerik *insya-Allah*.

Di bawah tajuk Butiran 110000 – Bomba dan Penyelamat Malaysia. Di dalam di daerah Hulu Perak satu tanah telah dibuat pengambilan lebih daripada 20 tahun. Saya amat mengharap supaya bangunan bomba baru di daerah kecil Gerik ini dapat dibina. Walaupun saya menyedari peruntukan tidak mencukupi, walaupun kawasan itu duduk di dalam kawasan Parlimen Lenggong tetapi bersempadan dengan Parlimen Gerik, jadi kita berharap dengan adanya bomba dengan perkembangan yang pesat, pertambahan rumah perumahan di dalam daerah kecil Gerik memerlukan pejabat bomba yang baru. Semoga segala permasalahan, kebakaran, bencana alam, cuaca yang tidak menentu dan pelbagai boleh mempercepatkan urusan menyelamatkan tempatan di sana.

Dalam pada itu saya nak menyentuh juga, dalam tajuk Butiran 04000 – Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. Saya mengharapkan supaya kementerian meneruskan bantuan membaiki rumah miskin di luar bandar di kedua-dua majlis daerah. Oleh sebab utama ialah kawasan Majlis Daerah Gerik dan Majlis Daerah Pengkalan Hulu ketika ini mengalami perubahan cuaca dunia. Sebulan sekali angin datang, puting beliung menyebabkan rumah-rumah terangkat atap dan segala-galanya. Saya membantu menggunakan peruntukan Ahli Parlimen. Dalam masa yang sama saya amat mengharap kemiskinan dalam bandar tadi terus dibantu oleh pihak kementerian sama ada membaiki rumah ataupun kita membina rumah yang baru.

Dalam pada itu saya juga nak bercakap soal Butiran 090000 – Jabatan Perumahan Negara. Sesuai dengan pengumuman Yang Berhormat Menteri untuk mewujudkan rumah murah, rumah PPR, kita menawarkan tempat sama ada di Majlis Daerah Pengkalan Hulu ataupun di Majlis Daerah Gerik. Tanah-tanah boleh kita carikan untuk memastikan ada perumahan yang mampu dibeli oleh kumpulan sasar. Di mana, kalau PR1MA, saya percaya tidak menyebabkan dan tidak membolehkan ramai yang boleh membelinya. Akan tetapi dengan adanya perumahan PPR ini, boleh menyebabkan rakyat di bawah memiliki rumah kos rendah dengan kadar bayaran yang mampu mereka bayar kerana di sekitar Gerik dan Pengkalan Hulu kadar sewa rumah pun antara RM150 membawa ke RM450 walaupun rumah murah.

Maknanya, kalau kita tambahkan perumahan tadi peluang generasi muda yang berkahwin untuk memiliki rumah sendiri kerana ini ialah dari segi teori ekonominya keperluan kita yang berkeluarga. Mula nak ada baju, nak ada makanan selepas itu kita

nak ada tempat tinggal dan tempat tinggal itu ikut kemampuan yang kita boleh beli atau pun tidak. Maka, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan untuk membina rumah rakyat. Dengan secara tidak langsung saya berharap supaya dalam perancangan di peringkat kementerian diberi pertimbangan untuk memastikan projek perumahan untuk rakyat kelas bawah ini boleh dibina dalam Parlimen Gerik. *Insyallah*.

Dalam pada itu saya juga berharap, supaya diberi pertimbangan untuk perancangan bandar, untuk landskap kawasan Majlis Daerah Gerik dan Majlis Daerah Pengkalan Hulu kerana Parlimen Gerik sekarang ini selain daripada bergantung pada punca pendapatannya daripada menoreh getah, kita juga bergantung pada pelancongan. Secara tidak langsung, kalau diluluskan lebih banyak peruntukan untuk perancangan bandar dan desa, landskap di kedua-dua tempat dengan keindahan semula jadi dalam Parlimen saya, secara tidak langsung ia boleh menarik lebih ramai pelancong datang ke Parlimen Gerik.

Cuma ada satu rungutan daripada rakyat sejak Menteri baru, dikatakan beberapa peruntukan lambat turun ke bawah. Jadi ini apa hal kementerian? Jadi tolong *adjustkan* supaya benda ini tidak menjadi perbualan di peringkat bawah. Dengan ini saya menyokong dalam jawatankuasa. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Mesyuarat dalam Majlis.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Majlis ditangguhkan sekarang ini dan bersidang semula pada jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

*[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.04 tengah hari]*

■1430

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ramai sakit tekak ini. *Last* sekali Yang Berhormat Gerik ya?

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh tidak mahu?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Oleh sebab Yang Berhormat Seputeh ini dia selalu usul dia tidak setuju. Jadi selepas 5.30, dia tidak perlu bangun. *[Dewan ketawa]*

Sila Yang Berhormat Rantau Panjang. Kita minta Yang Berhormat Menteri pukul 4.00 ya, jadi kalau boleh ringkas-ringkas. Walaupun 10 minit diberikan peruntukan, kalau dapat tujuh minit, lima minit satu orang, lagi ramai yang boleh berucap, berbahas. Ya, sila.

### **2.33 ptg.**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya memulakan perbahasan saya peringkat Jawatankuasa di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah peruntukan B.43 dan P.43. Saya ingin menyentuh tentang berkaitan dengan Butiran 060000 – Perancangan Bandar dan Desa, yang mana kita tahu antara tugas besar di bawah PBT ialah untuk memastikan kesejahteraan kehidupan rakyat sama ada di bandar dan di desa.

Saya ingin tahu, berapakah peruntukan yang telah diperuntukkan oleh kerajaan di bawah perancangan bandar dan desa ini untuk pekan Rantau Panjang? Setahu saya perancangan baru sahaja dibuat. Bilakah program ini akan dilaksanakan? Oleh sebab Rantau Panjang, Parlimen saya merupakan pintu masuk di sebelah Pantai Timur menuju ke negara Thailand dan sudah tentulah imej negara ini perlu kita pameran. Dalam keadaan sekarang ini, kita lihat seolah-olah ada dua darjat. Kita tengok di sebelah pekan Golok dengan pekan Rantau Panjang terlalu nampak perbezaan daripada segi infrastrukturnya, daripada segi pembangunannya. Jadi saya harap perkara ini diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Saya juga ingin tahu, apakah syarat-syarat untuk membolehkan sebuah majlis daerah itu boleh kita letakkan? Kalau boleh satu majlis daerah, satu Parlimen. Kalau dalam kawasan saya hari ini, saya berkongsi dengan Parlimen Pasir Mas. Sudah tentulah daripada segi kemampuan kewangan, daripada segi kemampuan staf dan sebagainya amat terhad. Jadi, adakah ada perancangan daripada pihak kerajaan untuk masa depan, untuk mengasingkan Majlis Daerah Rantau Panjang dengan Majlis Daerah Pasir Mas untuk membolehkan keberkesanan pembangunan dapat disalurkan kepada rakyat seluruhnya.

Saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan permasalahan yang di bawah Butiran 090100 – Perumahan Negara, yang mana kita lihat isu masalah rumah rakyat miskin ini memang menjadi masalah di seluruh negara kita. Jadi kita lihat banyak peruntukan yang diberi ini terutama di kawasan pendalaman, rumah yang dibina di atas tanah. Sedangkan kawasan yang sentiasa terdedah dengan banjir seharusnya rumah-rumah yang dibina untuk rakyat miskin ini diadakan tiang. Maknanya rumah yang bertiang untuk mengurangkan risiko berdepan dengan banjir. Jadi, sejauh mana dasar perumahan ini terutama dalam perumahan PPRT ini dibuat oleh pihak kerajaan?

Begitu juga tentang kemudahan CCTV. Kita semua tahu dengan keadaan kemelut yang ada pada hari ini terlalu banyak jenayah berlaku dan kawasan yang paling terkesan di antaranya ialah kawasan sempadan. Jadi, sejauh mana peruntukan CCTV ini diberi untuk memantau terutama kegiatan penyeludupan dan penjenayah di sekitar sempadan? Bayangkan kalau kes semalam, kes bayi yang dilarikan. Kalau dilarikan ke sempadan, bukan mudah untuk kita dapat kembali. Jadi begitu juga dengan isu-isu yang lain. Jadi saya ingin tahu, berapakah peruntukan CCTV ini akan diperuntukkan di bawah Parlimen saya, di bawah Majlis PBT di Pasir Mas dan di Rantau Panjang untuk memastikan kesejahteraan rakyat?

Begitu juga di antara isu besar yang dihadapi oleh PBT iaitu masalah-masalah kekurangan peruntukan berbanding dengan perbelanjaan yang terpaksa ditanggung. Banyak PBT yang terpaksa bergantung kepada geran Kerajaan Persekutuan dan geran kerajaan negeri. Jadi sudah tentulah dengan kekangan kewangan ini menjadi masalah yang besar kepada sesetengah PBT. Jadi saya ingin tahu, apakah perancangan kerajaan untuk membantu PBT yang mengalami defisit kewangan dalam pengurusan pentadbirannya terutama untuk meningkatkan kualiti pentadbiran?

Saya bagi contoh ialah, bagaimana kalau dalam Parlimen saya banyak lagi isu berkaitan masalah tempat letak kereta yang tidak mencukupi, stesen bas yang masih uzur seperti bas Rantau Panjang yang perlu dinaiktarafkan, tandas awam yang perlu dinaiktarafkan. Begitu juga tempat – banyak lagi jalan-jalan berlubang yang perlu diperbaiki. Begitu juga tempat pembuangan sampah, pelupusan sisa pepejal yang perlu diurus. Jadi saya ingin tahu, apakah perancangan kementerian untuk dalam PBT di Pasir Mas, di kawasan saya untuk menyelesaikan isu-isu ini dalam keadaan kekangan kewangan yang dihadapi oleh PBT. Apakah bantuan yang akan diberi oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini? Antara masalah utama PBT ialah kutipan hasil tunggakan yang sangat tinggi. Ada sesetengah PBT mencapai 60 peratus tunggakan, ada yang 25 peratus tunggakan. Jadi, apa usaha pihak kerajaan untuk memastikan tunggakan hasil PBT ini dapat dikurangkan?

Begitu juga kursus-kursus yang diberi kepada kakitangan dan juga pihak pentadbir PBT untuk memastikan kecekapan pentadbiran sebab kita memerlukan kakitangan yang mahir. Hari ini kita lihat banyak kejayaan PBT bergantung penuh kepada kebijaksanaan dan pengurusan Yang di-Pertua Majlis Daerah (YDP). Jadi, sejauh mana kursus ataupun latihan diberi terutama kepada pegawai-pegawai baru supaya mereka dapat melahirkan satu pentadbiran yang sangat berkesan dan dapat melahirkan kesejahteraan untuk rakyat hasil daripada pengurusan yang berkesan.

Saya ingin tahu juga berkaitan dengan Butiran 100000 – Landskap Negara, yang mana saya ingin tahu peruntukan yang disalurkan kepada negeri Kelantan dan terutama, saya ingin tahu bagi bandar-bandar baru. Di kawasan saya ada bandar baru, bandar baru Tasek Raja yang ada pasar baru yang baru sahaja dibuka. Suasana pemandangan di tepi jalan utama ini sangat memerlukan kepada peningkatannya supaya apabila pelancong-pelancong datang, dapat melihat suasana yang lebih baik. Jadi, sejauh mana perkara ini dalam perancangan pihak kementerian untuk memberi ruang ataupun memberi bantuan, untuk memastikan bantuan dalam bentuk pengindahan bandar untuk melahirkan bandar yang sejahtera, bandar yang selamat, bandar yang ceria ini dapat kita jayakan di bawah PBT ini.

#### ■1440

Begitu juga, saya ingin penjelasan berkaitan dengan operasi bomba iaitu di bawah Butiran 110400 – Operasi Kebombaan dan Penyelamat.

Kawasan saya antara kawasan yang banyak, kerap berlaku kebakaran. Ada sampai tiga atau empat kali setahun. Jadi saya ingin tahu, sejauh mana kelengkapan bomba ataupun kelengkapan penyelamatan yang telah disediakan untuk Parlimen saya? Sejauh mana peralatan- sebab isu yang berbangkit kadang-kadang enjin untuk sedut air lambat hidup atau kadang-kadang masalah teknikal ataupun logistik yang menjadi permasalahan. Begitu juga, masalah jalan yang sempit menyebabkan keberkesanan pasukan bomba untuk menjalankan tugas ini tidak berkesan.

Sejauh mana rundingan dibuat dengan pihak bomba Thailand? Oleh sebab, di sempadan, kawasan saya dekat sangat dengan negara Thailand, jadi sudah tentulah hubungan baik antara Pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Thailand sangat perlu untuk menangani terutama pada saat berlaku kecemasan kebakaran. Jadi, saya harap perkara ini dirunding dan dibincangkan dengan baik untuk memastikan supaya perkara ini dapat dimanfaatkan untuk rakyat seterusnya.

Begitu juga latihan. Saya ucapkan terima kasih atas elaun khas yang diperuntukkan oleh kerajaan dalam Bajet 2017 untuk anggota bomba. Saya ingin tahu latihan-latihan kecekapan kepada anggota bomba termasuk pemanduan bot pada

musim banjir. Oleh sebab isu yang berlaku lepas, ada pegawai bomba ada bot tetapi tidak mampu, tidak mahir hendak memandu di arus yang deras pada musim banjir-terpaksa kita mungkin memerlukan. Orang kampung kadang-kadang lebih pakar. Jadi setakat ini, apakah latihan-latihan yang telah dibuat untuk memastikan kecekapan jentera pasukan bomba dan penyelamat kita?

Begitu juga saya ingin tahu berkaitan dengan- iaitu dari sudut macam mana untuk pengurusan longkang-longkang di bawah peruntukan Butiran 130100 di mana peruntukan diberi untuk memastikan lokasi-lokasi sampah haram dan sebagainya.

Jadi saya ingin tahu, peruntukan yang diberi oleh pihak PBT untuk memastikan tidak ada longkang yang tersumbat, tidak ada tempat-tempat pembuangan sampah haram yang membawa kepada punca pencemaran dan boleh membawa kepada penyakit? Oleh sebab isu ini isu yang sangat besar yang boleh membawa kesan kepada rakyat seluruhnya.

Jadi, akhir sekali, saya ingin mohon iaitu peruntukan untuk bantuan jalan-jalan berlubang. Di mana kita tahu peruntukan ini sangat diperlukan. Jadi, saya harap peruntukan yang lebih diberi kepada PBT di kawasan saya untuk memastikan jalan-jalan terutamanya terkesan dengan banjir dapat dibaiki dengan segera. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tebrau.

**2.43 ptg.**

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, perkara pertama yang saya hendak bincang ialah Butiran 070000 dan Butiran 070100 – Pengurusan Sisa Pepejal Negara.

Tuan Pengerusi. Sejak KPKT melaksanakan pengasingan sisa pepejal, saya rasa ini satu hala tuju yang betul. Jadi memandangkan bahawa sekarang perubahan iklim yang begitu drastik, pada saya, saya fikir bahawa pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar amat penting. Jadi, saya tidak tahu usaha KPKT untuk bangkitkan kesedaran rakyat jelata kita, adakah berjaya? Dan macam mana dengan respons dan kerjasama daripada rakyat jelata sama ada sekarang itu semakin berjaya kah, atau semakin dingin. Saya tanya soalan ini, oleh sebab saya terima aduan daripada penduduk bahawa sikap pekerja-pekerja dan kakitangan syarikat pengurusan sampah sarap tidak begitu baik. Sebenarnya penduduk sudah asingkan sampah sarap ikut jenis. Akan tetapi, apabila mereka mengambil semua, dicampuradukkan. Jadi, penduduk rasa bahawa mereka membazir masa, membazir tenaga dan kerja mereka sia-sia.

Jadi, kalau kita biarkan begitu saya percaya nanti satu hari tidak ada orang akan asingkan sampah sarap lagi. Jadi, saya rasa bahawa ini suatu perkara yang kita mesti ambil berat. Jadi, satu lagi yang saya hendak tanya berkenaan dengan kawasan-kawasan tertentu yang mungkin tidak ada perkhidmatan pungutan sampah sarap. Misalannya, kawasan Tebrau ada satu buah kampung nelayan, kampung Orang Asli yang bernama Kampung Pasir Salam. Tempat itu, walaupun ia di bawah Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) tetapi saya percaya mereka setakat ini belum bayar cukai pintu. Sebab ini, semua Orang Asli, dan dia agak jauh dari kawasan yang lain dan tidak ada perkhidmatan pungutan sampah sarap.

Jadi oleh itu, mereka berdekatan dengan laut. Jadi, semua sampah sarap akan dibuang ke dalam laut dan ini akan timbulkan masalah pencemaran dan sebagainya. Saya tidak tahu apa yang kita boleh buat untuk bangkitkan kesedaran mereka tentang cara hendak lupuskan sampah sarap. Kita juga mesti berikhtiar apa caranya mereka boleh melupuskan sampah sarap tanpa mencemarkan alam sekitar.

Tuan Pengerusi. Perkara yang kedua yang saya hendak bangkit juga berkenaan dengan *gated and guarded*. *Gated and guarded community*. Sekarang, kawasan baru-kawasan perumahan yang baru boleh kata hampir semuanya dibuat secara *gated and guarded*. Bermaksud berpagar dan hanya satu ataupun dua pintu masuk keluar dan ada *security guard* dan sebagainya. Oleh sebab di bawah keadaan keselamatan sekarang, jenis *gated* yang *guarded* itu amat digemari dan lebih senang dijual. Kalau tidak ada *gated and guarded*, orang tidak mahu beli. Oleh sebab kita fahamlah, kalau kebanyakan kawasan-kawasan ada *gated and guarded* jadi penjenayah akan pergi ke tempat yang tidak ada *gated and guarded*.

Akan tetapi, oleh sebab kalau ikut garis paduan KPKT, kawasan *gated and guarded* itu seharusnya ada *strata title*. Bagaimanapun, *strata title* tidak digemari oleh para pembeli rumah. Oleh sebab, kalau dia *strata title* bermaksud dia tiada *title* individu dan semua jalan raya, lampu dan semuanya, semua hendaklah diuruskan oleh komuniti itu sendiri. Ini menambah perbelanjaan dan mungkin pun susah sedikit hendak jual.

Jadi, sekarang kebanyakan PBT mereka ikut garis panduan itu. Sebenarnya kadang-kadang lebih ketat daripada garis panduan. Oleh sebab, garis panduan kata kalau sebahagian besar penduduk setuju untuk adakan *gated and guarded* boleh ditubuhkan. Akan tetapi, kebanyakan PBT di Johor Bahru mereka sudah sekurang-kurangnya 70 percent hingga 80 percent baru mereka hendak benarkan. Jadi, bagi kawasan yang rupanya *gated and guarded* tetapi bukan *strata title*. Kadang-kadang penduduk yang tidak bekerjasama memberi alasan, ini adalah *gated and guarded* yang tidak sah.

Jadi, mereka tidak memberikan kerjasama, sama ada tidak bayar yuran pengurusan ataupun keluar masuk tidak mahu tunjukkan identiti dan rosakkan *boom gate*, dan sebagainya. Jadi, ini bangkitkan banyak masalah kepada kami sebagai Wakil Rakyat. Jadi, saya hendak tanya KPKT, boleh kah kita beritahu kepada PBT berkenaan dengan kawasan *gated and guarded* yang bukan *strata title* itu macam mana kita hendak uruskan. Kalau boleh, kita jadikan mereka sah supaya mereka tidak menghadapi masalah.

Perkara yang terakhir yang saya hendak bangkitkan ialah di bawah Butiran 020000 – Pengurusan; dan Butiran 020400 – Teknologi Maklumat.

#### ■1450

KPKT ada satu *apps handphone* yang bernama iKepoh. Kebetulan “kepoh”, dalam loghat Hokkien ialah “*busybody*”. Akan tetapi pada saya, saya tengok daripada segi positif. Oleh sebab ada *apps* itu, kalau saya nampak sesuatu yang tidak betul di kawasan yang saya tidak tahu di bawah PBT yang mana pun, saya boleh buat laporan. Misalnya kalau saya berada di Melaka, saya nampak ada lampu tidak nyala pun, saya tidak perlu tahu ini di bawah PBT yang mana, saya boleh buat laporan.

Jadi walaupun *busybody*, ini *busybody* secara yang baik. Akan tetapi saya tidak tahu tentang bilangan muat turun *apps* itu oleh sebab pada saya *apps* itu adalah sangat baik dan kita perlu adakan publisiti supaya lebih ramai orang yang gunakannya, lebih orang yang menjadi kepoh ataupun *busybody*. Adakah kita mengadakan kempen dan bilangan aduan yang diterima serta bilangan aduan yang diselesaikan?

Sekian terima kasih. Jadi Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cuma saya hendak dapat kepastian, berapa orangkah lagi yang minat?... Pembangkang? Okey, saya boleh benarkan enam daripada pembangkang, enam daripada BN. So kalau 10 minit, jadi 12, 120 minit, tidak cukup masa kita. Jadi saya sudah nasihatkan untuk pendek-pendekkan tetapi nampaknya hendak juga gunakan maksimum 10 minit. Jadi saya hadkan 5 minit untuk seorang. Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh.

**2.52 ptg.**

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Di Peringkat Jawatankuasa ini tidak perlu hurai panjang-panjang. Rujuk perkara, rujuk butiran. Ya.



**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Butiran 110000 – Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Kita lihat emolumen bomba ditingkatkan lebih kurang RM100 juta dari tahun lepas. Persoalan saya, adakah ini menunjukkan bahawa ada kenaikan pangkat dan juga kenaikan gaji kepada ahli-ahli bomba ini? Terima kasih kepada kementerian untuk ini.

Akan tetapi saya tengok kepada Butiran 140600 – Insurans Bomba.

Tahun 2006, ada juga sikit RM2.837 juta tetapi 2017 tidak ada. Jadi, adakah tidak ada insurans? Buat kerja bomba tidak ada insurans, saya rasa membimbangkan juga. Kenapakah tidak diadakan untuk tahun 2017?

Baik, perkara yang kedua ialah Butiran 01600 – Program Perumahan Rakyat Disewa.

Jadi kita lihat kepada perbelanjaan dari tahun 2011 hingga 2015 ialah RM456 juta. Tahun 2016 jatuh kepada RM36 juta, tahun 2017 turun lagi RM6.8 juta. Jadi kalau kita bandingkan dengan Program Perumahan Rakyat pula, program ini agak besar, meningkat dari tahun 2011, 2012 RM286 juta; tahun 2016 RM470 juta; tahun 2017 naik lagi RM709.5 juta. Bermakna, nampaknya penumpuan kementerian untuk membuat rumah untuk dijual kepada rakyat.

Saya sebaliknya tidak bersetuju dengan pendirian ini. Saya rasa terbalikkan. Kurangkan buat rumah untuk dijual kepada rakyat tetapi banyakkann sewa kerana ini akan mengurangkan perbelanjaan isi rumah. Makna, hutang tidak ada kepada rakyat ini, tidak ada hutang sangat, bayar sewa saja. Tidak payah hutang dan tidak ada hutang tidak sakit kepala, tidak ada masalah, tidak ada masalah gejala sosial dan sebagainya. Jadi saya rasa tumpuan sepatutnya kepada Program Perumahan Rakyat Disewa dan peruntukan ini patut diangkat. Ini cadangan saya kepada kementerian.

Akhir sekali untuk Butiran 080000 - Kerajaan Tempatan dan juga Butiran 100000 – Landskap Negara.

Kita lihat di sana ada peruntukan-peruntukan untuk membantu PBT-PBT untuk memperbaiki keadaan di PBT-PBT. Kita tahu di PBT ini banyak keperluannya di seluruh negara dan kita lihat misalnya itu lebih kurang 70% daripada penduduk kita ini tinggal di kawasan di bandar-bandar. Maka kita mesti menjamin kesejahteraan kehidupan kebanyakan rakyat kita di Malaysia ini yang berada di bandar. Jadi, kementerian ini cukup penting dan peranan yang dimainkan oleh kerajaan tempatan dan juga mempersiapkan kawasan yang lebih cantik untuk kawasan-kawasan di dalam PBT ini cukup penting dan saya rasa tumpuan ini patut dipertingkatkan lagi program-program itu.

Kita lihat kepada Butiran 00100 – Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang peruntukannya agak banyak juga RM336 juta seluruh negara.

Jadi semuanya ini, program-program Kerajaan Tempatan, landskap dan juga projek-projek kecil ini boleh membantu semua PBT. Untuk itu, PBT di tempat saya Pasir Puteh juga perlu kepada bantuan. Kita tahu di Pasir Puteh banyak masalah, sedikit masalah perparitan. Saya diberitahu ada juga program yang dibantu oleh KPKT ke Pasir Puteh ini. Saya harap program ini diteruskan dan juga diperluaskan sikit supaya *insya-Allah*, masalah air bertakung dan juga penyakit disebabkan oleh denggi dan masalah-masalah penyakit vektor, nyamuk dan sebagainya ini dapat dikurangkan di tempat saya dan juga taman rekreasi.

Taman rekreasi ini juga penting untuk bandar-bandar dan kita kena beri tumpuan bahawa di sinilah penduduk bandar ini boleh berehat, beriadah dan keluarga mereka dapat berada di sana untuk merehatkan minda mereka. Jadi di sini, saya harap *insya-Allah*, ada sikit bantuan kepada PBT Pasir Puteh sendiri untuk mengadakan taman rekreasi yang lebih baik di Pasir Puteh dan juga di bandar-bandar lain. Jadi dengan itu, terima kasih kepada KPKT.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tidak bangun pula Yang Berhormat Lipis ini. Hantar nama tidak bangun pula. Yang Berhormat Sekijang. Yang Berhormat Lipis tidak minat sudah ya.

**2.57 ptg.**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 01604 – Pemulihan Perumahan.

Saya ingin mengetahui status pemulihan taman perumahan yang terbengkalai di kawasan Pelabuhan Darat Segamat iaitu Taman Tuanku Abdul Rahman. Saya dimaklumkan oleh pihak berkuasa tempatan di daerah Segamat yang taman ini sudah masuk tahun yang ke-20 tetapi masih belum dapat apa-apa penyelesaian tentang terbengkalainya taman ini.

Butiran 01513 iaitu Program Perumahan Rakyat.

Saya ingin mendapatkan status jumlah rumah kos rendah dan juga kos sederhana rendah yang masih belum dibina oleh pemaju di dalam kawasan Parlimen Sekijang, dan apakah tindakan yang dikenakan oleh pihak PBT dan juga oleh pihak kementerian kepada pemaju-pemaju yang berjanji untuk mendirikan rumah kos rendah ini dan kos sederhana rendah ini tetapi mereka gagal untuk melaksanakan projek-projek ini selain daripada caj penalti yang dikenakan oleh pihak kementerian dan juga syarat senarai hitam? Apakah tindakan-tindakan lain yang dikenakan kepada pemaju-pemaju

yang ingkar ini? Kalau boleh, minta jasa baik kementerian kita senarai hitamkan bukan hanya syarikat tetapi individu-individu termasuk pemilik-pemilik syarikat ini, kalau dapat di senarai hitamkan sama.

Kemudian Butiran 090000 – Perumahan Negara.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian bahawa baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah membenarkan pemaju perumahan untuk mengeluarkan pinjaman kepada pembeli. Walaupun ada yang tidak bersetuju tentang konsep ini tetapi saya lihat masih ada ruang yang boleh kita tingkatkan untuk memastikan cadangan tersebut diterima. Kita tahu kementerian mempunyai mandat untuk memberi lesen operasi pemberi pinjam wang.

Kita boleh rujuk Butiran 040300.

Jadi cadangan Yang Berhormat Menteri ini saya lihat, memang logik cuma saya rasa akan jadi masalah untuk pemberian pinjaman perumahan kerana ia akan melibatkan jumlah yang agak besar. Jadi saya ingin mencadangkan, daripada membenarkan pemaju mengeluarkan pinjaman, saya rasa cadangan daripada Yang Berhormat Pasir Puteh tadi konsep *Rent to Own* bagi perumahan yang dimajukan pihak swasta seperti mana yang dilakukan oleh PR1MA.

#### ■1500

Saya sedar syarikat pemaju mungkin perlu menunggu lebih lama untuk mendapatkan keuntungan daripada jualan rumah-rumah mereka tetapi kita boleh wujudkan situasi menang-menang dalam perkara ini. Contohnya, kerajaan boleh memberi insentif galakan cukai bagi mana-mana pemaju yang membangunkan Projek Rumah Mampu Milik mereka dan mereka ini boleh bersedia untuk melaksanakan konsep *rent-to-own* dengan kadar faedah standard seperti mana yang ditawarkan oleh pihak bank. Jadi kita hanya terhadkan konsep ini bagi rumah mampu milik sahaja bukan rumah-rumah yang lain.

Seterusnya butiran 110500 – Keselamatan Kebakaran yang melibatkan peruntukan sebanyak RM7.34 juta.

Saya rasa terpanggil untuk bertanyakan kepada pihak kementerian tentang sejauh manakah pihak bomba ada mengadakan pemantauan dan pemeriksaan ke atas unit-unit bangunan lama yang sudah berusia lebih separuh abad terutamanya bagi bangunan milikan kerajaan.

Kita kena maklum banyak bangunan yang dibina telah melalui proses dimakan usia, struktur bangunan tidak kuat dan di awal pembinaannya kita tahu mungkin ada masalah berkaitan dengan sistem pendawaian dan sebagainya dan apakah tindakan daripada pihak kementerian jika telah diberi amaran kepada bangunan-bangunan ini

tetapi jika mereka masih berdegil dan tidak mempedulikan amaran daripada pihak bomba dan juga pihak kementerian, apakah tindakan yang dikenakan kepada mereka ini? Itu sahaja. Terima kasih dan saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Pahat.

### **3.01 ptg.**

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Saya ingin membicarakan beberapa Kepala. Pertama di bawah Butiran 060000 – Perancangan Bandar dan Desa, khusus merujuk kepada Butiran 060200 – Soal Perancangan; dan Butiran 060300 – Soal Pembangunan.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya perancangan dan kemudian pembangunan ini mengambil kira pandangan daripada penduduk setempat khususnya daripada pengguna-pengguna yang berkaitan. Kalau boleh saya berikan contoh misalnya dalam pembangunan pemindahan ini khusus di Batu Pahat pemindahan pengguna peniaga-peniaga dari pasar borong lama kepada pasar borong baru seharusnya mengambil kira pandangan daripada pengguna dan kalau ada pandangan pengguna-pengguna yang bertentangan bila mereka membawa bantahan mereka tidak dihukum.

Saya ingin bantuan daripada pihak kementerian, pihak Yang Berhormat Menteri khususnya bagaimana dapat membantu peniaga-peniaga ada kira-kira 20 orang peniaga yang membantah pemindahan dari Pasar Borong Lama ke Pasar Borong Baru kemudian merekanya bila ada penempatan ke tempat Pasar Borong Baru mereka ini dinafikan tempat walaupun mereka telah berniaga umumnya telah berniaga lebih daripada 40 tahun. Jadi saya mengharapkan pihak kementerian dapat menggunakan pengaruh dan kalau ada kuasa untuk hal ini dapat diteliti.

Perkara yang kedua Tuan Pengerusi ialah soal kerajaan tempatan. Saya dibincangkan terlebih awal dengan Timbalan Menteri sebelum ini mungkin ada kaitan dengan bangunan Menara Batu Pahat ini tidak secara langsung di bawah Kerajaan Pusat tetapi saya ingin menyuarakan bantuan daripada mengharapkan bantuan daripada kerajaan daripada Yang Berhormat Menteri supaya melihat menara ini.

Menaranya cantik, tinggi tetapi kalau pengguna-pengguna datang dan lalu di kawasan itu, lalu di tingkat bawah sahaja, tandas berada di tingkat 3 sudah bau dia punya wangian kut-angkut di bawah. Jadi ini saya selalu sebutkan menara ini umpama 'muka' pada Batu Pahat. Jadi kalau orang tengok muka pun sudah comot, apatah lagi

bandarnya. Jadi saya mengharapkan pihak Yang Berhormat Menteri memberikan sokongan supaya:

- (i) bangunan ini digunakan sepenuhnya;
- (ii) segala kemudahan asas- tandas, surau, eskalator itu diperbaiki kerana sudah lama sebenarnya dan banyak kali kita bawa kepada pihak berkenaan masih tidak terurus sehingga sekarang; dan
- (iii) kita mengharapkan juga ada promosi khas supaya bangunan ini penghuni-penghuni dan pengguna-pengguna, peniaga-peniaga dapat digalakkan supaya galakan orang ramai untuk datang berniaga di situ.

Ada di tempat itu sama Tuan Pengerusi ialah perhentian bas dan juga perhentian teksi. Perhentian teksi itu banyak kali dia punya persatuan teksinya memberitahu saya dan mengajak saya melihat dan memang kita agak simpati bahawa tempat pemandu-pemandu teksi itu menunggu itu macam bangsal begitu tidak sesuai sebagai sebuah perbandaran. Jadi saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri yang baru ini supaya dia nampak macam *sweep*, penyapu baru.

Tuan Pengerusi, saya ingin pindah terus oleh sebab saya tengok batasan waktu sudah sampai, projek-projek kecil di bawah Butiran 00100.

Saya mengharapkan bantuan Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri supaya projek-projek kecil ini dapat menyelesaikan masalah kecil tetapi kesan besarnya. Kesannya besar ke atas penduduk tempatan. Ini masalah *traffic light*, masalah banjir kilat, masalah hal-hal yang berkaitan hal-hal kecil ini tetapi besar maknanya bagi penduduk-penduduk setempat.

Tuan Pengerusi, ini soal yang terakhir yang saya ingin sentuhkan ialah soal Program Pembasmian Miskin Bandar pada Butiran 04000.

Ini rumah-rumah di tepi Sungai Batu Pahat itu memang tahapnya tahap setinggi kalau Yang Berhormat Menteri dapat menengok hal ini saya fikir sangat baik. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Rompin.

### **3.07 ptg.**

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tuan Pengerusi. Saya sedikit sahaja B.43, Butiran 030000 – Dasar.

Kita melihat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan harus membuat sebuah dasar yang penting iaitu di bandar-bandar, *shopping-*

*shopping complex* ini harus ditutup lebih awal kerana ini bukan satu budaya yang baik. Rakan-rakan saya dari luar negara bila dia datang melawat ke negara kita dia merasa hairan kenapa di Malaysia ini jam 10 malam, 9 malam *shopping complex* masih dibuka. Walhal masa ini dan anak-anak berkeliaran di *shopping complex*. Ini bukan satu budaya yang baik. Sepatutnya *shopping complex* ini pukul 8, ataupun pukul 7 mesti tutup...

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Ini dan mungkin sebelah malam sahaja sebelah hujung minggu sahaja dibenarkan buka sampai pukul 10 malam. Kalau kita pergi ke luar negara yang maju, negara-negara yang bertamadun tinggi- *shopping complex* tidak dibuka sampai pukul 10, pukul 11 malam.

Ini ada hubung kaitnya dengan pekerja- kalau kita buka *shopping complex* sampai pukul 7, umpamanya 8 malam, berapa jumlah tenaga kerja yang kita selamatkan dan tidak perlu ambil pekerja asing? Begitu juga...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Ini cadangan saya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Rompin, siapakah pergi *shopping* pada waktu kerja?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya mahu pergi *shopping* pun mahu pergi makan malam di *shopping mall* pun selepas pukul 8, selepas solat baru pergi ma. Pukul 8 mahu tutup *shopping mall*, macam mana buat *business*. Ini akan menjejaskan ramai pekerja dan bukan asing tahu, tetapi tempatan.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Rompin sedikit.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Kita sebenarnya...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Tadi Yang Berhormat Rompin kata *shopping centre* lebih baik tutup awal. Kalau tutup awal maksudnya negara tersebut bertamadun. Parlimen kita bersidang sampai pukul 11.45 malam, apa pandangan Yang Berhormat Rompin? Terima kasih... *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** itu satu perbandingan yang tidak relevan... *[Dewan ketawa]* Satu perbandingan yang tidak sesuai dan jumlah *shopping complex* juga, saya mahu kementerian melihat- kalau *shopping complex* ditutup pukul 7 berapa kita selamatkan tenaga pekerja asing?

■1510

Pembukaan *shopping complex* ini harus dikawal. Terlalu banyak. Maksud saya, ini ada hubung kait dengan kita punya *level structure policy*. Umpamanya, kalau *shopping complex* terlalu banyak, pekerja-pekerja kita tidak berpeluang untuk menunjukkan produktivitinya. Umpamanya, kalau *shopping complex* itu menjual banyak produk walhal- katalah kita punya *shopping complex* kurang, katalah seribu jenama dijual tetapi jenama itu dijual oleh sepuluh atau 20 orang. Akan tetapi, kalau jenama itu dijual oleh lima orang, produktivitinya tinggi dan gajinya mahal. Ini usaha-usaha kita untuk meningkatkan lagi pekerja-pekerja untuk mendapat pendapatan yang tinggi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Rompin, itu pelancong Arab mereka buat *shopping* pada waktu malam, dan *midnight* juga tahu?

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Kalau dia pergi ke *Western country*, ikut pula budaya di sana. Budaya di sana pukul 8 dah tutup semua sekali kerana malam adalah untuk keluarga. Kita kena budayakan masyarakat kita, malam dengan keluarga.

Begitu juga kedai-kedai 24 jam ini, harus disemak semula. Tak boleh. Itu budaya yang tidak sihat. Kedai mesti ditutup pada pukul 12 malam- kedai-kedai makan. Ini budaya yang tidak sihat dalam negara kita. Pukul 12 malam mesti tutup dan balik ke rumah, makan di rumah dengan keluarga. Saya minta kaji berapa kalau kita tak buka...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Rompin, *you are a very boring person...* [Dewan ketawa]

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** *Not boring*. Saya sedang membudayakan masyarakat Malaysia, mengutarakan satu budaya baru dalam masyarakat kita.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Pasir Puteh sokong Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Ya, kita harus membudayakan. Dalam negara maju- rakan-rakan saya daripada New Zealand, Australia, dia terkejut, dia kata kenapa Malaysia ini anak-anak masih berkeliaran di *shopping-shopping complex* jam 10, jam 12 malam.

**Seorang Ahli:** Masa dah cukup.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Oleh sebab saya dikacau, beri sedikit, Tuan Pengerusi. Dua perkara. Satu, *shopping complex*, pembukaan baru harus dikawal, cukup. Yang kedua, pembukaannya harus dihadkan kepada pukul...

**Seorang Ahli:** Kedai mamak.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Kedai mamak tak boleh. Ini silap. Tidak boleh. Pukul 12 semua tutup kedai. Orang kembali ke rumah, berkeluarga. Kita harus

budayakan masyarakat kita hidup berkeluarga, berbudaya... [Disampuk] Malam pergi ke hotel-hotel besar saja.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Rompin, celah sedikit saja.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Ya.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Kedai judi internet yang buka 24 jam pun tak boleh tutup, macam mana nak tutup *shopping complex*?

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Kedai apa?

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Kedai judi *internet*, kedai judi *internet* haram.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Ini semua satu perbandingan yang tidak relevan, perbandingan yang tidak sesuai. Semua perbandingan ini adalah tidak sesuai. Apa yang saya bangkitkan ialah fizikal.

Kita harus budayakan masyarakat kita ke arah budaya yang baik. *Shopping complex* kawal pembinaannya, mesti ditutup jam 8, semua mesti ditutup. Semua orang mesti kembali ke rumah dengan keluarga. Kedai mamak, semua kedai mesti ditutup pukul 12. Dan saya hendak tanya, berapa kita selamatkan daripada segi pengambilan pekerja asing kalau kita buat polisi ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Lumut. Sebelah kiri saya tinggal Yang Berhormat Lumut saja ya, yang lain sebelah kanan saya. Okey, sila.

### 3.13 ptg.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid [Lumut]:** Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan perkara mengenai Pengurusan Sisa Pepejal Negara di bawah B.43, Butiran 160400 – Tapak Pelupusan Sanitari.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian sama ada usaha-usaha untuk menyediakan tapak pelupusan di Teluk Mengkudu, Majlis Perbandaran Manjung akan diteruskan? Ini kerana pihak majlis sangat-sangat memerlukan tapak pelupusan memandangkan tapak pelupusan yang ada hampir penuh. Jadi kita perlukan tapak pelupusan yang baru. Oleh yang demikian, saya pohon bagi pihak Majlis Perbandaran Manjung supaya pihak kementerian dapat mempertimbangkannya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Lipis.



**3.14 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi yang mengizinkan saya turut berbahas di dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2017 Peringkat Jawatankuasa di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sebelum saya pergi ke butiran, saya bersetujulah dengan Yang Berhormat Rompin katakan. Kalau boleh saya hendak tambah sedikit, termasuklah tempat *massage*, tempat karaoke semua tutup jam 8 malam. Jadi, bandar selamat, bandar bersih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lipis, kalau program politik kita macam mana?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Program politik okey.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Puteri di Kuala Lipis ramai duduk di atas ini. Bermakna pukul 8 malam dia tidak boleh keluar dah?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya berpendapat macam Yang Berhormat Rompin, BERSIH yang kuning itu memang *confirm* tidak boleh, merosakkan bandar kita, menghancurkan dan sebagainya. Kalau kuning tidak buat, merah pun tidak buat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Maksud saya aktiviti politik.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Aktiviti politik di dalam...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Puteri tidak boleh keluar rumah selepas pukul 8 malam?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Puteri okey, Puteri boleh sebab dia ada Pemuda yang jaga... [*Dewan ketawa*]

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Seputeh tidak setuju ya?

Tuan Pengerusi, saya hendak pergi kepada Butiran 00100 – Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, yang saya lihat bajetnya lebih kurang RM336 juta lebih.

Saya hendak merakamkan ucapan terima kasih kepada Menteri. Memang dalam Parlimen Lipis tidak ketinggalan daripada segi projek-projek kecil tetapi walau bagaimanapun, kita juga memerlukan banyak lagi kerana Parlimen Lipis ini adalah

merupakan sebuah Parlimen yang sangat besar walaupun kawasan PBT meliputi di hujung dan hujung pangkal Parlimen Lipis termasuklah kampung-kampung yang bersempadan dengan Parlimen lain, ia sangat besar. Maka saya berharap supaya pihak PBT tidak mengurangkan bajet dan menambahkan lagi bajet untuk dalam Parlimen Lipis.

Satu yang menjadi kesusahan kepada saya dan juga penduduk dalam Parlimen Lipis yang saya katakan lebih kurang besarnya sama dengan Negeri Sembilan dalam Parlimen Lipis, ialah sekarang ini tapak pelupusan sampah, saya dimaklumkan sampah-sampah di Cameron Highlands telah dihantar ke dalam Parlimen Lipis. Saya pun hairan kenapa dari Cameron Highlands dihantar ke Lipis. Sekarang ini saya telah menerima pelbagai *WhatsApp* yang mengatakan bau-bau itu yang amat ketara sekali yang menyebabkan sesetengah kampung yang terlibat dengan pusat tapak pelupusan sampah ini telah menerima bau yang tidak baik itu. Saya berharap supaya pihak PBT mengkaji dalam hal ini.

Untuk Parlimen Cameron Highlands ataupun daerah Cameron Highlands, letaklah sampah tersebut di Parlimen Cameron Highlands. Walaupun saya cadangkan supaya sebuah kilang boleh dibuka dalam Parlimen Lipis untuk projek pelupusan sampah yang saya dengar kilang ini bernilai lebih kurang dalam RM40 juta dan boleh dijadikan hasil khususnya untuk pertanian, dijadikan baja. Jadi, saya bersetuju kalau dibuang ke Lipis tetapi dengan syarat mestilah hendak membina sebuah kilang tersebut.

Saya hendak pergi kepada Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat.

Saya tengok ada lebih kurang 43 saat. Saya menyokong Skim MyHome ini yang diumumkan oleh Perdana Menteri yang insentifnya sebanyak RM30,000 seunit yang memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah dan pemaju-pemaju swasta. Persoalannya saya hendak bertanya, ia rumah yang agak baik, tiga buah bilik tidur dan dua buah bilik air dengan kemudahan asas seperti tempat letak kenderaan, dewan, surau dan sebagainya. Cuma saya hendak tanya bagi skim ini, adakah yang pendapatan tidak mencecah atau yang bawah daripada RM3,000 adakah layak untuk menerima skim ini? Saya berharap supaya ia boleh memberi manfaat kepada rakyat sekiranya dapat diperluaskan.

Akhirnya, saya hendak supaya pembaikan bomba di dalam Parlimen Lipis kerana saya dah katakan bahawa jarak terlalu jauh, maka kadang-kadang terbakar, bomba tidak dapat berkejar khususnya di kawasan Merapoh yang jauh dan di kawasan Mela yang agak jauh.

**■1520**

Jadi cuba Yang Berhormat timbangkan untuk penambahbaikan dalam hal ini. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana skrin sudah menunjukkan merah. Saya terpaksa memberhentikan dan menghormati kawan-kawan yang lain. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**3.20 ptg.**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Butiran 110000 – Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Saya mengambil peluang ini merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana melalui KPKT sebuah balai bomba moden di Kuala Selangor sedang dalam pembinaan dan akan dapat digunakan oleh rakyat di Kuala Selangor.

Tuan Pengerusi, saya juga merujuk kepada kes-kes kebakaran yang semakin meningkat. Terutama kes-kes kebakaran yang boleh melupuskan rumah termasuk juga apa yang berlaku khususnya di kawasan Tuan Pengerusi. Sehubungan dengan itu saya ingin mencadangkan agar dapat diwujudkan pihak kementerian sebuah tabung khas yang boleh digunakan terutama NBOS, menggunakan bomba dan juga sukarelawan untuk membina balik kawasan-kawasan perumahan yang telah rosak akibat kebakaran. Saya fikir ini boleh dilakukan terutama dengan apa yang pernah dinyatakan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang sebelum ini.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 040000 – Kesejahteraan Bandar.

Saya ada terbaca *Facebook* Yang Berhormat Menteri tentang tuntutan daripada Kerajaan Negeri Selangor iaitu RM50.2 juta ketika rundingan pengambilan pengurusan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 oleh KPKT. Pada hemat saya, penting pengambilan kerana ia untuk memastikan kesejahteraan penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Lebih-lebih lagi saya difahamkan ada masalah pengurusan PPR di kawasan PPR tersebut yang merupakan faktor utama Yang Berhormat Menteri dan juga KPKT mengambil inisiatif untuk mengambil tindakan drastik.

Saya lihat juga tuntutan tersebut pada hemat saya Tuan Pengerusi, tidak masuk akal kerana sejak tanggungjawab mengurus PPR terbabit diserahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2008 hingga kini, pihak kerajaan negeri hanya memungut hasil sebanyak RM84 juta di atas aset milik KPKT terbabit. Jadi saya fikir Tuan Pengerusi, dengan baru-baru ini kehadiran Yang Berhormat Menteri ke PPR tersebut. Yang Berhormat Menteri dan KPKT telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1 juta

untuk menaik taraf khususnya kemudahan kawasan Program Perumahan Rakyat Lembah Subang di kawasan tersebut.

Jadi saya fikir ini sangat penting untuk Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan kerana saya lihat tuntutan oleh Kerajaan Negeri Selangor ini tidak munasabah. Lebih-lebih lagi saya takut ia tidak memberikan impak dan nilai yang bermakna kepada PPR tersebut.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil peluang untuk mengucapkan selamat datang kepada Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Lipis ke Dewan Parlimen pada hari ini [*Tepuk*] Semoga perbahasan hari ini mendapat maklumat dan juga inti pati yang boleh dibawa kembali ke Parlimen Lipis bersama-sama dengan Yang Berhormat Lipis sebentar tadi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, puteri tidak boleh keluar lepas pukul lapan malam... [*Dewan ketawa*]

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Itu perlu dibincangkan di luar Dewan nanti [*Ketawa*] Tuan Pengerusi, saya juga hendak memuji tindakan pihak kementerian meluluskan dalam jangka masa panjang peruntukan RM10 juta iaitu butiran yang tadi iaitu lif-lif di PPR.

Saya lihat Tuan Pengerusi, PPR sekarang ini memerlukan sokongan yang kuat daripada pihak KPKT. Terutama di Selangor kerana saya lihat kebanyakan lif-lif di kawasan PPR negeri Selangor ini begitu usang. Baru-baru ini saya berada di kem rimba, begitu sedih saya lihat. Terutama dalam keadaan penghidupan rakyat di kawasan tersebut. Jadi saya rasa sangat penting supaya ia dapat dipertingkatkan lagi dan dana-dana bantuan khususnya kepada rumah-rumah PPR.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 06000 – Perancangan Bandar dan Desa mengenai penilaian impak sosial.

Saya akui bahawa satu fenomena berlaku dengan kuat iaitu kepesatan pembangunan dalam wilayah metropolitan, berlakunya limpahan perbandaran khususnya di kawasan yang memerlukan guna tanah bandar dan *overspill* ke penempatan luar bandar. Saya lihat ini juga berlaku dalam Parlimen saya terutama pembinaan kawasan perumahan mewah yang dirancang secara terasing tanpa diintegrasikan dengan kawasan kediaman setempat yang daif. Sebagai contoh, di Ijok projek perumahan yang dibangunkan oleh Eco World Development Group Berhad yang saya difahamkan dijual pada harga RM500,000. Sudah pastinya rumah-rumah tersebut tidak mampu dimiliki oleh para penduduk di Ijok ataupun dalam Parlimen Kuala Selangor.

Jadi saya fikir sudah sampai masanya Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menggesa pihak pemaju agar menjalankan penilaian impak sosial bagi memastikan segala kepentingan masyarakat khususnya di luar bandar dapat di kecapai dengan lestari dan juga holistik.

Terakhir saya juga mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada pihak kerajaan khususnya dalam Butiran 080000 – kerajaan Tempatan yang mana sekarang ini sudah ada penubuhan JPP. Sudah tentunya saya berharap di Kuala Selangor, JPP dapat dikembangkan dengan lebih banyak lagi. Sekian, Kuala Selangor menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Limbang. Kita pergi jauh sedikit, Yang Berhormat Limbang.

### 3.25 ptg.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi... [*Disampuk*] Saya terus kepada Butiran 110000 – Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Tempoh hari Yang Berhormat Menteri saya suarakan di peringkat dasar. Jadi saya ingin memperincikan sedikit. Pada masa ini, bomba yang ada di Limbang itu memang agak jauh iaitu 43 kilometer. Dari kawasan sebelah hulu ini, *accessible by road* tetapi jauh. Jadi sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor, kita hendak berkejar memang tidak sempat lagi. Jadi sebab itu kita sebelah kawasan Batu Danau ini memerlukan *fire station* yang kecil, *mini or whatever you call it*. Jadi supaya kalau ada apa-apa kebakaran senang, mereka boleh terus pergi ke kawasan-kawasan sebelah Batu Danau ini yang *accessible by road*.

Keduanya ialah tentang di kawasan kami di Sarawak, beberapa buah kawasan yang menggunakan sistem yang *portable firefighting equipment*. Ia pernah dibuat melalui- iaitu di mana ia telah pun direka bentuk, *a simple design* digunakan, dipasang di rumah-rumah panjang. Oleh sebab rumah-rumah panjang ia *is a linear*, pembinaan rumahnya berbentuk linear. Kadang-kadang dua tiga *row*.

Jadi di mana *simple pump* dengan hos bombanya, dengan tangki air yang *dicollect* kadang-kadang daripada pergunungan dan sebagainya, di mana ini telah dapat membuktikan kawasan-kawasan yang tidak dapat dilalui oleh kereta-kereta bomba. Kalau apa-apa terbakar di rumah-rumah panjang dan sebagainya, jadi orang-orang kampung, orang-orang rumah panjang boleh menggunakannya. Tidak payah hendak tunggu bomba lagi *because* jalan raya itu memang jauh ke hulu lagi.

Jadi *costingnya* pun dianggarkan dalam RM15,000 sehingga ke RM20,000. Pam, hos dan apalah salahnya sekiranya pihak bomba memberikan latihan sebagai bomba

sukarelawan di rumah-rumah panjang. Di mana di kampung-kampung di tepi laut macam di Teluk Brunei kami telah pun mencuba untuk membelikan apa yang digunakan oleh bomba yang boleh pam, diletak di atas air, terus dapat digunakan.

Jadi kita berharap perkara ini dapat dipertimbangkan selain kita tidak boleh hanya mengharapkan setiap pintu diberikan *fire distinguisher*. Kami lihat daripada yang pernah terjadi di Sarawak, ia mendatangkan manfaat dan efektif.

Keduanya ialah tentang landskap negara. Tempoh hari saya menyuarakan di bawah Butiran 100000 memang betul telah pun diperuntukkan sebelum ini.

Saya mengucapkan terima kasih. Dua tahun lepas, tahun 2014, penanaman pokok-pokok di tepi-tepi jalan. Jadi permohonan yang telah pun dibuat oleh PBT Limbang kepada Kerajaan Persekutuan ialah iaitu untuk lapangan terbang yang lama di Limbang kini yang pun dipunyai oleh PBT dan dua, tiga tahun lepas telah pun memohon kepada kerajaan iaitu untuk membangunkan, mengubah lapangan terbang lama ini untuk menjadi sebuah kawasan rekreasi.

Jadi kita mohon di bawah landskap ini kepada kerajaan, anggaran tidak banyak dalam RM300,000 sebagai permulaan. Satu lagi ialah tentang iaitu permohonan *pedestrian bridge*, untuk menyambungkan daripada Tamu Limbang, dari Limbang Plaza ke Pasar Tamu Limbang kerana ini *town centre* ia.

#### ■1530

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri bahawasanya semua permohonan ini telah pun diajukan yang sebenarnya, telah pun diajukan semua permohonan ini. Kita berharap dan telah pun masa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Limbang masa Sejiwa Senada pun hari itu telah pun dihantar juga salinan-salinan kepada beliau. Ini untuk memperkukuhkanlah permohonan kami di Limbang.

Jadi saya berharap semua yang disuarakan ini mudah-mudahan akan mendapat pertimbangan daripada kerajaan, kementerian dan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hai, Yang Berhormat Batu Kawan tadi tak bangun... *[Disampuk]* Ada, jauh ke belakang. Okey, sila Yang Berhormat Batu Kawan.

#### 3.30 ptg.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi saya ucapkan. Okey, saya mulakan dengan Butiran 090000 – Perumahan Negara, di bawah Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat.

Saya ingin tahu daripada Kementerian memandangkan jumlah keseluruhan rumah PPR yang dibina di negara ini 102,118 tetapi Pulau Pinang hanya ada peruntukan 999 sahaja yang di antara terendah di Malaysia. Bagi peruntukan di bawah Belanjawan 2017, sebanyak 21,000 buah rumah PPR telah diperuntukkan. Akan tetapi saya ingin tahu daripada pihak Kementerian, bilangan rumah PPR yang telah diperuntukkan daripada bilangan ini untuk dibina di Pulau Pinang dan dengan jelas dan teliti bilangannya di atas pulau dan di Seberang Perai.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya di sini juga Exco Perumahan Negeri Pulau Pinang Yang Berhormat Jagdeep telah menerima surat dari Setiausaha KPKT bertarikh 12 Oktober bahawa kadar kelayakan pendapatan isi rumah bagi pemilikan dan penyewaan unit rumah di bawah PPR dinaikkan ke RM3,000 dan ke bawah berkuat kuasa 7 September 2016. Ini tidak selaras dengan amaun yang telah ditetapkan di negeri Pulau Pinang oleh kerajaan negeri iaitu RM1,500 dan ke bawah.

Saya ingin tanya di sini, apa justifikasi Kementerian untuk menaikkan kadar tersebut ke RM3,000 memandangkan ia akan menimbulkan satu keadaan, dengan izin, *a competition between those earning one thousand five and below and now* bila dia dinaikkan kepada RM3,000 ia akan menyebabkan lebih ramai yang akan memohon untuk menyewa rumah tersebut. Mereka terpaksa bersaing dengan golongan yang menerima gaji kurang daripada RM1,500. Jadi, saya ingin kepastian atau saya ingin mencadangkan kepada Kementerian agar menurunkan kembali *rate* itu kepada RM1,500 agar mereka ini tidak akan menyebabkan kelimpahan dengan izin *an over spilled of applicants for this low cost and low medium cost houses*.

Pada masa yang sama, saya juga ingin bertanya apakah pendekatan yang akan diambil oleh Kementerian dalam isu membantu peminjam-peminjam untuk rumah-rumah kos rendah dan rumah sederhana kos rendah untuk kelulusan pinjaman dari bank. Sebagai contoh Tuan Pengerusi, di kawasan saya Batu Kawan, Bandar Cassia, 520 unit rumah telah pun dibina oleh kerajaan negeri, 800 nama telah pun didaftarkan untuk rumah-rumah kos rendah ini tetapi hanya 200 yang telah menandatangani *S&P Agreement* kerana yang baki 600 itu tidak dapat kerana mereka tidak layak untuk mendapat pinjaman dari bank. *Then* daripada baki itu, 25 peratus yang telah ditawarkan tidak dapat pinjaman.

Jadi saya pasti keadaan ini bukan sahaja berlaku di tempat saya, di kawasan saya tetapi di banyak Parlimen lain, kawasan Parlimen yang lain kerana ini akan menimbulkan satu keadaan di mana Kementerian KPKT berhasrat untuk membina lebih rumah-rumah PPR tetapi tiada peminjam-peminjam yang layak yang dapat untuk menduduki di rumah-rumah tersebut. Jadi, ini menunjukkan bahawa, dengan izin, *a very*

*high loan rejection rate in this country.* Jadi saya ingin satu kepastian, satu penjelasan ataupun ingin cadangkan kepada kementerian agar kementerian dan Bank Negara Malaysia selaraskan satu skim atau satu bantuan dana khas untuk *future home buyers* yang berpendapatan RM1,500 ke bawah supaya mereka layak untuk membeli rumah-rumah PPR ini. Dengan ini saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

### **3.35 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Butiran 110400 – Operasi Kebombaan dan Penyelamat, RM54.9 juta, Butiran 110500 – Keselamatan Kebakaran, RM7.3 juta sahaja.

Jadi seperti yang saya selalu sebutkan, kesihatan ini harta. Kalau kita hilang kesihatan, kita hilang segala. Akan tetapi kalau kita jaga kesihatan, makan bagus, vitamin ambil, tidur cukup, buat senaman, rumah terbakar. Habis semua juga.

Jadi saya hendak gambarkan betapa pentingnya masalah kebakaran ini. Di Bagan Serai, kita ada satu buah balai bomba dan tiga unit bomba sukarela. Bomba sukarela memang tak dapat segala kelengkapan yang sesuai. Saya mohon sangatlah kepada kementerian bagi pandangan terutama di luar bandar, contoh di Parlimen Bagan Serai di luar bandar, kalau berlaku kebakaran dalam orang panggil tebuk, dalam bendang-bendang sana, jentera besar tak dapat masuk. Kita perlu jentera yang kecil sikit dan juga kita perlukan pam, kita perlukan dan sebagainya. Bomba sukarela, nama pun sukarela. Bukanlah kita hendak bayar tetapi saya hendak tanya kementerian, adakah elaun diberikan? Adakah insentif diberikan untuk bagi semangat kepada mereka yang sukarela ini? Menolong sukarela dapat sedikit imbuhan supaya dapat memberikan mereka kekuatan dan semangat ini.

Jadi adakah bomba sukarela ini diberikan elaun? Adakah elaun ini akan ditingkatkan? Di Bagan Serai ini, dua tahun ini, tahun lepas tujuh kebakaran, satu mati. Tahun ini sudah ada 19 kebakaran, yang kecil-kecil dan yang besar-besar pun ada. Di Bagan Serai, kita rumah terbakar, klinik baru-baru ini, Klinik Teluk Medan, Klinik Bagan Serai terbakar, saya bimbang sekolah juga terbakar. Jadi masalah pendawaian sebenarnya tetapi kita ucap tahniah kepada bomba yang memang cepat buat kerja. Cuma bomba di Parlimen Bagan Serai ini tempatnya, kedudukannya sudah lama di situ dan agak sempit tempatnya.

Kalau melihat kepada jentera-jentera yang lebih canggih, yang lebih besar, memang saya cadangkan supaya ada penempatan baru supaya dapat mereka



membuat kerja dengan lebih baik lagi. Bila sebut pasal sekolah tadi, saya teringat Tuan Pengerusi, keputusan UPSR baru-baru ini Daerah Kerian di mana Parlimen Bagan Serai ada telah dapat nombor tiga dalam negeri Perak, nombor tiga. Nombor tiga Tuan Pengerusi, walaupun di Parlimen Bagan Serai tak ada sekolah menengah asrama penuh dan tak ada MRSM tetapi dapat nombor tiga. Saya ucap tahniah kepada pegawai pendidikan daerah dan juga warga guru.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bukit Gantang nombor berapa?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bukit Gantang tak tau, dia senyap sahaja Tuan Pengerusi [*Ketawa*] Kalau dia senyap sahaja, saya pun tak tau [*Ketawa*] Dia dah jaga lebuah raya ini [*Ketawa*] Satu lagi Tuan Pengerusi, kebakaran di Bagan Serai ada dua jenis kebakaran. Kebakaran yang baru-baru ini kereta terbakar. Bila kereta terbakar, orang semua tengok tak boleh buat apa-apa. Hari itu kereta terbakar lepas Terowong Menora, kebetulan orang Bagan Serai. Orang semua pergi tengok, kesian. Menjerit-jerit ada, mengucap, mengucap, ingat Allah. Orang itu rentung. Runtung, terbakar. Allahu Akbar.

Jadi saya nampaklah keperluan kepada alat pemadam api. Saya hendak cadangkan kepada kementerian dan kerajaan, wajibkan sahaja alat pemadam api ini dalam kereta dan wajibkan juga di rumah sebab bila berlaku di rumah, kalaulah lambat bomba datang dan orang hendak bantu, kita ada bantuan. Kalaulah kereta terbakar, kalau orang lambat, kita boleh bantu. Satu lagi, kalau kereta orang yang terbakar, kita dapat bantu. Ini kereta orang terbakar, orang lain semua pergi tengok, kesian. Kesian dan suruh mengucap sahaja Tuan Pengerusi. Jadi saya cadangkan, ini dua kali dah saya cadangkan dalam Parlimen ini, kalau mahal sangat, kementerian, kerajaan kenalah bagi *subsidize* sedikit, bantu sebab ini melibatkan nyawa.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini perkataan “kesian”- “kesian” ini dalam cerita *Madu Tiga*.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Okey [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bila ditanya, “Kesian!”.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi saya tengok sebab orang semua cerita kesian Tuan Pengerusi. Saya ada seminit lebih lagi.

Saya hendak rujuk kepada Butiran 040100 – Kesejahteraan Bandar.

Yang ini saya hendak cakap, hendak tanya soal tentang Agenda 21 ataupun *Local Agenda* yang bermula sejak awal 90-an lagi. Saya difahamkan ada Unit

Pembangunan Mampan diwujudkan sejak tahun 2002. Saya hendak tanya, apakah projek-projek yang telah dijalankan?

Setakat ini Tuan Pengerusi, sejauh mana penglibatan masyarakat terhadap respons masyarakat terhadap *Local Agenda 21*, apakah sudah jadi? Se jauh mana juga penglibatan swasta dalam pembangunan mampan ini ataupun Agenda 21 ini? Jadi saya harap kerajaan beri perhatian yang lebih sebab apa, kita lihat negara kita pun sejak Persidangan Bumi di Rio de Janeiro pada tahun 1992 di mana kita melaksanakan *Local Agenda* pada tahun 2000 dan sejak itu kerajaan kita telah mengambil bahagian yang agak aktif dalam soal-soal *climate change*, soal mengurangkan *carbon emissions* dalam dunia ini.

■1540

Kerajaan kita telah pergi sampai mengambil bahagian di dalam *Kyoto Protocol*, dalam COP 15 tahun 2009 dan COP 21, baru-baru ini di *Paris Agreement 2015*. Jadi, ini kesinambungan daripada mula-mula cerita dahulu iaitu pada tahun 1992 Sidang Kemuncak Bumi di Rio De Janeiro. Jadi Tuan Pengerusi, saya sekali lagi hendak sarankan, hendak tanya sendiri kementerian adakah promosi dan usaha-usaha untuk memperkasakan lagi *local agenda* ini dilakukan di negara ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lagi empat ya. Yang Berhormat Sibuti. Selepas Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Kuala Selangor penutup. Eh! Yang Berhormat Sungai Besar penutup.

**3.41 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat.

Berkenaan dengan Program Perumahan Rakyat (PPR), program ini membolehkan rakyat berpendapatan rendah mendapat rumah. Pada tahun 2012, Projek Perumahan Rakyat telah pun diumumkan oleh Perdana Menteri di kawasan Lambir dan kini projek tersebut telah siap. Yang Berhormat Menteri telah melawat dan memberi kepada kerajaan negeri. Proses cabutan undi bagi penduduk telah pun dijalankan dan banyak yang telah berjaya. Dalam kegembiraan mereka, tetapi dukacita kebanyakan mereka tidak dapat meminjam duit dari bank sebab prosedur bank sangat ketat.

Menurut pengadu, mereka perlu memohon pinjaman bank bagi membiayai RM50,600 di mana di kalangan yang mendapat rumah ini telah berusia 40 tahun ke atas

dan kebanyakan mereka bekerja sendiri, tidak mempunyai slip gaji, maka tidak memenuhi kriteria pinjaman. Oleh itu saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri, jika boleh membantu mereka ini dengan memberi kepada kerajaan negeri untuk mereka mendapat sewa beli sehingga 10 tahun. Selepas itu mereka berusaha untuk meminjam dari mana-mana pihak. Saya berharap pihak kementerian Yang Berhormat Menteri dapat membantu kami di kawasan Sibuti.

Butiran 110000 - Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri yang pernah melawat kawasan saya, terutama Timbalan Menteri yang telah melihat keadaan tempat balai bomba itu. Saya ingin memohon kepada pihak kementerian agar menambah peruntukan bajet daripada segi promosi keselamatan dan kesedaran bencana kebakaran di kawasan-kawasan rumah panjang di Sarawak terutama di kawasan saya yang dalam setahun tidak kurang dari tiga buah rumah panjang terbakar. Ini membuatkan tidak kurang daripada 500 orang tidak mempunyai tempat tinggal.

Masyarakat luar bandar dan di bandar sekarang amat prihatin mengenai soal keselamatan harga benda dan rumah. Program bomba bersama komuniti sangat mendapat perhatian dan adalah wajar juga kerajaan membelanjakan sedikit peruntukan bagi program sebegini. Selain itu, diperuntukkan juga untuk pemasangan pili bomba di setiap rumah-rumah panjang di kawasan Sibuti. Saya melihat keperluan ini sangat rasional bagi keperluan rakyat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit.

### **3.45 ptg.**

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua perkara sahaja. Pertama Butiran 040000 – Kesejahteraan Bandar, yang antara lain bertujuan untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah.

Kedua, meningkatkan kualiti kehidupan di samping mengurangkan bebanan tanggungan keluarga. Pada hari ini saya melihat kadang-kadang ataupun pada biasanya mereka yang diberikan bantuan dipilih daripada senarai e-Kasih. Saya mencadangkan supaya jangan semuanya dipilih melalui e-Kasih kerana e-Kasih telah pun lebih daripada 10 tahun banciaan dijalankan. Perubahan mesti berlaku di kalangan masyarakat terutama bagi mereka yang tiba-tiba berhenti kerja, tiba-tiba suami meninggal. Jadi mereka ini miskin *instant*, bila miskin *instant* oleh sebab mereka tidak ada dalam e-

Kasih, jadi mereka tidak dapat dipilih untuk menyertai program ini. Jadi saya merayu kepada kementerian supaya dapat menimbangkan perkara ini.

Perkara kedua ialah tentang Butiran 080000 – Kerajaan Tempatan.

Sekarang ini di majlis-majlis daerah, majlis perbandaran atau bandar raya, ada dua entiti yang menjaga masyarakat. Pertama kalau di tempat saya Majlis Daerah Parit Tengah, Ahli Majlis Daerah satu lagi ini JPP. JPP ialah entiti yang baru tetapi Ahli Majlis Daerah ialah entiti yang lama. Pada masa ini oleh sebab JPP dibayar dengan elaun yang tinggi RM800 sebulan, ini menyebabkan timbul sedikit rasa iri hati di kalangan Ahli Majlis Daerah yang merupakan pihak berkuasa tempatan. Mereka pihak berkuasa tempatan tetapi elaun mereka rendah berbanding dengan JPP. Jadi saya hendak menyeru kepada Kerajaan Persekutuan, Menteri supaya dapat berunding dengan pihak kerajaan negeri supaya menimbangkan kedudukan elaun-elaun bagi dua entiti itu supaya mereka dapat bekerja dengan baik.

Bagi saya, JPP satu usaha yang cukup baik kerana ia sebagai wakil daripada majlis daerah untuk menimbang, menengok semua keadaan di majlis atau di taman-taman. Dengan adanya mereka, maka mereka dapat menyuarakan pandangan-pandangan taman kepada majlis daerah. Akan tetapi cumanya saya melihat bahawa daripada segi kedudukan elaun itu memang akan timbul sedikit rasa cemburu, iri hati dan lebih ramai yang hendak jadi JPP daripada jadi Ahli Majlis Daerah. Jadi, saya minta supaya Menteri dapat kaji perkara ini.

Ketiga, pada hari ini umpamanya kerajaan tempatan pun pendapatan mereka kecil, peruntukan mereka juga kecil tetapi kerja mereka banyak. Hal yang mereka hendak buat itu banyak. Hendak buat itu, buat ini dan sebagainya. Jadi bila taman-taman hendak minta, hendak minta peruntukan dan sebagainya, mereka tidak upaya hendak beri. Jadi saya hendak mencadangkan kepada Menteri supaya kasihan kepada majlis-majlis daerah yang miskin-miskin macam Parit itu, yang miskin diberikan lebih peruntukan untuk memenuhi kehendak-kehendak tempatan di sana. Itu sahaja, Yang Berhormat Parit menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Labuan

**3.48 ptg.**

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus sahaja kepada Butiran 110000 – Bomba dan Penyelamat Malaysia, stesen bomba baru.

Saya cuma ingin penjelasan mengenai kedudukan projek stesen bomba baru di Labuan. Adakah juga dia termasuk untuk Unit Laut? Seterusnya untuk projek PPR di

Batu Arang, Labuan. Soalnya, adakah kita boleh mulakan projek tersebut pada tahun ini dan hujung tahun ini dan seterusnya disambung pada tahun-tahun akan datang.

Seterusnya Butiran 130000 – *Solid Waste and Public Cleansing Corporation* (SWCORP).

Di Labuan ini kita memang menggunakan *sanitary landfill* yang masih *developmentnya* separuh jalan antara tempat di mana projek *incinerator* gagal.

■1550

Jadi banyak perbadanan Labuan menerima kunjungan daripada *investors*, pelabur-pelabur yang ingin memberi cadangan untuk mengambil alih ataupun membuat kerja-kerja ataupun pembangunan untuk *solid waste* dan *incinerator* ini dan seterusnya dengan cadangan-cadangan yang berkaitan dengannya, tetapi kami pun cuma mendengar sahaja selama ini, kami tidak mengambil apa-apa tindakan. Saya ingin mendapatkan informasilah kalau boleh secara bertulis untuk kedudukan *solid waste management* di Labuan.

Seterusnya penyelenggaraan flat ataupun rumah-rumah pangsa medium dan *low cost*. Di mana, memang kita mempunyai ada masalah sedikit dengan persatuan ataupun wakil penduduk dan keadaan rumah-rumah tersebut terlalu teruk dan boleh dikatakan membahayakan. Jadi, saya ingin mendapatkan program- saya lupa apa nama dia. PPA1M lebih kurang. Di mana 10 peratus...

**Seorang Ahli:** PP1M

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** PP1M. Perlu dibayar oleh penduduk. Jadi itu di antara yang saya harapkan dapat dilaksanakan di beberapa buah blok di Labuan. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Sungai Besar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sungai Besar. Minta maaf.

**3.51 ptg.**

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kesian dekat Sungai Besar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Bagi juga peluang bercakap sebagai yang terakhir. Dalam main bola ini, *super sub* pun kadang-kadang boleh jaringkan gol.

Saya akan ambil peluang dalam isu Perumahan Negara, Butiran 01605 – Kemudahan Insentif Kerajaan; dan Butiran 01402 – Kajian dan Penyelidikan Perumahan.

Namun, sebelum itu saya ingin melafazkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang lama kerana membantu dalam pilihanraya kecil di Sungai Besar dan juga Menteri yang baru naik pangkat kerana Pilihanraya Kecil Sungai Besar. Saya harap dengan itu memberi perangsang kepada Yang Berhormat Menteri baru untuk terus berjuang dalam menyelesaikan isu-isu rakyat ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Besar sudah lupa Timbalan Menterikah?

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Sama juga. Samalah itu. Yang depan Menteri dulu, Yang Berhormat Tanjong Karang, juga naik pangkat. Terima kasih.

Saya hendak sebutkan ini. Pertama ucapkan terima kasih kerana penambahbaikan terhadap Pasar Sekinchan dan juga di Pasar Sungai Besar. *Alhamdulillah*, dengan baik pulih pasar tersebut menambah lagi pelancong-pelancong yang datang ke tempat dan kawasan saya ini. Saya hendak zahirkan tentang kebimbangan rakyat atas kenaikan harga rumah. Saya tunggu juga walaupun tempoh dua jam untuk berbahas ini kerana pagi tadi sebelum datang, anak muda *WhatsApp* kepada saya, dia kata Budi, tolong bawa isu ini. Tidak tertahan, tidak bertanggung dengan peningkatan harga rumah ini. Saya terima hakikat bahawa sektor rumah, harga rumah ini sangat dinamik. Kadang-kadang dia ada kaitan dengan market *rewind* itu sendiri.

Akan tetapi saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, tidak adakah satu polisi yang boleh menstabilkan harga rumah ini? Saban hari, yang naik harga rumah yang turun air hujan. Jadi inilah yang berlaku. Jadi tidak adakah satu polisi yang boleh menstabilkan harga rumah itu sendiri. Di lapangan, keadaan lebih menggusarkan dan lebih kritikal lagi. Saya dari Selangor. Bila kita dalam sidang DUN, bila kita tanya kenapa rumah ini harga naik, dia kata ini Kerajaan Pusat. Bila kita tahu, bila kita buat sedikit penyelidikan, kerajaan negeri pun ada tanggungjawab. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian soal kenaikan harga rumah ini. Adakah di dalam tanggungan Kerajaan Pusat ataupun dalam kerajaan negeri supaya rakyat itu akhirnya tidak keliru.

Saya buat sedikit kajian. Premium tanah, caj pembangunan, caj pematuhan, segala-galanya ini adalah di dalam kerajaan negeri. Saya pohon respons daripada pihak kementerian.

Seterusnya, boleh atau tidak ada satu mekanisme supaya keuntungan pihak kontraktor itu tidak terlalu tinggi ataupun ada satu mekanisme supaya ada klausa subsidi itu akhirnya boleh menyebabkan harga itu dapat distabilkan dan di kalangan anak-anak muda terutamanya, ada keperluan, ada kebolehan untuk membeli harga rumah. Bayangkan kalau di Sungai Besar itu, harganya sekarang ini sudah sama dengan Kuala Lumpur dalam harga rumah, dalam *double storey* yang biasa. Sekarang ini antara RM350,000 hingga RM450,000. Itu sahaja. Super sub biasanya dia tamat awal. Terima kasih. Saya sokong. Silakan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tadi tidak bangun dua-dua ini. Ya, Yang Berhormat Ampang hendak cakap pasal rumah ya? Sila, sila Yang Berhormat Ampang. Selepas Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Menteri jawab.

### **3.55 ptg.**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberi saya peluang. Saya ingin menyentuh Butiran 030100; Butiran 030200; Butiran 150000; dan Butiran 150100.

Ini semua bergolok di bawah tajuk Dasar dan Pembangunan, Pembangunan dan Pelaksanaan Projek. Saya cuma ingin membangkitkan perkara mengenai isu asrama pekerja asing. Saya telah membawa isu ini semenjak saya datang ke Dewan ini dan sudah tiga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan saya harap kali ini Yang Berhormat Tanjong Karang boleh laksanakan yang ini. Ini kerana dulu Yang Berhormat Kota Belud kata hendak laksanakan tetapi belum lagi terlaksana iaitu saya melihat tidak ada polisi yang mantap, yang jitu dan bersendiri untuk mengawal tempat-tempat tinggal, tempat-tempat penginapan digunakan oleh pengilang-pengilang atau tauke-tauke kilang untuk pekerja-pekerja mereka. Kebanyakan daripada mereka ini pekerja warga asing.

Jadi mereka menggunakan muslihat bahawa kalau undang-undang *residential* boleh enam orang boleh tinggal. Jadi dia menggunakan klausa ini untuk meletakkan pekerja-pekerja satu buah rumah dengan enam orang tetapi sebenarnya mereka meletak lebih ramai orang dalam satu unit rumah. Akan tetapi bila ada pemeriksaan, dia akan nampak yang *registered* dalam rumah itu adalah enam orang yang mengikut dasar kerajaan negeri.

Dia ada dua ekstrem. Satu adalah dasar untuk perhotelan dan satu adalah dasar untuk perumahan. Jadi yang ini tidak ada untuk asrama pekerja asing. Ini kerana mereka ini bila duduk satu kumpulan, satu *group*, ramai-ramai sampai beratus-ratus

orang dalam satu buah blok yang diambil oleh tauke mereka untuk sewa, jadi membuat kacau ganggu, kebersihan dan kesejahteraan rakyat Malaysia sendiri akan terganggu.

Kedua, saya ingin mencadangkan sama ada apakah inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memastikan bahawa pendatang asing, pekerja asing dan warga asing ini ada satu kawalan di negeri Selangor dan seluruh Malaysia. Di mana saya minta kalau boleh kita fikirkan untuk membuat kajian atau semakan apakah caranya untuk membendung atau mengawal mereka ini apabila duduk di kawasan-kawasan perumahan yang kita ada seperti flat. Kebanyakan mereka tinggal di kawasan-kawasan flat dan kampung-kampung. Jadi bolehkah kita buat satu sistem *registration*? Setiap pendatang asing yang datang hendak duduk di rumah- menyewa rumah di kawasan sesuatu PBT, kita minta satu sistem pendaftaran.

Jadi kalau ada sedikit kekacauan, gangguan dan tidak boleh menyesuaikan diri duduk dalam masyarakat Malaysia ini, jadi mereka harus kita dapat mengenal pasti mereka ini. Jadi kadang-kadang kawasan flat dan kampung itu dengan mereka bawa saudara-mara masuk dan sebagainya- sampah sarap, kebersihan dan akhlak mereka juga mengganggu rakyat setempat kita. Secara tidak langsung juga akan menarik turun ekonomi kita, sosial aktiviti dan kita punya keselamatan dan sebagainya. Saya harap ini dipertimbangkan kerana kita perlu kawal warga asing sama ada *legal* or *illegal* yang datang ke negara kita.

Ketiga, saya ingin tanya apakah pendirian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bila saya dapati bahawa *Implementation Coordination Unit* (ICU) dari Jabatan Perdana Menteri telah membuat projek di kawasan-kawasan PBT yang tanpa meminta kelulusan, tanpa pemakluman. Walaupun Yang Berhormat Menteri menjawab saya bahawa dia kata yang saya spesifik tanya kawasan Ampang, dia kata memang dia sudah tanya kepada pejabat MPAJ dan sebagainya tetapi saya juga dapat laporan dari pejabat PBT Ampang bahawa tidak ada projek-projek yang dikendalikan tidak minta, tidak diberi pengetahuan dan tidak diminta kelulusan. Mereka hanya terjah sahaja dan buat kerja di kawasan-kawasan yang mana saya rasa kerja-kerja itu tidak bermanfaat kepada orang Ampang terutamanya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Kalau hendak buat kerja, buat kerja yang berfaedah. Ini banya kerja yang tidak berfaedah tetapi tidak mengikut polisi PBT yang mana mereka harus *submit*



permohonan, minta spesifikasi, lakaran ataupun ringkasan projek dan sebagainya dan mendapat kelulusan.

■1600

Jadi kalau setakat Kerajaan BN dengan BN, *I understand because I scratch your back, you scratch my back*. Akan tetapi bila masuk ke dalam kawasan negeri Selangor, mesti ada sedikit undang-undanglah, mestilah ada ikut peraturan, SOP. Janganlah main terjah sahaja. Jadi itu sahajalah Yang Berhormat Menteri saya hendak tanya ya. *Insyallah*, terima kasih, *Assalamualaikum*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

4.00 ptg.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seramai 24 orang yang mengambil bahagian, dimulai dengan Yang Berhormat Sabak Bernam. Sepatutnya diakhiri dengan Yang Berhormat Sungai Besar. Sudah cantik dah itu. Sebelah menyebelah sahaja tetapi tidak apalah. Akhir sekali Yang Berhormat Ampang tetapi juga dari Selangor.

Saya lihat berbagai-bagai isu telah pun dibangkitkan dalam ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai kuasa pihak berkuasa tempatan, landskap, perumahan, tribunal, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Akta Pemberi Pinjam Wang, urusan sisa pepejal, CCTV, perancangan bandar dan desa. Jadi, saya lihat ada juga yang isu-isu ini dibangkitkan mungkin bertindih. Jadi saya cuba jawab. Kalau isu yang saya sudah jawab lebih awal, saya mungkin tidak ulas mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan selepas itu.

Daripada Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Sabak Bernam membangkitkan mengenai isu kelewatan menerima hak milik strata oleh pembeli. Ada juga Ahli Yang Berhormat yang bangkitkan isu yang sama. Saya hendak menyatakan bahawa sebarang pengeluaran hak milik strata adalah terletak di bawah kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318].

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara punca utama kelewatan mendapat hak milik strata kegagalan pemaju di mana pemaju telah bankrap, kemudian kegagalan pembeli kerana gagal menjelaskan caj-caj yang terlibat dalam urusan pindah milik dan sebagainya.

Yang Berhormat Sabak Bernam juga telah memohon KPKT untuk mengkaji semula dasar Program Bantuan Baik Pulih Rumah Daif di Bandar dan juga bina baru rumah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar bantuan bagi Program Baik Pulih Rumah Daif di Bandar yang diguna pakai ketika ini RM10,000 bagi tujuan membantu ketua isi rumah B40 untuk membaiki komponen-komponen asas rumah sahaja seperti bumbung, dinding, lantai dan sebagainya. Dalam melaksanakan program ini, persetujuan daripada keluarga isi rumah diperoleh terlebih dahulu dalam kita menentukan skop kerja yang akan dilaksanakan. Berhubung cadangan untuk mengkaji semula kadar, kementerian ini akan mengkaji mengenai cadangan untuk membaiki rumah yang saya katakan RM10,000. Jadi setakat ini, itulah sahaja yang kita telah putuskan.

Yang Berhormat Sabak Bernam juga telah membangkitkan mengenai CCTV yang tidak berfungsi di kawasan PBT, juga ada ramai yang membangkitkan isu CCTV. Saya ingin menyatakan bahawa aduan mengenai CCTV yang tidak berfungsi perlu spesifik. Dia kena beritahu di mana CCTV tersebut kerana kita perlu siasat sama ada CCTV berkenaan dipasang oleh KPKT atau dipasang oleh PBT itu sendiri. Bagi CCTV yang dipasang oleh PBT, penyelenggaraan dilaksanakan oleh PBT yang berkenaan.

Untuk makluman, bilangan CCTV yang beroperasi di seluruh negara sebanyak 3,792 CCTV. Jumlah CCTV yang telah dipasang oleh KPKT melalui Projek CCTV Fasa 2 sebanyak 496 CCTV manakala CCTV yang dipasang sendiri oleh pihak PBT sebanyak 3,296 CCTV di 54 PBT di seluruh negara. Untuk makluman mengenai bilangan CCTV seluruh negara yang tidak berfungsi, untuk makluman Yang Berhormat, pihak KPKT tidak mempunyai perangkaan yang jelas mengenai CCTV seluruh negara yang tidak berfungsi.

Walau bagaimanapun, jumlah CCTV yang tidak berfungsi di bawah Projek CCTV Fasa 1 KPKT yang berakhir kontrak perkhidmatan sewaanannya pada 30 Mac 2016 sebanyak 499 CCTV di 25 PBT di seluruh negara.

Yang Berhormat Sabak Bernam juga ada membangkitkan mengenai kaedah untuk mewujudkan PBT baru di antara Sungai Besar kerana sekarang ini dipanggil PBT Sabak Bernam. Ada dua Parlimen, Sabak Bernam dengan Sungai Besar. Saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa seksyen 3, Akta 171 memperuntukkan penubuhan PBT boleh dibuat oleh kerajaan negeri setelah berunding dengan Menteri yang bertanggungjawab ke atas kerajaan tempatan dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya.

Penubuhan ini boleh diisytiharkan oleh kerajaan negeri melalui pewartaan untuk sebuah kawasan menjadi sebuah kawasan PBT dengan memberikan nama, menentukan sempadan dan juga menetapkan tarikh PBT. Dalam erti kata lain, hendak pecah PBT, hendak tubuh PBT yang baru, kuasa kerajaan negeri, kemudian kuasa kerajaan negeri ia akan melalui KPKT dan KPKT juga bila dapat cadangan ini, kita akan rujuk kepada JPA mengenai penambahan jawatan dan akhirnya, kita akan bawa ke dalam Kabinet dan Kabinet yang akan meluluskan.

Begitu juga Yang Berhormat Sabak Bernam ada menyentuh mengenai bilangan taman awam yang ramai tadi saya dengar yang menyentuh mengenai bilangan taman-taman awam. Saya ingin nyatakan bahawa tugas untuk menyelenggarakan dan menaiktarafkan landskap pada asasnya merupakan fungsi yang perlu dilaksanakan oleh pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Pada masa ini, terdapat 2,225 buah taman awam yang perlu dinaikkan taraf di seluruh negara. KPKT melalui Jabatan Landskap Negara ada melaksanakan usaha membantu PBT memperbaiki landskap dan juga taman awam mengikut giliran dan keutamaan dari setahun ke setahun. Kalau hendak luluskan, banyak yang kita dapat permohonan. Jadi kita berikan keutamaan dan selalunya kita akan membantu apabila kita mendapat sikit bantuan daripada PBT.

Yang Berhormat Sabak Bernam juga ada membangkitkan tindakan dan langkah yang diambil kepada PBT yang gagal memberikan perhatian yang berkesan dalam pengurusan sisa pepejal di Selangor termasuklah mengatasi masalah longkang tersumbat. Saya ingin nyatakan bahawa untuk makluman Yang Berhormat, di negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor tidak menandatangani Akta 672. Ertinya, bila tidak ada, Akta 672 tidak terpakai di negeri Selangor, di negeri Kelantan, di negeri Perak, di negeri Terengganu. Ini negeri-negeri yang tidak ada tandatangan.

Jadi bermakna segala urusan sisa pepejal, kutipan sampah di negeri-negeri yang berkenaan ialah tanggungjawab kerajaan itu sendiri. Jadi kalau Yang Berhormat kata di Selangor telah menimbulkan berbagai-bagai masalah termasuk parit tersumbat, denggi dan juga banjir kilat, inilah yang menunjukkan kerajaan negeri dia tidak berapa reti hendak menguruskan urusan sampah... *[Dewan Ketawa]*

Mengenai terlanjur bercakap dengan pengurusan sisa pepejal, saya ingin merujuk kepada ucapan daripada Yang Berhormat Seremban. Di mana Yang Berhormat telah membangkitkan peruntukan pengurusan sisa pepejal yang tinggi pada tahun 2016.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan yang telah diluluskan bagi tahun 2016 adalah berjumlah RM775.53 juta, anggaran sehingga Mei 2016 sahaja semasa sesi pembentangan Bajet 2015 pada masa itu. Yang Berhormat tengok, itu yang asal.

Namun demikian, permohonan peruntukan tambahan yang telah dianggarkan sebanyak RM754 juta telah dipohon pada sidang Dewan selepas itu. Ertinya, kita telah pun memohon peruntukan tambahan untuk sisa pepejal pada tahun 2015.

■1610

Hasil daripada inisiatif-inisiatif penjimatan yang telah dilaksanakan keseluruhan kos pengurusan sistem pepejal bagi tahun 2016 ialah sebanyak RM1.4 bilion sahaja yang kita belanjakan. Jumlah ini adalah lebih rendah 22 peratus peruntukan yang diterima pada tahun 2015 iaitu sebanyak RM1.8 bilion. Manakala bagi tahun 2017, jumlah RM1.9 bilion telah diperuntukkan bagi kos pengurusan sisa pepejal. Peningkatan kos ini berbanding pada tahun 2016 disebabkan pertambahan kawasan baru yang diserahkan untuk diuruskan perkhidmatan urusan sisa pepejal. Ertinya, kawasan semakin bertambah, sebagai contoh dulu mungkin dalam kawasan PBT dia ada 20 buah kawasan perumahan, sekarang perumahan pun banyak dibangkitkan jadi ada tambahan-tambahan sebab itu peningkatan kita semakin meningkat.

Yang Berhormat Seremban juga telah mencadangkan supaya diseragamkan kadar tuntutan tribunal perumahan dan juga pengurusan strata. Untuk makluman Yang Berhormat, tribunal...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang Berhormat, sebelum masuk kepada tribunal, sisa pepejal.

Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam perbahasan saya, saya juga ada bertanya berkenaan dengan pecahan peruntukan yang diberikan kepada negeri-negeri dan PBT-PBT, dan apakah kadar yang diberikan kepada PBT? Saya rasa itu formula saya pernah tanya beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini tetapi tidak ada satu jawapan yang jelas diberikan. Apakah formula yang diberikan bantuan kepada PBT? Adakah ia RM1 ke RM1 ataupun apakah yang lain? Manakah PBT-PBT yang tidak dapat mampu menanggung perbelanjaan untuk menguruskan sisa pepejal mereka dan bergantung sepenuhnya kepada pihak Kerajaan Persekutuan? Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Kadar ini kita tetapkan seluruh negara sama. Kalau tidak silap saya dalam RM14 namun demikian apabila kita membuat kutipan ini bayaran yang kita bayar kepada pihak-pihak konsesi ialah kurang daripada RM14 dan sepatutnya di dalam kita menguruskan kutipan sampah ini sekurang-kurangnya dalam jangkaan kita 70 peratus dikeluarkan oleh Kerajaan Federal dan lebih kurang 30 peratus sumbangan daripada kerajaan negeri ataupun PBT kerana PBT yang mengadakan cukai-cukai pintu, kita tak dapat apa pun. Kita tolong dan kita harap PBT pulangkan balik bantuan hasil yang mereka kenakan kepada penduduk.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini tuntutan yang telah dibuat kepada tujuh buah negeri yang mengguna pakai Akta 672 adalah sebanyak RM398.25 juta. Manakala jumlah yang diterima daripada tuntutan tersebut adalah sebanyak RM194.84 juta. Ini bermakna ada PBT-PBT yang masih terhutang dengan pihak Kerajaan Federal lebih kurang RM173.77 juta – 47 peratus. Jadi, kerana itu, kita terpaksa menambah lagi bajet kita Yang Berhormat kata, mengapa naik sampai RM1.9 juta kerana seperti yang saya kata tadi, kawasan yang bertambah. Yang kedua, kita dapati ada PBT-PBT yang tidak membayar hasil yang sepatutnya kepada kita.

Cadangan untuk seragamkan kadar Tuntutan Tribunal Perumahan- saya hendak nyatakan bahawa sebenarnya ada akta- satu dipanggil Tribunal Perumahan dan satu lagi ialah Tribunal Pengurusan Strata. Di mana Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah ataupun dikenali sebagai Akta Perumahan Kawalan dan juga Pelesenan 1966, Akta 128 yang menetapkan kadar tuntutan RM50,000. Ertinya ini ialah sebuah tribunal untuk mendengar aduan-aduan daripada pihak pembeli kepada pihak pemaju yang mungkin dia kata rumah dia retak, dulu janji hendak bagi siling ini tidak bagi dan sebagainya.

Ertinya di antara pembeli dan juga pemaju. Itu yang kita berikan ganti rugi imbuhan sebanyak maksimum RM50,000. Satu lagi akta ialah bagi Tribunal Pengurusan Strata atau yang terpakai ialah Akta Pengurusan Strata 2013 yang mengehendkan tuntutan RM250,000. Kadar tuntutan adalah berbeza kerana akta yang terpakai adalah berlainan yang melibatkan bidang kuasa dan juga kuasa tindakan yang berbeza. Pertama Akta Perumahan antara pembeli dengan penjual, tetapi Akta Strata ini yang pampasan boleh sentuh sampai RM250,000 ini ialah di antara pengurusan strata dia punya JMB dengan penghuni yang duduk di situ.

Jadi kalau penghuni tak puas hati, dia juga boleh *claim* kepada pihak JMB. JMB juga kalau didapati ada penghuni di situ tidak bayar caj dan sebagainya dia juga boleh tuntutan kepada penghuni. Jadi dua akta yang berbeza, namun demikian kementerian memang sedang mengkaji bagaimana kita hendak menaikkan pampasan kepada mereka yang terlibat di bawah Akta Perumahan kerana Akta Perumahan ini sudah lama-tahun 1966 tetapi yang ini yang baru tahun 2013.

Jadi memang kita sedar hari ini kalau kita pembeli hendak tuntutan kepada pemaju RM50,000 memang sedikit kerana retak dan sebagainya. Jadi ini memang dalam perhatian kita tetapi apabila kita hendak pinda ini kita kena bawa balik ke Dewan yang mulia ini untuk kita pinda seksyen yang telah termaktub di bawah Akta Perumahan ini.

Yang Berhormat Seremban juga meminta KPKT menyemak permohonan menaik taraf Dewan Orang Ramai Titi, Majlis Daerah Jelebu. Saya hendak maklumkan bahawa mesyuarat pemeriksaan bajet projek DP1 tahun 2002-2017 sebahagian Negeri

Sembilan telah diadakan pada 27 Oktober 2016 yang baru ini pihak Majlis Daerah Jelebu telah membentangkan permohonan projek menaik taraf Dewan Orang Ramai Titi, berjumlah RM500,000 untuk dijadikan keutamaan pelaksanaan projek bagi tahun 2017. KPKT akan membuat pertimbangan kerana tadi disebut bawah projek DP1 disebut tadi peruntukannya ada RM300 juta. Akan tetapi kita dengar rakan-rakan kita ada berapa banyak majlis daerah ataupun PBT seluruh negara kita.

Ini kita akan cuba memberikan agihan yang seadil yang mungkin untuk kalau kita hendak bagi semua Yang Berhormat tuntutan saya tak berani janji kita akan buat tetapi memang ada di dalam senarai untuk kita hendak laksana tetapi kita akan lihat sama ada agihan yang kita akan buat nanti mencukupi ataupun tidak. Terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri saya harap projek yang saya maksudkan itu dapat diberikan pertimbangan kerana sudah dua ke-tiga tahun dewan orang ramai itu tersebut ditutup. Cuma saya hendak kembali kepada berkenaan dengan tribunal saya juga ada membuat cadangan supaya pihak kementerian mengadakan tribunal bergerak ini untuk membantu pembeli-pembeli ataupun penuntut-penuntut yang membukakan kes di dalam tribunal ini supaya mereka lebih mudah di negeri masing-masing umpamanya di negeri Melaka, di Negeri Sembilan yang tak ada pejabat tribunal ini sekiranya boleh diadakan tribunal bergerak sekali dalam sebulan kes-kes itu boleh diselesaikan di peringkat negeri. Tak perlu mereka datang ke Putrajaya. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tribunal kita ini memang seolah-olah dia bergerak sebab sehingga ke hari ini kita ada 12 Mahkamah Tribunal di seluruh negara di Putrajaya kita ada empat, Kuala Lumpur kita ada dua, Pulau Pinang kita ada tiga, dua di Georgetown satu lagi di Kepala Batas, Terengganu satu, Johor Bahru satu, Muar satu, Negeri Sembilan tidak ada. Walaupun Negeri Sembilan tidak ada dan juga mana-mana negeri yang tidak belum ada maka sudah menjadi cara kita bekerja di mana tribunal ini kita akan menggunakan Mahkamah Sivil yang ada. Jikalau Mahkamah Sivil ini kita tak dapat guna, kita akan gunakan bangunan-bangunan yang tertentu.

■1620

Jadi memang tribunal kita ini dia akan bergerak daripada satu buah negeri ke satu buah negeri. Terima kasih atas ingatan Yang Berhormat. Memang kita telah sedia pun untuk kita hendak menjawab apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Seremban juga membangkitkan kenapa Bahagian Pemberi Pinjam Wang- ini tadi yang dibangkit. Mengapa dia letakkan di bawah KPKT lesen

peminjam wang berlesen ini. Tadi Yang Berhormat kata kenapa tidak letak di bawah KDN ataupun kenapa tidak letak di bawah Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Yang Berhormat, ia terletak di bawah KPKT kerana tafsiran akta itu sendiri. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, mengikut tafsiran Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 di bawah seksyen 2, dia kata Menteri- Menteri ertinya Menteri yang ditugaskan dengan tanggungjawab bagi kerajaan tempatan. Jadi, mana-mana Menteri yang jaga kerajaan tempatan, dialah Menteri yang menjaga Akta Pemberi Peminjam Wang 1951 ini. Jadi kalau hendak dipinda, kita kena pinda akta yang sedia ada.

Yang Berhormat juga nyatakan mengenai penguatkuasaan. Bagaimanakah penguatkuasaan pemberi peminjam wang ini dilaksanakan?

Saya hendak nyatakan bahawa kita ada membuat pemantauan di mana pengawalseliaan yang kita buat selaras dengan peruntukan Akta Pemberi Peminjam Wang 1951. Aktiviti pengawalseliaan yang kita buat berbagai-bagai cara. Pertama, pemantauan berkala dan pemeriksaan mengejut ke atas premis PPW berlesen.

Kedua, kawalan pengeluaran lesen yang kita beri. Ketiga, kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan, Polis Diraja Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kita juga- kalau tidak silap saya- ada 11 orang pegawai PDRM yang ditempatkan di Kementerian KPKT untuk memantau dan mengawal selia aktiviti-aktiviti yang dibuat oleh pihak yang mendapat lesen ini. Kita juga berhubung dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Sekarang ini kita memang dalam perancangan. Kita tahu akta ini sudah lama. Jadi memang kita sedang merancang untuk kita hendak melihat balik Akta Pajak Gadai, Akta Pemberi Peminjam Wang ini yang mungkin perlu diubahsuai. Sepertimana Yang Berhormat kata, pemantauan. Hal ini kita tidak nafikan kita agak ketinggalan daripada sistem pemantauan kepada mereka yang mendapat lesen peminjam wang.

Oleh sebab itu kita sedang hendak pinda akta supaya peminjaman wang ini kita boleh pantau dari pejabat sahaja. Ertinya kita buat macam *online*. Jadi kita boleh tahu berapa banyak dipinjam dan berapa *interest* yang dikenakan. *Interest* yang dikenakan dia tidak boleh lebih daripada 18 peratus bagi pinjaman yang tidak ada *collateral* dan tidak boleh lebih daripada 12 peratus, itu maksimumnya. Jadi kalau ada mana-mana pihak peminjam wang mengenakan pinjaman lebih 18 peratus, itu bermakna along lah. Itu yang dikatakan along kerana dia tidak mengikut syarat-syarat yang telah pun ditetapkan. Jadi oleh sebab itu, kita melihat balik syarat-syarat ini.

Begitu juga sekarang ini kita akan berhubung dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kita hendak tengok syarikat ini. Sebab, hendak mendapatkan lesen ini dia mesti ada wang RM2 juta, kalau tidak silap saya, RM2 juta dalam akaun dia. Jadi kena *check*

dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri, manakah dapat RM2 juta ini? Adakah dia ada bayar cukai dan sebagainya? Jadi ini ke arah kita hendak menambah baik lagi akta ini.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat juga cakap pasal Akta Pajak Gadai. Kita pun sedar bermakna akta ini akta yang lama hinggakan hari ini kalau ada orang hendak menggadai barang kemas sebagai contoh, dia hanya perlu keluarkan IC sahaja. Jadi itu sebab kita lihat kemungkinan barang yang digadai ini mungkin barang *illegal*. Jadi apa yang kita hendak cadang- kita kena pinda- kalau mana-mana pihak yang hendak menggadai barang di kedai pajak gadai, dia kena *produce* sijil-sijil beranak daripada mana barang ini dia dapat. Ini di antaranya yang sedang kita rancang untuk kita hendak memastikan pinjaman wang dan juga pajak gadai ini tidak disalahgunakan oleh pihak taukenya dan juga pihak yang hendak menggadai barang.

Jadi, cadangan-cadangan Yang Berhormat saya rasa kita telah pun jawab sebagaimana yang telah dibangkitkan. Begitu juga Yang Berhormat Kota Raja- oh, tadi bila Yang Berhormat Kota Raja berucap, Yang Berhormat Seputeh mencelah mengenai cadangan- Yang Berhormat Seputeh dia memang suka mencelah- mengenai cadangan saya hendak bagi pihak pemaju perumahan diberikan kebenaran untuk memberikan pinjaman kepada pihak pembeli.

Saya dah jawab dah dalam Dewan ini tapi Yang Berhormat Seputeh selalu macam itulah, ditanya, dia lari. Jadi itu yang susah itu. Dia tidak mahu dengar betul-betul. Akan tetapi terima kasihlah Yang Berhormat Sekijang, suruh kita kaji. Sebenarnya perkara ini Yang Berhormat Seputeh, bukan juga baru, sudah lama sudah pun. Sebelum saya jadi Menteri, 10 tahun dulu sudah ada. Sejak ada akta ini memang dah ada tapi tidak diheboh-hebohkan. Saya sudah bagi tahu.

Jadi apabila saya jadi Menteri, saya tengok. Jadi kerana itu, kita hendak cadangkan- saya tengok balik kaji, ada kebaikan dan ada keburukan. Antara kebaikan yang saya nampak, seperti mana yang dibangkitkan tadi, ramai bercakap berkenaan *end financing*. Orang hendak beli rumah, bank bagi 70 peratus, dia ada duit 10 peratus. Kalau dia pinjam MyDeposit atau MyHome, kita bagi 70 peratus. Jadi dia baru ada 80 peratus. Manakah dia hendak cari lagi 20 peratus ini?

Akhirnya, dia dapat tawaran beli rumah tetapi bank hanya bagi 70 peratus atau 80 peratus, dia tidak ada duit. Saya ambil bukti macam program MyDeposit, kita *offer* dekat lebih seribu lebih kita sudah tawarkan, tetapi akhirnya yang datang kepada kita balik yang menunjukkan bahawa dia telah bersedia dengan 90 peratus- sebab kita bagi 10 peratus dan bank bagi 80 peratus, dia ada 10 peratus. Kalau rumah RM300,000, dia ada bukti, dia sudah ada RM2,000 kalau dia ada 90 peratus, kali tiga, RM270,000. Dia



kata dia perlu 10 peratus lagi, RM30,000, itu yang kita bagi. Jadi ini saya tengok yang dikira- namun demikian, Kabinet telah meminta kami mengkaji balik.

Pertama, keberkesanannya; kedua, *interest*-nya dan juga tempoh bayar balik dan sebagainya. Ini kita telah memanggil pihak REHDA, panggil Persatuan Pembeli Rumah, NGO-NGO untuk melihat secara keseluruhannya. Apa yang kita laksana ialah untuk kebaikan dua-dua belah pihak, *win-win situation*. Pemaju pun *happy* dia boleh jual rumah dan pembeli pun dia *happy* dia boleh beli rumah. Tambah pula sekarang ini kita tengok rumah-rumah yang tidak boleh jual sampai 16 peratus yang tidak boleh dijual.

Ya, Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Menteri, sebenarnya adalah bekas Pengerusi REHDA yang nasihat Yang Berhormat Menteri jangan minta pemaju jadi along selepas Yang Berhormat Menteri keluarkan kenyataan ini. Jadi saya rasa hairanlah kita sebenarnya ada undang-undang yang membenarkan pemaju untuk pinjamkan duit kepada pembeli rumah untuk membeli rumah, kerana saya rasa semua peminjaman wang ini kalau kita ikut *regulation*, peraturan ditetapkan oleh Bank Negara baru selamat.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, saya sudah lupa sudah. Yang Berhormat tengok balik jawapan saya. Saya ingat lebih daripada 14 kah, 15 *developer* ini dah dapat dah pun, bukannya baru. Jadi yang melompat ini bila benda lama saya cakap benda yang baru, itu yang melompat. Takkan Pengerusi REHDA dia pun tidak faham.

Dia pun faham tapi kadang-kadang mereka ini pinjam dia tidak pakai nama syarikat dia. Dia tubuh anak syarikat dia untuk memberi pinjaman. Ada. Syarikat ini kita tengok bukannya dia bagi semua. Dia pun bila hendak bagi, dia bagi personal *loan*. Dia tidak boleh cagar rumah sebab rumah ini dah ada *collateral* dengan bank.

Kalau dia hendak bagi pinjam- saya tanya mengapa dia bagi pinjam, dia kata pertama dia hendak rumah dia laku, *then* dia pun hendak ambil keuntungan bukan daripada *interest*. Dia hendak rumah dia dijual dan dia kata pinjam bank, dia ada bukti dia yakin orang ini boleh bayar. Kadang-kadang kalau pinjam dekat bank, bank tidak bagi kerana bank hendak *all the slips* dan sebagainya. Akan tetapi, orang ini boleh jadi dia ada *extra income*. Dia cikgu, dia ada buat kelas tuisyen tambahan dan sebagainya dan mungkin dia juga daripada *family* dia, dia ada bukti mak dia jadi penjamin dia dan sebagainya yang bank mungkin tidak boleh terima.

## ■1630

Ini kenyataan. Macam bank saya cakap, bank, apakah salahnya rumah PPR? *Market price* RM165,000. *Market price*, rumah PPR yang kita buat, *market price* RM160,000. Kita hendak jual kepada rakyat RM35,000 sahaja.

Bila hendak jual RM35,000. Ini yang tadi timbul, yang dibangkitkan oleh siapa tadi? Ahli-ahli Parlimen kata, bagaimanakah kita hendak tolong? Itu sebab kita kenalkan *rent to own*. Sampai kita buat *rent to own* ertinya, kita kata tidak payah pinjam bank. Masuk, bayar bulan-bulan, cukup masa rumah ini ambil. Ini saya hendak beritahu. Jadi ini usaha-usaha yang kita buat, bagaimana kita hendak memudahkan rakyat supaya rakyat mendapat rumah yang disediakan. Jadi terima kasih.

Saya hendak pergi kepada Yang Berhormat Kota Raja. Yang Berhormat Kota Raja tadi dia menulis nota dengan saya, dia minta saya beri jawapan bertulis kerana dia ada hal. Jadi saya akan bagi jawapan bertulis khusus kepada Yang Berhormat Kota Raja, dia ada maklumkan kepada saya tadi. Yang Berhormat Ipoh Barat? Yang Berhormat Ipoh Barat tidak ada lah. Banyak, banyaklah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Kita *share, two in one*.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Ha? Saya ingat Yang Berhormat Ipoh Barat tidak ada ini, saya bagi jawapan bertulis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh, Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Isu yang dicakapkan pun isu yang saya akan ulas juga. Ada beberapa kawan yang lain bangkitkan. So, Yang Berhormat Ipoh Barat ini saya beri jawapan bertulis tetapi Yang Berhormat Seputeh, dia ada menyampuk mengenai penduduk tidak mengamalkan pengasingan sisa pepejal. Hendak jawab juga?... [Disampuk] Dia tanya kepada Yang Berhormat Ipoh Barat tadi, patut Yang Berhormat Ipoh Barat yang jawab.

Tidak mengapalah. Saya jawablah. Bagi memastikan masyarakat melaksanakan pengasingan sisa pepejal, KPKT melalui SWCorp telah menjalankan pelbagai promosi secara berterusan melibatkan medium yang tersebut iaitu hebahan di tujuh buah stesen radio. Hebahan di lima buah stesen televisyen, promosi *billboard* di 15 buah lokasi, buat *bus wrapping* di Putrajaya, di media sosial, *Facebook* dan sebagainya.

Yang Berhormat Seputeh kata tiada tong kitar semula di kondominium. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi perumahan bertingkat seperti di kondominium, kemudahan sangkar kitar semula yang terdiri daripada tiga ruangan disediakan bagi memudahkan penduduk di kawasan kediaman tersebut mengamalkan pengasingan sisa pepejal. Semenjak pengasingan sisa pepejal dilaksanakan, sebanyak 715 program *engagement* pengasingan sisa pepejal berpunca dilaksanakan bersama dengan JMB

daripada 1,497 jumlah keseluruhan JMB. Pihak SWCorp akan terus melaksanakan sesi *engagement* tersebut bagi memastikan keseluruhan JMB melaksanakan pelaksanaan pengasingan sisa pepejal dipunca dengan jayanya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Ya

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya mahu *test*-lah. Untuk *plastic bag* berwarna biru, itu untuk buat apa? *[Ketawa]* Biru, biru. Buat apa? Jawapan...

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Okey, sudah?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini yang saya cuba katakan, ini mengelirukan. *Plastic bag* yang berwarna-warni. Okey, jawapan yang saya dapat bekas Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ialah bagi sisa kertas, pemilik premis digalakkan menggunakan plastik sampah berwarna biru. Kalau Yang Berhormat Menteri pun tidak tahu, ini membuktikanlah warna yang berwarna-warni daripada segi penggunaan *plastic bag* ini sebenarnya gagal. Saya percaya Tuan Pengerusi juga tidak tahu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tahu hitam, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Hitam untuk apa, hitam untuk apa?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada hitam tidak Yang Berhormat?

**Seorang Ahli:** Ada hitam kah?

**Seorang Ahli:** Mana ada hitam.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Biru, putih, hijau. Tidak adalah. Mana ada hitam *[Ketawa]*

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, yang satu *colour* itu, BN, biru. Yang *colorful* itu sebelah sana. Hijau ada, oren ada, macam-macam *colour* ada. Ia sebenarnya yang *colour* itu kita tidak menetapkan apa-apa *colour* untuk kita gunakan. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tanjong Piai membangkitkan isu pembinaan stesen pemindahan sisa pepejal di Pekan Nanas, Pontian. Ini isu penting, terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, KPKT sentiasa mengambil kira pandangan semua pihak termasuk kerajaan negeri dalam membina dan menaik taraf tapak pelupusan sampah. Bagi tapak pelupusan sampah di Tanjong Piai, Pontian, kerajaan negeri telah mencadangkan tapak pelupusan sedia ada dikekalkan, memang Yang Berhormat kata.

Walau bagaimanapun, disebabkan kawasan tapak yang terhad KPKT telah bercadang untuk membina sebuah stesen pemindahan, *transfer station* di kawasan

tersebut tetapi sisa pepejal di kawasan ini akan dipindahkan ke tapak pelupusan di Seelong Jadi Yang Berhormat boleh senang hatilah di mana kos pembinaan *transfer station* ini adalah melibatkan peruntukan sebanyak RM17.1 juta.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma hendak terima kasih kerana ada stesen pemindahan tetapi masalah sekarang ialah masalah bau, pencemaran bau. Di persekitaran yang saya katakan tadi memang sudah pesat membangun. Tapak perumahan, pusat kesihatan dan sekolah. Jadi bagaimana hendak pastikan pencemaran bau itu tidak berlaku?

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat. Apabila kita turun padang untuk kita *upgrade*-kan kawasan ini nanti, kita akan ambil kira apa yang Yang Berhormat membangkitkan iaitu kawasan ini berbau. Walau bagaimana pun, saya boleh beri jaminan, pegawai-pegawai pun ada di belakang esok juga, kita akan minta pegawai kita pergi melihat kawasan tersebut. Betul ada bau atau tidak ada bau. Ini kita akan pastikan, kalau dia tidak datang beritahu saya dalam Parlimen.

Yang Berhormat Tanjong Piai memohon untuk mengadakan sebuah balai bomba di kawasan selatan Pontian kerana risiko tinggi seperti industri kimia dan sebagainya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kementerian sedang mengenal pasti tapak tanah untuk sebuah balai bomba di kawasan Kukup. Jika perolehan tapak diluluskan, pada tahun 2018, kementerian akan memohon projek balai bomba di kawasan tersebut pada tahun 2019 kerana tapak, kita sedang mengkaji. Kalau Yang Berhormat boleh bantu kita dapatkan tapak, jadi mungkin lebih mudah, lebih cepat kita laksanakan. Pada masa ini, terdapat dua buah balai bomba di daerah Pontian bagi mengawal risiko kebakaran di kawasan Pontian termasuk selatan Pontian yang terletak kira-kira 40 kilometer di kawasan berkenaan.

Yang Berhormat Rantau Panjang ingin tahu sejauh mana kerajaan membantu PBT di Kelantan untuk menjaga landskap dan sebagainya. Saya telah sebut tadi bahawa peruntukan landskap, kita tidak bagi kepada semua PBT. Kita akan melihat keadaan dan juga untuk di negeri Kelantan, kita ada memberikan peruntukan untuk landskap. Permintaan mengenai pengurusan sisa pepejal seperti yang saya nyatakan tadi bahawa Kelantan tidak *sign*, dia tidak ada tanda tangan, tidak terpakai Akta 672, jadi masalah itu diuruskan pihak kerana negeri lah, oleh PBT.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin memohonlah kalau sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi, tidak semua PBT yang diberikan peruntukan. Disebabkan kawasan saya kawasan pintu masuk utama untuk pelancong daripada negara luar, diberikan keutamaan untuk peruntukan landskap ini sebab untuk menceriakan suasana, terlalu

jauh beza negeri kita dengan negara jiran. Jadi saya minta sangat perhatian dan keutamaan diberikan.

■1640

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Tidak apa Yang Berhormat. Saya akan lihat secara keseluruhan. Dengan peruntukan landskap pun hendak beritahu bahawa kalau tidak silap saya bajet kita untuk landskap ini agak kurang sedikit daripada tahun-tahun lepas. Akan tetapi permohonan yang kita dapat daripada rakan-rakan, daripada PBT agak begitu banyak sekali. Ini kerana memang hasrat kerajaan untuk mengindahkan supaya rakyat hidup dengan lebih selesa. Saya akan ambil kira pandangan Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga bangkitkan mengenai Perumahan Negara. Rumah yang dibina atas tanah seperti mesti ada tiang untuk banjir. Jadi ini sebenarnya untuk membuat rumah PPR ini kita bergantung kepada permohonan daripada pihak kerajaan negeri ataupun pemimpin setempat dan di mana rumah itu kita hendak buat kita akan tengok keadaan. Kalau *landed* kita kira *landed* ataupun tengok keadaan kalau misal kata kita boleh bincang dengan pihak tempatan. Akan tetapi saya tidak tahulah adakah tempat Yang Berhormat buat PPR yang sebab air masuk. Mungkin kita jangan salah faham PPR lain. Kami punya kementerian kita menjaga ialah Program Perumahan Rakyat (PPR). Ini yang mana yang saya kata kita buat RM165,000 kita jual RM35,000 untuk rakyat yang miskin. Akan tetapi ada tadi dibangkitkan mengenai penyelenggaraan kos rumah rendah.

Kos rumah rendah ini dia bukan di bawah kementerian kita. Namun demikian oleh sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu prihatin dengan masalah *maintenance*, penyelenggaraan rumah kos rendah maka telah pun diumumkan kenaikan RM300 juta untuk kita memberikan bantuan kepada mana-mana rumah kos rendah di dalam kawasan-kawasan perumahan sebagai kita hendak buat penyelenggaraan.

Yang Berhormat dari Labuan tadi ada bangkit mengatakan bahawa kita keluar 90 peratus, JMB keluarkan 10 peratus di bawah TPIM, itu dasar yang lama. Akan tetapi dasar yang baru ini kita akan biyai 100 peratus untuk kita hendak membaiki. Kita sedia maklum bajet yang sedia ada kalau kita hendak tengok memang saya tidak nafikan banyak tempat kos-kos rendah, PPR lifnya amat mendukacitakan. Jadi oleh sebab itu kita hendak minta kerajaan-kerajaan negeri juga kena berusaha untuk sama-sama kita menyelesaikan masalah rakyat.

Yang Berhormat Sekijang. Status perumahan swasta terbengkalai iaitu Taman Tunku Abdul Rahman di Segamat Johor. Manakah Yang Berhormat Sekijang?

**Seorang Ahli:** ...Yang Berhormat Sekijang tidak ada.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat Sekijang tidak ada, kita akan bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Sekijang. Yang Berhormat Lipis. Rumah PPR, dia sentuh mengenai rumah PPR. Seperti yang saya telah nyatakan tadi bahawa rumah PPR ini kita dahulunya hanya isi rumah bawah RM2,500 ke bawah. Akan tetapi sekarang ini kerajaan telah bersetuju supaya mereka yang layak untuk mendapat rumah PPR ini pendapatan isi rumahnya ialah RM3,000 ke bawah.

Yang Berhormat Pasir Puteh, peruntukan PPR disewa tidak banyak disediakan berbanding PPR dimiliki. Yang Berhormat kita ada dua. Satu PPR yang kita jual terus kepada rakyat kerana dalam kita hendak membeli rumah kepada rakyat ada dua. Satu kita hendak bagi dia *permanent* rumah dan satu lagi dipanggil rumah transit sewa sementara dia belum dapat duit untuk dia buat.

Yang Berhormat tadi cadang supaya dia banyak sewa. Daripada pengalaman saya tengok kita lebih selamat kita terus jual. Apabila kita sewa, ini yang keadaan kos *maintenance* lifnya tidak terbelah, urusan kawasan perumahan tidak terbelah. Ini kerana realitinya ini bukan rumah dia, ini rumah sewa. Akan tetapi apabila kita kenakan sewa beli kita tidak menyusahkan rakyat, dia tidak payah pinjam bank. Dia sewa beli sampai tempoh tertentu contoh 20 tahun atau nanti 15 tahun dia ambil rumah ini.

Jadi dia akan rasa *self belonging* dari rumah ini, *there is an ownership* ini ada, dia akan jaga rumah dia dengan lebih baik. Dia hendak buat *renovation* pun boleh. Namun demikian di mana kawasan-kawasan dalam bandar yang *prime area* yang kita lihat memang diperlukan untuk perumahan yang itu kita akan buat sewa, kita tidak ada jual. Jadi ada dua konsep, satu sewa beli, satu lagi rumah transit sahaja.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Menteri terima kasih Tuan Pengerusi. Apa yang dimaksudkan, saya hendak tanya sedikit, yang dimaksudkan dengan sewa beli itu, sewa beli itu dengan bank, bermakna dia masih lagi pinjaman. Jadi masih lagi berhutang kerana dia ada lagi kontrak dengan bank.

Jadi yang dimaksudkan dengan sewa sahaja ini ialah kerajaan membuat bangunan kemudian kerajaan *maintain* bangunan itu dan di samping itu mereka ini menyewa di rumah itu. Makna tiap-tiap bulan mereka hanya bayar sewa sahaja dan mereka ada kontrak. Seterusnya kalau mereka ingin keluar daripada umah itu, mereka boleh keluar sahaja dan tidak ada ikatan dengan mana-mana bank, hutang kepada mana-mana bank. Itu yang dimaksudkan. Maknanya ini boleh membantu ramai khususnya golongan B20 yang memerlukan kepada tempat tinggal. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Ya mungkin Yang Berhormat silap faham. Apa yang dikata sewa beli *is rent to own* iaitu ertinya dia masuk rumah itu tidak ada pinjam bank apa pun. Dia bayar- katalah dia bayar sewa RM250 sebulan, harga rumah

RM35,000, jadi kita kiralah boleh jadi 15 tahun hutang dia habis *then* dia ambillah rumah itu. Jadi ini hendak mengelakkan daripada rakyat meminjam duit dari bank. Ini sebab apa kita kena ajar sedemikian kerana hari ini kita dapati banyak rumah PPR ini kita sudah tawarkan kepada mereka yang layak, yang berpendapatan RM2,500 ke bawah tetapi bila kita tengok dua tahun rumah masih kosong. Bila kita semak balik, sebab apa tidak isi rumah dua tahun ini? Rupanya orang yang mendapat tawaran itu dia tidak dapat pinjaman bank. Itu yang saya kata tadi.

Bila tidak dapat pinjaman bank makna dia tidak boleh masuk, oleh itu kita perkenalkan *rent to own* termasuk yang tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti yang rumah yang saya melawat. Ini memang diserahkan kepada kerajaan negeri tetapi kita memang hendak cadangkan kepada kerajaan negeri untuk dikenakan *rent to own*, sewa beli. Disewa dan dia terus dapat. Ini kita sedang buat *paper* ke Kabinet. Kita harap bila kita serahkan kepada kerajaan negeri *promote* harga pun dia hendak minta lebih sedikit daripada apa yang sepatutnya kita tetapkan RM42,000 tetapi dia kata sebab di Sarawak ada dasar yang lain rumah murah ada dasar lain jadi kita ikut dengan kehendak Sarawak dan *paper* sedang dibawa ke Kabinet. Kita minta juga rumah itu supaya dilaksanakan secara *rent to own* jadi tidak menyusahkan orang yang ditawarkan itu daripada pinjam bank.

Saya pergi rumah dua tahun, dekat dua tahun sudah siap tetapi masih kosong. Lambir namanya. Jadi benda-benda seperti itu yang kita kena bantu menyelesaikan, membantu rakyat.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasar Puteh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Menteri. Kalau demikian saya rasa ini satu program yang cukup baik. Jadi saya ingin kalau boleh mendapatkan sedikit maklumat daripada pihak kerajaan, berapa banyakkah rumah seperti ini yang ada di seluruh Malaysia? Lebih-lebih lagi di Kelantan berapa banyak rumah yang sebegini yang sudah disiapkan dan dihuni oleh rakyat kita. Perancangan untuk tahun depan berapa banyak? Kalau boleh, terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Di Kelantan kita sudah mula iaitu perumahan di Gua Musang. Kita ada buat 1,000 buah rumah di Gua Musang. Kita sudah tawar tengok lambat dapat. *That's why* kita terus laksanakan secara konsep *rent to own*. Di Kelantan kita akan buat juga di Machang, kita akan buat di Tanah Merah dan di Kota Bharu sedang dibuat. Jadi yang di Machang, di Tanah Merah hari ini kita buat konsep *rent to own*. Akan tetapi tahun ini kita tidak dapat banyak, kita hanya dapat 10 projek sahaja untuk kita laksanakan untuk tahun 2017.

Yang Berhormat Lipis, penghantaran sisa pepejal daripada Cameron Highlands ke Lipis. Ini betul minta maaf daripada Lipis. Ini ialah kerana masalah *incinerator* di Cameron Highlands. Saya sendiri telah pun turun. Saya turun saya lihat oleh sebab *incinerator* di Cameron Highlands tidak boleh berfungsi maka sampah telah bertimbun.

■1650

Jadi sekarang ini kita telah pun lantik kontraktor, dalam proses mengeluarkan surat tawaran kepada pihak kontraktor untuk membaiki *incinerator* tersebut. Akan tetapi sementara *incinerator* itu hendak dibaiki, sampah ini tidak ada sempat kita hendak buang. Kita telah memohon kerjasama dengan Kerajaan Negeri Perak, hendak buang lebih dekat. Turun Cameron Highlands, Lahat tidak silap saya nama tempat.

Akan tetapi oleh sebab sampah ini ialah sampai dari Pahang, jadi Perak kata kena cari Pahang kena buang. Jadi sebab itu kita tumpang sekejaplah, kita hantar sampah ini kepada Lipis dan kita akui kos kita agak tinggi bila kita hendak hantar sampah ini ke Lipis. Akan tetapi perkara ini kita tidak ada jalan di mana kita tumpang sementara, kita membaiki *incinerator* kita yang sedang rosak di Cameron Highlands.

Yang Berhormat Gerik menyatakan dalam kawasan Hulu Perak terdapat pengambilan tanah untuk balai bomba 20 tahun yang lalu dalam daerah kecil Gerik.

Untuk makluman Yang Berhormat, tanah kosong dimaksudkan ialah...

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Gerik tidak ada.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat Gerik tidak ada? Yang Berhormat Gerik tidak ada, saya bagi jawapan bertulis. Siap sudah, kita akan bagi satu *copy* kepada Yang Berhormat Gerik.

Yang Berhormat Sibuti ada. Saya dah jawab tadi, PPR Lambir telah siap dan dalam proses pengundian dan penawaran. *Insyah-Allah* kita akan segerakan. Saya dimaklumkan, untuk makluman Yang Berhormat berhubung dengan kesukaran pembeli untuk mendapatkan pembiayaan, pihak Kerajaan Negeri Sarawak telah menyediakan kemudahan melalui Mutiara Mortgage and Credit Sdn. Bhd, itu sebuah anak syarikat milik penuh Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak, kalau yang hendak buat pinjaman. Walau bagaimanapun, kita cuba cadang untuk *rent to own* kepada Lambir.

Yang Berhormat Bagan Serai, usaha KPKT untuk memperkasakan LA21, juga dibangkit oleh Ipoh Barat tidak silap saya tadi. LA21 usaha sama strategik di antara PBT, masyarakat dan juga sektor swasta untuk merancang, mencapai kata sepakat dan bersama-sama bertindak terhadap isu-isu pembangunan mampan yang mempengaruhi kehidupan umum. LA21 menekankan kepada empat buah komponen iaitu alam sekitar, sosioekonomi, kebersihan perbandaran dan juga infrastruktur dan kemudahan awam, Sebagai inisiatif mempromosikan LA21, kementerian telah pun menganjurkan



Persidangan Kebangsaan LA21 yang berperanan sebagai sebuah platform untuk bertukar-tukar pandangan dan pengalaman mengenai pelaksanaan program LA21 oleh PBT dan juga NGO.

Di samping itu, berbagai-bagai forum dan pertandingan komuniti mampan turut dianjurkan bagi memberikan kefahaman mengenai konsep pelaksanaan program LA21. Cara pelaksanaan, kita juga berharap JPP yang telah ditubuhkan sekurang-kurang dapat memainkan peranan untuk mencapai matlamat LA21.

Yang Berhormat Labuan, pelaksanaan PPR Batu Arang, Labuan. Untuk makluman Yang Berhormat, KPKT sedang melaksanakan proses perolehan secara tender terbuka. Pembinaan projek di tapak dijangka dapat dimulakan pada pertengahan tahun 2017. Dahulu ini sepatutnya dilaksanakan pada tahun ini, tetapi kerana beberapa teknikal, jadi kita kena buat tender terbuka.

Yang Berhormat Batu Kawan ada? PPR yang diluluskan bagi Pulau Pinang dalam Bajet 2017, dua projek telah diluluskan sebagai projek sambungan bagi tahun 2017 iaitu PPR Kampung Tok Suboh 231 unit, kos sebanyak RM29 juta. Lagi satu ialah PPR Mak Mandin, 70 unit.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Kawan Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Ada lagi? Sudah jawab tadi sudah.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, hendak tanya bahagian pulau ada apa-apa projek PPR? Sebab yang dua-dua ini di seberang.

**Seorang Ahli:** Tidak jawab, maknanya tidak adalah.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Macam tidak lulus, dua sahaja?

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Dua sahajalah sebab kita hendak buat ini tanah, tetapi tidak tahulah kalau-kalau kerajaan negeri boleh cari tanah. Satu buah tanah kita boleh buat dekat kawasan Balik Pulau pun kita boleh buat, tetapi masalahnya tanah. Tanah kat Pulau Pinang ini, sekarang ini semua sudah jadi harga emas bukan? Jadi kita hendak buat rumah PPR ini untuk rakyat RM35,000 sahaja. Jadi itulah yang saya lihat, jadi sebab itu kita usaha juga di kawasan...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Maaf Menteri, boleh tolong ulang? Saya lupa tulis tadi. Kampung Tok Suboh berapa ya? *Sorry*, tidak dapat tadi.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Kampung Tok Suboh, 231 unit.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** 231? Okey.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** PPR Mak Mandin.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** 70?

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Mak Mandin, 70 unit.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** 70 unit.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Kemudian kita juga ada projek yang sudah siap, PPR Lorong Selamat di Georgetown. Ada, Georgetown sudah siap sudah.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Itu berapa bilangan unit Menteri?

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Itu ada 316 unit.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** 316. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** PPR Jalan Tambi pun sudah siap, 382 unit. Okey?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Sebab tadi daripada jumlah lebih 102,000 unit, Pulau Pinang kedua terendah, Wilayah Persekutuan Labuan 500, Pulau Pinang 999. Jadi, sebab itu saya bangkitkan isu ini.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Masalahnya tanah. Kalau kerajaan-kerajaan negeri ini tanah yang kita punya pun kita susah *develop*.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Baiklah.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Saya dengar kawan-kawan dari Pulau Pinang tanah yang Pulau Pinang ini punya... [*Disampuk*] Bukan tanah buat banglo. PERDA. Tanah PERDA pun tidak boleh hendak buat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Kenapakah tidak boleh Yang Berhormat Menteri?

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Ini tanya kerajaan negerilah.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Oh, ini adalah di bawah Kerajaan Persekutuan.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Tidak, tidak. Ini sebab ramai orang salah faham. Tadi dibangkit juga harga rumah. Harga rumah ini ialah kuasa mutlak kerajaan negeri kerana tanah dia berkait dengan harga rumah. Harga rumah, tanah dia punya premium tanah, *convention* daripada tanah pertanian jadi tanah perumahan. Ini semua ditentu oleh kerajaan negeri. Macam-macam, *compliance* caj ada, *development* caj ada. Jadi, ini semuanya kuasa kerajaan negeri. Bila dia datang kepada kementerian, dia kita dia bagi EPDL masa itu harga telah pun ditetapkan. Jadi masalah rumah, kerajaan negeri yang meluluskan kebenaran merancang dan sebagainya.

Yang Berhormat Lipis...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Maaf Yang Berhormat Menteri, tetapi ketetapan harga itu bukannya di bawah bidang kuasa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan?

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Tidak. Tidak betul. Kalau rumah PPR kita ditetapkan. Di negeri, dia ada jawatankuasa yang menentukan harga rumah. Kita dihantar kepada kita ini sebelum dijual- baru dihantar mendapatkan EPDL daripada kementerian, harga telah ditetapkan. Melainkan selepas kita bagi EPDL dia hendak naikkan harga rumah, itu kuasa kementerian untuk memberikan kelulusan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Isu peruntukan bagi projek kecil dalam kawasan PBT, Yang Berhormat Lipis tadi pun saya sudah jawab. Ini bermakna RM300 juta dibagi memang nampak banyak, tetapi nak diagihkan kepada seluruh PBT, itulah kita tidak dapat bagi banyak kepada setiap PBT.

Yang Berhormat Tebrau membangkitkan cadangan supaya sebuah pembangunan *guarded neighborhood* yang tidak memenuhi tahap majoriti penduduk bersetuju sebagaimana yang ditetapkan oleh PBT, dibenarkan juga untuk dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, majoriti penduduk bersetuju pada kadar yang besar sebagaimana yang ditetapkan oleh PBT adalah bertujuan untuk memastikan apabila sesebuah pembangunan *guarded neighborhood* ini dilaksanakan, pengurusan persatuan penduduk seperti pembayaran upah, pengawal keselamatan dan juga penyelenggaraan peralatan keselamatan adalah mencukupi. Sekiranya tahap majoriti ini tidak dipatuhi, dikhuatiri pengurusan ini akan terjejas ekoran kutipan fi yang tidak mencukupi. Jadi ertinya serah kepada kawasan penduduk itu sendirilah.

Yang Berhormat Batu Pahat, mohon supaya proses perancangan dan pembangunan mengambil kira pandangan daripada penduduk ataupun pengguna. Ada?

**Seorang Ahli:** Ada.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Proses perancangan dan juga pembangunan mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 sememangnya mengambil kira pandangan penduduk iaitu di peringkat penyediaan rancangan tempatan di mana pandangan dan bantahan orang awam diambil kira sebelum pelan pengezonan guna tanah diangkat bagi persetujuan pihak negeri. Jadi, dia kena buat *public hearing*lah. Permohonan kebenaran merancang juga di mana pandangan empunya tanah berjiran diambil kira sebelum cadangan pemajuan tersebut diluluskan sekiranya kawasan tersebut belum mempunyai rancangan tempatan.

**■1700**

Jadi apa pun ini tugas PBT, kalau ada mana-mana pembangunan tidak sesuai cari Ahli Majlis PBT atau pun Yang di-Pertua PBT kerana mereka yang meluluskan pelan dan sebagainya. Yang Berhormat Parit, ada? Bantuan diberikan kepada mereka yang berdaftar dalam e-Kasih sahaja. Cadangan Yang Berhormat pemberian bantuan tidak semestinya tersenarai dalam e-Kasih sahaja khususnya yang miskin. Sebenarnya kita sedia maklum bahawa sistem e-Kasih merupakan pangkalan data yang dibangunkan oleh kerajaan pusat untuk merekodkan nama dan juga golongan miskin tegar, muda miskin, dan terkeluar di seluruh Malaysia. Kita sedia maklum, bila kita hendak bagi bantuan kita semak kepada senarai e-Kasih. Ini kerana senarai e-Kasih ini memang telah dibuat kajian. Kalau kita tidak ada satu standard garisan, kita hanya berdasarkan kepada kaca mata kita tanpa membuat kajian secara teliti dan tidak disenaraikan dalam e-Kasih, saya bimbang nanti agihan-agihan itu tidak mencapai sasaran.

Yang Berhormat Bagan Serai, pemberian elaun bomba sukarela dan juga tidak ada beberapa Ahli Parlimen, yang membangkitkan elaun bomba sukarela. Ingin saya nyatakan bahawa untuk maklumat KPKT sedang membina akta bomba untuk mempertimbangkan pemberian elaun kepada anggota bomba sukarela. Sebab bomba sukarela ini, dia berakta di bawah ROS. Jadi kita nak daftar supaya berakta dengan Jabatan Bomba.

Pada masa ini, KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat menyediakan bantuan-bantuan kepada pasukan bomba sukarela di antaranya pakaian perlindungan diri, insurans berkelompok, geran tahunan sebanyak lebih kurang RM3,000 untuk setiap pasukan bagi bertujuan penyelenggaraan peralatan bomba. Yang Berhormat, mewajibkan penyediaan alat pemadam api di dalam kereta dan rumah.

Berkaitan dengan cadangan mewajibkan alat pemadam api di kereta ia di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Manakala, alat pemadam api di rumah, kerajaan telah membuat pindaan kepada undang-undang kecil bangunan seragam yang telah mewajibkan rumah-rumah kediaman sama ada jenis teres atau bertingkat perlu disediakan dengan alat pemadam api. Kalau Ahli Yang Berhormat datang taklimat KPKT kita bagi satu. Seorang satu. Saya harap yang kami bagi itu Yang Berhormat simpan di dalam kereta masing-masing.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang itu sudah ada dalam kereta saya yang itu, sudah simpan dalam kereta. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Itulah yang pertama untuk Ahli-ahli Parlimen. Yang Berhormat Merbok, faktor kenaikan harga rumah dan mekanisme pemantauan KPKT

juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Besar, mengenai harga rumah. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi, bahawa faktor yang meningkat harga rumah ini ialah kos tanah, kos buruh dan juga caj-caj yang telah ditentukan.

Namun demikian, Yang Berhormat Sungai Besar tadi dia pun *confused*, dia kata yang mana satu betul. Dia kata pergi DUN, DUN kata Kerajaan Federal yang menentukan harga rumah, kerana tadi Yang Berhormat Batu Kawan pun mungkin dia salah faham. Sebenarnya, bila datang sini dia kata Yang Berhormat Menteri kata ini kuasa kerajaan negeri. Jadi, yang manakah yang betul?

Jadi Yang Berhormat Sungai Besar, kena percaya cakap Kerajaan Federal. Kita cakap benda yang betul. Kalau hendak harapkan kerajaan negeri tambah Yang Berhormat Menteri Besar Negeri Selangor, cakap dalam dewan pun mengelirukan Dewan. Benda tidak betul dia cakap di dalam Dewan. Jadi, kita akan pastikan bahawa rumah PPR terutamanya, ialah di bawah kuasa kita.

Yang Berhormat Sekijang, sudah tadi ya? Yang Berhormat Sekijang, sejauh mana bomba membuat pemantauan ke atas bangunan lama berusia 50 tahun, mengenai sistem pendawaian dan tindakan ke atas pihak yang mengingkari arahan bomba walaupun telah diberi amaran berkali-kali? Saya ingin nyatakan bahawa Jabatan Bomba dan juga Penyelamat Malaysia membuat pemeriksaan bangunan tanpa mengira usia sesuatu bangunan tetapi mengambil kira jenis penggunaan dari skor kebakaran yang wujud.

Sehingga September 2016, sebanyak 12,534 pemeriksaan penghapusan bahaya kebakaran telah dijalankan meliputi semua aspek keselamatan kebakaran. Sekiranya terdapat pendawaian elektrik yang menyebabkan wujudnya bahaya kebakaran, tindakan pengeluaran notis penghapusan kebakaran menurut Akta Perkhidmatan Bomba 1988 boleh dibuat.

Yang Berhormat Limbang, minta kebenaran kerana dia ada hal. Dia minta jawapan bertulis. Yang Berhormat Tebrau mengenai pungutan sampah. Saya...

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Tuan Pengerusi, tentang bomba tadi. Habis sudah tentang bomba? Sebab saya ada bangkitkan sesuatu tentang bomba tadi iaitu tentang gaji bomba. Nampak emolomen turut meningkat RM100 juta untuk tahun depan- satu. Kemudian insurans, adakah insurans itu ditarik daripada cover kepada ahli-ahli bomba ini. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Saya sudah jawab dalam Dewan ini, yang dulu Yang Berhormat Kuala Langat ada tanya soalan ini. Kalau Yang Berhormat rujuk kepada jawapan saya, kalau saya tidak silap jawapan saya iaitu elaun telah dinaikkan

dan insurans ini masih dikekalkan, kalau saya tidak silap. Saya boleh rujuk balik jawapan itu, tapi saya pernah jawab.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** *[Menunjukkan naskah buku berkaitan]*

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Ya, tapi tiada dalam buku. Akan tetapi ia dalam belanjawan kita, kita memang ada berikan peruntukan. Yang Berhormat tengok, yang kosong-kosong itu mungkin bomba sukarela itu. Bomba sukarela itu yang tengok kosong-kosong, yang tiada bajet, yang tadi dibangkitkan peranan bomba sukarela ini.

Yang Berhormat Tebrau mengenai sampah, saya telah pun jawab dan juga mengenai sisa-sisa pepejal telah pun saya jawab. Pengurusan- Yang Berhormat Tebrau juga membangkitkan urusan penggunaan ICT. ICT KPKT bagi membolehkan rakyat membuat aduan yang dibangkit tadi iKepoh, disebut apa tadi bahasa cina apa sebut tadi, "*busybody*- iKepoh" *Busybody* kalau dalam bahasa Cina.

iKepoh salah satu sistem aduan yang pantas, cepat dan efektif. Rakyat hanya perlu klik gambar aduan dan hantar. Sistem aplikasi mobil ini akan penghantaran secara terus kepada BBT yang berkenaan. iKepoh telah dilaksanakan pada 29 Oktober 2015, sehingga kini bilangan muat turun 3,320 orang pengguna, bilangan aduan 1,637 dan bilangan aduan selesai sebanyak 640. Jadi, 40 peratus aduan yang kita terima daripada iKepoh telah pun kita dapat selesaikan. Pihak KPKT telah pun mempromosikan iKepoh menerusi televisyen, radio, laman web dan media sosial yang lain.

Yang Berhormat Pasir Puteh bangkit fasal perparitan dan sebagainya, yang ini Yang Berhormat saya kata ini kuasa PBT. PBT- lah Yang Berhormat balik, Yang Berhormat kena *complain* dengan PBT, bila parit tersumbat dan sebagainya. Yang bomba tadi, perlindungan insurans bomba Yang Berhormat tanya tadi, pemberian insurans bagi anggota bomba telah diambil untuk tempoh dua tahun bermula pada bulan Mei 2016 dan akan berakhir pada April 2018. Pembayaran bagi polisi insurans tersebut telah pun diselesaikan pada tahun 2016. Oleh yang demikian, tarikh peruntukan kesediaan pada tahun 2017. Itu Yang Berhormat bangkit tadi, sudah bayar, dua tahun sekali.

Yang Berhormat Lumut tanya mengenai tapak pelupusan sisa pepejal di Teluk Mengkudu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, soalan ini telah pun dijawab melalui soalan bertulis yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Beruas. Yang mana masa itu Yang Berhormat Beruas sudah bangkitkan benda ini. Yang Berhormat Beruas lebih cekap daripada Yang Berhormat Lumut kalau macam itu, ditanya lebih awal. Yang mana kementerian memaklumkan bahawa projek ini tidak diteruskan kerana melibatkan kos pembinaan yang tinggi akibat tanah yang tidak sesuai dan melebihi peruntukan yang

diluluskan. Pada masa ini, PBT Manjong sedang mengenal pasti tapak itu sebagai tapak gantian.

■1710

Yang Berhormat Rompin, cadangan Yang Berhormat Rompin tadi untuk menutup pusat-pusat hiburan sampai tengah malam, saya ingat tadi pun ada *pro and cons* lah di antara kita. Walau bagaimanapun, untuk maklumat Yang Berhormat, bagi operasi waktu perniagaan *shopping complex*, ia ditentukan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang menentukan tarikh beroperasi bukannya di bawah KPKT. PBT hanya menentukan waktu perniagaan tidak berisiko yang berskala kecil seperti restoran, kedai runcit dan lain-lain. Jadi yang *shopping complexes* ini di bawah kementerian yang lain.

Yang Berhormat Kuala Selangor, limpahan pembangunan bandar, perumahan mewah tidak diintegrasikan dengan perumahan kos rendah seperti di Ijok. KPKT menyedari kepentingan penilaian impak sosial, Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2016 yang baru dibentangkan pada 20 Oktober 2016 telah memperuntukkan berkenaan penilaian impak sosial terhadap projek-projek yang berkepentingan negara dan memberi impak negatif sosial.

Melalui mekanisme ini, projek pemajuan boleh mengenal pasti impak sosial dan juga langkah-langkah mitigasi impak tersebut termasuklah mencadangkan alternatif yang terbaik. Bagi pelaksanaan sesuatu projek perumahan dengan adanya kajian impak sosial, ia akan dapat mengenal pasti status ekonomi penduduk setempat dan tahap kemampuan mereka berbanding dengan harga rumah yang hendak ditawarkan.

Yang Berhormat Kuala Selangor juga tadi telah membangkitkan mengenai pengambilan rumah di Lembah Subang 1. Saya hendak maklumkan bahawa proses pengambilan ini sedang berjalan dan kementerian telah pun memutuskan pada 1 Januari kita akan mula mengambil alih pentadbiran rumah PPR1.

Sama ada kerajaan- kita harap kerajaan negeri tidak akan menghalang kita mengambil alih kerana kita dapati pengurusan rumah PPR1 cukup menyedihkan. Sewa dikenakan pun berbeza-beza. Mula-mula RM124 arahan kita, kemudian bila Barisan Nasional kalah, mereka naikkan sewa RM250 sebulan. Kemudian kita panggil mesyuarat suruh turunkan sewa RM124 yang mana penyokong PKR RM124, yang mana penyokong Barisan Nasional dia tetap RM250. Dia hendak urus rumah pun dia jadi kelam kabut kerana itu kita hendak ambil alih. Urusan sampah pun kelam kabut ...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Sedikit Menteri. Saya hendak jelas sedikit Tuan Pengerusi dan menafikan apa yang disebut, seolah-olah ada dua jadual sewaan. Itu tidak mungkin. Selalu polisi itu satu. Mana ada dua, ada pilihan.

Kalau kita Barisan Nasional itu kita tahulah Barisan Nasional dapat BR1M, orang itu tidak dapat BR1M. Kita tahulah itu.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat Ampang ini dia tidak berapa faham. Dia tidak tahu apa yang berlaku di dalam kawasan dia. Di Johor ada *Legoland*. Rupa-rupanya di Ampang ada *Disneyland*lah.... [*Dewan ketawa*] Pegawai Khas kepada Yang Berhormat Ampang boleh buat *Disneyland*. Hebatlah Yang Berhormat. Tidak ada, saya hendak jawab.

Yang Berhormat, jangan Yang Berhormat cakap Lembah Subang 1 bukan dalam Parlimen Yang Berhormat pun. Perkara yang dalam Parlimen Yang Berhormat pun Yang Berhormat tidak tahu. Contoh Yang Berhormat kata bagaimana ICU membuat projek-projek di negeri Selangor secara terjah, itu tidak betul. Mana-mana projek yang ICU hendak buat di negeri Selangor, yang memerlukan *maintenance* ataupun tanah kepunyaan kerajaan tempatan, kita kena mendapat kelulusan dan kepercayaan daripada kerajaan tempatan.

Sebelum saya jadi Menteri KPKT ini Yang Berhormat, saya di negeri Selangor, oleh sebab ada kerajaan negeri, PBT tidak hendak bagi kerjasama, RM7 juta saya kena pulang balik kepada KPKT. Itu menunjukkan ada kerja-kerja yang kerajaan negeri tidak hendak bagi kerjasama kepada kita. Selayang saya ambil contoh. Kita hendak buat dewan orang ramai di Selayang. Saya dimaklumkan projek ini tidak boleh dilaksanakan kerana ADUN di situ Ahli Majlis tidak benarkan buat. Inikah kerjasama yang kita harapkan? Oleh sebab itu saya kena lihat Kerajaan Negeri Selangor ini yang saya lihat dia cakap tidak serupa bikin. Bukti, Menteri Besar tidak datang Yang Berhormat Ampang ini, tetapi dia punya orang kuat dia ada.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Minta maaf ya. Saya ada jawapan daripada MPAJ ini yang mengatakan memang tidak. Isunya bukan isu sekarang melibatkan KPKT. Saya hendak tanya, Apakah pendirian KPKT? Kerja yang dibuat tidak minta permohonan daripada PBT Ampang Jaya adalah ICU. Saya hendak tanya pendirian KPKT terhadap sikap ICU yang tidak melalui PBT. Bukan suruh Menteri KPKT jawab untuk ICU [*Ketawa*]

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, Yang Berhormat mungkin lupa ini. Saya ini selain daripada jadi Menteri KPKT, saya juga ialah Pengerusi ICU Negeri Selangor. Dia lupa barangkali. Itu sebab kadang-kadang Yang Berhormat Ampang ini dia cakap dia...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Bukan saya lupa. Saya tidak tahu. Saya tidak tahu Menteri ini juga pegang jawatan Pengerusi ICU Selangor. Saya terkejut dengar, saya terkejut.



**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, macam mana Yang Berhormat boleh lupa. Tahun lepas dibangkitkan isu Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor bertaraf Menteri, dibangkitkan di sebelah sana... [*Merujuk kepada blok pembangkang*] Ada. Yang Berhormat tengok balik. Hanya Yang Berhormat mungkin tidak mahu ambil tahulah. Jadi saya hendak beritahu Yang Berhormat, kita, ICU, kita ikut garis panduan yang dikeluarkan oleh KPKT. Oleh sebab itu saya nyatakan tadi, tahun lepas, saya terpaksa memulangkan hampir RM7 juta - duit BP1 yang kita hendak buat projek-projek kecil, kita pulangkan balik kerana tidak dapat kerjasama daripada PBT. Oleh itu ....

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Menteri, ICU ini di kawasan saya, masuk sahaja buat kerja tidak dapat kelulusan daripada MPPJ pun. Setiap kerja yang dibuat di surau, masjid, dewan orang ramai, tanpa kelulusan MPPJ bukan setakat di Ampang. Ini bukti, ada bukti. Kalau hendak buat secara baik, elok, dapat kelulusan daripada MPPJ supaya apa yang dibuat itu mengikut piawaian, mengikut keselamatan. Orang ramai yang masuk ke surau atau masjid ini, kalau tidak ikut piawaian, tidak ikut kaedah, itu macam mana ini?

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Tidak apalah, samalah Yang Berhormat pun. Yang Berhormat pun tidak tahu, mana dia duit PBT yang hendak boleh *repair* surau atau masjid ini. Lain. Ini yang kita guna ini duit BP1. Dalam kita hendak melaksanakan BP1 ada empat syarat yang diberikan garis panduan oleh KPKT. Kalau Yang Berhormat kata, boleh beritahu saya, di manakah yang hendak buat? Kalau dibuat macam di Selayang kita hendak buat, ini kuasa PBT. Dia boleh sita. Dia boleh sita bangunan itu melainkan bangunan itu ialah bangunan persendirian. Kita, kalau kita hendak buat futsal, futsal ini dibuat oleh persatuan penduduk. Maka kita boleh buat sebab ada *maintenance*-nya tetapi kalau tanah itu tanah PBT, kita kena minta kebenaran juga.

Akan tetapi kalau pengurusan itu dibuat di tanah persendirian, diuruskan oleh persatuan belia, apakah kena-mengena hendak minta kebenaran daripada PBT? Ini syarat-syarat, kalau kita juga KPKT, kalau kita tengok tanah itu tanah daripada PBT dan juga pengurusannya ditanya, siapa akan urus kalau Yang Berhormat kita buat dewan. Tidak mungkin kalau buat dewan ini di negeri Selangor kita boleh buat tanpa kebenaran.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri, rumah persendirian kalau hendak buat *renovation* pun kena dapat kelulusan PBT, bukan tanah persendirian juga. Rumah sendiri pun kena dapat kelulusan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Saya hendak tambah sedikit ya, Tuan Pengerusi maaf ya. Kata hendak bukti, saya ada. "*Menaik taraf padang futsal di Keramat Wangsa AU2, membina laluan pejalan kaki di padang permainan Pangsapuri*

*UTM AU3, menaik taraf gelanggang sepak takraw di padang permainan Pangsapuri UTM AU3, menaik taraf gelanggang badminton Pangsapuri Ar-Ridhuan Ulu Klang”.*

■1720

Ini semua projek yang dimaklumkan sesudah projek itu dilaksanakan tanpa sebarang permohonan terlebih dahulu. Ini saya dapat ini di Ampanglah, di kawasan Ampang. Ada beberapa projek lain yang tidak minta permohonan, tidak ada kelulusan, tidak maklumkan. Itu saya kata terjah.

Jadi isunya sekarang, bukan masalah duit *you know*, duit memang ICU punya duit. Kita tahulah Kerajaan Barisan Nasional- kasi pada *you* ICU punya duit, bukan kasi pada Ahli Parlimen. *It is fine, it is okay* tetapi kalau hendak buat kerja itu, ikutlah piawaian. *You* kan Menteri KPKT yang harus mengikut, memastikan PBT mengikut piawaian, garis panduan itu yang saya maksudkan... [*Dewan riuh*] Apakah peranan Yang Berhormat Menteri dalam isu ini? Itu sahaja.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Ya lah, bagilah saya jawab.

Hendak kira rumah dekat Ampang kita kena check. Rumah bentuk *Disneyland* ini ada kelulusan PBT kah tidak? Kita hendak tengok. So minta Jamal ‘Baju Merah’, *check* betul-betul rumah. Sebab yang rumah *Disneyland* ini, Pegawai Khas kepada Ahli Parlimen.

Yang Berhormat, Yang Berhormat cakap- contoh kata balai raya, *court* takraw sudah sedia ada, sudah. Sudah sedia ada. Saya tidak tahulah sebelum PKR memerintah, kami memerintah Selangor dahululah. Saya sudah lama jadi Ahli Parlimen menguruskan Selangor ini. Yang Berhormat, kalau sudah ada padang futsal, sudah sedia ada sudah. Hanya hendak bubuh simen hendak naik taraf. Apakah masalahnya?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tuan Pengerusi, saya bukan masalah isu- isu saya, apakah pendirian Yang Berhormat Menteri mengenai isu ini? *You think is it right, is it right without permission, you come in, if- you tell me is it right? Now, just tell it is right, okey? I just want to know that*, dengan izin... [*Dewan riuh*] Kalau *you* kata boleh, *then* bolehlah. Kalau tidak boleh, tidak bolehlah. *That’s all, okey*.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ini tidak fahamlah. Kalau benda itu tidak boleh- yang ada kuasa menyita, yang ada kuasa menghalang, yang ada kuasa meroboh, siapakah?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** PBT.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat dah tahu jawapannya, PBT lah. Bermakna PBT faham. Benda itu tidak perlu diganggu kerana gelanggannya sudah ada. Hendak tambah cat hingga ke atas takkan itu menjadi satu kesalahan, dan yang kedua, tanah itu siapa punya?

Ini syarat kita hendak buat ada empat syarat. Tanah mesti kalau tanah PBT mesti minta dapat kebenaran. Kalau harta itu diuruskan, kalau kata gelanggang takraw diuruskan oleh Persatuan Belia, oleh Jawatankuasa Penduduk tidak ada kena-mengena dengan PBT, apa salahnya kalau kita buat.

Jadi Yang Berhormat, sebab itu saya kata, walaupun saya beritahu RM7 juta, saya pulang balik duit, kerana apa? Oleh sebab kita tahu, bila kita hendak buat projek-projek yang memerlukan sokongan daripada PBT, kita tidak dapat sokongan. Kita tidak buat, kita pindahkan ke tempat lain, dan akhirnya kita pulangkan balik duit ini kepada KPKT. Sebab Yang Berhormat, sebab itu kita di Selangor ini, kita ikut undang-undang. Kita ikut undang-undang, kita tidak menipu Dewan, kita bercakap yang benar...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Saya bukan macam Menteri Besar Selangor. Dalam Dewan Negeri Selangor pun hendak menipu. Boleh kata Tuan Pengerusi, memalukan sebagai seorang Menteri Besar dalam Dewan Undangan Negeri, dia hendak kata seolah-olah macam UMNO mempengaruhi Suruhanjaya SPR, dia boleh cakap apa, dia kata, Majlis Raja-Raja menolak cadangan hendak melantik Tan Sri Shukri sebagai Timbalan Pengerusi SPR ditolak Ahli Majlis Raja-Raja. Padahal itu *paper* itu tidak bawa dalam Majlis Raja-Raja, bercakap dalam Dewan Undangan Negeri, apa punya. Kalau kita menipu dalam Dewan ini...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Itu tanyalah Menteri Besar bukan tanya pada kita orang di sini. Mana kita orang tahu... *[Dewan riuh]* Jadi apa pun isu ini tidak terbabit.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Saya sokong. Saya rasa ini tidak berkaitanlah.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Isu yang, Yang Berhormat Menteri bawa ini tidak berkaitan dengan kementerian- KPKT, okey.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri, jawablah soalan yang dibangkitkan. Jangan bangkitkan isu Dewan.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Saya sudah jawab. Sudah jawab. Apa-apa yang belum jawab.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ya, tidak kaitan itu.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Apakah dia?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Kalau hendak tanding Dewan Undangan Negeri balik Selangor, bertanding Dewan Undangan Negeri, tanya Menteri

Besar. Jangan hendak bangkit- Menteri Besar tidak ada di sini, *you* tanya soalan buat apa. Ini tidak ada kaitan dengan KPKT.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Sudah, tidak ada kaitan.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Saya hendak beritahu, saya hendak beritahu bahawa jawapan saya dalam Dewan ini jawapan yang betul. Tidak mengelirukan Dewan. Tidak jawapan seperti Menteri Besar, jawab mengelirukan Dewan. Itulah maksud saya.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri, kalau rumah saya hendak buat *renovation*, itu rumah saya, urusan oleh saya. Saya perlu dapatkan kelulusan PBT. Itu senang sahaja jawapan.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Okey, Yang Berhormat. Saya sekarang hendak tanya Yang Berhormat. Katalah rumah Yang Berhormat ada gelanggang badminton. Ada gelanggang badminton, okey. Yang Berhormat hendak *repair* gelanggang badminton dalam kawasan perumahan Yang Berhormat, adakah perlu mendapatkan kelulusan daripada PBT?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Itu kawasan dikendali oleh PBT, kena kelulusan PBT.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Saya hendak tanya, Yang Berhormat. Kalau dalam-depan rumah Yang Berhormat, ada satu buah gelanggang takraw, badminton. Yang Berhormat hendak pergi *repair*, hendak *repair* gelanggang takraw di hadapan rumah Yang Berhormat tanpa mengubahkan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ehmm, sorang, sorang ya.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri, tidak faham. Itu gelanggang kepunyaan- dikawal selia oleh PBT mesti dapat kelulusan PBT.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Kalau gelanggang dalam rumah Yang Berhormat? Kalau gelanggang dalam tapak..

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Saya pun tidak tahu mengapa Yang Berhormat tidak faham isu ini.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Tidak. Kalau gelanggang dalam pagar rumah Yang Berhormat, gelanggang takraw? Yang Berhormat hendak minta kebenaran...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Itu Yang Berhormat Menteri, itu analogi yang salah itu.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Kalau Yang Berhormat senang sahaja. Kalau kata perkara itu melanggar undang-undang, Yang Berhormat tidak payah bangkit dalam Dewan ini. Apakah guna PBT? PBT boleh pergi runtuh, PBT boleh pergi sita. Macam

mana kita dapat dewan di Selayang. Kita sudah buat, dia kata kita tidak boleh buat. Dia kata, berhenti.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Buat dewan kena dapat kelulusanlah. Kenapakah tidak minta kelulusan? Dapatkanlah kelulusan hendak buat dewan.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, kalau perkara itu tidak dapat kelulusan, Yang Berhormat tidak payah bangkit dalam Dewan ini.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Tanah persendirian kita hendak buat rumah, buat segala bangunan kena dapatkan kelulusan PBT. Ini satu saya rasa *basic common sense*, Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Okey, sudah. Sudah habis?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri pun tahu, langgar undang-undang macam mana jadi Menteri Besar untuk Selangor ini, itulah punca kalah di Selangor.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Okey, sudah habis. Terima kasihlah. Terima kasih kalau Yang Berhormat mengiktiraf saya Menteri Besar, bermakna *you* hendak kalahlah itu [*Ketawa*]

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Bertandinglah, bertandinglah.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Tidak ada. Tidak ada, duduklah. Yang Berhormat, Yang Berhormat ini tidak faham cakap saya. Kalau ada mana-mana bangunan...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** [*Bangun*]

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Dengar dahulu. Kalau ada mana-mana bangunan yang kita buat tidak mengikut arahan, melanggar undang-undang PBT, itu kuasa PBT untuk meruntuh, untuk sita. Oleh sebab itu saya mengatakan, apa juga projek negeri Selangor yang kita hendak buat, kita kena ikut undang-undang. Kalau kita tidak ikut undang-undang seperti mana yang dewan kita sedang buat, dia terpaksa berhentikan. Kita kena berhenti, itu Yang Berhormat tidak faham. Yang Berhormat pergi tanya PBT lah.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** [*Bangun*]

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Itulah- sebab itulah buat dewan tidak dapat kelulusan PBT. Sepatutnya PBT roboh, sita dewan itu.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Menteri..

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Okey saya tanya Yang Berhormat, kalau tidak dapat kelulusan, apa kuasa PBT, apakah PBT boleh buat? Boleh runtuhkan rumah atau tidak?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Kena *follow* lah.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Menteri..

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** [*Ketawa*] Kalau ikut undang-undang, Yang Berhormat. Kalau tidak ikut undang-undang- Yang Berhormat, kalau tidak ikut undang-undang, ini kuasa PBT. Yang Berhormat pergi jumpa PBT masing-masing. Pergi jumpa YDPA ini apa fasal dewan UMNO buat tidak mahu runtuh, ini apa fasal? Ini *court* takraw dalam rumah Ketua Kampung buat, kenapakah tidak mahu runtuh? Yang Berhormat tidak faham undang-undang. Pergi *complaint* sebagai Ahli Parlimen- yang senarai Yang Berhormat cakap tadi saya tahu.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Masalah Yang Berhormat Menteri

..

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Kalau tidak ikut peraturan, PBT ambil tindakan. Sudah saya hendak beritahu saya ada bukti empat, lima projek kita tidak boleh buat bila PBT tidak beri kebenaran. Ada yang kita tidak beri kebenaran, kita tidak buat. Yang Berhormat tidak faham.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada tiga orang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ada yang banyak sudah buat. Tidak mendapat kelulusan juga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan seorang, seorang Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Menteri, cukuplah-cukuplah.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Tidak apa okeylah. Bila tidak buat, kalau hendak buat Yang Berhormat. Kita kalau hendak buat kita kena ada kebenaran Yang Berhormat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Hormat sedikit, hormat sedikit. Kalau hendak buat, buat permohonan... [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ada tiga orang bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Jangan datang sesuka hati buat projek ICU tanpa kelulusan PBT. Ini tidak betul, Yang Berhormat.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Menteri, Sekijang, Sekijang. Sekejap sahaja.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Bermakna PBT, Yang Berhormat cakap PBT itu tidur.

**Seorang Ahli:** *No, no* buat dialog.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang manakah PBT tidur ni?

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Kalau tidak betul, PBT ambil tindakan. Apa kuasa Yang Berhormat. Yang Berhormat pergi *complaint* dengan PBT. Yang Berhormat daripada MPPJ pergi jumpa dengan Majlis Perbandaran Petaling Jaya, bawa penguat kuasanya tunjuk, ini apa ini, runtuhkan sekarang. Itu patut kerja, Yang Berhormat...  
[*Dewan riuh*]

Bukan Yang Berhormat cakap dalam Dewan tetapi tidak tahu apa Yang Berhormat. Ini tidur, inilah perangai pembangkang. Cakap, cakap, cakap, *no action*. Apa harus cakap. Yang Berhormat, saya cabar Yang Berhormat. Saya cabar Yang Berhormat. Pergi kepada PBT...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Ampang bertanya apa pendirian Yang Berhormat Menteri tentang ICU.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Kalau salah *report* pada PBT. Itu sebab saya kata tadi, kita sudah pasti semua projek kita buat, kita mengikut undang-undang. Kalau tidak ikut undang-undang saya tidak buat. Saya pulang RM7 juta sebab kita tidak boleh buat. Sekarang ini kalau Yang Berhormat kata, buat projek itu menyalahi undang-undang, Yang Berhormat *report* kepada PBT. Biar PBT ambil tindakan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** *No*, Yang Berhormat. Tidak perlu main politiklah di sini, Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Apa pula politik, Yang Berhormat yang main politik.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Kalau projek ICU yang hendak turun ke Selangor- sila hormat sedikit. *I mean*, buat permohonan ikut cara jalan.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** [*Ketawa*] Tuan Pengerusi, saya ingin mencelah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ini datang tanpa pengetahuan-Ahli Majlis pun tidak tahu.

## ■1730

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Okey, Yang Berhormat duduklah, Yang Berhormat tidak faham Bahasa Melayulah. Inilah *problem* kalau tidak faham Bahasa Melayu ini.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Menteri, laluan.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat tidak faham Bahasa Melayu, nak terang macam mana? Kalau kata perbuatan itu tidak mengikut undang-undang, main langgar saja, PBT akan ambil tindakan. Itu soalnya. Saya ada contoh. Kita tidak ada-saya dimaklumkan tengah buat...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ya, kita ambil tindakan. Tadi Selayang kata kita buat salah, mana ada?

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Saya tidak ada salah, kita tidak ada salah, kita tidak buat. Bila *you* kata tidak boleh buat, kita tidak buat. Jadi sebab itu saya kata...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** PBT datang sita kerana buat silap, tidak buat permohonan. Sudah buat di Dewan Undangan Negeri. Salah itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Kalau Yang Berhormat tidak tahu, Yang Berhormat duduklah.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang ini hendak buat politik.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat tidak tahu.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Nak main politik balik Dewan Undangan Negerilah... [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seorang-seorang Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, Yang Berhormat faham tak?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Bising apa, bising apa?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan...

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, ini lawan, Yang Berhormat. Itu tidak ada. Saya hendak beritahu, Yang Berhormat tidak faham Bahasa Melayu, Yang Berhormat memang, nak kata bodoh, dia cerdik. Yang Berhormat faham tak, saya kata kalau nak buat projek kena minta kebenaran daripada PBT. Kalau PBT tidak benarkan, kita tidak buat. Kalau kita buat juga, PBT akan sita.

Saya ada contoh. Kita nak buat dewan, PBT tidak benarkan, kita tidak buat. Banyak projek yang kita nak buat di Selangor, bila PBT tidak benarkan, kita tidak buat. Kita pulangkan RM7 juta- duit ini balik kepada KPKT. Itu pun Yang Berhormat tidak



faham? Kalau Yang Berhormat tidak puas hati, Yang Berhormat pergi bawa kuasa Pihak Berkuasa Tempatan, tunjuk, ha, ini belum buat...

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat tadi kata Selayang ada satu buah dewan disita oleh PBT so apa makna?

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Siapa sita, siapakah sita?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Apakah makna? Kata MP Selayang, Majlis Perbandaran Selayang sita.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Siapakah suruh sita? Yang Berhormat, itu sebab Yang Berhormat tidak faham. *Do you understand? You want me to speak in English?*

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Apakah tidak faham?

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Kita kata kita nak buat dewan di Selayang, nak buat. Tidak dapat kebenaran daripada Majlis Perbandaran Selayang, kita tidak buat. Tak fahamkah kita tak buat dengan disita? Ini pun Yang Berhormat tak boleh beza. Kita tak buat projek dengan sita pun Yang Berhormat tak faham. Ini yang menjadi kelam-kabut. Yang Berhormat pergi belajar balikkah Bahasa Malaysia kalau tak faham.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah bangkitkan isu dan mana yang tidak jawab, saya akan jawab secara bertulis.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Menteri, soalan saya tidak jawab lagi.

**Datuk Mohd. Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Pengerusi... *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi, tidak jawab lagi soalan saya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *At least* jawapan bertulis...  
*[Dewan riuh]*

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Ampang punya soalan tak jawab.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat yang lain, duduk diam Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Boleh Tuan Pengerusi minta Menteri bagi jawapan bertulis?

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Tuan Pengerusi, tidak jawab Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Batu Pahat dan juga Yang Berhormat Ampang, sila duduk.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi, jawapan bertulis.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila duduk Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tidak jawab soalan.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Tidak apalah, saya bagi, saya bagi.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Okey, cun-cun. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,616,694,400 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM3,616,694,400 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,664,719,500 untuk Maksud P.43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM1,664,719,500 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]*

**Maksud B.45 [Jadual] -  
Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.45 dan Kepala Pembangunan P.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Kalau tidak ada bahas, kita luluskan. Tidak ada?... Lulus ya?

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, empat orang saja. Dua daripada Barisan Nasional, dua daripada- Yang Berhormat Pasir Mas bangunkah tadi? Tiga daripada pembangkang. Okey, sila Yang Berhormat Sik. Ringkas-ringkas.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Ringkas ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, hari ini hari Khamis.

**5.34 ptg.**

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih banyak Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Bercakap dalam Peringkat Jawatankuasa Kementerian Belia dan Sukan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat Khairy Jamaluddin yang memberi keutamaan kepada sukan dan golongan belia yang telah menjalankan tugas terbaik, berjiwa belia, semangat dan menjadi idola belia. Malah, YB KJ yang sentiasa *fit, tall and handsome...* *[Tepuk]* YB KJ *mai* tak?

**Seorang Ahli:** Tak ada... *[Dewan ketawa]*

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Tidak ada. YB KJ tidak ada *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Timbalan Menteri saja.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Rugi saya *[Ketawa]*

Okey Tuan Pengerusi, untuk pendekkan ucapan, saya terus kepada Butiran 020100 – Belia dan Sukan; Butiran 020300 – Pembangunan Belia; dan Butiran 020500 – Pembangunan Ekonomi Belia.

Saya ingin menerangkan sedikit berkenaan fasiliti sukan di kawasan saya Sik. Sik mempunyai padang awam yang lama yang telah dinaiktarafkan dengan astaka ataupun tempat menonton tetapi keadaannya tidak begitu memuaskan dan bilangan penggunaanya pula ramai. Bukan sahaja dalam aspek bola sepak tetapi kita mempunyai ramai belia yang bermain badminton sebagai aktiviti sukan mereka dan kita hanya

mempunyai sebuah dewan yang dapat mengisi dua buah *court* badminton dan tiada gelanggang badminton yang khas untuk bermain badminton.

Tuan Pengerusi, di kawasan Sik terdapat padang-padang futsal yang kecil dan tidak sempurna serta jauh dari padang bola dan dewan serba guna. Belia di Sik juga amat aktif dalam sukan *muay thai* sebab Sik bersempadan dengan Thailand. Kami mempunyai tiga buah kelab *muay thai* untuk *boxing* dan sebahagian daripadanya saya sendiri memberi sumbangan biasanya lebih kurang RM20,000 daripada *allocation* Parlimen untuk membina gelanggang ala kadar yang kecil. Cadangan saya di sini adalah untuk membina gelanggang yang lebih besar dan lengkap untuk belia di kawasan saya.

Satu lagi masalah di kawasan Sik ialah tidak terdapat gim rakyat. Walaupun mempunyai dua buah gim *private*, kita tidak mempunyai gim rakyat untuk belia yang ingin menceburi sukan bina badan dan sebagainya. Sukan bina badan ini memberi disiplin kepada seseorang yang mana dia pasti tidak akan membahayakan kesihatan dirinya dan tidak melibatkan diri dengan minum air ketum ataupun melepak ataupun melibatkan diri dengan gejala dadah.

Satu lagi Tuan Pengerusi ialah obesiti. Obesiti sekarang merupakan satu penyakit yang popular di kalangan remaja, tidak kira lelaki ataupun perempuan. Malah ada ramai juga gadis-gadis yang besar sebab obesiti. Yang mana dengan adanya gim, saya yakin masalah obesiti ini dapat diatasi.

Satu lagi cadangan saya mengadakan acara sukan air. Kami di sana ada satu buah tasik iaitu Tasik Gubir. Saya pasti bahawa acara sukan air ini akan menarik perhatian ramai belia di kawasan saya dan saya sudah pasti mereka akan menceburi acara sukan air. Saya berharap Kementerian Belia dan Sukan akan memberi perhatian terhadap sukan air dan meluluskan cadangan saya pada masa akan datang.

Fasiliti sukan yang ada di kawasan saya tidak sampai pada tahap yang sepatutnya. Jikalau sebuah pusat belia dibina di Sik, ia akan memudahkan belia untuk menikmati sukan di satu buah kompleks yang lengkap dengan peralatan sukan, yang lengkap dengan fasiliti gelanggang, padang, kolam renang, gim, *conference room* dan satu pusat komputer dan sebagainya.

Pada masa yang sama, fasiliti sukan di kawasan saya juga adalah tidak sistematik dan tidak lengkap. Dengan adanya kompleks sebelia, saya pasti masalah rempit, masalah belia dadah dan ketum dapat dikurangkan. Malah, bakat sukan mereka dapat diasah. Keadaan ini sekali gus dapat menyatukan bangsa dan mengelak anak muda terjebak daripada gejala-gejala negatif.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, niat saya ini ialah satu, iaitu saya memohon sebuah kompleks sukan dan belia di Parlimen Sik daripada kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri.

Okey, seperti yang kita maklum, kompleks belia menyediakan khidmat kepakaran dalam pembelajaran dan latihan sukan, rekreasi dan kecergasan dan menggalakkan penyertaan ramai daripada berbilang kaum melalui penyediaan kemudahan sukan, rekreasi dan kecergasan. Dengan adanya kompleks sebela, saya rasa ini dapat mengurangkan gejala negatif di kalangan remaja seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Yang terakhir, Tuan Pengerusi, tetapi sangatlah penting kepada belia. Ini saya rasa tidak ada dalam butiran ini iaitu *high speed broadband*. Liputan data *internet* di kawasan saya amatlah lemah dan terhad. Dalam dunia tanpa sempadan ini, semua...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Sik, tidak ada kepala, tidak ada butir.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Tidak boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak boleh. Kalau tidak ada Kepala, tidak ada Butiran, tidak boleh.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Akan tetapi ada hati, ada...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Minta maaf, bukan butir, Butiran.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Hati ada tidak boleh juga? Kalau hati ada, boleh cakap kan? Dalam dunia tanpa sempadan ini, semua maklumat di hujung jari.

#### ■1740

Oleh itu belia ini amat memerlukan internet yang laju untuk pelbagai aktiviti seperti mendapatkan maklumat, berniaga, mencari...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Salah tempat ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya. Sudah tegur.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Yang Berhormat Batu, kasi *chance* Yang Berhormat Batu, sekejap. Berniaga mencari pendapatan dan berinteraksi antara satu sama lain. Pihak kementerian juga saya minta boleh menyediakan sebuah pelan untuk belia sama ada peringkat nasional ataupun peringkat negeri, membuat satu kerjasama NBOS dengan kementerian-kementerian yang berkaitan seperti SKMM agar belia dapat mengakses internet dengan mudah. Di sini saya berharap bahawa cadangan saya akan diluluskan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Sebagai Ahli Parlimen Sik,

saya ingin membantu belia di kawasan saya dan memastikan mereka menceburkan diri dengan sesuatu yang berfaedah dan bermanfaat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masa sudah habis.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Masa sudah habis. Tuan Pengerusi, saya ingat satu lagi Tuan Pengerusi... *[Disampuk]* Kompleks sukan ini saya berhajat minta supaya ada satu gelanggang Muay Thai sebab ada *success story*. Ada beberapa orang pemain Muay Thai dari Sik yang menang dalam peringkat Parlimen lawan dengan Thailand, Filipina dan sebagainya. Ada seorang daripada ahli sukan yang OKU, kita panggil Paralimpik mendapat pingat gangsa di Naypyidaw Myanmar pada tahun 2014.

Jadi dengan ada kompleks ini saya harap satu hari Sik akan dapat mengeluarkan seorang ahli sukan di peringkat Olimpik ataupun peringkat antarabangsa. Terima kasih banyak Tuan Pengerusi. Sik mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ia ada Butiran dan Dasar Baru kan. Boleh rujuk Dasar Baru.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh rujuk Dasar Baru Yang Berhormat Menteri. Sila Yang Berhormat Pasir Mas.

#### 5.42 ptg.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillaahir Rahmaanir Rahiim...* *[Berucap dalam bahasa Arab]*

Saya terus kepada Butiran 010200 – Perbadanan Stadium Malaysia Kompleks Sukan Negara.

Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur akan diadakan pada 19 Ogos hingga 31 Ogos tahun depan. Manakala Para ASEAN pula akan diadakan pada 17 September hingga 23 September tahun depan. Berikutan itu, kerja-kerja membaiki, mengubahsuai dan menaiktarafkan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil telah dimulakan dan dijangka siap pada Julai tahun hadapan. Memandangkan inilah kali pertama ia menjalani kerja-kerja pengubahsuaian secara besar-besaran sejak dibuka pada tahun 1998 untuk Sukan Komanwel, saya mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan dan menjelaskan:

- (i) kos keseluruhan dan pihak yang terlibat bagi menanggung kesemua kos itu;
- (ii) nilai tambah yang ada pada struktur dan fungsi kompleks itu selepas semua kerja yang dibuat selesai; dan

- (iii) perancangan penyelenggaraan terhadap kompleks itu selepas dua acara besar yang diadakan pada tahun hadapan berakhir nanti agar ia tetap dapat berfungsi secara baik manfaat rakyat di negara ini sendiri.

Berkenaan kompleks ini juga, apakah status perancangan bagi menswastakannya? Siapa kah atau pihak manakah yang mempunyai kepentingan di dalam *Exchange Land 1* iaitu kompleks tersebut berada atas tanah tersebut.

Butiran 020400 – Penyelarasan Rakan Muda.

Pada tahun lalu, Program Rakan Muda yang ditubuhkan pada tahun 90-an telah dijenamakan semula dengan memberikan tumpuan baru kepada aktiviti yang berkait dengan kreativiti dan penonjolan bakat anak-anak muda. Bermakna ia tidak lagi berfungsi mengikut kategori yang ditetapkan sebelum ini oleh kerajaan seperti Rakan Sukan, Rakan Waja Diri dan sebagainya.

Menurut Menteri Belia dan Sukan, langkah itu bertujuan untuk menarik lebih ramai belia kerana akan ada lebih banyak peluang bagi mereka untuk menyumbangkan dan mencapai idea-idea mereka untuk masyarakat dan pembangunan negara. Untuk mencapai maksud yang dihasratkan ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta pada tahun lalu bagi menjenamakan semula program ini.

Bahkan catatan pada Butiran 020400, anggaran peruntukan bagi penyelarasan Rakan Muda pada tahun 2016 adalah berjumlah RM14.83 juta.

Pada tahun 2017 pula, peruntukan bagi butiran ini hanya berjumlah RM1.76 juta iaitu pengurangan sebanyak 88 peratus. Saya pohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan apakah impak yang terhasil selepas penjenamaan semula yang telah dibuat itu dan apakah rancangan sebenar kerajaan terhadap Program Rakan Muda ini pada masa hadapan.

Butiran 020000 – Pembangunan belia dan sukan. Atlet Malaysia telah mengecapi kejayaan terbaik sepanjang penglibatan mereka dalam acara sukan di peringkat antarabangsa khususnya Sukan Olimpik Rio baru-baru ini. Kita masih ingat bagaimana kejayaan atlet badminton negara berjaya mendominasi acara akhir perseorangan dan beregu lelaki dan beregu campuran dalam Sukan Olimpik tersebut.

Di samping itu, kejayaan atlet Paralimpik negara juga merupakan suatu yang harus dibanggakan, ia mesti dibanggakan. Tiga buah pingat emas dan satu gangsa adalah pencapaian di luar jangka semua pihak. Ini suatu yang harus diberikan perhatian yang serius. Dalam pertandingan di peringkat tertinggi seperti Olimpik, kejayaan yang di kecap oleh atlet-atlet kita menunjukkan kita bukan sekadar memenuhi kuota atlet bahkan kita adalah sebahagian pencabar yang perlu diberi perhatian oleh banyak pihak.

Saya melihat negara mempunyai potensi yang besar dalam beberapa acara sukan yang lain. Maka kerajaan sewajarnya tidak hanya menumpukan kepada sukan badminton semata-mata tetapi mesti fokus diberikan juga kepada sukan yang berpotensi tinggi. Rancangan yang teliti dan sistematik perlu supaya konsistensi, kecemerlangan atlet yang ditunjukkan dalam Sukan Olimpik dapat dikekalkan.

Apakah program yang diaturkan oleh pihak kementerian bagi mengekalkan potensi atlet ini? Saya harap kejayaan misalnya dalam basikal dan juga beberapa kejayaan lain ini saya bimbang takut atlet berkenaan yang telah mencapai kejayaan, apabila mereka bersara nanti maka padamlah sukan tersebut. Jadi saya harap kerajaan mempunyai perancangan terhadap sukan-sukan, bidang sukan yang telah kita capai kejayaan di peringkat antarabangsa.

Saya juga mengharapkan kementerian mempunyai suatu sasaran yang implisit dalam sukan-sukan utama negara ini. Semestinya sasaran tersebut mestilah realistik, sesuai dengan kelengkapan fasilitet dan tenaga fikir yang dimiliki oleh negara kita. Kita mesti melihat ke hadapan secara lebih kritis dan inilah masa terbaik mendepaninya.

Soalan terakhir daripada saya kepada Yang Berhormat Menteri, apa perancangan besar pada masa depan oleh pihak kementerian, oleh pihak kerajaan dalam pembinaan kompleks-kompleks sukan yang sempurna di setiap daerah dalam negara kita? Pembinaan kompleks sukan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Sik tadi yang menyeluruh di setiap daerah sememangnya amat penting bagi mencungkil bakat baru di peringkat awal dan akar umbi. Di samping membantu mencergaskan aktiviti anak muda dan belia dan membendung mereka daripada gejala tidak sihat dalam kehidupan.

Akhir sekali, saya hendak tanya sedikit mengenai kompleks sukan di negeri Kelantan. Dekat dengan rumah saya ada kompleks sukan negeri iaitu di Panji dan aktiviti cukup bagus, mendapat sambutan anak muda. Cuma saya tengok inilah satu-satunya kompleks sukan yang agak sempurna di negeri Kelantan. Saya hendak tanya, apakah rancangan kerajaan untuk pembinaan kompleks-kompleks sukan di seluruh negeri Kelantan seterusnya? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiawangsa.

**5.48 ptg.**

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menjurus kepada Butiran 020300 – Pembangunan Belia.



Jumlah peruntukan RM2,024,900. Pada tahun 2016, peruntukan yang diberikan untuk pembangunan adalah sebanyak RM29,602,000. Manakala pada tahun 2017 hanya sebanyak RM2,024,900 diperuntukkan. Berlaku pengurangan sebanyak RM27 juta. Mengapakah berlakunya pengurangan ketara begini? Adakah ia akan memberi kesan kepada pembangunan belia pada tahun 2017 dan seterusnya?

Dasar Belia akan dilaksanakan pada tahun 2018 bagi menggantikan Dasar Pembangunan Belia Negara 1997 bagi menetapkan had umur belia dari 15 tahun hingga 30 tahun berbanding 15 tahun hingga 40 tahun sebelum ini. Adakah pihak kementerian mendapat bantahan dari mana-mana persatuan belia yang tidak setuju dengan dasar baru ini yang akan dilaksanakan? Apakah impak yang akan dilihat hasil daripada pelaksanaan dasar baru ini?

#### ■1750

Berapakah jumlah pertubuhan belia yang wujud di Malaysia pada ketika ini? Berapakah jumlah pertubuhan belia yang dikelaskan sebagai tidak aktif langsung selepas penubuhannya? Apa peranan yang dimainkan oleh pihak kementerian bagi memastikan penubuhan persatuan belia ini benar-benar memberi impak positif kepada masyarakat dan negara dan bukannya hanya sekadar di atas kertas.

Kaji selidik terbaru skod.job.com mendapati 26.6 peratus responden yang terdiri daripada belia Malaysia tidak menyukai pekerjaan mereka. Kaji selidik secara dalam talian itu juga melibatkan 15,000 orang belia berusia 18 tahun hingga 35 tahun. Begitu juga mendapati 33 peratus daripada mereka benci pekerjaan masing-masing. Manakala 25.3 peratus lagi menyatakan okey dengan pekerjaan mereka dengan hanya 8.7 peratus mencintai pekerjaan masing-masing manakala 6.1 peratus lagi menyukai kerja masing-masing. Apakah yang boleh dilakukan oleh pihak kementerian untuk menangani masalah ini?

Akhir sekali, Butiran 020300 – Pembangunan Belia. Kita difahamkan, tahniah kepada atlet-atlet Sukan Olimpik yang menang mendapat emas di mana mereka yang memenangi emas kita beri walaupun tidak di Olimpik Rio tetapi di Paralimpik yang menang emas kita bagi RM1 juta, pencen RM5,000. Kepada yang perak RM600,000 dan pencen RM3,000, kepada yang dapat gangsa RM100,000 dan pencen RM2,000.

Persoalan saya adakah kerajaan bercadang untuk memanjangkan skim-skim ini kepada Sukan Komanwel, Sukan Asia dan sukan SEA? Ini kerana mereka juga berjuang di peringkat internasional walaupun negara-negara yang terlibat dalam Komanwel, Asia dan SEA tidak semenyeluruh sepertimana yang terdapat di sukan Olimpik.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Setiawangsa.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai. Sudah habis ya?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ada masa sikit ya? Sekejap sahaja. Yang Berhormat Setiawangsa tahukah atau sedarkah bahawa pencen diberikan ini diberi pada umur berapa? Ini kerana kalau pencen kerajaan ini, kalau dia pencen umur 40 tahun, pencennya hanya akan di dapat pada umur 50 tahun. Jadi untuk atlet ini agak-agak berapakah umur dia dapat?

**Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa]:** Saya cukup bersetuju dengan soalan yang dibangkitkan oleh...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Kuala Krai. Disebabkan masa tempoh mereka ini aktif tidak sepanjang mereka yang bekerja baik daripada sektor swasta ataupun sektor kerajaan, mungkin mereka berhenti pada tahun umur 30 tahun. Adakah umur 30 tahun itu bermulanya pencennya ataupun pencennya bersamaan dengan mereka yang bekerja di pihak sektor.

Saya minta kerajaan lihat itu. Pada saya, pada hemat saya, disebabkan tempoh aktif mereka agak pendek, sebaik sahaja mereka tidak lagi aktif dalam sukan ini, maka bermulalah saya rasa pencen pada pandangan saya.

Hari Sukan Negara yang diadakan pada tahun ini, hari Sabtu ke-dua bulan Oktober telah masuk tahun ketiga pada tahun 2017. Apakah kejayaan yang telah diraih oleh pihak kementerian setelah dua tahun penganjurannya dilakukan? Berapakah anggaran individu yang terlibat dalam hari sukan negara ini? Apakah perancangan pihak kementerian bagi memastikan penguasaan negara kita di peringkat dunia dalam bidang sukan tertentu seperti skuasy dan badminton akan berterusan di masa akan datang?

Ini kerana kita cukup bergantung pada pemain badminton kita seperti Datuk Lee Chong Wei dan Datuk Nicol Ann David yang saya rasa sudah tidak lama lagi mungkin tidak dapat lagi aktif sepertimana mereka dulu. So, saya berharap kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan mempunyai perancangan jangka panjang untuk menemukan bakat-bakat baru dalam arena ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**5.54 ptg.**

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada satu perkara di sini iaitu...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ramailah pula ya, sila, sila.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Butiran 020000 – Pembangunan Belia dan Sukan.

Terlebih dahulu izinkan saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah sebab tidak ada peluang sebelum ini kepada atlet-atlet negara kita yang telah mencapai keputusan yang amat cemerlang di sukan Olimpik dan Paralympics yang lepas. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri atas kepimpinan dan juga seluruh kementerian tentang kejayaan ini.

Di sini saya hendak minta kementerian ataupun Menteri untuk memberikan sebab dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Pekan disebut dalam baris 157 untuk pembangunan sukan negara sebanyak RM1.2 bilion akan diperuntukkan dan ini meliputi RM450 juta untuk penganjuran Sukan SEA ke-29 dan juga Sukan Para ASEAN Kesembilan nanti. Jadi, apabila saya lihat dalam Buku Anggaran, keseluruhan peruntukan ataupun anggaran perbelanjaan bagi Kementerian Belia dan Sukan untuk tahun 2017 adalah lebih kurang RM787.8 juta. Jadi saya hendak minta daripada Yang Berhormat Menteri tentang yang RM1.2 bilion dengan RM787.8 juta ini bezanya lebih kurang RM400 lebih juta.

Jadi saya hendak mohon dengan Yang Berhormat Menteri untuk memberikan satu senarai pecahan RM1.2 bilion ini apakah item-item yang akan diperuntukkan dan di mana dana ini akan diletak. Oleh sebab hari itu Kementerian Kewangan ada kata, sesetengah dana untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat contohnya, sebenarnya terletak di bawah Kementerian Kewangan di bawah Perbendaharaan. Jadi saya hendak tahu, sudah diumumkan RM1.2 bilion untuk pembangunan sukan, di mana RM1.2 bilion ini? Minta senaraikan pecahan-pecahannya supaya kita boleh menelitinya dengan lebih jelas lagi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sekijang. Ringkas-ringkasnya, tak payahlah 10 minit.

**5.56 ptg.**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 020300 bagi Maksud Pembangunan Belia melalui Kod 20000; dan juga kod 40000.

Pada kod 20000 ini ada daripada RM12 juta tahun lepas turun kepada RM800 dan pada kod 40000, daripada RM15 juta turun kepada RM100 kepada Persatuan Belia.

Cuma saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, saya ingat jumlah ini memang agak besar dia punya jarak yang diberikan dari tahun ini ke tahun hadapan. Jadi saya mengharapkan supaya ia tidak memberi kesan terutamanya pemberian bantuan-bantuan daripada pihak Kementerian Belia dan Sukan kepada persatuan-persatuan belia terutamanya di kawasan luar bandar.

Saya kira Kementerian Belia dan Sukan sudah mengenal pasti pertubuhan-pertubuhan belia terutamanya di bawah *Register of Youth*, Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia sendiri, mana-mana persatuan yang dikategorikan sebagai antara persatuan yang aktif dan bergerak dengan baik pada pelbagai peringkat, baik di peringkat kebangsaan, negeri, daerah mahupun di peringkat cawangan untuk diberikan dana melalui peruntukan ini. Sebagai antara pemimpin belia juga, saya sangat faham betapa perlunya bantuan ini memandangkan ia bukan mudah bagi pihak persatuan-persatuan belia ini untuk mendapat bantuan dana terutamanya daripada pihak luar ataupun swasta mahupun daripada pihak persendirian.

Seterusnya Butiran 020500 – Pembangunan Ekonomi Belia dengan peruntukan RM1.275 juta serta pemberian Butiran 060100 – “*One-Off*” dengan jumlah peruntukan RM1 juta bagi maksud perluasan program tersebut.

Saya ingin mendapatkan kepastian daripada pihak kementerian, apa program yang telah dijalankan bagi maksud ini memandangkan peruntukan ini bukanlah program yang baru dan ianya telah dijalankan menerusi bajet untuk tahun-tahun sebelum ini. Ini bermakna sudah sepatutnya terdapat hasil yang kita boleh lihat melalui program ini.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah langkah-langkah serta perancangan jangka masa panjang bagi membentuk hala tuju pembangunan ekonomi belia pada masa hadapan. Buat masa ini kita tahu beberapa kementerian melalui NBOS telah melaksanakan program membantu golongan belia ini termasuk di peringkat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Program Agropreneur Muda dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui Program Mobilepreneur. Mungkin ada program-program lain yang dilaksanakan di bawah Kementerian Belia untuk membantu rakan-rakan belia yang lain.

Kemudian saya ingin bertanya kepada Butiran 040400 – Festival Belia Negara.

Tahun ini, tahun hadapan, tiada peruntukan disediakan untuk menjalankan aktiviti ini. Saya kira walaupun Festival Belia ini pernah mendapat kontroversi pada satu ketika dahulu oleh sebab perbelanjaan yang telah dibuat berkaitan dengan program ini tetapi ini tidak bermakna pihak kementerian tidaklah boleh terus menutup peluang untuk dilaksanakan program Festival Belia ini kerana saya mendapat maklumat daripada rakan-rakan belia, Program Festival Belia ini merupakan hari bertemu di kalangan

rakan-rakan belia terutamanya di Putrajaya. Kita bila ada peluang berjumpa dengan rakan-rakan di pelbagai peringkat di seluruh negara ini...

■1800

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Sedikit.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sekejap Yang Berhormat Bukit Mertajam. Jadi sekurang-kurangnya kalau Festival Belia ini dapat dilaksanakan di peringkat Putrajaya seperti yang pernah kita buat dulu walaupun dengan kos yang besar tetapi dengan kos yang memadai, saya yakin ia akan mendapat sambutan. Silakan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat tadi. Sebenarnya sesuatu perkara itu tidak semestinya buruk kalau kita laksanakan dengan baik. Saya hendak juga cadangkan dan saya hendak minta kalau Yang Berhormat bersetuju, kalau diadakan Festival Belia pada tahun akan datang perlu dimasukkan juga penyertaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah pembangkang supaya ketelusannya lebih jelas. Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya kira Festival Belia ini, dia pengalaman saya sendiri sebelum menjadi Yang Berhormat pun, kita menggalakkan semua lapisan terutamanya mereka yang berumur 40 tahun ke bawah. Saya yakin Yang Berhormat Bukit Mertajam pun berumur 40 tahun ke bawah. Kita jemput datang tidak kira daripada parti mana dan dari sudut yang mana sebab Festival Belia ini...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Penganjuran, dari sudut penganjuran.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Maksudnya daripada segi jemputan untuk hadir itu tidak terbatas kepada sesiapa pun. Cuma daripada segi penganjuran ini mungkin daripada segi penglibatan saya kira kementerian pun sudah melaksanakan program Festival Belia ini bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi di peringkat negeri-negeri. Maksudnya negeri Selangor, negeri Pulau Pinang dan semua negeri yang ada dalam Malaysia ini terlibat untuk menganjurkan Festival Belia di peringkat negeri. Saya kira ini juga memberi ruang kepada semua rakan terutamanya Ahli-ahli Parlimen yang ada dalam Dewan ini tidak kira umur untuk bersama dengan golongan belia.

Saya terus kepada Butiran 010000 bagi maksud Pengurusan kementerian.

Saya ingin mendapatkan kepastian daripada pihak kementerian sendiri, memandangkan kita bakal menjadi tuan rumah untuk Sukan SEA dan juga Sukan Para ASEAN. Saya cuba juga mencari di mana peruntukan dalam anggaran perbelanjaan

seperti Yang Berhormat Sik tadilah, apa butir tidak adapun, apa semua. Kepala tidak ada, butir tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dasar Baru.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Mungkin buat butiran baru Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bukan Butiran baru, Dasar Baru.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Dasar Baru. Saya mohon pihak kementerian untuk menjelaskan perkara ini di mana perbelanjaan untuk Sukan SEA dan juga Sukan Para ASEAN. Kemudian, saya ingin bertanya berapakah jumlah peruntukan yang diperuntukkan untuk agensi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh rujuk Kepala dasar baru.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Ya, betul.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dalam buku itu ada Dasar Baru, tidak apa.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

Untuk Majlis Sukan Negara dan juga Institut Sukan Negara yang saya fikir memainkan peranan yang besar sebagai persediaan negara untuk menghadapi temasya kedua-dua sukan ini, jadi saya ingin bertanya adakah peruntukan ini juga diberikan pada kadar yang bersesuaian kerana contohnya Institut Sukan Negara bertanggungjawabnya melaksanakan program podium iaitu menilai atlet-atlet yang boleh mendapat pingat terutamanya di peringkat Olimpik yang lepas.

Jadi saya ingin bertanya, adakah pihak kementerian melihat keperluan peruntukan tambahan, sudah semestinya untuk tahun hadapan bagi program-program seperti ini supaya atlet-atlet kita akan lebih mendapat perhatian.

Terakhir Tuan Pengerusi, ada masa sedikit lagi ini. Butiran 020200, saya ingin mengetahui status permohonan bina baru kompleks sukan bagi daerah Segamat.

Walaupun tahu duit mungkin tidak ada, tetapi sekurang-kurangnya hendak tahu status bila pembinaan baru ini akan dilaksanakan oleh pihak kementerian memandangkan sudah dua, tiga kali disebut oleh Yang Berhormat Menteri sendiri untuk melaksanakan kompleks sukan ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Sekijang menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jadi ramai semula ya. Jadi ramai, saya hadkan lima minit sahaja. Yang Berhormat Kapar.

**6.04 ptg.**

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Aduh, 5 minit ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak payah hurai, rujuk sahaja.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang panjang itu, hurai-hurai itu yang jadi panjang.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya terus merujuk kepada Butiran 020200 di mana penurunan sebanyak 34%; digabungkan dengan Butiran Pembangunan, 00616 – Pusat Latihan Khas, penurunan sebanyak 81.62%; dan juga gabungan dengan Butiran 00908 – Program Pembangunan Ahli Sukan-Program Latihan/Bakat yang turun juga 81.65%.

Saya hendak tanya, bagaimana kementerian hendak memupuk pembangunan sukan di mana kita *reflect* balik kepada ketiga-tiga butiran ini berkaitan dengan pembangunan sukan. Apa kaedah-kaedah yang telah dikenal pasti yang sepatutnya selaras dengan penurunan yang melebihi 50%. Saya bagi satu contoh Yang Berhormat Timbalan Menteri, seperti satu pertandingan baru ataupun sukan baru tetapi bukan terlalu baru, sudah ada di Malaysia agak lama juga yang dikenali sebagai *dodgeball*.

*Dodgeball* ini ramai yang dalam Dewan ini tidak tahu tetapi yang menarik adalah pasukan wanita Malaysia telah mendapat nombor satu di dunia. Menarik Yang Berhormat, hanya telah membekalkan RM20,000 sahaja kepada pasukan ini dan mereka telah menggunakan dana sendiri untuk terbang ke Melbourne dan menyertai kejohanan *dodgeball* dunia di Melbourne.

Apabila merujuk kepada presiden mereka, Datuk Samson Maman, beliau kata kalau tidak bagi anugerah pun tidak apa, sekurang-kurangnya tanggung kos mereka separuh pun sudah jadi. Sampai ke tahap macam itu kita dalam bidang-bidang sukan ini. Walaupun memang betul kita hargai, bidang-bidang lain kita memang bagus tetapi ada juga sukan-sukan seperti ini yang tidak diberi pengiktirafan yang secukupnya.

Saya hendak balik kepada ketiga-tiga butiran yang saya bangkitkan tadi, komitmen daripada Yang Berhormat Menteri mahupun Timbalan Menteri adalah untuk melahirkan warga sukan yang kuat, berkebolehan, persediaan tempat latihan yang mempunyai kelengkapan yang mencukupi dan banyak sangat komitmen yang diberikan. Akan tetapi apabila butiran-butiran ini dikurangkan sebegitu rupa, saya bimbang dan saya rasa ia bertentangan dengan matlamat kementerian untuk memupuk lebih ahli sukan yang berkebolehan. So, saya menuntut penerangan daripada Yang Berhormat.

Saya masuk kepada bahagian kedua, Butiran 020400 – Penyelarasan Rakan Muda.

Ia pun turun sebanyak 88.13%. Bagaimana program Rakan Muda yang sebelum ini walaupun mendapat tentangan daripada bahagian kami, banyak sangat isu-isu positif yang telah diselitkan dalam jawapan Yang Berhormat sebelum-sebelum ini tetapi dengan penurunan 88% ini, macam mana hendak teruskan dengan penyelarasan Rakan Muda.

Seterusnya 020700 – Akademi Pembangunan Belia Malaysia.

Ia pun turun 58.39%. Saya mendesak dan menuntut penerangan daripada Yang Berhormat Menteri bagaimana akademi ini hendak beroperasi seperti biasa dan juga komitmen Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana belia-belia yang terpinggir terutamanya daripada kaum India dapat dibela dengan penurunan 58% ini.

Saya teruskan dengan butiran terakhir, Butiran 040400 – Festival Belia Negara dan dibacakan sekali dengan Butiran 060100.

Yang Berhormat Timbalan Menteri bertentangan dengan beberapa Ahli Yang Berhormat daripada sebelah sini mahupun di sebelah sana, saya memang mengambil satu kepuasan apabila Festival Belia Negara ini tidak diteruskan sebab ini program satu hari dan pembazirannya luar biasa. Memang mendapat tentangan, persepsi negatif dan sebagainya beberapa tahun kebelakangan ini.

Ke hadapan kementerian untuk mengeluarkan Festival Belia Negara dan digantikan dengan perluasan program pembangunan ekonomi belia, saya rasa RM1 juta itu telah dipamkan ke sini. Itu bagus, ini kredit yang saya perlu berikan. Kalau memang betul RM1 juta itu dikeluarkan dan dimasukkan kepada pembangunan ekonomi belia, saya setuju. Saya hendak juga penerangan bagaimana perluasan program pembangunan ekonomi belia ini dapat diteruskan. Ada banyak lagi tetapi disebabkan saya- diselitkan dan dihadkan kepada lima minit, terselamat kementerian hari ini. Terima kasih.

■1810

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lipis.

**6.10 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang membenarkan saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan bagi Kementerian Belia dan Sukan.



Saya pergi kepada Butiran 020200 – Pembangunan Sukan dan Butiran dan juga Butiran 02400 - Gelanggang Sukan.

Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berada di dalam Dewan ini dan juga kepada kakitangan Kementerian Belia dan Sukan kerana telah membawa kejayaan dalam sukan yang lalu iaitu di dalam Sukan Olimpik dan Paralimpik.

Di sini saya ingin menyatakan walaupun saya merakamkan ucapan tahniah tetapi kita masih lagi boleh memperbaiki daripada segi menambah bilangan kemenangan di peringkat yang saya nyatakan tadi. Saya melihat peruntukan pembangunan sukan sebanyak lebih RM11 juta dan pada saya mungkin agak sedikit kekurangan kerana kita memerlukan latihan-latihan tertentu.

Dan juga saya hendak sentuh Butiran 02400 – Gelanggang Sukan, yang juga merupakan RM1.7 juta sahaja.

Saya berpendapat sedemikian rupa kerana banyak lagi acara-acara yang boleh kita ceburi. Kalau kita melihat di negara-negara lain seperti Jepun, Korea dan sebagainya, mereka dari muda lagi telah melatih anak-anak muda supaya mereka lebih mahir dalam bidang-bidang tertentu. Saya mendapat tahu sebagai contohnya dalam bidang golf, saya sempat bersembang dengan salah seorang pro golf iaitu saudara Kamarul. Dia kata mereka tidak mendapat tempat langsung oleh pihak kerajaan membantu mereka.

Saya berharap supaya ini diberi perhatian. Saya menyebut bidang golf ini kerana kemenangan ini boleh membawa hasil yang begitu tinggi. Dia pernah mendapat tempat 30 waktu *tournament* dunia di Kuala Lumpur. Dia boleh mencecah sehingga RM500,000 hingga RM600,000. Memperoleh kemenangan tersebut. Maknanya, kita boleh melatih anak-anak muda dari sekarang lagi untuk kita ceburi bidang-bidang ini. Kita banyak tumpu kepada bola sepak yang saya kira tidak bermaya langsung. Dalam bidang-bidang sukan sebagainya.

Jadi oleh sebab seperti Yang Berhormat Kapar kata masa yang agak singkat, jadi kita terpaksa pergi segera kepada tajuk lagi iaitu saya menyentuh bersekali Butiran 010000, Butiran 020600 – Pentadbiran Negeri; Butiran 030200 – Latihan Kemahiran Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).

Saya melihat sebagaimana kesinambungan daripada ucapan saya ini, saya tidak melihat lagi peruntukan-peruntukan daripada Kementerian Belia dan Sukan turun kepada peringkat daerah-daerah. Maknanya kalau adapun mungkin program-program yang bersekali sahaja seperti *fit program* dan saya teringat kalau setahun sekali *fit* ini tidak cukup *fit*.

Jadi, saya rasa perlulah diturunkan seperti dahulu-dahulu. Melalui daerah-daerah turun ke peringkat persatuan-persatuan belia. Hari ini, saya membuat tinjauan di peringkat persatuan-persatuan belia tidak lagi menerima peruntukan seperti yang terdahulu. Maka dengan peruntukan pentadbiran negeri RM62 juta dan pengurusan RM1.2 juta. Okeylah, pengurusan kita tidak campur, RM62 juta itu peruntukan untuk pengurusan pentadbiran dan latihan ini sepatutnya boleh diagih-agihkan sebab kalau diambil kira, beberapa buah daerah dalam negara kita. Sepatutnya dengan jumlah yang besar ini, boleh diberi di peringkat daerah dan boleh mengadakan aktiviti-aktiviti sukan.

Saya pergi kepada IKBN. Saya merakamkan ucapan tahniah juga kepada pihak kementerian belia kerana dengan adanya IKBN ini, kita telah banyak melatih. Dengan Institut Kemahiran Belia Negara ini, kita telah banyak melatih usahawan-usahawan dan sebagainya dan menjadi satu pasaran yang agak baik. Saya mencadangkan supaya IKBN ini ditambahkan. Kalau hendak ditambah, saya menawarkan diri supaya IKBN ini ditambah di dalam Parlimen Lipis.

Begitu juga dengan sebagaimana saya katakan tadi, di bawah pengurusan-pengurusan ini mempunyai ratusan juta ringgit, saya juga memohon supaya sebuah kompleks rakan muda ataupun sekurang-kurangnya Kompleks Exora dapat dibina dalam Parlimen Lipis. Ini kerana saya tidak mahu mematikan bidang sukan ini. Saya setiap tahun menganjurkan sukan dan dalam penganjuran saya ini, telah terpilih beberapa orang pemain untuk ke peringkat yang lebih tinggi. Salah seorangnya sekarang dalam pemilihan ke peringkat Malaysia dalam bidang bola sepak iaitu FELDA sudah ambil. Banyak pemain yang datang daripada Lipis dalam bidang bola sepak yang telah diwujudkan.

Jadi oleh sebab masa tidak dapat meneruskannya, saya merakamkan ucapan terima kasih dan saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya tengok dari tadi sebenarnya. Yang Berhormat Dungun lebih awal lagi bangun. Sila Yang Berhormat Dungun. Ada peluang ini, *insya-Allah*.

**6.15 ptg.**

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan di Peringkat Jawatankuasa Kementerian Belia dan Sukan.

Bagi Maksud Pembangunan P.45, Butiran 04007 – Kajian Pembangunan Belia.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itu yang saya suka dengar Yang Berhormat Dungun itu- "*Pembangunan*".

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** Generasi muda yang termasuk dalam generasi muda di tanah rancangan FELDA seluruh negara yang sekarang ini sebahagiannya mungkin generasi di peringkat kedua, ketiga dan keempat. Generasi belia yang mesti diperkasakan untuk kepentingan FELDA di masa akan datang. Usaha-usaha kementerian mesti dijalankan untuk memastikan golongan belia FELDA ini berada pada landasan yang betul dan tidak terjerumus ke arah gejala sosial yang tidak sihat. Hari ini masalah besar di FELDA bagi golongan belia ini ialah masalah dadah. Yang ini mesti diadakan satu kajian yang menyeluruh bagi pembaikpulihan berasaskan kepada kepentingan golongan belia di Rancangan Tanah FELDA.

Kedua, berlaku penghijrahan golongan belia daripada rancangan FELDA ini kerana tidak ada apa yang menarik untuk mereka terus menetap di rancangan FELDA yang melibatkan juga peluang pekerjaan, tidak banyak peluang pembangunan ekonomi dan juga tidak banyak yang membantu mereka untuk menyelesaikan permasalahan-permasalahan utama mereka seperti perumahan golongan belia FELDA yang tidak diurus dengan baik, terbengkalai, tidak mengikut jadual dan tidak siap.

Oleh itu, ada juga satu lagi perkara yang berkait dengan persatuan belia dalam Rancangan Tanah FELDA. Banyak persatuan belia ditubuhkan dalam kawasan rancangan FELDA tetapi statusnya ada yang aktif dan ada yang lemah. Jadi memerlukan kepada kajian yang menyeluruh daripada butiran ini untuk melihat secara fokus kepada persatuan belia dalam rancangan kawasan FELDA yang melibatkan kepimpinan, kegiatan, kemajuan ekonomi persatuan belia dan juga kewangan supaya melahirkan perancangan untuk melahirkan belia tani dan juga belia niaga dalam kawasan Rancangan Tanah FELDA.

Seterusnya saya hendak sebutkan Butiran di bawah P.45, Butiran 02400 – Gelanggang Sukan.

Baru-baru ini kita meraikan kejayaan para atlet yang mendapat pingat di kejohanan peringkat antarabangsa Olimpik dan juga Paralimpik. Tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan seluruh warga kerja Kementerian Belia dan Sukan dan juga organisasi dan agensi yang berkaitan yang melahirkan kejayaan dan bagi atlet-atlet yang telah mengambil bahagian juga diucapkan tahniah kerana kesungguhan mereka. Antara yang diraikan ialah Mohd. Azizulhasni bin Awang. Kelahiran Dungun, Terengganu. Dilatih daripada peringkat awal dalam bidang lumba basikal ini oleh *Dungun Cycling Team*, kemudian menyertai Sekolah Sukan Bukit Jalil.

Banyak kejayaan yang telah dicapai melalui pungutan pingat, pertandingan peringkat nasional dan antarabangsa, Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel,

Kejohanan Asia, Kejohanan Dunia dan yang terbaru pingat gangsa Sukan Olimpik Rio 2016. Apa yang sepatutnya menjadi asas yang sangat penting kalau kita hendak meraikan kejayaan di antaranya kepada kejayaan Azizul ini ialah daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan dahulu pada Ogos 2010. Majlis pecah tanah untuk pembinaan velodrom telah dilakukan.

Kemudian Mac 2014, Kementerian Belia dan Sukan di bawah Menteri Belia dan Sukan sekarang berjanji akan membina velodrom tersebut di Dungun, meraikan kejayaan Azizulhasni Awang ini yang juga melibatkan jangka siapnya dua tahun. Sepatutnya 2016 ini sudah siap dan dalam Disember 2015, Exco Belia dan Sukan Terengganu juga menyatakan bahawa velodrom ini akan diteruskan.

#### ■1820

Kalau kita melihat kepada hasrat Azizulhasni Awang sendiri setelah berjaya dalam Sukan Olimpik Rio ialah supaya dibina satu velodrom di Dungun bagi memungkinkan menjadi pemangkin kerana Terengganu melahirkan ramai atlet sukan lumba basikal peringkat jalan raya. Akan tetapi yang kurang diberi perhatian ialah berkaitan dengan melibatkan *indoor* iaitu velodrom ini. Jadi saya pohon Kementerian Belia dan Sukan memberikan perhatian melalui Menteri dan Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar.

#### 6.20 ptg.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di peringkat Jawatankuasa ini, saya mohon merujuk kepada Butiran 020200 – Pembangunan Sukan. Saya ingin bertanya, apakah persediaan dan perancangan Menteri untuk menambah lagi kejayaan kita di *Special Olympics*? Saya ingin tambah di sini, anggaplah Olimpik peringkat ini sama hebatnya untuk negara berdasarkan keupayaan mampu mengharum nama negara di persada dunia.

Demi membantu usaha ini, saya mencadangkan satu usaha NBOS bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga Kementerian Kesihatan harus digerakkan mengambil kira bakat-bakat yang ada dalam kalangan anak-anak ini dan pasti pulangan yang akan kita terima melebihi dari sebutir pingat yang memberi harapan baru bukan sahaja kepada atlet tetapi juga kepada keluarga dan golongan ini.

Saya merujuk pula kepada Butiran 020300 – Pembangunan Belia. Saya amat menyokong segala program yang berfokus kepada membangunkan nilai diri belia

seperti Parlimen Belia, program Pembangunan Kompetensi Kepimpinan Belia dan program pengantarabangsa belia seperti MyCorp. Program-program ini amat penting untuk memberikan golongan belia input yang bermanfaat untuk mereka. Namun begitu, kita semua bersetuju bahawa KPI mana-mana program bukanlah dinilai mengikut jumlah program yang dijalankan. Ia perlu diukur dengan keberkesanannya.

Saya mohon penjelasan, bagaimanakah proses pengambilan peserta program pembangunan belia? Adakah ia terbuka kepada semua atau hanya untuk ahli Pertubuhan Belia sahaja? Apakah dasar saringan yang diaplikasikan? Sekiranya program pembangunan belia yang ditawarkan hanya untuk ahli Pertubuhan Belia sahaja, bagaimana pula dengan belia yang tidak berminat untuk menjadi ahli pertubuhan tetapi berminat untuk menyertai latihan pembangunan diri? Sejauh manakah program-program seperti MyCorp dan Program Pembangunan Kompetensi Kepimpinan Belia mencapai objektifnya dan adakah pihak kementerian melakukan *follow up* kepada peserta program untuk menilai kembali keberkesanan program yang mereka hadiri?

Berkaitan dengan butiran yang sama, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan program-program sukarelawan belia. Sebilangan kita mempunyai persepsi bahawa golongan belia sentiasa tertarik kepada *external rewards* seperti insentif kewangan dan daya penarik lain untuk menyertai sesuatu program belia. Maka kos untuk menganjurkan sesuatu program menjadi tinggi. Akhirnya penganjur terpaksa berbelanja besar untuk menganjur sesuatu program belia. Jadi, saya amat tertarik dengan program Parlimen Belia kerana program ini walaupun tidak menawarkan apa-apa jenis insentif kewangan yang luar biasa tetapi masih lagi ramai belia yang berminat dan mengambil bahagian dalam program ini. Maka saya kira sudah tiba masanya kita percaya dengan minat, niat dan semangat belia di Malaysia dalam menganjurkan program belia kerana ini mampu untuk menjimatkan kos dan memperbanyakkan program untuk belia.

Saya juga merujuk kepada Butiran 020500 – Pembangunan Ekonomi Belia. Kini, kita telah mempunyai Majlis Penggalakan Ekonomi Belia. Skim Tabung Ekonomi Belia merupakan satu skim yang telah dilancarkan oleh MPEB kepada belia-belia di negara kita. Skim ini terdiri kepada dua iaitu Skim Belia Niaga dan Skim Belia Tani. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah sambutan belia terhadap dua skim ini? Adakah skim ini ditawarkan bersekali dengan latihan keusahawanan?

Dalam kajian yang dilakukan oleh Dr. Logasvathi dari Universiti Utara Malaysia bertajuk *Financial Literacy: A Study on Malaysian Northern Region University's Undergraduate* menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan belia di Malaysia masih lagi rendah. Keadaan ini menyebabkan ramai belia yang gagal mengurus kewangan

mereka semasa dalam tempoh belajar mahupun setelah masuk ke dalam alam pekerjaan kerana mereka mengekalkan tabiat perbelanjaan yang sama. Saya ingin mencadangkan di samping latihan keusahawanan yang ditawarkan, kementerian juga menawarkan latihan literasi kewangan kepada belia melalui universiti-universiti secara serius.

Akhir sekali saya juga ingin bertanya kementerian, apakah usaha kementerian untuk menggalakkan anak-anak muda kita di dalam bidang vokasional yang berorientasikan seni seperti seni reka dan teknologi animasi 2D dan 3D, bidang rakaman digital, gubahan dan instrumentasi digital, manipulasi bunyi, tekstil dan fesyen, pengiklanan, multimedia, reka bentuk, pembungkusan dan bentuk penerbitan. Ia adalah bidang kemahiran yang memberi pulangan yang lumayan dan berpendapatan tinggi dan mampu meletak anak muda negara di peringkat antarabangsa dan menjadi satu nilai eksport negara yang bijak dan cepat.

Tuan Pengerusi, saya turut menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Petani.

#### **6.26 ptg.**

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Presiden Sukarno pernah berkata, "*Berikan aku sepuluh anak muda yang waja, akan ku goncang dunia...*". Saya hendak rujuk Kepala 020000 – Pembangunan Belia dan Sukan, khususnya Butiran 020300 dan 020400. Kalau kita lihat objektif pembangunan belia dan sukan, objektifnya cantik, ditulis membina generasi muda yang bersatu padu, berdisiplin, berakhlak tinggi serta masyarakat yang cergas dan berbudaya sukan.

Tuan Pengerusi, saya hendak sebutkan di sini bahawa mutakhir ini, kita lihat anak-anak muda khususnya belia-belia, seolah-olah macam anak hilang bapak. Apabila kita melihat khususnya anak-anak muda yang lepasan sekolah yang masuk ke dalam takrifan belia, jadi mereka hilang punca kerana tidak ada *direction* yang jelas. Sebab itu saya ingin bertanya, dulu kita memperkenalkan berbagai-bagai program termasuklah Program Rakan Muda yang pada satu masa itu mendapat sambutan yang cukup-cukup hebat.

Jadi saya hendak tanya kementerian, adakah kementerian berhajat untuk kembali ke zaman itu di mana ada promosi yang hebat bukan sahaja melalui akhbar-akhbar tetapi juga melalui TV dan radio? Di mana belia jelas tahu ke mana selepas sahaja mereka khususnya lepas sekolah, pilihan mereka jelas, 'depa' hendak masuk

dekat mana. Akan tetapi sekarang ini nampak agak tenggelam dan sebab itu kita lihat aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh belia-belia amat membimbangkan kita.

Isu yang kedua yang saya hendak tanya Tuan Pengerusi ialah tentang peranan Pejabat Belia negeri dan juga peringkat daerah. Saya lihat, tidak ada tindakan proaktif oleh pejabat-pejabat ini untuk mendekati belia-belia dan khususnya dalam bidang sukan. Sebab itu kita hendak tanya program-program sukan yang saya panggil sukan berk komuniti seperti bola sepak ataupun takraw dan sukan-sukan yang saya kira satu masa dulu Yang Berhormat Menteri telah pun menyebut yang akan menjadi tumpuan kita.

Apa yang jadi pada kita sekarang ini khususnya takraw. Kita makin ke belakang, ke belakang ke belakang. Malah saya tengok bola takraw kita pun kita tidak boleh *produce* sekarang ini. Peringkat antarabangsa tidak mengiktiraf bola takraw kita. Apa jadi? Malah Thailand saya tengok lebih hebat dalam meletakkan *position* dia dalam takraw. Akan tetapi satu-satu yang membanggakan Tuan Pengerusi ialah takraw sekarang ini diminati bukan sahaja oleh orang Melayu tetapi saya tengok di banyak taman, orang India khususnya. Ini harus menjadi tumpuan kepada kementerian, belanja sedikit supaya gelanggang-gelanggang takraw ini yang murah saya kira kalau dibandingkan dengan gelanggang lain.

Ini boleh dimulakan dan ini boleh menyatukan bukan sahaja belia-belia Melayu tetapi pula belia-belia berbagai-bagai kaum yang boleh main. Di tempat saya, ramai belia India, Melayu dan Cina yang bermain takraw. Jadi saya mencadangkan supaya kerajaan mengambil sikap untuk berbelanja lebih dalam *sport* ataupun sukan yang berbentuk komuniti ini.

Akhir sekali saya hendak tanya ialah tentang di bawah pecahan pengurusan ibu pejabat. Butiran 010100 – Pengurusan Ibu Pejabat. Kita tahu yang pihak SPRM dan juga mahkamah telah dan sedang menyiasat bagaimana RM100 juta hilang daripada kementerian.

#### ■1830

Yang saya hendak tanya ialah bukan isu kes, yang saya hendak tanya adakah kerajaan ataupun kementerian telah pun memperbaiki SOP bagaimana cara wang dikeluarkan bagaimana membelanjakan wang tidak berada dalam keadaan yang tidak terkawal supaya kita tidak memulangi duit rakyat yang diletakkan di kementerian hilang dan masa yang diambil begitu lama untuk kita *track* maknanya enam tahun dia boleh curi RM100 juta. Makna dalam masa enam tahun itu kementerian khususnya di ibu pejabat tidak dapat mengawal keadaan dan akhirnya terlepas. Saya rasa janganlah

diulang tindakan itu sebab SOP nya harus jelas supaya tidak ada lagi kejadian seperti ini akan berulang di masa depan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, lepas Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Batu Gajah selepas itu Yang Berhormat Kuala Nerus dan Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

**6.31 ptg.**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi untuk mengizinkan saya untuk bersama membahaskan B.45 – Kementerian Belia dan Sukan. Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Butiran 03000 – Pembangunan Sumber Manusia. Bila saya melihat tentang laporan indeks belia Malaysia yang dibangunkan pada tahun 2015, saya lihat ianya bertujuan untuk memantau perkembangan kesejahteraan hidup generasi belia di Malaysia. Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanyakan sehingga kini sejauh manakah pencapaian tahap kesejahteraan hidup belia sama ada berlakunya peningkatan tahap kesejahteraan itu ataupun penurunan daripada nilai skor yang diperolehi.

Apakah faktor yang mempengaruhi tahap kesejahteraan hidup belia dan apakah inisiatif yang diambil oleh pihak kementerian bagi meningkatkan tahap kesejahteraan hidup mereka.

Tuan Pengerusi saya juga ingin merujuk kepada 06000 – *One Off*. Saya lihat dalam meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kementerian khususnya di Kuala Selangor saya ingin merayulah kepada pihak kementerian agar pihak kementerian dapat mempertimbangkan cadangan agar pejabat belia daerah Kuala Selangor dapat dipindahkan ke bangunan baru memandangkan keadaannya pada ketika ini amat daif dan membahayakan bagi generasi belia untuk berhubung dengan pegawai belia dari pejabat belia.

Ditambah pula saya lihat kebanyakan agensi khususnya persekutuan di kawasan tersebut telah berpindah ke tempat baru. Bagi menjamin perbelanjaan yang berhemah saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian mungkin boleh memindahkan pejabat belia terbabit ke dalam bangunan RTC bila ianya akan siap beroperasi nanti. Jadi setidaknya peruntukan dapat dibelanjakan dalam keadaan yang berhemah dan cadangan ini juga boleh menempatkan juga RTC sebagai *one stop centre* bagi semua perkhidmatan sekali gus memudahkan urusan belia.

Tuan Pengerusi saya juga ingin merujuk kepada Butiran 020300 – Pembangunan Belia. Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada pejabat pendaftar pertubuhan belia menunjukkan sehingga tahun ini terdapat 10,479 buah pertubuhan



belia yang berdaftar dengan jumlah keahlian seramai 2.706 juta orang di seluruh negara.

Manakala di negeri Selangor merupakan antara negeri yang mencatatkan bilangan pertubuhan belia yang tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 1,689 buah pertubuhan belia dengan jumlah ahli sebanyak 152,964 orang. Saya di sini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sejauh manakah belia berupaya untuk bertindak sebagai agen penyampaian yang efektif terutamanya dalam memastikan usaha pembangunan belia ini sampai ke peringkat akar umbi golongan belia. Apakah bentuk sistem penyampaian yang terkini yang diketengahkan oleh pihak kementerian terutama sekali dalam memastikan semangat belia cintakan negara itu lebih-lebih lagi menghormati konsep *rules of law* dengan izin dalam konteks negara kita.

Sehubungan itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya pihak kementerian boleh menunjukkan integrasi secara NBOS terutama sekali di peringkat akar umbi. Yang mana yang ada di peringkat akar umbi kita ada Jawatankuasa Kemajuan dan Kesatuan Kampung, di samping itu juga Jawatankuasa Perwakilan Penduduk mungkin dengan kaedah NBOS ini boleh meringankan beban kementerian untuk mengerakkan generasi muda di peringkat akar umbi.

Saya juga ingin bertanyakan kepada pihak kementerian dari segi penstrukturan semula dari Pertubuhan Belia terutama sekali tentang penganjuran Festival Hari Belia Negara pada tahun hadapan dan adakah ianya akan terus diadakan ataupun apakah kaedah mungkin diterjemahkan dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Transformasi Nasional 2050 ini. Saya juga ingin merayu kepada pihak kementerian supaya Majlis Belia Selangor juga dapat dilibatkan terutama sekali untuk membawa aspirasi pergerakan belia dalam konteks untuk memahami khususnya pendekatan aspirasi TM50 yang telah diperkenalkan. Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

**6.35 ptg.**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi B.45 Butiran 02000 Butiran kecil 020300 – Pembangunan Belia. Sejak kebelakangan ini, penglibatan anak-anak muda di kalangan kaum India di dalam aktiviti-aktiviti kongsi gelap sangat ketara. Ini menjadi satu masalah besar yang dihadapi oleh kaum India di negara ini. Perkara ini harus diambil serius kerana ia mengganggu status sosioekonomi sebahagian besar daripada kaum India. Dalam pada itu, kadar jenayah dalam negara juga terus meningkat kerana fenomena ini. Punca kepada masalah ini

adalah soal ekonomi periuik nasi mereka semata-mata. Oleh sebab tidak cukup peluang ekonomi kepada golongan ini mereka terjerumus ke dalam aktiviti-aktiviti kongsi gelap untuk mencari sumber pendapatan.

Oleh yang demikian, saya hendak tanya menteri apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk menghalang anak-anak muda kita terlibat dalam aktiviti-aktiviti kongsi gelap. Apakah peluang-peluang yang disediakan untuk anak-anak muda berbangsa India berkecimpung dalam bidang-bidang yang boleh membawa kemajuan ekonomi kepada diri mereka dan juga kepada keluarga mereka. Yang Berhormat Menteri, masalah kongsi gelap ini tidak boleh dianggap sebagai masalah mana-mana satu kaum, ia harus dianggap sebagai satu masalah nasional jadi kita perlu selesaikan masalah ini dengan segera.

Butiran kecil 020500 sejauh manakah Skim Tabung Usahawan Siswazah yang *entrepreneur fund* dan Skim Pembiayaan Francaisor membantu golongan usahawan belia. Saya mendapati ramai belia-belia kita sukar memperoleh apa-apa bantuan kewangan untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka. Apakah kriteria-kriteria yang diguna pakai untuk mengenal pasti belia-belia kita supaya mereka boleh dibantu melalui skim-skim yang saya sebutkan tadi.

Butiran kecil 020200 – Pembangunan Sukan. Adakah kementerian telah mengenal pasti jenis-jenis sukan yang berpotensi untuk mengutip pingat di sukan Olimpik di Jepun pada tahun 2020. Nyatakan perancangan-perancangan kerajaan dan langkah-langkah yang telah diambil menuju ke sukan Olimpik Tokyo 2020. Berapakah anggaran perbelanjaan untuk persediaan ke sukan Olimpik dalam tempoh empat tahun lagi? Apakah usaha-usaha yang telah diambil untuk mengenal pasti bakat-bakat baru dalam bidang sukan dalam negara kita?

Di bawah butiran yang sama dasar 1 Murid 1 Sukan adalah satu polisi yang cukup baik. Dasar ini mewajibkan setiap murid menyertai sekurang-kurangnya satu aktiviti sukan di sekolah. Tetapi masalahnya, banyak di antara sekolah-sekolah kita tidak mempunyai padang permainan. Dalam keadaan sebegitu bagaimanakah dasar 1 Murid 1 Sukan ini boleh dicapai?

Murid-murid di sekolah seperti ini mempunyai banyak limitasi. Apakah tindakan yang dirancang oleh pihak kementerian untuk membantu murid-murid di sekolah-sekolah yang tidak mempunyai padang? Mana tahu seorang wirawan atau wirawati yang bakal membawakan pingat emas di sukan-sukan antarabangsa berada di sekolah yang tidak ada padang atau kemudahan-kemudahan sukan yang lain.

Di bawah butiran yang sama sukan *karate* mempunyai potensi yang tinggi untuk negara kita. Kementerian harus memberikan perhatian yang khususnya untuk bidang

sukan ini. *Karate* sentiasa mengibarkan jalur gemilang di arena sukan antarabangsa. Oleh itu, kementerian harus menyediakan lebih banyak kemudahan fasiliti sukan untuk bidang *karate* ini. Nyatakan perancangan kementerian untuk mengembang dan memajukan sukan ini sehingga ke peringkat Olimpik.

Nyatakan sukan-sukan tradisi daripada semua kaum di negara ini yang diberikan galakan dan dorongan oleh kementerian.

■1840

Nyatakan juga peruntukan disediakan untuk mengembangkan sukan-sukan tradisional ini. Apakah program-program yang dilaksanakan oleh pihak kementerian untuk menarik minat golongan belia mempelajari dan menyertai sukan-sukan tradisional di negara kita? Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kuala Nerus.

6.40 ptg.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Membaca sepotong doa]* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Saya pergi kepada butiran pertama iaitu Butiran 020300 – Pembangunan Belia. Pertama kita baca hadis Nabi SAW tentang tujuh golongan yang Allah bagi naungan di hari akhirat, antaranya ialah... *[Membaca sepotong hadis]* Anak muda yang membesar dalam keadaan ibadah kepada Allah SWT. Kita juga baca Firman Allah... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* “*Mereka adalah anak muda yang beriman dengan Rabb mereka dan Kami tambah petunjuk kepada mereka.*”

Persoalan yang saya hendak timbulkan di sini ialah adakah kementerian mempunyai satu dasar pembangunan belia soleh? Kerana kalau kita lihat tentang pembangunan belia ini dari sudut kesukanannya, dari sudut fizikalnya, dari sudut ilmu akademiknya, ini perkara yang sudah biasa kita bincang. Tetapi hari ini kita berhadapan dengan anak muda yang mungkin berhadapan dengan cabaran dari sudut akidahnya, cabaran akhlakunya, cabaran syariatnya. Ini perkara-perkara yang perlu kita perhatikan.

Maka saya hendak minta penjelasan daripada kementerian, adakah di sana sedang diusahakan satu dasar pembangunan belia soleh yang merancang secara holistik pembangunan anak-anak muda ini untuk mereka nanti menjadi anak-anak muda yang benar-benar menyumbang kepada pembangunan negara dan tidak terlibat dengan perkara-perkara yang disebut sebagai kemungkaran akhlak dan juga masalah gejala sosial anak-anak muda pada hari ini?

Di sana ada program yang dibuat, namanya Rakan Masjid. Sejauh mana penglibatan kementerian dalam program Rakan Masjid khususnya untuk anak-anak muda ini yang boleh kita sasarkan mereka? Maksudnya bukan hanya untuk mereka tinggal duduk di masjid, tidak, tetapi membina iman dan jiwa dia untuk dia keluar dalam masyarakat menjadi orang yang berguna untuk masyarakat mereka.

Ini kita lihat bagaimana masyarakat anak-anak muda ini berhadapan dengan isu pergaulan bebas. Kita ada satu kenyataan Menteri tentang anak luar nikah ataupun anak tidak sah taraf yang jumlahnya melebihi 300,000 orang. Ertinya, anak-anak ini bakal membesar dalam situasi yang mereka tidak ada keluarga yang lengkap. Adakah kementerian mengambil cakna perkara ini dan ada satu program khusus untuk mengenal pasti mereka ini supaya mereka boleh membesar dalam satu keadaan keluarga yang baik yang boleh memberikan pertumbuhan minda, pertumbuhan jiwa, akhlak dan sebagainya dengan pertumbuhan yang sangat baik?

Kemudian satu lagi saya hendak tanya tentang sejauh manakah program-program melibatkan anak-anak muda ini melibatkan isu Rakan Masjid dibuat di peringkat sekolah-sekolah pada hari ini? Itu satu.

Kedua, saya hendak pergi kepada Butiran 020500 – Pembangunan Ekonomi Belia. Kita semua tahu bahawa Islam agama yang menggalakkan penganutnya untuk menjadi ahli perniagaan hinggakan al-Quran menggunakan... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] “*Carilah sebahagian kurniaan Allah.*” Akan tetapi, cabaran hari ini ialah ibu dan bapa selalu mendidik anak-anak mereka untuk mereka bila belajar di universiti dan keluar untuk bekerja dengan orang, tidak membina pemikiran untuk menjadi seorang usahawan, seorang ahli perniagaan. Sedangkan, pemikiran untuk menjadi ahli perniagaan ini mesti dibentuk di peringkat sekolah lagi.

Maka, adakah Kementerian Belia ini mempunyai satu perancangan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk menjadikan kempen untuk anak-anak ini yang bakal keluar daripada alam persekolahan mereka menjadi seorang yang berjiwa usahawan dan kita terapkan pada mereka ilmu-ilmu perniagaan pada usia yang muda khususnya ilmu tentang pemasaran, ruang-ruang peluang perniagaan? Kita bina daripada awal iaitu di peringkat sekolah.

Dan juga di peringkat universiti, anak-anak muda yang kita nak beri semangat untuk mereka disuruh mereka belajar, mereka boleh belajar buat *business* secara kecil-kecilan menerusi *online business* dan sebagainya. Adakah kementerian ada perancangan membina keusahawanan ini di peringkat universiti? Sekurang-kurangnya boleh membantu mereka mendapatkan sedikit *income* bagi mereka menguruskan kehidupan dalam sesi pengajian mereka.

Kemudian, tentang pembangunan belia juga, kita ada tabung ekonomi yang disediakan oleh kementerian iaitu Tabung Ekonomi Belia dengan dua skim iaitu Skim Belia Niaga dan Skim Belia Tani ini. Saya hendak tanya, berapa ramai anak muda yang telah terlibat dengan skim ini sejak tahun 2010 hingga 2015? Kemudian, berapa amaun pembiayaan telah dikeluarkan? Kemudian, nisbah peratus kejayaan. Kemudian, apa program susulan jika tidak berjaya dan khususnya bilangan anak muda yang terlibat di Kuala Nerus? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Tinggi boleh mencelah ya.

**6.45 ptg.**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan belanjawan Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi, saya juga mahu mengambil berat tentang nasihat atau amanat Tuan Pengerusi bahawa hari ini adalah hari Khamis malam Jumaat. Maka, saya ringkaskan jawapan saya seberapa yang boleh supaya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada kena mengena juga ya.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh melaksanakan tanggungjawab pada malam Jumaat. *[Ketawa]*

Seterusnya kepada Yang Berhormat Sik...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** So Yang Berhormat Menteri boleh habiskan sehingga jam 8 ya.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali, isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sik mengenai kemudahan gelanggang tinju. Buat masa ini, KBS melalui Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Negeri Kedah telah mengenal pasti Sekolah Menengah Kebangsaan Baling sebagai pusat latihan tinju...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Minta maaf Yang Berhormat Menteri, bukan jam 8, pukul 7.30 ya.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Okey. Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Negeri Kedah telah mengenal pasti Sekolah Menengah Kebangsaan Baling sebagai pusat latihan tinju bagi program pelapis tinju negeri Kedah. Majlis Sukan Negara telah meluluskan sebuah gelanggang tinju di sekolah tersebut untuk program pelapis tinju di Daerah Sik. Program latihan *muay thai* akan kita bincang untuk dicadangkan bersama pihak sekolah untuk diadakan bersama dengan program tinju tersebut.

Yang Berhormat Sik juga telah membangkitkan memohon kompleks belia dan sukan yang selesa. KBS mempunyai perancangan untuk memperbaiki dan menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan yang menjadi tumpuan termasuk gelanggang *muay thai* dan lain-lain. Permohonan daripada Yang Berhormat Sik ini sedia dipertimbangkan.

Seterusnya, hujah daripada Yang Berhormat Pasir Mas. Tuan Pengerusi, projek pembangunan semula Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil merupakan projek yang dilaksanakan secara penswastaan melalui kaedah tanah tukaran atau dengan izin, *land swap*, di mana pelaksanaannya melibatkan penyertaan pihak swasta dan sebagai balasan, sebahagian tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang sedang dipajak oleh Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) akan dipindah milik kepada pihak swasta tersebut setelah projek disempurnakan. Anggaran kos bagi projek ini adalah bernilai RM1.6 bilion yang dilaksanakan secara berfasa merangkumi projek fasa 1 dan 2.

Projek 1 adalah khusus bagi persiapan rapi Sukan SEA 2017 dan perlu disiapkan sebelum Sukan SEA bermula. Projek 1 merangkumi kerja-kerja menaik taraf Stadium Nasional, Stadium Putra, Stadium Hoki Nasional, Pusat Akuatik Nasional dan menaik taraf kemudahan guna sama dan landskap.

Manakala projek 2 merangkumi pembinaan bangunan baru *sport mall*, *convention centre*, *exhibition centre*, *rehab centre*, *youth hostel*, *youth centre*, *multi-storey car park* dan kerja-kerja naik taraf bangunan sedia ada. Projek 2 ini akan mula dilaksanakan selepas Sukan Para ASEAN 2017 berakhir.

Pada masa ini, projek 1 telah mula dilaksanakan dan dalam proses perobohan dan memuktamadkan konsep *design*. Projek 1 dijangka siap selewat-lewatnya pada 30 Jun 2017.

Seterusnya mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas, program untuk mengekalkan kecemerlangan. Pembangunan program atlet elit negara adalah melalui program Podium.

#### ■1850

Menerusi program ini, kriteria kemasukan atlet ke program adalah berdasarkan penanda aras yang sangat tinggi, berpandukan pencapaian di peringkat dunia. Bagi memastikan program menghasilkan atlet berkualiti tinggi, prestasi mereka dipantau

secara holistik sepanjang masa. Atlet yang gagal menepati kriteria prestasi yang ditetapkan tidak akan dikekalkan dalam program. Bagi atlet-atlet dalam Program Podium ini, mereka disediakan perkhidmatan sains sukan, perubatan dan teknologi sukan di tahap yang tinggi berdasarkan teknologi masa kini.

Seterusnya, kejayaan Sukan Olimpik. Kejayaan Sukan Olimpik dan Paralimpik adalah hasil program latihan jangka panjang yang telah dilaksanakan sejak dahulu. Sememangnya Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negeri memberi penumpuan kepada 19 jenis sukan teras yang dipilih berasaskan kepada beberapa faktor tertentu seperti sejarah pencapaian, tiada faktor fizikal yang merangkumi prestasi, sukan yang memberi keutamaan kepada teknologi seperti menambah dan meramalkan dan akhir sekali adalah sukan yang popular yang memberi kesan kepada elemen perpaduan rakyat.

Kejayaan sukan berbasikal membuktikan bahawa strategi kementerian tidak menumpukan kepada sukan-sukan tertentu telah pun berjaya. Selain dari sukan-sukan tersebut, kita juga mendapat kejayaan dalam sukan-sukan lain di peringkat dunia seperti karate-do, *tenpin bowling*, *lawn ball* dan sebagainya. Tuan Pengerusi seterusnya KBS buat masa ini telah membuat persiapan untuk membina kompleks sukan di setiap daerah. Sebaliknya akan mengekalkan usaha untuk memperbaiki dan menaiktaraf gelanggang sukan dan kemudahan sukan yang sedia ada di peringkat daerah Pasir Mas. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, ini isu mengenai berkaitan kerja-kerja menaik taraf Kompleks Sukan di Bukit Jalil. Saya telah jawab. Seterusnya Rakan Muda. Rakan Muda baru telah diperkenalkan pada Februari 2015 yang berdasarkan kepada perjalanan bakat anak muda atau *showcase talent*. Gaya hidup rakan muda masih juga diperkenalkan konsepnya dan disesuaikan dengan cita rasa dan kehendak generasi muda. Rakan Muda telah melaksanakan program-program yang membentuk jati diri anak muda untuk menjadi modal insan yang terbaik dan berdisiplin kepada negara.

Tuan Pengerusi, seterusnya izinkan saya menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai di mana buat masa ini kementerian tiada perancangan untuk selarikan insentif Olimpik dan Paralimpik ke peringkat Komanwel kerana beberapa faktor seperti bilangan negara yang menyertai Sukan Komanwel hanyalah lebih daripada 70 buah negara. sedangkan Olimpik melibatkan lebih 200 buah negara. Selain daripada itu, penyertaan ke Sukan Komanwel tidak memerlukan proses kelayakan berbanding Sukan Olimpik dan Paralimpik.

Mengenai umur pencen untuk Olimpik dan Paralimpik untuk atlet yang layak menerima pencen tersebut akan menerima imbuhan tersebut serta-merta selepas

kejayaan mereka. Ini dilakukan kerana atlet-atlet tersebut ada yang terpaksa bersara awal iaitu ekoran daripada kecederaan dan sebagainya walaupun mereka belum sampai ke peringkat umur yang sepatutnya mereka bersara. Selain daripada itu, penetapan pencen lebih sukar kerana berbezanya jenis sukan dari segi tempoh prestasi masing-masing. Sukan terjun tempoh prestasi lebih pendek daripada berbanding dengan sukan badminton.

Tuan Pengerusi, isunya mengenai prestasi pendaftaran pertubuhan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiawangsa. Permohonan keseluruhan pertubuhan yang diterima sehingga hari ini adalah sebanyak 12,251 buah persatuan belia dan permohonan keseluruhan pertubuhan yang diluluskan adalah sebanyak 10,469 buah persatuan. Jumlah terkini keseluruhan keahlian belia seramai 2,706,407 orang ahli. Jumlah pertubuhan belia yang menghantar maklumat yang perlu diberi atau pun MYKD sebanyak 1,446 sahaja daripada 12,000 buah persatuan yang berdaftar.

Jumlah pertubuhan belia yang dibatalkan sehingga hari ini kerana tidak mengikut peraturan adalah sebanyak 2,267. Tuan Pengerusi, seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiawangsa...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Tinggi bangun.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh mencelah Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cepat sahaja sebab malam Jumaat. Nombor satunya, sudah sampai masanya kita mengadakan universiti sukan. Ini butiran latihan pembangunan ahli sukan. Sudah sampai masa kita menubuhkan universiti sukan untuk menghasilkan secara holistik. Tujuannya untuk mengadakan satu budaya kesukanan yang sama macam Australia, 30 juta tetapi *world champion* banyak. Kita buat ini lebih kepada hobi dan kecenderungan tetapi bukan satu industri. Jadi kita tubuh satu buah universiti sukan untuk menghidupkan industri sukan yang akan memberi pulangan yang baik contohnya golf dan sebagainya. Korea sudah jalan, Australia sudah jalan, kita mesti ke arah itu.

Kedua, *E-Sports*. Ini satu lagi sukan yang berkembang dengan amat besar dan saya minta kementerian kena lihat dan mengadakan kerangka kerja dan *guideline* supaya sukan ini dapat berkembang dengan baik dan kita ada peluang menjadi peneraju dalam sukan *E-Sports*. Sebab yang dalam dunia ini yang terbaik, Korea,



negara Asia termasuk Malaysia. Kita mempunyai *team E-Sports* yang bertaraf dunia contohnya Fnatic yang menang *world champion* baru-baru ini. Yang Berhormat Menteri, hadiahnya *first prize* sampai RM5 juta hingga RM6 juta seorang. Lagi besar daripada golf. Jadi saya ingat ini satu peluang yang kita kena adakan, *E-Sports* ini. Kerangka dan *guideline* untuk memperkasakan sukan.

Ketiga, ini yang saya hendak tanya. Kita baru-baru ini di Olimpik, kita ada Ruth Jebet. Jebet ini pelari Kenya tetapi dia lari atas nama Bahrain. Jadi dia dapat *world champion*. *Long jump record* Asia dipegang oleh orang Nigeria. Kita pernah ada Yuan Yufang dan kita pernah ada Hidayat Hamidon menang peringkat Asia Tenggara. Akan tetapi ini satu trend baru, tidak ada beza dengan kita ambil pemain bola, contohnya Lionel Messi main untuk Barcelona. Akhirnya menyebabkan perkembangan yang begitu besar, pesat pembangunan sukan. Contoh satu lagi yang baik, kita hendak beri macam Usain Bolt. Apabila Usain Bolt berjaya, maka Jamaica menghasilkan pelari-pelari yang begitu hebat dan mengalahkan Amerika.

Baru-baru ini Wayde van Niekerk yang memecahkan rekod *below ten seconds*, bawah 200 meter, bawah 20 seconds dan *world record* untuk 400 meter, *43.03 seconds*. Dengan adanya Wayde van Niekerk ini tiba-tiba kita ada pemain lembing dunia, Olimpik dari *South Africa*. Ini satu petunjuk bahawa kita kena keluar daripada pemikiran kotak bahawa kita tidak hendak ambil pemain-pemain profesional mewakili negara. Saya rasa sudah sampai masanya kita melihat ini untuk memperkembangkan sukan negara.

Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Menteri lihat kerangka-kerangka ini untuk kita memperkasakan sukan negara dan masa elemen yang paling penting. Kalau kita hendak tunggu pembangunan, *maybe* 10 tahun pun tidak ada lagi tetapi kalau kita buat transformasi ini, saya yakin kita akan menjana hasil sukan yang lebih baik. Sukan adalah *unifying factor* dalam negara kita ini, antara yang terbaik. Jadi saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan cadangan daripada Yang Berhormat. Saya setuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa sukan akan menjadi *unifying factor* di mana baru-baru ini kita telah menyaksikan keberhasilan apabila kita lihat juara negara kita, Lee Chong Wei dan yang lain telah bertarung di arena antarabangsa atau pun di Sukan Olimpik.

Itulah satu-satunya, seluruh warga Malaysia telah menjadi atau pun melahirkan satu perasaan bangsa Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan melalui Program Podium mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk memastikan pembangunan sukan

negara selari dengan arus pembangunan dunia dari segi kedudukan kita, dari segi prestasi dan sebagainya.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya menyentuh sedikit yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Setiawangsa. Berapakah bajet yang berkurangan? KBS mengambil maklum bajet KBS dikurangkan. Walau bagaimana pun, ia bukanlah satu halangan kepada pelaksanaan pelan Dasar Belia. Malah ia merupakan cabaran dalam membangunkan kepimpinan belia pelapis masa hadapan. Tuan Pengerusi, Majlis Belia Malaysia pada dasarnya bersetuju dengan umur belia yang dikurangkan dari 15 hingga 30 tahun.

#### ■1900

Akan tetapi dari segi kepimpinan dikekalkan dari 15 tahun hingga 40 tahun. Untuk itu KBS dan Majlis Belia Malaysia sedang mencari formula terbaik penyelesaian isu kepimpinan KBS dan MBF sedang menggerakkan Pelan Institut Kepimpinan "*soft landing*" dengan izin melalui latihan kepada bakal-bakal pemimpin muda yang berpotensi. Impak Dasar Belia Negara meningkatkan potensi pemimpin pelapis Persatuan Belia di pelbagai peringkat dan mempercepatkan proses kematangan belia dari segi kepimpinan.

Ketiga memberi peluang kepada golongan belia untuk menerajui kepimpinan belia dalam umur yang lebih muda. Keempat, menggalakkan belia terlibat dalam aktiviti sihat menerusi program-program pembangunan belia.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat juga telah membangkitkan apakah kejayaan Hari Sukan Negara dan berapa penyertaan keseluruhan. Tuan Pengerusi, Hari Sukan Negara pada 2016 telah berjaya menarik penyertaan seramai 7,658,899 orang dengan 26,323 program dianjurkan oleh pelbagai pihak termasuk NGO, pihak swasta, agensi-agensi kerajaan, JKK, JPP dan juga tidak tertinggal Orang Asli sendiri.

Seterusnya Tuan Pengerusi izinkan saya menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam. Pecahan peruntukan KBS RM1.2 bilion adalah seperti berikut. Belanja mengurus sebanyak RM375 juta, belanja pembangunan adalah sebanyak RM412 juta dan penganjuran Sukan SEA, *One-Off* dan Para ASEAN 2017 sebanyak RM450 juta.

Tuan Pengerusi, seterusnya isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang. Peruntukan podium mencapai atau tidak. Peruntukan podium di bawah ISN. Pihak ISN berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana masih mengekalkan kuantum peruntukan podium yang masih setara dengan peruntukan yang sebagaimana perancangan asal. Pengurusan program dipastikan tidak terjejas menerusi kaedah pelaksanaan program secara lebih kreatif dan sistematik. Sebanyak RM230 juta

disalurkan melalui Tabung Akaun Amanah. Manakala baki sebanyak RM220 juta disalurkan melalui peruntukan khas MOF ataupun Perbendaharaan.

Tuan Pengerusi, KBS mengambil perhatian ke atas permohonan ini iaitu pembinaan Kompleks Sukan Daerah Segamat. Walau bagaimanapun, KBS akan menyatakan usaha menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan di peringkat akar umbi untuk memberi lebih faedah kepada rakyat. Yang Berhormat Sekijang juga telah membangkitkan isu mengenai bantuan kepada Persatuan Belia. Untuk tahun 2017 diteruskan. Kedua, Festival Belia Negara tidak ada peruntukan bagi tahun 2017.

Tuan Pengerusi, KBS memahami kerunsingan Yang Berhormat dalam hal ini. Oleh itu, KBS telah berunding dengan Perbendaharaan untuk mendapatkan bajet bantuan berkenaan sebanyak RM8 juta. Peruntukan untuk Festival Belia Negara dikekalkan seperti mana tahun lepas iaitu RM1 juta.

Seterusnya, isu mengenai pengganti Dato' Lee Chong Wei yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang. Sememangnya Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara serta Persatuan Badminton Malaysia sedang giat melaksanakan program pembangunan sukan badminton dalam melahirkan lebih ramai atlet menggantikan Dato' Lee Chong Wei.

Antara nama-nama sukan badminton yang kini sedang meningkat adalah seperti Iskandar Zulkarnain dan Zulfadli Zulkiffli. Dalam pada masa yang sama seramai 18 orang atlet sedang menjalani latihan dalam program Kita Juara dalam memastikan pingat emas di temasya sukan 2017 tahun hadapan adalah milik kita sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar mengenai bantuan untuk Persatuan Dodgeball. Sukan Dodgeball adalah bukannya sukan yang dikategorikan sebagai sukan prestasi tinggi khususnya bukan sebahagian dari satu di bawah Majlis Olimpik Antarabangsa ataupun Majlis Olimpik Asia (OCA) or IOC. Malahan juga bukan di bawah status Sukan SEA.

Tidak dinafikan bahawa banyak sukan lain yang turut disertai pasukan Malaysia tidak dimasukkan dalam status sukan antarabangsa seperti tersebut di atas. Walau bagaimanapun, kementerian turut memberi bantuan dan bantuan sekali ini malahan sebelum ini juga Persatuan Dodgeball pernah dibantu oleh Kementerian Belia dan Sukan. Tidak dinafikan kita bangga dengan pencapaian tersebut di mana *team* wanita telah berjaya di arena antarabangsa.

Walaupun bagaimanapun, kita tidak dapat membantu sepenuhnya kerana kita kena memberi penumpuan kepada sukan-sukan yang dikenal pasti lebih konsisten dipertandingkan dalam kejohanan terutamanya seperti Olimpik, Komanwel, Asia dan SEA Games.

Tuan Pengerusi, KBS sentiasa menerima banyak permohonan dari persatuan-persatuan sukan untuk menjayakan aktiviti masing-masing. Sehubungan itu KBS sedaya upaya membantu persatuan dari segi kewangan mengikut kemampuan peruntukan KBS. Walau bagaimanapun, berdasarkan pencapaian pasukan Dodgeball pada tahun ini, KBS akan cuba mempertimbangkan bantuan yang lebih pada masa akan datang Yang Berhormat.

Seterusnya...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar bangun.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Timbalan Menteri. Saya terima jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan hati yang terbuka. Akan tetapi, nasihat saya ataupun pandangan saya adalah jangan hadkan kementerian dengan sukan-sukan yang termasyhur sahaja yang ada dalam Olimpik, ASEAN dan sebagainya.

Pendekatan kementerian kena ambil pada masa kini adalah belia-belia yang terlibat dengan gejala-gejala dan sebagainya. Bila ada minat yang ditunjukkan dalam sesebuah bidang seperti Dodgeball baru-baru ini. Sepatutnya kementerian mengambil situasi dan kesempatan mempromosikan program ataupun sukan ini. Ini sebab kita sudah menang piala dunia. Kalau pendekatan diberikan ramai belia akan mengambil kesempatan menceburi bidang ini.

So, saya rasa pendekatan dana dan lebih luas daripada itu. So, jangan hadkan ini *just because* yang ini tidak diiktiraf di dunia dan sebagainya. Jadi kita memberi fokus yang kurang. Saya rasa pendekatan itu— kita kena keluar dari kotak kesempitan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Maksud saya adalah walaupun kita tidak menganaktirikan mana-mana persatuan ataupun atlet-atlet negara tetapi kita dari segi bantuan kewangan kita mengikut dana yang sedia ada dan senarai prioriti untuk persatuan-persatuan. Walau bagaimanapun, seperti mana saya sebut tadi Kementerian Belia dan Sukan akan pastikan kita cari jalan terbaik untuk membantu persatuan-persatuan termasuk Persatuan Dodgeball Malaysia.

Seterusnya juga Yang Berhormat telah membangkitkan pelbagai isu khususnya golongan belia, bantuan kepada golongan belia. Kementerian Belia dan Sukan melalui pelbagai program telah menjalankan aktiviti-aktiviti untuk memperkasakan ekonomi belia.

Seterusnya Tuan Pengerusi mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang– Yang Berhormat Sekijang sudah jawab.

Seterusnya isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor. Sejauh mana tahap skor kesejahteraan belia Malaysia dalam aplikasi perancangan bagi melaksanakan peningkatan skor Indeks Belia Malaysia. Skor keseluruhan Indeks Belia Malaysia 2016 adalah 70.22 ataupun ada pada tahap sederhana. Ini memberikan maksud bahawa kesejahteraan hidup belia Malaysia berada pada tahap sederhana.

Oleh hal demikian, KBS melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah melaksanakan inisiatif-inisiatif mewujudkan *technical working group* (TWG), *My Index* Belia melibatkan 32 buah kementerian, agensi dan NGOs.

#### ■1910

Tuan Pengerusi seterusnya mengenai isu festival belia dan kaitan TN50.

Festival belia pada tahun 2017 dicadangkan dilaksanakan selaras dengan pelaksanaan TN50. Pendekatan festival belia ini lebih kepada mendapatkan input daripada anak muda selepas pasca 2020 seperti forum, *town hall* dan aktiviti-aktiviti berbentuk ilmiah untuk menjadikan kanvas 2050. *Olympic Council of Asia (OCA)* di bawah Sukan SEA dan sukan *dodgeball* tidak dipertandingkan di temasya sukan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ada juga isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar mengenai Rakan Muda, bagaimana meneruskan Program Rakan Muda. Program Rakan Muda akan diteruskan pelaksanaannya disesuaikan dengan peruntukan yang telah dipohon semula kepada Kementerian Kewangan dan melalui peruntukan TN50, Transformasi Nasional 50. Ini kerana Program Rakan Muda dilihat sangat relevan dan aktiviti-aktiviti dirancang melalui TN50 untuk melihat hala tuju para belia masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat. Pmotongan yang berlaku dari tahun 2016 ke 2017 adalah 88 peratus. Bagaimana kerajaan hendak menampung kekurangan ini? Adakah mana-mana institut yang akan ditutup? So, saya perlu penjelasan. Ini bukan 20 peratus *decrease*, 88 peratus. So, penerangan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Minta ulang soalan Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Soalan saya Yang Berhormat, penurunan adalah hampir 88 peratus berbanding dengan tahun lepas. Peruntukan yang diberikan daripada RM14 juta, *now is only RM1.7 million*. So ini di bawah Butiran

020400 – Penyelarasan Rakan Muda. So ini adalah kegiatan menyelaraskan Rakan Muda. So, saya *just* perlukan penerangan bagaimana penurunan ini akan masih meneruskan program-program Rakan Muda yang telah kita laksanakan untuk beberapa tahun. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu cabaran yang dihadapi oleh Kementerian Belia dan Sukan daripada segi mengurangkan kos perbelanjaan. Akan tetapi Kementerian Belia dan Sukan akan memastikan daripada segi impaknya kita memastikan, daripada segi pelaksanaan projek dijalankan secara berhemah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya sudah biasa dengan jawapan macam ini tetapi yang penting adalah pemotongan 88 peratus ini sepatutnya kementerian sudah ada mekanisme macam mana hendak menampung pengurangan kos. Yang Berhormat Timbalan Menteri kena masuk dekat sini memberitahu kami yang ini akan dikurangkan, yang ini akan dinaikkan, yang ini akan ditutup dan sebagainya. Itu jawapan yang kita perlukan. Berhemah mesti berhemah. Itu saya tidak ada persoalan. Sudah potong RM14 juta menjadi RM1.7 juta, mesti berhemah. Apa lagi kalau bukan berhemah. *That is not the answer. The answer is what is the* mekanisme yang akan digunakan untuk menampung pengurangan RM13 juta.

Kalau dulu kita guna RM2 juta dan tahun ini kita guna RM1.7 juta, saya boleh menerima baik. Akan tetapi dari RM14 juta hendak turun ke RM1.7 juta kena terangkan bagaimana RM1.7 juta ini akan digunakan sebaik mungkin tanpa mengganggu prestasi Rakan Muda yang telah dilakukan sepanjang beberapa tahun ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Seperti mana saya sebut tadi, KBS menghadapi, ini sebagai satu cabaran dan kekurangan ini akan diatasi dengan pelbagai pendekatan di mana pegawai pembangunan Rakan Muda akan dibuat di bawah TN50 iaitu KBS dengan NBOS, kementerian-kementerian lain akan melaksanakan program. Akan tetapi sekiranya Yang Berhormat perlukan yang *detail* rancangan itu, saya akan bagi secara bertulis. Boleh Yang Berhormat?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh Yang Berhormat. Tidak ada masalah. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lipis, permohonan Kompleks Rakan Muda di Lipis. KBS tiada rancangan untuk membina Kompleks Rakan Muda di Lipis sebaliknya

akan menaik taraf kompleks-kompleks sukan yang sedia ada dan menambah baik fasiliti-fasiliti berskala kecil di semua peringkat daerah dan kawasan. Terima kasih.

Seterusnya Yang Berhormat Dungun, cadangan pembinaan sebuah velodrom di Dungun. KBS akan memulakan kerja-kerja pembinaan velodrom di Dungun di bawah *Rolling Plan* Kedua, RMKe-2 pada tahun 2017.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Dungun juga telah membangkitkan kajian pembangunan belia. KBS melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES) merancang untuk melaksanakan kajian di kalangan belia FELDA pada tahun 2017. Adalah diharapkan agar usaha ini dapat dilaksanakan bersama pihak FELDA dan pertubuhan-pertubuhan belia di kawasan FELDA.

Seterusnya Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar telah membangkitkan isu bagaimana pemilihan peserta program pembangunan belia dibuat. Peserta-peserta untuk pembangunan belia seperti program peralihan belia Perdana Fellows dan program keusahawanan adalah terbuka kepada semua belia tidak kira belia berpersatuan ataupun tidak berpersatuan.

Program Perdana Fellows dan program Parlimen Belia di bawah KBS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini seramai 235 orang peserta telah mengikut program Perdana Fellows bermula tahun 2013 hingga 2016. Ia melibatkan 107 universiti tempatan dan luar negara. Bagi tahun 2016, terdapat 82 *fellows* sedang mengikut program ini. Program Perdana Fellows merupakan platform kepada peserta dalam memahami hal ehwal pentadbiran awam serta dasar kerajaan. Program ini juga berjaya mendedahkan peserta kepada proses pembentukan dasar dan polisi kerajaan sekali gus dapat mengenali dengan lebih dekat anggota Jemaah Menteri.

Manakala program Parlimen Belia (PBM) telah berjaya menyerlahkan potensi kepimpinan di kalangan 133 orang ahli Parlimen Belia Malaysia yang berumur di antara 18 hingga 30 tahun. Secara khususnya, pelaksanaan PBM telah menunjukkan impak positif kepada peserta daripada aspek peningkatan pengetahuan terutamanya daripada segi penyelidikan dalam penyediaan usul, mencadangkan idea yang bernas seperti pihak kerajaan serta proaktif melaksanakan *engagement* dengan pelbagai agensi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan perlu menawarkan bidang-bidang tekstil dan bidang-bidang berimpak tinggi. Melalui Program Transformasi IKBN, telah dilaksanakan bermula 2014 di mana IKBN telah melaksanakan inisiatif strategik khusus bagi memastikan bidang-bidang yang ditawarkan di IKBN yang memenuhi kehendak industri. Bidang-bidang yang ditawarkan di 20 IKBN dan IKTBN seperti mekanikal, elektrik, elektronik, tekstil, multimedia, minyak dan gas serta automatif.

Selain daripada itu, KBS juga memperkenalkan program-program *booth camp* yang dijalankan bersama industri secara intensif dengan jaminan pekerjaan oleh pihak industri. KBS juga telah mengadakan MoU bersama 28 industri di peringkat nasional bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan IKBN dan memastikan bidang-bidang yang ditawarkan oleh IKBN selari dengan industri dengan kadar kebolehpasaran sebanyak 91 peratus.

Yang Berhormat Kuala Kangsar juga telah membangkitkan isu mengenai Skim Tabung Ekonomi Belia dan Skim Belia Niaga dan Skim Belia Tani. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sudah tidak menyediakan Skim Belia Tani, Skim Belia Niaga dan Skim Tabung Ekonomi Belia seperti yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, terdapat skim pembiayaan yang ditawarkan oleh agensi lain seperti Tunas Usahawan Belia Bumiputera di bawah SME Corp, Program Agropreneur Muda di bawah Kementerian Pertanian dan Industri dan Asas Tani melalui jabatan dan agensi Agrobank dan TEKUN, Tabung Usahawan Siswazah 2 dan *Young Entrepreneur Fund* di bawah SME Bank dan Skim Pembiayaan Francais di bawah Perbadanan Nasional Berhad (PNS).

#### ■1920

Seterusnya mengenai isu MyCorps proses pengambilan dan keberkesanan MyCorps. Program sukarelawan antarabangsa MyCorps bertujuan untuk mewujudkan tenaga sukarelawan tahap tinggi. Program ini akan melahirkan sukarelawan belia antarabangsa dari kalangan belia yang berkualiti, berkemahiran dan memiliki nilai-nilai kesukarelawan yang tinggi.

Tuan Pengerusi, soalan terakhir kerjasama daripada Yang Berhormat Kuala Kangsar, kerjasama dengan pemegang —mengenai *pembangunan Special Olympic*. *Special Olympic* adalah satu kategori sukan yang berkaitan dengan orang-orang kurang upaya tetapi tidak termasuk di bawah satu sukan-sukan yang diiktiraf oleh Majlis Paralimpik Antarabangsa mahupun Majlis Paralimpik Malaysia.

Pembangunan *Special Olympic* bergerak dengan penglibatan individu-individu yang sememangnya dari beberapa agensi seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dan juga Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, KBS melalui Pejabat Pesuruhjaya Sukan telah mendaftar pertubuhan-pertubuhan yang bertanggungjawab membangunkan sukan tersebut di bawah Akta Pembangunan Sukan.

Ada satu lagi Yang Berhormat Kuala Kangsar juga membangkitkan isu mengenai literasi kewangan. Tuan Pengerusi, program berbentuk literasi kewangan dianjurkan dengan kerjasama strategik Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk



memberi pendedahan kepada belia tentang kaedah pengurusan kewangan dan perbelanjaan berhemah. Program ini ada terbuka kepada belia termasuk juga pelajar-pelajar universiti.

Tuan Pengerusi, seterusnya isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani, Pembangunan Sukan Sepak takraw. Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukan sepak takraw merupakan salah satu daripada 19 jenis sukan teras negara yang sentiasa diberi tumpuan untuk dimajukan. Sukan sepak takraw juga adalah satu-satu sukan yang sentiasa menyumbang pingat di temasya sukan antarabangsa seperti Sukan Sea dan Sukan Asia.

Justeru Majlis Sukan Negara sedang melaksanakan program pembangunan sukan sepak takraw di seluruh negara yang kini mempunyai seramai 10,087 orang atlet dan 74 orang jurulatih di 57 buah pusat. Tidak dinafikan bahawa prestasi sepak takraw ini tidak memberangsang seperti usaha berterusan tetapi usaha berterusan akan terus dilaksanakan oleh pihak kementerian.

Yang Berhormat Sungai Petani juga telah membangkitkan isu program menggalakkan sukan di peringkat akar umbi. Tuan Pengerusi, pihak KBS sentiasa menganjurkan program-program sukan kepada golongan belia di peringkat negeri, daerah dan di semua peringkat. Misalnya program liga sukan untuk semua melibatkan empat kategori termasuk sepak takraw. Program sukan dianjurkan dan diselaraskan oleh Pejabat Belia dan Sukan di peringkat Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan Daerah.

Tuan Pengerusi, isu terakhir daripada Yang Berhormat Sungai Petani mengenai kes kehilangan RM100 juta, adakah KBS telah —sama ada KBS telah memperbaiki SOP atau tidak. KBS telah mengambil tindakan penambahbaikan di dalam pengurusan kewangan terutamanya pengurusan kewangan Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara.

Antaranya memperkukuhkan SOP dengan menubuhkan Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Tertinggi yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Kedua, mempertingkatkan pengurusan kewangan Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara dengan membuat penambahbaikan kepada ahli-ahli jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah iaitu penambahan Ketua Akauntan KBS sebagai ahli dalam kumpulan.

Tuan Pengerusi, seterusnya isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat rakan saya daripada Batu Gajah. Tuan Pengerusi, saya setuju dengan pandangan dan keprihatinan Yang Berhormat mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh belia India khususnya dalam bidang gengsterisme. Pada masa yang sama Tuan Pengerusi, kita tidak boleh gunakan alasan kemiskinan itu sebagai satu sebab belia melibatkan diri dalam gengsterisme.

Hari ini kita lihat inilah satu-satunya negara kita yang hampir 3 juta pekerja asing boleh dapat peluang pekerjaan di negara kita ini. Maka, alasan yang menyatakan tiada peluang untuk belia India kita tidak boleh gunakan sebagai ukuran. Ini kerana kita lihat negara kita hari ini pekerja-pekerja daripada luar negara masih dapat bekerja di negara ini. Peluang bekerja berjaya mereka boleh hidup di sini dan sehingga hantar pulangannya kepada negara asal.

Maka ini, satu-satunya negara yang akan memberi impak yang besar sekiranya kita sedia bekerja keras. Walau bagaimanapun, masalah yang dihadapi oleh masyarakat belia India adalah berbeza.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bangun]*.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Biar saya habiskan, Tuan Pengerusi. Sebab saya tidak menafikan pandangan Ahli Yang Berhormat tetapi masalah pokoknya bukan tiada peluang. Kita mengenal pasti peluang-peluang baru dan kita *look at the root cause* pada masalah ini. Sebelum ini belia India yang tercicir yang tidak dapat melanjutkan pendidikan masih dapat peluang-peluang pekerjaan di negara ini di peringkat bawah.

Contohnya apabila kita sebut TNB, TELEKOM, Keretapi Tanah Melayu ataupun di Majlis-majlis bawah semuanya adalah pekerja golongan tercicir daripada masyarakat India. Akan tetapi, hari ini kita lihat dalam pembangunan negara peluang-peluang ini sudah diambil alih oleh pekerja asing. Bukan sahaja di agensi-agensi kerajaan ada juga di sektor perladangan, sektor pembinaan, kedai-kedai makanan, di mana juga sebelum ini peluang ini telah diberi kepada kumpulan tercicir khususnya pada masyarakat India.

Hari ini kita lihat peluang-peluang ini semua telah disalurkan kepada pekerja asing. Maka, kumpulan tercicir ini telah kehilangan peluang-peluang yang telah diperoleh sebelum ini. Maka, tanggungjawab kita sebagai pemimpin mengenal pasti peluang-peluang baru seperti pertanian dan sebagainya untuk memastikan mereka tidak tercicir daripada arus pembangunan.

Hari ini, kita lihat dahulu kita hanya bergantung dengan Program Rakan Muda tetapi hari ini kita ada pelbagai program bantuan TEKUN, Amanah Ikhtiar dan sebagainya. Maka Kementerian Belia dan Sukan melaksanakan pelbagai program. Hari ini kita lihat 20 buah Pusat Latihan Belia Negara (IKBN) memberi latihan kemahiran kepada kumpulan tercicir tetapi dari segi penyertaan amat sukar.

Hal ini kita harus tanggungjawab bersama bukan sahaja kita jemput belia menyertai program-program reformasi di tepi jalan. Akan tetapi, apa yang penting semua pemimpin harus memainkan peranan memastikan golongan belia ini dapat menikmati apa yang disediakan oleh kerajaan. Walaupun Kementerian Belia dan Sukan memberi peruntukan sebanyak 1,500 orang belia India untuk menjalankan latihan

kemahiran di IKBN di seluruh negara tetapi sehingga hari ini tidak lebih daripada 300 atau 400 belia sahaja yang telah tunjuk minat.

Maka ini harus menjadi tanggungjawab bersama semua pemimpin. Tidak kira sama ada di sebelah sana atau sebelah sini untuk memastikan, melahirkan kesedaran di kalangan belia India supaya mereka dapat menyertai dalam arus pembangunan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang jawapan yang lain secara jawapan bertulis. Ada satu kementerian lagi kita.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Okey.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bangun]*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jawapan bertulis, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Sekejap lagi Tuan Pengerusi, boleh tidak?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang lain jawapan bertulis nanti boleh jumpa Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Ketawa]* Gulung-gulung.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan di bawah KBS walaupun saya belum sempat menjawab Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Kuala Selangor, dua kementerian sahaja saya akan beri secara bertulis ataupun selepas ini saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah begitu prihatin terhadap pembangunan sukan dan belia di negara ini. Ini kerana kita sama-sama sedar golongan belia hampir 50 peratus warga Malaysia adalah golongan belia dan mereka akan menentukan hala tuju negara pada masa akan datang.

Segala pandangan dan cadangan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, KBS akan mengambil cadangan dan pandangan itu secara serius dan memastikan kita sama-sama membuat yang terbaik untuk memastikan melahirkan golongan belia sebagai modal insan yang berkualiti kepada negara. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM375,000,000 untuk Maksud B.44 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM375,000,000 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM412,774,400 untuk Maksud P.45 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM412,774,400 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]*

### ■ 1930

#### **Maksud B.46 [Jadual] - Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.46 dan Kepala Pembangunan P.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Parit Sulong. Ramai kah? Barisan Nasional seorang saja, pembangkang tiga orang. Okey, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Kuala Terengganu. Selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

#### **7.30 mlm.**

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, saya punya pendek saja Tuan Pengerusi. Terus kepada Butiran 010800...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Suara pun sudah lunak merdu dah.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** *[Ketawa]* Butiran 010800 iaitu ILMIA. Ini saya cuma nak tanya peranan institut ini dalam membantu *supply and demand* dalam *major industry sector* yang di bawah KSM.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Keduanya, saya juga nak bertanya, apakah jenis-jenis data yang didapati daripada institut ini dan bagaimana institut ini boleh digunakan untuk meningkatkan kegunaan informasi hasil daripada apa yang telah dibuat oleh institut ini untuk membantu masalah *labour* di Malaysia ini?

Ketiganya, saya juga nak bertanya kepada pihak kementerian, siapa yang boleh menggunakan hasil kajian *research* ini? Bermaksud, adakah ia terbuka kepada *public* dan adakah kegunaan *database* yang dijana daripada hasil daripada kajian ini dapat digunakan juga oleh orang awam?

Seterusnya kepada Butiran 08400 – Projek Skim *Grant* Galakan untuk Orang Kurang Upaya (OKU). Saya tengok jumlahnya ada sebanyak RM2 million. Jadi saya nak tahu daripada RM2 million ini, berapa ramai usahawan yang telah dibantu oleh pihak kementerian? Kemudiannya, saya juga nak bertanya, bagaimanakah cara pemilihan usahawan-usahawan ini bagi membolehkan mereka ini mendapat geran daripada pihak kementerian?

Ketiganya ialah Butiran 050100 –Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada JTK atas usaha mereka untuk memadankan antara pencari kerja dan juga majikan. Terbaru, saya hendak mengucapkan terima kasih banyak daripada program yang diatur oleh kami daripada badan-badan kerajaan yang lain dan juga NGO yang lain di mana JTK mengambil bahagian daripada itu.

Walau bagaimanapun, saya nak bertanya kepada pihak JTK, bagaimanakah JTK dan juga JobsMalaysia ini memberi kemudahan ini kepada majikan dan pencari kerja? Adakah ia ada ELX tetapi selain daripada itu, bagaimanakah mereka ini membantu? Adakah ia hanya tertumpu kepada mereka yang mencari pekerjaan sepenuh masa ataupun ia telah buka memberi ruang kepada pekerjaan-pekerjaan yang lain terutamanya apabila sekarang bila kita bercakap mengenai kemahiran, ia sangat ditekankan oleh pihak kerajaan?

Seterusnya saya hendak bertanya, berapakah jumlah penjadohan pekerjaan yang dapat diterima ataupun dapat dibuat oleh JTK untuk tahun ini, tahun 2016? Seterusnya saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian mengenai masalah dan juga *challenges* yang dihadapi oleh JTK dalam proses pepadanan yang diatitkan oleh pihak JTK itu sendiri.

Terakhirnya, bagaimanakah JTK boleh meningkatkan lagi peranan dalam pepadanan ini? Sebagai contohnya, mungkin boleh pergi ke arah yang lebih tinggi iaitu dalam proses *advisory* dan juga lain-lain. Adakah ini dilakukan oleh pihak kementerian ataupun ia dapat kerana saya percaya ia dapat digunakan dalam usaha untuk tahu *what is the supply* dan juga *the demand*, dengan izin untuk apa juga pekerjaan di Malaysia ini? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**7.34 mlm.**

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Kepala 46 Butiran 030000 iaitu Keharmonian Perhubungan Perusahaan.

Tuan Pengerusi, seperti mana yang diketahui, beberapa buah syarikat di bawah pejabat awam telah pun diasingkan, yang dikatakan jabatan syarikat berkanun di pinggiran yang tidak diletakkan di bawah jabatan awam dan tidak juga diletakkan di bawah swasta seperti mana kumpulan-kumpulan syarikat ini seperti KWSP, BSN, Bank Simpanan Nasional, Tabung Haji, PERHEBAT. Ini adalah syarikat yang telah diasingkan dengan janjinya mereka ini tidak boleh kurang daripada mendapat faedah daripada pejabat awam kalau dibandingkan dan juga mereka mesti berseiring dengan apa sahaja faedah-faedah daripada *private sector*.

Ini memberikan soalan bahawa beberapa tahun yang berlalu, di mana janji itu tinggal janji. Mereka dipinggirkan dan mereka tidak tahu di mana kedudukan mereka. Sebagai contoh, isu faedah persaraan KWSP. Lembaga KWSP tidak mahu mengikut formula sektor awam seperti yang dipersetujui sewaktu mesyuarat BBDS bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 22 Februari 2013 dan sewaktu mesyuarat antara JPA dan BBDS di JPA pada 4 April 2013. Proses rayuan dalam tatatertib tidak boleh dirujuk kepada timbang tara Kementerian Sumber Manusia. Sumber Manusia tidak boleh pergi, *general order* pun tidak boleh terima.

Jadi begitu juga dengan BSN. *Scale gaji non-executive*, kerani di bawah yang kurang daripada sektor awam, proses DI yang tiada representasi *union*. Nombor tiga tidak boleh rujuk kes DI ke timbang tara Kementerian Sumber Manusia. Keempat, *benefit* anggota bonus tidak ikut Perkara 8/94 MoF.

Begitu juga dengan PERHEBAT, masih lagi tidak menikmati tiga perkara yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam sewaktu pengumuman 25 Mac 2013. Faedah persaraan ikut sektor awam, imbuhan tetap perumahan dan KWSP majikan pada 20 peratus, *benefit* kepada staf seperti *medical* ditarik balik kerana tidak ada peruntukan. Ketiga, *scale gaji benefit* yang tidak sama dengan LTAT walaupun kedua-dua agensi di bawah Menteri yang sama.

Pada tahun 2005, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah memberi kebebasan kepada semua agensi BBDS untuk merangka skim persaraan sendiri yang mesti lebih baik daripada sektor awam. PERHEBAT, BSN telah dilihat terpinggir akibat pengurusan yang tidak mahu [*Tak jelas*] kerajaan.

Persoalannya ialah mereka ini di mana duduknya. Jadi sebab itu saya ambil butiran di bawah Butiran 030000 iaitu Keharmonian Perhubungan Perusahaan.

Saya memohon supaya kementerian dapat memberikan sedikit bantuan kerana puluhan tahun mereka tidak diletakkan di posisi yang sebenarnya. Saya mohon kalau mereka tidak di jabatan awam, mereka mesti diberikan hak kepada Mahkamah Perusahaan untuk menentukan masa depan dan juga tata kelola pekerjaan mereka. Ini tidak boleh di kompromi kerana mereka tidak ada ruang dan tidak boleh diletakkan dalam posisi yang membenarkan mereka bersuara kerana mereka tidak ada CA Tuan Pengerusi. Perjanjian bersama pun mereka tidak ada. Jadi pergantungan itu diletakkan di mana dan ini perlu ada keadilan yang pada pihak mereka ini diberikan perhatian.

Saya juga mengambil peluang ini untuk merujuk kepada Butiran 040000 yang telah pun begitu lama caruman ataupun apa yang dipanggil sebagai himpunan wang dana SOCSO. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya menambahkan potongan terhadap majikan-majikan ini kerana yang saya dimaklumkan anggaran tanggungan 2014 RM2.4 bilion dan 2015 anggarannya ialah RM2.7 bilion.

■ 1940

Atas pendapatan potongan ini, saya kira ini sangat menakutkan dan kalau tidak dinaikkan proses penambahan ini akan memberi kesan pada tabung dana yang akan dilihat akan ada penurunan. Kedua, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 030300- Mahkamah Perusahaan. Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada satu kes iaitu antara pertikaian perusahaan antara kesatuan Eksekutif AIROD Sendirian Berhad dengan AIROD Sendirian Berhad mengenai perjanjian kolektif.

Tuan Pengerusi, bayangkan kes ini difailkan pada 16 Mei 2014. Sampai hari ini tidak ada penyelesaian. Pengerusi ditukar ganti, peguam mengelak diri, pekerja akan menjadi sengsara dan merana. Sudah dua tahun lebih isu ini tidak selesai dan sehingga hari ini kita dimaklumkan bila ditanya oleh pihak pengerusi mahkamah, dia tanya bila kita hendak buat *second hearing*, peguam pihak syarikat kata bulan depan tidak boleh sebagai contoh. Bulan tidak boleh kerana saya menyambut Krismas sebulan. Itu alasan yang tidak konkrit dan tidak boleh berkelakuan sebegini dibiarkan oleh pengerusi. Kementerian harus bersikap tegas kerana tidak boleh membiarkan peguam-peguam, majikan-majikan dan mana-mana peguam yang cuba untuk .....

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Kuala Langat jangan marah sangat. Jangan marah-marah sangat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Parit Sulong dahulu Timbalan Menteri Sumber Manusia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kalau dia cakap *slow* sedikit dia bukan Yang Berhormat Kuala Langat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Saya ada *problem* pendengaran. Oleh sebab itu saya hendak konsistenkan alunan suara itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Jadi persoalannya ialah mana mungkin kalau seorang pengerusi membiarkan hujahan mengatakan sebulan itu disambut hari Krismas. Ini namanya mengelak diri. Berlaku pengkhianatan dalam segi pertanggungjawaban dan tidak boleh dibiarkan. Sampai bila perkara ini hendak dibiarkan? Setiap tiga tahun perjanjian bersama akan diperbaharui dan perjanjian seterusnya akan tamat pada 30 Disember.

Rasionallah sedikit. Saya mohon Yang Berhormat Menteri campur tangan dalam soal ini kerana ini soal yang serius yang tidak boleh dikompromikan. Ini satu kes Tuan Pengerusi. Banyak kes lagi yang bertimbun, yang diperjelaskan keadaan dielak untuk mengenakan tekanan kepada pekerja. Maka saya memohon kementerian supaya serius dan memberikan kata dua atau nasihat kepada pengerusi-pengerusi Mahkamah Perusahaan supaya bersifat prihatin dan berjiwa bersih murni dan ada jiwa untuk bantu pekerja yang ramai ini. Ini memberikan satu isyarat bahawa ketegasan kementerian perlu dan wajib disertakan dengan pertanggungjawaban untuk tidak boleh berkompromi dengan mereka yang cuba mengkhianati hak pekerja.

Terakhir, saya hendak merayu kepada Yang Berhormat Menteri. Rayuan demi rayuan dibuat. Mahkamah Jalan Raja akan ditukarkan dan Yang Berhormat Menteri pun sudah beritahu saya walaupun Yang Berhormat Menteri beritahu saya, saya merayu lagi kepada Yang Berhormat Menteri. Tolonglah letakkan dia dekat dalam Brickfields untuk memudahkan transportasi, memudahkan perjalanan perayu-perayu yang kebanyakan mereka miskin-miskin Yang Berhormat Menteri.

Saya minta rayuan teramat sangat walaupun saya tahu alasannya adalah kos. Akan tetapi apa pun Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh letakkanlah di Brickfields di bangunan Bank Rakyat yang memudahkan banyak pihak termasuklah isu transportasi, isu tempat mahkamah itu memberikan kita keselesaan dan sedikit baik kerana ia akan memudahkan transportasi di sekitar yang berada di kelilingnya.

Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi saya mohon untuk penjelasan selepas ini. Terima kasih memberi ruang, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang khusyuk mencatat hujahan saya. Terima kasih.



**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Gudang. Hendak lawan sebelah sini ya.

#### **7.45 mlm.**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi beri saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan ini. Saya ingin menyentuh Butiran 030000-Keharmonian Perhubungan Perusahaan. Saya ingin meminta pihak kementerian dan kerajaan untuk melihat kepada perkara ini secara serius. Ini kerana perkara ini sudah sampai masanya dan saya kira tidak boleh dielak lagi iaitu berhubung dengan pekerja-pekerja di luar lingkup Akta Kerja yang bergaji lebih daripada RM1500 yang tidak mendapat jaminan jika mereka *delay of* dan *termination benefit* juga mereka tidak akan memperolehnya. Oleh sebab hanya kerana mereka tidak ada dalam lingkungan *coverage* perundangan ini.

Jadi apa yang berlaku saya rasa Yang Berhormat Menteri pun tahu. Tuan Pengerusi, sebenarnya pekerja-pekerja ini mereka ini gaji RM5000 tetap tertakluk sebagai pekerja. Jadi bagi kebanyakan syarikat, mereka tidak dilindungi dalam akta. Jadi apa yang berlaku, mereka ini akan diberi sekadar notis *period* antara empat minggu hingga lapan minggu. Itu sahaja yang mereka dapati. Mereka tidak mendapat imbuhan yang lain.

Walau macam mana pun kalau *negotiation* dibiarkan di pihak syarikat, mereka tidak ada wakil untuk *negotiate*. Kalau kita berhubung dengan Pejabat Buruh, jawapannya memang sudah sedia ada seperti yang saya nyatakan tadi.

Jadi sehubungan dengan itu dalam keadaan sekarang ini terutama dalam keadaan ekonomi yang agak tidak baik untuk warga kerja swasta terutamanya peluang-peluang pekerjaan tidaklah begitu cantik seperti selalunya sebelum ini. Jadi mohon dilihat perkara ini secara teliti. Ini kerana inilah keluh kesah rakyat di luar sana yang berpendapatan luar daripada *coverage* perundangan Akta Kerja 1955 ini.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh Butiran 030100 - Hal Ehwal Kesatuan Sekerja. Juga saya mendapat laporan demi laporan bahawa ini adalah satu cara di pihak majikan apabila pekerja-pekerja ini didapati terlibat dengan kegiatan untuk memulakan kesatuan di tempat kerja, pelbagai helah majikan akan dibuat. Kadang-kadang mereka dengan sengaja mencari silap pekerja dan akhirnya pekerja ini boleh dibuang kerja ataupun ditukar ke seksyen lain yang tidak berkaitan kalau dalam industri, ia agak *familiar* dipanggil sebagai *cold storage* dengan izin.

Jadi akhirnya mereka ini akan keluar tanpa pekerjaan. Apabila kes-kes ini dibawa di dalam Mahkamah Perusahaan iaitu di bawah Butiran 030300, ada juga kes seperti

yang kita ketahui sebelum ini telah ditetapkan bayaran hanya semaksimum 24 bulan. Akan tetapi kes lewat daripada itu. Saya ada bekas-bekas pekerja saya yang dibuang hingga ke hari ini pun mereka tidak mendapat bayaran *but* dengan izin dibayar hanya 24 bulan. Sedangkan mereka tidak bekerja lebih daripada itu. Mohon di bawah peruntukan yang dibenarkan Yang Berhormat Menteri untuk menggunakan bidang kuasa Yang Berhormat Menteri agar menggunakan bidang kuasa Yang Berhormat Menteri bagi membantu pekerja-pekerja ini.

Seterunya di bawah Butiran 040000 - Keselamatan Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerjaan. Kita mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Kerajaan Malaysia yang mengambil berat soal-soal keselamatan pekerjaan dengan pelbagai pembaharuan yang dibuat dan dilaksanakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Terutama sekali dengan memastikan kilang-kilang ataupun syarikat-syarikat mengambil seorang pegawai keselamatan walaupun ada di dalam seksyen 19 ataupun seksyen 20 mengatakan bahawa mereka ini tidak boleh tidak dibenarkan menjalankan kerja-kerja mereka, tidak boleh dihalang. Akan tetapi pekerja adalah tetap pekerja. Kadang-kadang *safety officers* ini pengalaman saya sendiri sebagai seorang pegawai keselamatan, kita kadang terikat dengan majikan juga.

#### ■1950

Kadang-kadang satu kerja itu kita nampak memang tak boleh dibuat mengikut panduan yang diberikan oleh JKKP tetapi majikan hendak juga melaksanakannya. Jadi di situ ada sedikit konflik. Jadi, mestilah diberi satu ruang untuk pegawai-pegawai keselamatan ini boleh membuat laporan bagi memudahkan keselamatan menyeluruh pekerja di tempat kerja dapat dilindungi.

Saya juga ingin menyentuh tentang operasi dan pemeriksaan terutama sekali di tempat-tempat pembinaan. Kita dapati bahawa pembinaan yang besar-besar terutamanya perumahan atau bangunan tinggi tidak dipastikan betul-betul ada *netting* dan sebagainya. Kalau kita tengok, dalam kawasan bandar ini sendiri berlaku begitu.

Jadi mohonlah pihak JKKP mengambil perkara ini secara serius. Kita tidak hendak kemalangan berulang. Kadang-kadang kita lihat ada perkara-perkara itu boleh diatasi dengan pemantauan. Kita tahu *self-discipline*, dengan izin, yang cuba diterapkan oleh pihak JKKP ini bagi warganegara dalam negara kita, pekerjaan kita, ia agak sukar untuk dilaksanakan. Jadi sehubungan dengan itu, untuk membantu pekerja-pekerja ini, saya kira penguatkuasaan sangatlah penting untuk membantu semula rakyat kita.

Yang terakhir yang ingin saya sentuh ialah soal dasar perburuhan iaitu Butiran 010600. Kalau dulu, semua pekerja ini, Tuan Pengerusi, pengambilan pekerja kita mesti

melalui satu *committee*, JSC dan sebagainya. Jadi banyak perkara dapat kita kawal tentang kemasukan pengisian pekerja-pekerja asing ini. Memang betul kelulusan boleh didapati kalau pekerja-pekerja tempatan tidak dapat mengisi jawatan-jawatan tersebut tetapi apa yang berlaku yang susah hendak dikawal ialah bila pekerja-pekerja tempatan ini datang untuk memohon kerja, mereka sudah ditolak daripada awal.

Jadi, susah kalau hendak buat, seperti kata Yang Berhormat Menteri sebelum ini, datang untuk buat laporan. Macam mana hendak buat kompelin kalau belum masuk lagi sudah ditolak bahawa mereka ini tidak layak untuk pekerjaan tersebut? Dan akhirnya bila berlaku penolakan, majikan akan mengatakan mereka tidak dapat mencari pekerja untuk mengisi peluang pekerjaan tersebut.

Jadi, ini yang saya minta pihak kementerian meneliti kerana di kawasan saya yang 70 peratus industri, saya mendapat kompelin ini. Tiga hari lepas pun saya dapat juga yang mengatakan keadaannya sebegitu. Mereka mengambil pekerja-pekerja luar.

Kalau kita lihat sekarang, saya sudah berapa kali ulang— kenapa di perhotelan, kenapa tidak dikaji apa kelemahannya? Mengapa anak-anak kita tidak mahu bekerja di hotel? Kenapa sebabnya? Sedangkan, mereka keluar belajar *hospitality but at the end of the day*, dengan izin, akhirnya mereka tidak berminat bekerja dan diisi oleh pekerja-pekerja asing. Bukan sekadar *waiter*, hingga ke penyeliaan pun kita lihat perkara itu berlaku.

Begitu juga dengan sekuriti yang sudah hampir penuh dengan pekerja-pekerja asing yang bekerja sebagai pengawal keselamatan ini.

Itu sahajalah saya kira— sebagai sebuah kementerian yang diamanahkan, tak ada tempat lagi pekerja rakyat biasa hendak mengadu kecuali kepada kementerian. Saya harap kementerian dapat meneliti perkara ini dengan sebaik-baiknya supaya rakyat kita semua akan bersetuju bahawa Kerajaan Barisan Nasional mengamalkan apa yang dikatakan janji ditepati, rakyat didahulukan.

Itu sahaja, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**7.54 mlm.**

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Kementerian Sumber Manusia Butiran 040000 dan Butiran 050000.

Untuk tahun 2017, peruntukan untuk mengurus adalah sebanyak RM718 juta iaitu pengurangan sebanyak RM118 juta daripada tahun lepas dan pembangunan adalah sebanyak RM523 juta.

Di bawah peruntukan keselamatan kesihatan dan kesejahteraan, ia ialah untuk menjaga keselamatan kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja supaya dilindungi dari bahaya berpunca dari aktiviti pekerjaan.

Tuan Pengerusi, kebelakangan ini banyak kemalangan yang berlaku di tapak pembinaan yang bukan hanya melibatkan pekerja-pekerja di tapak tetapi juga sering melibatkan orang awam yang lalu lintas berdekatan dengan kawasan tersebut. Contohnya, ada seorang wanita yang memandu yang dihempap oleh bahan binaan yang jatuh, dan satu lagi, dua orang suami isteri yang telah dihempap oleh *piling frame* yang berlaku baru-baru ini di kawasan sahabat saya iaitu di kawasan Kapar, Parlimen Kapar dan ini adalah dua contoh yang terbaru. Ini telah memberi nama yang buruk kepada industri pembinaan di Malaysia.

Saya hendak mengemukakan beberapa faktor utama kenapa perkara-perkara seperti ini makin banyak berlaku kebelakangan ini. Satu faktor adalah tugas *safety officer* yang diwajibkan di tapak tidak dikuatkuasakan seperti sepatutnya. Syarikat-syarikat besar yang ingin mengurangkan kos memberi tugas menjaga keselamatan kepada pegawai ini untuk menjaga empat, lima projek. Sepatutnya dia hanya bertumpu atas satu projek yang khusus. Dengan ini, tidaklah patut pihak berkuasa membenarkan perkara ini dari berterusan. Ini mengurangkan keberkesanan keselamatan di tapak yang tidak boleh dikawal dengan baik dan efektif.

Saya meminta Kementerian Sumber Manusia dan juga DOSH mesti menyelidik secara terperinci nama-nama *safety officer* di setiap tapak supaya seorang pegawai tidak menjaga beberapa projek dalam waktu yang sama. Dan kita menyoal, apakah usaha kementerian untuk memastikan perkara ini tidak lagi berlaku?

Kedua adalah beberapa syarikat pembinaan asing terutamanya dari negara China dan juga pekerja-pekerja dari negeri yang sama tidak mengendahkan arahan-arahan dari pegawai keselamatan tempatan. Masalahnya, mereka tidak faham pun atau mahu mempelajari bahasa Inggeris atau bahasa Melayu. Jadi kalau mereka tidak faham apa yang diarahkan oleh pegawai keselamatan, bagaimanakah arahan-arahan tersebut akan diimplementasikan? Malahan, mereka memperlekehkan pegawai-pegawai tempatan hingga berlaku banyak masalah di tapak. Jadi ini satu lagi perkara yang patut diperhalusi oleh pihak kementerian.

Ketiga adalah tentang dari segi pemberian gaji yang dibayar oleh syarikat-syarikat asing kepada pekerja asing tidak sama. Malahan dua, tiga kali ganda lebih

daripada bayaran gaji kepada pekerja tempatan. Ini juga menimbulkan banyak tidak puas hati menyebabkan banyak pegawai *safety officers* tempatan meninggalkan projek.

Keempat adalah tentang hukuman penalti kesalahan atas kecuaiian keselamatan yang pada pandangan saya tidak cukup tinggi untuk menjadi *deterrent*, dengan izin, yang efektif. Kebanyakan kes yang berlaku ditutup dengan imbuhan syarikat-syarikat besar dengan pembayaran kewangan yang mereka amat mampu. Dan selalunya keluarga-keluarga mangsa yang tidak tahu *their rights*, dengan izin, menerima dengan tidak ada apa-apa lagi kes yang dituntut selepas daripada ini.

Ini adalah tidak baik untuk kesan jangka masa panjang dari segi keselamatan industri pembinaan keseluruhannya kerana mereka yang berkeupayaan kewangan boleh menutup segala kepincangan, kelemahan dengan sogokan seperti ini dan tidak ada publisiti meluas untuk menjadi satu pengajaran kepada syarikat-syarikat lain yang mengamalkan sikap yang tidak baik seperti apa yang kita sebut tadi.

Jadi, imbuhan wang tidaklah sepatutnya dibenarkan untuk menutup kes-kes ini. *In another words*, dengan izin, *prevention is better than cure* dan sehingga isu-isu di atas tidak diatasi secara berterusan, kemalangan di tapak binaan akan terus berleluasa.

#### ■2000

Tuan Pengerusi, jika pihak kementerian tidak mengambil langkah-langkah bagi menangani isu-isu ini dan mengutamakan tugas *safety officers* dengan lebih berkesan dan mengenakan hukuman-hukuman yang lebih berat kepada pesalah-pesalah reputasi industri pembinaan Malaysia akan terus terjejas. Apakah langkah seterusnya oleh kementerian untuk memastikan perkara ini tidak berulang. Keselamatan dan kebajikan pekerja, orang awam hari ini tidak boleh di kompromi. Apalagi untuk sebuah negara seperti Malaysia yang berhasrat untuk mencapai tahap negara maju. Kita juga ingin memberi perlindungan kepada keluarga-keluarga mereka yang menjadi mangsa yang mungkin tidak ada sumber kewangan, tidak ada pendidikan yang cukup tinggi untuk menangani masalah ini apabila majikan-majikan mangsa cuba menutup kes ini dengan pembayaran, sogokan atau imbuhan kewangan semata-mata untuk menjaga reputasi mereka.

Ini tidak akan menyelesaikan masalah yang akan berterusan dan kita mintalah Kementerian Sumber Manusia mengambil serius isu ini demi kebajikan bukan hanya pekerja-pekerja di tapak juga keselamatan orang awam yang lalu lintas berdekatan dengan kawasan pembinaan. Sekian Tuan Pengerusi, saya harap kementerian dapat mengambil langkah yang sepatutnya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Besar.

**8.01 mlm.**

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Izinkan Sungai Besar ambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Sumber Manusia berkaitan dengan Butiran 010600 – Dasar Perburuhan, Butiran 010500 – Dasar Sumber Manusia. Sebelum itu pihak di Sungai Besar ucap berbanyak-banyak terima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia kerana bantu Sungai Besar menang dalam Pilihan raya Kecil baru-baru ini.

Saya fikir pertembungan antara pekerja dan juga majikan ini suatu pertembungan yang cukup-cukup lama apabila majikan dalam suatu keadaan apabila merasakan mereka perlu keluar atau melaksanakan operasinya ke tempat lain, para pekerja ini seperti ditinggalkan begitu saja. Banyak kes, bukan sahaja di kawasan bandar tetapi juga di kawasan luar bandar dan akhirnya ke manakah pekerja ini mengadu nasib dan mengadu apa yang mereka kisahkan? Mereka akan bertemu kepada wakil-wakil rakyat di peringkat kawasan mereka.

Persoalan yang ingin saya timbulkan di sini ialah mengapa tidak ada suatu tabung kebajikan kepada para pekerja itu sendiri di saat para pekerja itu dibuang kerja. Jadi setidak-tidaknya berdasarkan penilaian-penilaian tertentu, berdasarkan kes-kes yang tertentu maka setidak-tidaknya pekerja ini akan dapat menjana kehidupan mereka. Saya fikir isu yang berlaku ini bukan sahaja kepada kilang-kilang kecil tetapi juga pada kilang-kilang besar. Saya mohon respons daripada pihak kementerian sepatutnya, sewajarnya sudah ada suatu tabung kebajikan kepada para pekerja yang dibuang kerja ini. Itu yang pertama.

Kedua, di dalam tempat kawasan saya majoriti pasar raya yang paling besar sekali adalah TF. Sudah hampir tiga tahun TF ini dibuka. Apa yang berlaku di peringkat awalnya TF ini dibuka, ramai pekerja itu terdiri daripada pekerja tempatan. Anak-anak tempatan bekerja sama ada peringkat gudang, anak-anak tempatan bekerja sebagai *cashier*, anak-anak tempatan bekerja di peringkat pentadbiran. Akan tetapi apakah yang berlaku pada hari ini? Yang berlaku pada hari ini ialah tempat anak-anak tempatan itu majoritinya diganti dengan para pekerja daripada Bangladesh. Mengapakah ini berlaku dan sekarang ini senarionya bukannya daripada Bangladesh cakap Melayu, tetapi kami pula yang terpaksa belajar cakap Bangladesh. Ini senario yang berlaku di tempat kawasan saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah fasih Yang Berhormat.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Sikit-sikit. Merah kah, hijau kah, mahu tambah kah, mahu kurang.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Kuning tidak bersih. Tuan Pengerusi, apabila pertembungan antara majikan dan juga para pekerja ini. Akhirnya pertembungan itu biasakan diselesaikan di peringkat Mahkamah Perusahaan. Di pihak majikan, benar, mereka akan berupaya untuk mengambil peguam mewakili mereka. Akan tetapi bagaimanakah di peringkat pekerja terutama para pekerja di peringkat B40 ini yang mereka kurang daripada pendapatan dan tatkala mereka berada di Mahkamah Perusahaan itu, mereka tidak diwakili oleh sesiapa.

Sungai Besar ingin mencadangkan bahawa sudah sampai masanya ada keperluan supaya pihak kementerian bersedia mengemukakan satu panel peguam kepada mereka yang B40 ini apabila pertembungan di peringkat Mahkamah Perusahaan itu berlaku kerana setidak-tidaknya, *lawyer* yang disediakan oleh pihak kementerian ini akan menunjukkan keprihatinan kita terhadap nasib dan masa depan para pekerja yang bertembung di Mahkamah Perusahaan. Saya fikir sebagai kementerian yang bertanggungjawab atas isu sumber manusia ini, tiga perkara utama yang saya sebutkan tadi perlu diambil kira kerana saya fikir dari segi geopolitiknya untuk tempoh satu jangka masa yang cukup panjang, pekerja-pekerja terutama anak-anak tempatan di tenggara ini perlu dipelihara dan dijagakan kebajikannya. Itu saja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ketiga-tiga pembahas ini akan dipanggil, selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab. Bermula daripada Yang Berhormat Kulai. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

### **8.07 mlm.**

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi yang mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Saya hendak merujuk kepada Butiran 050000 – Pentadbiran Undang-undang dan Standard Perburuhan. Saya rasa kita tidak boleh menafikan bahawa di tempat kerja swasta ada satu diskriminasi terhadap wanita terutamanya mereka yang mengandung. Satu *online survey* yang telah dibuat oleh sebuah NGO yang bernama *Women Act Organization (WAO)* dengan izin telah menunjukkan bahawa 44% wanita di tempat kerja, *I quote, "Hah either lost job, missed out of promotion, demoted or put through prolonged probation because they were pregnant. 49% said that they feared losing their job or being sidelines because of their pregnancy. More than 30% said they were asked if they were pregnant or off their*

*plan to get pregnant when they were interviewed for a job and 31% said they delayed plans to pregnant for fear of losing a job or promotion.”*

Tuan Pengerusi saya rasa ini adalah satu isu yang cukup serius. Di dalam tangan saya, saya pun telah terima beberapa kes dan mangsa dalam kes yang saya pegang di sini bukan wanita yang tidak berpendidikan tinggi tetapi mereka adalah doktor yang kerja di pihak swasta. Di sini saya ada sesalinan kontrak ini. Ini ada satu *clause 12* yang merujuk kepada cuti bersalin yang tulis bahawa *“Female doctors are not entitle to any maternity leave within the first year of service. After one year of service you are entitle to 30 days pay maternity leave.*

Ini sebenarnya telah menyalahi undang-undang. Kalau ikut *Employment Act* negara kita, seksyen yang sedia ada menyatakan bahawa semua wanita sepatutnya mendapat cuti bersalin *so long as* ataupun sekurang-kurangnya mereka telah bekerja untuk majikan tersebut lebih daripada 90 hari sebelum bersalin ataupun mereka sudah kerja di sana sebanyak 4 bulan. Akan tetapi dipihak swasta satu *health services* di swasta, dalam kontrak perkhidmatan mereka menyatakan bahawa kalau seorang doktor wanita tidak diizinkan untuk mengambil cuti bersalin dalam tempoh masa tahun pertama mereka bekerja.

#### ■2010

Ini adalah satu diskriminasi terhadap wanita. Saya di sini hendak tanya Yang Berhormat Menteri yang cukup sabar duduk di sini dengar perbahasan kita. Apa tindakan yang kita boleh ambil terhadap syarikat ini? Ini kerana saya rasa kalau ikut undang-undang yang sedia ada, kita perlu tunggu seorang wanita yang bekerja di sana, memang mengandung dan apabila cuti bersalin dia telah dinafikan, barulah beliau berhak untuk buat aduan dengan Kementerian Sumber Manusia.

Selepas itu, beliau adakah *entitled* ataupun berhak untuk mendapat pampasan. Akan tetapi di sini saya hendak tanya, tidakkan kita tidak boleh ambil tindakan terhadap syarikat *health care service* ini? Kita perlu tunggu sampai memang ada seorang doktor wanita ataupun jururawat wanita yang dinafikan hak untuk mendapat cuti bersalin barulah kita saman syarikat ini.

Jadi saya harap, bolehkah Kementerian Sumber Manusia *investigate*, siasat kes ini dan memberi satu *warning*, satu *warning* kepada syarikat ini. Kalau boleh kasi denda lagi bagus kepada syarikat ini yang langsung tidak menghormati golongan wanita. *I hope we don't have to wait until someone step forward.* Seorang mangsa tampil ke depan dan menyatakan bahawa mereka telah menjadi seorang mangsa. Ini bukan satu kes yang luar biasa.



Ini saya terima aduan lagi. Sama juga dari syarikat yang sama. Seorang doktor wanita sudah mengandung enam bulan. Dulu dia sudah bekerja di klinik mereka yang terletak di Seremban selama hampir dua tahun. Akan tetapi apabila syarikat itu mendapati bahawa beliau sedang mengandung, secara tiba-tiba mereka hendak *transfer*, pindahkan dia dari Seremban ke klinik di Kajang.

Mereka hanya beri notis satu minggu sahaja. Apabila doktor wanita ini tanya kenapa pilih saya? Kenapa tidak boleh pilih orang lain? Syarikat itu cakap *you just need to* ikut arahan. Ini adalah arahan. *You* pilih. *You* pergi ikut arahan, pergi ke Kajang kerja ke sana. Dari Seremban pindah ke Kajang. Masa perjalanan adalah satu jam untuk pergi dan balik satu jam lagi. Kalau *you* tidak mahu ikut arahan, *you* letak jawatan. Itu jawapan dari majikannya. Akhirnya, doktor wanita ini memang tiada pilihan kerana beliau sedang mengandung dan ini adalah kelima kali beliau mengandung tetapi beliau mengalami tiga *miscarriage*. Jadi dia tidak ada pilihan. *She cannot take the risk*. Dia tidak boleh ambil risiko tersebut. Akhirnya beliau letak jawatan.

Jadi di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apa perlindungan yang sedia ada yang kita boleh melindungi pekerja-pekerja wanita yang menghadapi *pregnancy discrimination* ini. Bolehkah kita wujudkan satu undang-undang seperti UK, Netherland, Holland dan Taiwan juga sudah ada. Seperti US. Kita wujudkan satu undang-undang *Anti-Pregnancy Discrimination Law* yang menyatakan bahawa apabila *interview, during the interview*, majikan tidak berhak untuk tanya sama ada pekerja itu atau orang yang datang untuk *interview* itu sedang mengandung atau ada pelan untuk mengandung. Ini kerana memang akan menjejaskan peluang mereka untuk dapat pekerjaan tersebut. Bolehkah kita wujudkan satu undang-undang untuk melindungi golongan wanita ini.

Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri, mangsa-mangsa yang saya rujuk di sini bukan golongan wanita yang tidak berpendidikan. Kes-kes yang saya rujuk di sini adalah doktor-doktor wanita. Maksudnya mereka sepatutnya berpendidikan tinggi tetapi akhirnya apabila mereka menghadapi sebuah syarikat besar, mereka langsung tidak ada *negotiation power* untuk melindungi diri dan untuk membela nasib mereka.

Jadi saya nanti menyerahkan sesalinan kontrak ini kepada Yang Berhormat Menteri. Saya harap Yang Berhormat Menteri bolehlah bantu kami, bantulah golongan wanita, ajarlah syarikat ini dan juga majikannya yang langsung tidak menghormati golongan wanita. Sekian sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Gajah.

**8.15 mlm.**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. B.46, Butiran 010000, butiran kecil Butiran 010500 – Dasar Sumber Manusia. Tuan Pengerusi, memang tidak dapat dinafikan 19 peratus daripada jumlah keseluruhan guna tenaga negara terdiri daripada pekerja asing. Kerajaan harus berhati-hati dalam soal kemasukan warga asing yang terlampau ramai yang boleh membawa impak *social economy* yang negatif kepada negara kita.

Walaupun bagaimanapun, terdapat rungutan daripada pengendali restoran-restoran India yang mengalami masalah kekurangan pekerja terutamanya tukang masak dan pelayan tetamu. Banyak juga restoran terpaksa berhenti operasi kerana masalah ini. Mereka amat memerlukan pekerja-pekerja dari negara India tetapi pembekuan pengambilan pekerja asing baru dari semua negara sumber menyebabkan mereka menghadapi masalah yang cukup besar untuk meneruskan perniagaan mereka.

Oleh itu, saya memohon kepada Kementerian Sumber Manusia menjalankan kajian segera mengenai keperluan tenaga kerja di restoran-restoran India dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, warga tempatan tidak begitu berminat untuk bekerja di restoran-restoran seperti ini. Oleh itu pengambilan pekerja asing boleh dipertimbangkan dengan kaedah *need base*.

Di bawah butiran saya sama Tuan Pengerusi, jumlah pemberhentian pekerja di semua sektor bagi tahun 2015 ialah 38,499 orang manakala sehingga September 2016, seramai 31,476 orang pekerja diberhentikan kerja. Boleh dianggarkan lebih daripada 70,000 orang pekerja telah hilang pekerjaan dalam tempoh dua tahun ini. Jumlah ini adalah besar dan membuktikan wujudnya keuzuran ekonomi di negara kita.

Pemberhentian pekerja akan meningkatkan kadar pengangguran menjadi lebih tinggi daripada 3.1 peratus dijangka akan meningkat kepada 3.5 peratus tahun hadapan. Jumlah besar yang diberhentikan kerja ditambah dengan setengah juta orang yang menganggur akan menjadi satu cabaran yang utama kepada Kementerian Sumber Manusia pada tahun hadapan.

Apakah langkah-langkah atau tindakan-tindakan yang akan diambil untuk menghadapi krisis ini? Apakah fungsi sebenar Pusat Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja Peringkat Nasional dan peringkat negeri? Nyatakan juga jumlah pemberhentian biasa dan Pemberhentian Secara Sukarela (VSS) bagi tahun 2014, tahun 2015 dan tahun 2016.

Butiran 010600 – Dasar Perburuhan. Sejauh manakah seksyen 12(2) Akta Kerja 1955 dan Peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara) 1980 berkesan dalam memastikan majikan tidak memberhentikan operasi sebelum tindakan-

tindakan pemberhentian kerja dilakukan berdasarkan undang-undang yang sedia ada. Berapa ramai majikan yang telah diambil tindakan mahkamah kerana melanggar undang-undang ini? Kegagalan majikan mematuhi undang-undang ini di denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap kesalahan. Adakah kementerian berpendapat bahawa denda RM10,000 ini memadai terutamanya bagi syarikat-syarikat yang besar?

Di bawah butiran yang sama, Tuan Pengerusi. Adakah kerajaan bercadang untuk meningkatkan kadar gaji minimum dalam masa terdekat? Adakah gaji minimum yang sedia ada menjadi bebanan kepada peniaga-peniaga kecil untuk meneruskan operasinya? Saya difahamkan ada di antara peruncit-peruncit dan juga taska yang menghadapi masalah dan mereka terpaksa memberhentikan operasi mereka kerana kadar gaji minimum ini.

Berapakah perniagaan kecil yang ditutup kerana tidak dapat menampung kos pembayaran gaji yang lebih tinggi? Apakah langkah-langkah atau tindakan kementerian untuk membantu peniaga-peniaga kecil menghadapi cabaran kadar gaji minimum? Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menyelaraskan gaji minimum di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak? Jika tidak, kenapa?

#### ■2020

Butiran 020000, butiran kecil 020300 – Pembangunan Kemahiran. Kerajaan menyasarkan 35 peratus tenaga kerja mahir menjelang tahun 2020. Pada masa ini, kita hanya mempunyai 28 peratus tenaga mahir tempatan. Bolehkah kerajaan meningkatkan tujuh peratus lagi dalam tempoh empat tahun? Pada pendapat saya sasaran ini sukar untuk dicapai. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mencapai sasaran 35 peratus tenaga kerja mahir dalam tempoh empat tahun lagi? Berapa ramaikah yang telah menyertai Program SLDN dan berjaya mendapat Sijil Kemahiran? Tuan Pengerusi, apakah perbezaan latihan yang diberikan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Institusi Latihan Jabatan Tenaga Mahir?

Butiran 010700 – Hal Ehwal Antarabangsa. Terdapat lapan konvensyen teras International Labor Organization (ILO) 1998. Prinsip-prinsip deklarasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa ini harus dipatuhi untuk menjamin hak asasi pekerja-pekerja. Didapati di Malaysia hanya meratifikasikan lima daripada lapan konvensyen tersebut. Kenapakah tiga lagi konvensyen masih tidak diratifikasi sehingga kini? Nyatakan cadangan-cadangan kerajaan untuk meratifikasikan ketiga-tiga konvensyen ini dalam tempoh terdekat?

Butiran 010400 – Pengurusan Maklumat. Majikan diwajibkan mengiklankan kekosongan jawatan dalam portal JobsMalaysia terlebih dahulu sebelum dipertimbangkan permohonan mereka bagi menggaji pekerja asing. Sejauh manakah

portal JobsMalaysia berjaya menarik minat warga tempatan untuk membuat permohonan? Adakah ini dianggap sebagai cara efektif untuk mengurangkan permintaan untuk pekerja asing? Berapa ramai majikan dan pekerja tempatan mendapat manfaat daripada portal JobsMalaysia ini?

Butiran 010800...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Batu Gajah. Bagi laluan sikit boleh?

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ya, boleh.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Batu Gajah. Apa yang disebutkan itu saya amat sokong sekalilah. Ini pengalaman saya di kawasan saya. Di Parlimen saya, kita ada Ayam Dindings, sebuah kilang proses ayam yang begitu besar di kawasan Kuala Ketil. Bilamana saya meneliti apabila berkaitan dengan pekerja-pekerja asing dan pekerja tempatan, benar mereka tidak pernah iklankan mana-mana ataupun mengambil inisiatif untuk memberi peluang kepada anak tempatan.

Untuk mudah cara kepada mereka, mereka terus mengambil pekerja-pekerja asing. Itulah menjadi lambakan pekerja asing yang begitu ramai di kawasan Parlimen saya, DUN Kuala Ketil khususnya di kilang proses Ayam Dindings sehinggakan anak-anak tempatan yang duduk persekitaran di kawasan itu tidak sama sekali diberi peluang. Jadi saya harap apa yang diperjuangkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah, saya menyokong penuh. Saya harap kementerian akan meneliti perkara ini dan ambil tindakan yang sewajarnya berkaitan dengan kes lambakan pekerja asing dari luar selain daripada mereka harus memberi ruang dan peluang kepada anak tempatan itu terdahulu. Terima kasih.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi bangun Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Batu Gajah, boleh tidak sikit?

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Boleh.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh ya Yang Berhormat Batu Gajah. Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi saya tertarik sebab Yang Berhormat Batu Gajah cakap tadi fasal gaji minimum dan kalau boleh kita selaraskan. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Batu Gajah, saya ada terbaca itu Bajet Pakatan Harapan hari itu yang mengatakan gaji minimum ini kita hendak minimum

RM1,500. Kalau RM1,500, maknanya 1 Julai 2016 sudah RM1,000. Akan tetapi kalau tengok RM1,500 ini tambah RM500, dalam bajet itu kata kesan kepada kerajaan RM5 bilion, RM2.5 bilion kerajaan, RM2.5 bilion swasta.

Akan tetapi mengikut pakar-pakar mengatakan kalau RM1,500, kita ada 14.7 juta *labor* kita yang terkesan *upskilling* dengan *reskilling*, mungkin sampai 50 peratus. Makna enam juta atau tujuh juta akan terkesan bila gaji minimum ini. Akan tetapi kalau kita kira gaji minimum ini, ia bukan RM5 bilion. Sebenarnya pakar-pakar mengatakan kosnya akan jadi RM40 bilion hingga RM50 bilion kalau dilaksanakan gaji minimum ini. Kalau dilaksanakan kemungkinan lebih ramai menganggur sebab syarikat-syarikat akan tidak boleh tahan, harga itu kurangkan separuh.

Keduanya mungkin menyebabkan inflasi yang paling tinggi. Ketiga yang lebih dahsyat lagi bila syarikat-syarikat ini kalau naik banyak sangat, dia akan tutup kedai dia pergi ke Vietnam dan Myanmar. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Batu Gajah, adakah itu cadangan gaji minimum Bajet Pakatan Rakyat ini memang jauh sangat tersasar dan tidak mungkin dapat dilaksanakan dalam keadaan sekarang. Jadi, saya hendak tanya sahaja. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Masa tambahan diberi ya Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, lagi dua minit ya.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat, memang gaji minimum ini adalah satu keperluan sebab kita tidak hanya boleh melihat kepada pihak syarikat semata-mata. Kita juga harus lihat kepada rakyat ataupun pekerja-pekerja. Pada hari ini kita dapati bahawa gaji yang mereka terima ini adalah tidak mencukupi. Gaji RM1,000, apa kita boleh buat dengan RM1,000? Memang kita tidak boleh buat apa-apa. Kalau dia ada keluarga, ada anak-anak, macam mana dia hendak menampung perbelanjaan diri sendiri dan perbelanjaan anak-anaknya.

Memang gaji RM1,000 itu memang tidak mencukupi. Dengan adanya pertambahan kenaikan harga terutamanya selepas memperkenalkan GST dan sebagainya, memang menjadi satu masalah yang besar kepada warga Malaysia. Jadi, meningkatkan gaji minimum itu daripada RM1,000 dan RM1,500 itu adalah satu kemestian. Akan tetapi memang saya mengaku bahawa kita akan menghadapi masalah daripada pihak syarikat ataupun pengilang-pengilang untuk membayar gaji yang tinggi itu. Akan tetapi itulah cara bagaimana kita sebagai pemimpin, sebagai kerajaan daripada pihak Kementerian Sumber Manusia mencari jalan bagaimana kita boleh menyelesaikan masalah ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ini adalah penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Menteri jawablah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

### **8.27 mlm.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya menyentuh satu poin sahaja iaitu Butiran 040000 dan butiran terperinci dia pengurusan, operasi dan pemeriksaan berkanun. Saya ingin menekankan tentang kes-kes keselamatan yang telah sedang berlaku di kalangan ruang-ruang tempat kerja. Beberapa kes yang menyedihkan yang baru-baru ini adalah tragedi maut melibatkan pekerja atau orang awam yang sedang berlaku secara berterusan ekoran kemalangan di tempat kerja serta tapak pembinaan.

Seperti yang saya kata di tempat saya baru-baru ini pada 4 November 2016, terjadi maut meragut dua nyawa ekoran kemalangan tapak pembinaan di bandar baru Bukit Raja Klang di kawasan Meru. Dalam kejadian lebih kurang tengah hari pada hari tersebut, seorang lelaki tempatan Abd. Rahim Abd. Rahman bersama isterinya Nurhayati Rosli yang merupakan warga Indonesia maut apabila kereta yang mereka naiki dihempap jentera cerucuk besi yang tumbang ketika melalui kawasan tapak pembinaan di kawasan tersebut. Kedua-dua mangsa meninggal dunia di tempat kejadian akibat cedera parah di kepala.

Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, jalan itu jalan yang memang kosong. Bukan jem, bukan ada kesesakan. Kebetulan ketika itu, itulah satu-satunya kereta yang melalui dan saya difahamkan kedua-dua mangsa tersebut dalam perjalanan ke masjid yang berhampiran Bandar Bukit Raja bagi menunaikan solat Jumaat ketika itu. So, ini satu kes.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, ada beberapa kes yang berlaku dalam empat bulan terakhir ini. Saya tidak hendak pergi panjang lebar, empat bulan sahaja. Pada 25 Oktober 2016, seorang lelaki Mohd Faizal Mazlan, 33 tahun maut dalam kejadian letupan dipercayai berpunca daripada tangki gas asli untuk kenderaan (NGV) di sebuah stesen minyak di Taman Mount Austin, Johor Bahru.

Hari yang sama seorang pekerja kontrak, Mohd Marwan Mustafa Afandi, 35 tahun maut selepas terhidu gas ketika melakukan pembersihan sebuah tangki di kawasan industri minyak dan gas di Kerteh, Terengganu. Pada 20 Oktober 2016,

seorang pekerja kontrak warga Indonesia Abu Ardianto, 31 tahun maut, manakala dua lagi parah dihempap konkrit selepas pelantar pembinaan sebuah tangki air roboh di Universiti Teknologi Malaysia Melaka, Durian Tunggal, Melaka.

Pada 30 Ogos 2016 pula, seorang pekerja pembinaan maut dalam kejadian tanah gelongsor berhampiran tapak pembinaan kondominium di Jalan Segambut Dalam, Taman Segambut Kuala Lumpur.

#### ■2030

Pada 25 Ogos 2016, seorang wanita Joice Chin Kun Sing, 24 tahun. Maut selepas kereta dipandukannya dihempap besi penyangkut kren yang terjatuh di Jalan Raja Chulan Bukit Bintang Kuala Lumpur. Yang Berhormat Menteri ini adalah beberapa kes dalam empat bulan yang terakhir. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, menurut Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia CIDB sebanyak 117 kes kemalangan ditapak pembinaan membabitkan 87 kematian telah berlaku dari tahun 2012 sehingga sekarang. Sebanyak 88 kes kemalangan berlaku di projek ataupun di tapak projek swasta manakala 29 kes berlaku di tapak projek kerajaan.

Sekarang yang perlu menjadi persoalan semua di dalam Dewan yang mulia ini ialah keadilan untuk 87 nyawa yang telah diragut ekoran kemalangan di tapak pembinaan. Bagaimana tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap pemaju dan juga pihak-pihak yang sepatutnya bertanggungjawab terhadap kejadian-kejadian yang berkaitan sebegini. Persoalan saya Yang Berhormat Menteri adalah secara khususnya apakah atau sejauh manakah kegagalan penguatkuasaan dalam kes-kes yang telah saya bangkitkan tadi dan dalam kes 87 kematian sejak tahun 2012.

Soalan kedua saya ialah berapa pemaju yang telah dikenakan tindakan yang setimpal dan sejauh mana peningkatan peruntukan dan sebagainya membuahkan hasil yang dikehendaki selaras dengan menghukum atau mendidik mereka supaya perkara sebegini tidak berulang. Yang Berhormat Menteri, berbalik kepada insiden di kawasan saya secara khusus. Persoalan saya adalah apakah siasatan yang dilakukan setakat ini dan adakah kementerian kenal pasti langkah-langkah keselamatan yang telah diambil oleh pihak kontraktor untuk menjaga kebajikan dan keselamatan pengguna jalan raya di lokasi tersebut. Kedua, apakah pemantauan yang dilakukan oleh kementerian Yang Berhormat untuk memastikan kontraktor mengikut...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Seminit, seminit. Mengikut semua langkah-langkah keselamatan garis panduan dan prosedur operasi standard SOP di lokasi tersebut.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan hujahan Yang Berhormat Kapar tadi dan saya hendak tanya Yang Berhormat Kapar. Apa pandangan Yang Berhormat Kapar kalau kerajaan menetapkan bahawa segala pihak pemaju ataupun kontraktor mesti mempunyai pelan keselamatan yang diluluskan ataupun di*approve* oleh pihak selepas memberi permit sebelum mereka menjalankan kerja. Mesti ada taklimat *safety* yang dihadiri pegawai-pegawai sebelum gerak. Dalam taklimat *safety* pelan itu dikenal pasti *hot spot area* dan *potential hazardous area*.

Dengan cara ini, pekerja-pekerja yang masuk itu dia lebih peka tentang *safety aspect* sebelum siap projek yang hendak dijalankan. Apa pandangan Yang Berhormat Kapar?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Kapar sikit Yang Berhormat Kapar. Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kapar isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi adalah satu isu yang pada saya *an eye opener* dengan izin merupakan satu isu yang penting. Adakah Yang Berhormat Kapar sedar bahawa sebenarnya ada satu Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dan di bawah jabatan ini dia ada lima kod amalan dan juga enam garis panduan. Itu pun kita lihat tidak mampu hendak menangani masalah yang cukup besar ini. Kita difahamkan bahawa dalam setiap kemalangan itu dimestikan diwajibkan ada penyiasatan. Jadi kita tidak mahu setiap penyiasatan itu akhirnya tidak ada sebarang makluman kepada rakyat apakah *follow up* yang akan dilakukan apa pandangan Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Bukit Katil dahulu itu adalah soalan ketiga saya sebenarnya apa siasatan yang dilakukan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (DOSH) dan tahap siasatan yang telah dilakukan. Ini kerana ketika hari terbabit saya berada di kawasan, saya hanya jumpa satu van mereka sahaja. Lebih kurang tiga ke empat orang, tidak kisah lah tiga atau empat orang. Tetapi apakah siasatan yang jitu telah dilakukan itu amat penting. Untuk Yang Berhormat Kota Tinggi boleh masukkan soalan itu dalam sebagai sebahagian daripada ucapan saya sebab saya rasa itu adalah satu aspek keselamatan yang amat penting. Saya telah cadangkan kepada kementerian sebelum ini bahawa undang-undang kita agak longgar sepatutnya perlu diketatkan dan itu adalah salah satu *regulation* yang boleh dimasukkan.

Memperkenalkan *safety measurement — all kind of safety aspects* sebelum seseorang itu memulakan pembinaan ataupun projek mereka. Seterusnya, Yang Berhormat berkaitan dengan kes saya ini. Saya hendak pastikan adakah kerajaan telah



mengenal pasti siapakah pemandu kren pada hari tersebut. Adakah kren tersebut ini di—sub kontakkan atau dibuat oleh main kontraktor sendiri? Benda-benda begini adalah amat penting kerana saya rasa tidak perlu diselindungi atau dirahsiakan perlu disebar, perlu dibagi tahu, perlu diumumkan supaya pihak-pihak lain mengambil serius tentang benda-benda ini. Akhir sekali, tentang undang-undang yang setimpal Yang Berhormat Menteri. Saya rasa setakat pergi tangkap siapa yang bawa kren atau sub kontraktor sahaja saya rasa tidak cukup.

Kita kena bawa undang-undang untuk menghukum the main kontraktor. Kita kena bawa *director* mereka, *chairman* mereka. Masukkan dalam lokap dua, tiga tahun dan sebagainya buat satu, dua kes Yang Berhormat Menteri saya pasti selepas ini Yang Berhormat Menteri tidak sakit kepala. Tapi benda ini kena buat betul-betul. Yang anehnya kita tidak nampak hukuman yang setimpal diberikan kepada main kontraktor yang besar-besar, swasta yang besar-besar. So, benda ini 87 nyawa telah terkorban sejak 4 tahun kebelakangan ini. So, saya rasa bahagian ini amat penting saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan penjelasan untuk kita sama-sama memperbaiki keadaan yang sedang berlaku dan menimpa negara kita pada hari ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya sila Yang Berhormat Menteri.

### **8.37 mlm.**

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada lapan orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa Bajet 2017 yang menyentuh Kementerian Sumber Manusia. Nampaknya Tuan Pengerusi, apa yang banyak disentuh pada petang ini adalah yang ada bersangkutan paut dengan perkataan DOSH atau *Occupational Safety and Health* atau Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP). Jadi, saya bermula dengan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong.

Yang Berhormat Parit Sulong telah menyentuh tentang tiga perkara iaitu ilmiah, geran siapa yang layak dan seterusnya JTK. Dalam perkara JTK, saya amat berterima kasih kerana Yang Berhormat Parit Sulong telah memberikan kata-kata puji dan kata-kata ucapan tahniah kepada Jabatan JTK kerana telah pun berjaya membuat pepadanan di antara majikan dan para pekerja. Untuk sebagai tambahan, saya ingin memaklumkan di sini bahawa sejak 6 hari bulan yang lepas iaitu mengenai Jobs Malaysia. Di kesemua UTC *Urban Transformation Centers* di seluruh negara kita telah

menempatkan pegawai-pegawai dari Jabatan Tenaga Kerja untuk ditempatkan di Jobs Malaysia yang berada di kesemua UTC seluruh negara bagi membantu pepadanan majikan dan juga para pekerja.

#### ■2040

Tentang isu pertama yang telah dibangkitkan iaitu tentang ILMIA. ILMIA atau *Institute of Labour Market* menjalankan kajian bagi menentukan keperluan tenaga kerja di koridor-koridor di seluruh negara termasuk Iskandar Malaysia, SCORE, Koridor Pembangunan Sabah, *Northern Corridor*. Kajian ini telah diterbitkan sebenarnya dan boleh dikongsi melalui *website* [ilmia.gov.my](http://ilmia.gov.my). Di Dewan yang mulia ini, saya akan meminta agar pegawai-pegawai kita menghantar satu salinan khususnya kepada Yang Berhormat Parit Sulong. Kalau yang lain memerlukannya, kita boleh memanjangkannya juga kepada— okey, terima kasih.

Satu lagi perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong ialah tentang kajian apa yang kita panggil sebagai *demand and supply*, penawaran dan— *anyway is supply and demand*. Adakah maklumat ini dikongsi dengan *public*? Tuan Pengerusi, kementerian kita Kementerian Sumber Manusia dengan EPU sedang membuat kajian menyeluruh bagi menentukan *demand and supply* itu.

Dijangka hasil kajian akan dikeluarkan pada akhir tahun ini termasuk kajian mengenai keperluan pekerja asing. Dalam kita menentukan ini, harus kita ingat bahawa tiga atau *tripartite*, mekanisme *tripartite* digunakan dalam mana majikan, pihak pekerja dan kita kementerian sebagai orang tengah akan memastikan bahawa ketiga-tiga pihak ini akan dapat bersetuju dengan apa yang kita cadangkan ini.

Mengenai geran OKU di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, setakat ini, 69 permohonan geran SBGP-OKU telah dikemukakan dan daripada itu, 62 permohonan telah diluluskan. Melalui apa yang kita buat di bawah kementerian iaitu kita telah berjaya memberi peluang pekerjaan kepada OKU sebanyak 96 orang. Jumlah kelulusan di bawah geran ini adalah RM1.99 juta, hampir RM2 juta.

Tuan Pengerusi, masih dengan Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Parit Sulong sudah habis. Saya pergi seterusnya kepada nombor dua. Nombor dua, Yang Berhormat Kuala Langat. Pertamanya beliau telah menyentuh tentang KWSP, GLCs yang lain tetapi harus diingatkan di sini bahawa KWSP bukan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia tetapi di bawah Kementerian Kewangan.

Pertamanya, Yang Berhormat Kuala Langat ada menyentuh tentang kes di AIROD. Kes di AIROD ini pada awalnya telah ditetapkan untuk perbicaraan pada bulan Oktober 2016. Akan tetapi atas persetujuan kedua-dua belah pihak, kes ini telah ditangguhkan untuk perbicaraan dalam bulan Januari 2017.

Seterusnya masih Yang Berhormat Kuala Langat...

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri, pencelahan.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Okey.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, isunya ialah alasan yang diberikan oleh pihak peguam ialah sebab bulan Disember, dia tidak boleh ambil kes sebab Krismas. Saya tidak nampak bahawa alasan ini diberikan untuk mengelak daripada bertanggungjawab dan tidak boleh dilengahkan terlalu lewat. Ini berlaku apabila pihak peguam telah pun membuat *postponing* ataupun menunda kes sehinggakan kepada lapan kali dan tidak munasabah kerana ia menjadikan kesan yang tidak baik kepada mereka yang menanti perjanjian bersama ini kerana pada bulan Januari, CA baru akan dipanggil.

Sebab itu saya hendak minta jasa baik Yang Berhormat Menteri supaya menasihati pengerusi-pengerusi mahkamah ini supaya mereka prihatin tentang waktu dan masa yang diberikan sekurang-kurangnya masa itu tidak panjang begitu lama seperti mana kes contohnya AIROD dan juga pegawai-pegawai kesatuan pegawai AIROD ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Kita akan mengambil perhatian tentang cadangan itu. Walau bagaimanapun, seperti kes-kes mahkamah yang lain, kadang-kadang ada masanya bila *last minute*, peguam telah memberi surat *sick leave* atau MC dan perbicaraan terpaksa ditangguhkan sehingga satu masa yang ditentukan. Ini juga berlaku. Oleh yang demikian, walaupun saya telah menyatakan bahawa kita akan mengambil perhatian tetapi mengikut undang-undang, kita tidak dapat memutuskan bahawa sesebuah kes itu mesti dibicarakan pada hari itu juga. Saya harap itu menjawab soalan Yang Berhormat Kuala Langat.

Selepas itu, ini isu lama iaitu perpindahan Mahkamah Perusahaan. Kita memang bersimpati dengan para pekerja melalui MTUC yang meminta beberapa kali agar Mahkamah Perusahaan ditempatkan bukan di bangunan SOCSO iaitu yang terletak di Ampang akan tetapi di *Brickfields* yang mengikut mereka lebih sesuai dari Ampang. Tuan Pengerusi, penjelasan kita ialah begini. Kita telah membuat keputusan dan pengubahsuaian telah pun dibuat kerana bangunan SOCSO ini kita anggap sebagai bangunan adik, kakak, *brother and sister* kerana SOCSO adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia. Sudah tentunya dari segi sewaan lebih murah lagi daripada bangunan yang telah dicadangkan oleh MTUC.

Kedua, duit atau sewaan itu akan berkisar dalam kementerian itu sendiri. Itu jawapan kita Tuan Pengerusi.

Ketiga, mengenai isu-isu membabitkan pekerja-pekerja dalam badan berkanun diasingkan saraan. Jawapannya Tuan Pengerusi, kementerian akan mendapatkan maklumat terperinci dan akan memberikan jawapan secara bertulis kerana ia melibatkan pihak-pihak lain seperti JPA.

Seterusnya juga daripada Yang Berhormat Kuala Langat iaitu menambah caruman PERKESO supaya tabung mampan dan memperkukuhkan lagi dana PERKESO. Tuan Pengerusi, kadar caruman yang sedia ada adalah daripada majikan 1.75 peratus, daripada pekerja 0.5 peratus, berjumlah 2.25 peratus.

#### ■2050

Kita amat bersetuju dengan caruman ini dinaikkan kerana sejak PERKESO ditubuhkan, caruman ini tidak pernah dinaikkan lagi. Walau bagaimanapun, ini perlu mengambil masa dan ia juga perlu dibawa dan dibentangkan di Parlimen ini.

Seterusnya, juga daripada Yang Berhormat Kuala Langat. Isu membabitkan—oh, itu sudah saya jawab tadi. Maka daripada Yang Berhormat Kuala Langat, saya pergi ke Yang Berhormat Pasir Gudang.

Yang Berhormat Pasir Gudang telah membangkitkan empat isu. Isu-isu ini adalah yang pertama, pekerja tempatan tidak mendapat pekerjaan atau ditolak oleh majikan untuk menggaji pekerja asing.

Tuan Pengerusi, kementerian sentiasa menjalankan pemantauan dan mencari kerja-kerja yang didiskriminasikan dan ditolak permohonan untuk mendapat pekerjaan. Ini bererti, Tuan Pengerusi, pegawai-pegawai kita sama ada sewaktu pemeriksaan atau pun menerima maklumat daripada orang ramai, akan memeriksa premis berkenaan untuk memastikan bahawa tidak lebih daripada 15 peratus daripada pekerja di sesebuah organisasi itu terdiri daripada pekerja asing. Itu adalah dasar kita.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, Kementerian Sumber Manusia mempunyai 54 pejabat Jabatan Tenaga Kerja di seluruh Semenanjung, 14 di Sabah dan 16 di Sarawak. Maka dengan itu, mereka para pekerja bolehlah membuat laporan di pejabat-pejabat ini. Sekiranya aduan ini didapati benar, mana-mana permohonan majikan terbabit untuk menggaji pekerja asing tidak akan disokong oleh Jabatan Tenaga Kerja atau oleh Kementerian Sumber Manusia.

Perlu diingatkan di sini, Tuan Pengerusi, iaitu mengikut buku panduan yang ada di tangan saya ini dan kita pun telah mengedarkan buku ini kepada semua Ahli Yang Berhormat, iaitu peranan Kementerian Sumber Manusia dalam menggaji pekerja asing ialah Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab ke atas hal penggajian dan perburuhan. Itu sahaja. Manakala tanggungjawab dalam urusan pengambilan pekerja asing adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri. Itu bezanya.

Tuan Pengerusi, masih Yang Berhormat Pasir Gudang. Hak pekerja untuk berkesatuan. Akta Kerja 1955 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 memberi hak kepada pekerja untuk menubuhkan kesatuan dan berkesatuan. Sekiranya ada majikan yang mengambil tindakan untuk menghalang para pekerja menubuhkan persatuan dan kesatuan, pekerja boleh membuat aduan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Masih dengan Yang Berhormat Pasir Gudang. Penamatan pekerja disebabkan terlibat dengan aktiviti kesatuan. Tuan Pengerusi, mana-mana pekerja yang ditamatkan perkhidmatan kerana terlibat dengan aktiviti kesatuan boleh memfailkan aduan di Jabatan Perhubungan Perusahaan di bawah seksyen 8 atau seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Seterusnya, masih dengan Yang Berhormat Pasir Gudang yang telah membangkitkan isu pekerja-pekerja yang bergaji lebih daripada RM5,000 iaitu terma perkhidmatan jelas dan telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak sebelum memulakan pekerjaan. Oleh itu, jika majikan gagal mematuhi kontrak perkhidmatan tersebut, pihak pekerja juga boleh mengambil tindakan sivil.

Masih dengan Yang Berhormat Pasir Gudang. Majikan enggan mengajikan pekerja tempatan dengan alasan bahawa kekosongan telah diisi sedangkan majikan sebenarnya ingin mengaji pekerja asing.

Ini serius, Tuan Pengerusi. Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bukan sahaja mengehendaki majikan mengiklankan kekosongan jawatan malah JTK turut membantu membuat pepadanan pekerjaan sama ada secara atas talian mahu pun menerusi aktiviti karnival kerjaya yang dibuat. Selain itu, JTK juga membuat semakan secara rambang ke atas majikan yang memohon pekerja asing untuk memastikan pekerja tempatan diberi keutamaan. *Priority must go to the locals.*

Selepas itu, Yang Berhormat Kuala Terengganu. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu dari AMANAH. Beliau lebih memberi saranan, pandangan untuk kita memperbaiki apa yang kurang di Kementerian Sumber Manusia. Dalam perkara ini, segala saranan, pandangan, cadangan yang beliau telah sarankan itu, kita akan ambil perhatian dengan seriusnya.

Kelima, Yang Berhormat Sungai Besar. Yang Berhormat Sungai Besar telah menyebut tentang pertamanya, mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia kerana membantu beliau memenangi pilihan raya. Terima kasih.

Untuk pengetahuan kita semua, bukan sahaja di Sungai Besar, bahkan di tempat-tempat yang dimenangi oleh pembangkang, kita pun mengadakan program-program seperti mana yang telah kita aturkan. Jadi bukan sahaja di Sungai Besar.

Tentang tabung kebajikan pekerja dan ini telah dibangkitkan juga oleh seorang lagi Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Tentang *retrenchment* atau mereka yang— sudah habiskah? Berapa minit lagi? 10 minit lagi?

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu bangun.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** *No, no. Allow me to finish because I only have 10 minutes to go, please.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *No. That one is not the—* tidak ada masa. Tak ada *timer* itu.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Tiada masa? Tabung kebajikan. Itulah, sebenarnya kementerian kita sejak dua tahun yang lampau— Yang Berhormat Kuala Terengganu, saya tidak akan memberi laluan. Sejak dua tahun yang lepas, kita telah pun mencadangkan supaya satu skim yang dipanggil sebagai skim insurans pekerjaan ditubuhkan di negara kita ini. Dalam pada ini, skim insurans pekerjaan ini telah pun dibentangkan ke *Economic Council* atau Majlis Ekonomi Negara sebanyak dua kali.

#### ■2100

Pada dasarnya Majlis Ekonomi Negara telah pun bersetuju tetapi hanya tinggal satu dua perkara yang perlu diperhalusi lagi.

Tentang TF Store di mana hampir lebih dari separuh para pekerja di TF Store telah diisi oleh pekerja asing khususnya Bangladesh. Dalam perkara ini saya minta Ahli Yang Berhormat Sungai Besar supaya dapatkan bukti dan terus hantar kepada kita supaya kita buat siasatan dengan serta-merta.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Saya tidak memberi ruang. Lepas itu, dari Yang Berhormat Sungai Besar masih banyak lagi di sini. Pekerja bawahan tidak mampu mengambil peguam untuk mewakili kes mereka di Mahkamah Perusahaan. Jawapannya, sekiranya pekerja tidak mampu mengambil peguam undang-undang membenarkan mereka diwakili oleh pegawai atau pekerja kesatuan atau oleh pegawai pertubuhan pekerja seperti MTUC. Yang Berhormat Kuala Langat *acting* Presiden MTUC ada di sini.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Fuh! Dahsyat.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Isu pekerja diberhentikan tidak mendapat pembelaan bantuan. Itu berbalik kepada apa yang telah saya sebutkan tadi iaitu tentang perlunya kita mewujudkan satu skim yang perlu diluluskan oleh Parlimen. Setakat ini telah sampai ke Majlis Ekonomi Negara. Bila ia diluluskan oleh Majlis Ekonomi Negara, barulah ia akan dibentangkan di Dewan ini untuk diluluskan oleh Parlimen iaitu Skim Insurans Pekerjaan atau SIP.

Lepas itu saya pergi ke Yang Berhormat Kulai. Diskriminasi terhadap wanita iaitu khusus— terima kasih Yang Berhormat Kulai kerana sebagai seorang wanita, perkara-perkara yang telah dibawa oleh beliau lebih menjurus kepada wanita. Saya mula dengan undang-undang buruh dan amalan diskriminasi terhadap wanita. Kementerian Sumber Manusia telah meminda Akta 155, 1955 pada tahun 2011 iaitu berkuat kuasa pada tahun 2012, untuk menambah baik perlindungan bersalin terhadap wanita. Undang-undang sedia ada melindungi semua pekerja wanita yang bersalin tanpa mengira had gaji. Dalam hubungan ini Tuan Pengerusi sungguhpun kontrak perkhidmatan menyatakan pekerja wanita tersebut tidak layak kepada cuti bersalin dan faedah bersalin, pekerja wanita tersebut masih boleh memfailkan kesnya kepada Mahkamah Buruh untuk haknya sekiranya beliau bersalin kelak.

Terima kasih kerana beliau pun telah menyerahkan satu salinan iaitu kontrak dan saya baca di sini dalam bahasa Inggeris nombor 12, *“Maternity leave, female doctors are not entitled to any maternity leave within the first year of service, after one year of service you are entitled to 30 days paid maternity leave”*. Jadi inilah terkandung, yang terpapar dan tersirat, dan tersurat di antara si majikan dengan si pekerja itu. Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulai bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Yang Berhormat Kulai boleh.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi saya rasa terima kasihlah kerana Yang Berhormat Menteri memberi satu penjelasan yang cukup jelas bahawa pihak majikan memang sudah menyalahi undang-undang apabila membuat satu *clause* sebegini dalam perjanjian di antara majikan dan juga pekerja-pekerja dia.

Soalan saya kepada Kementerian Sumber Manusia adalah boleh tak Kementerian Sumber Manusia campur tangan apabila menerima sesalinan kontrak sebegini untuk memberi amaran kepada majikan ini kepada syarikat ini atau mengenakan satu denda terhadap syarikat ini. Tidak perlulah kita tunggu sampai seorang mangsa tampil ke depan untuk menyaman syarikat tersebut barulah mahkamah

buat satu keputusan bahawa syarikat ini telah menyalahi undang-undang. Kita perlu menjadi lebih proaktif untuk melindungi pekerja-pekerja wanita kerana kita perlu faham perasaan mereka. Seorang pekerja wanita yang sedang mengandung mereka, keadaan badan yang cukup letih dan apabila mereka menyaman majikan, mereka juga takut sama ada *further discrimination* akan mereka dihadapi semasa mereka terus bekerja di sana.

Jadi di sini saya minta campur tangan daripada pihak Kementerian Sumber Manusia, jasa baik Menteri untuk campur tangan, ambil tindakan lebih proaktif untuk melindungi golongan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Yang Berhormat Kulai. Jadi dalam perkara ini Kementerian Sumber Manusia tidak boleh campur tangan dalam mana-mana mahkamah sama ada ia Mahkamah Perindustrian atau Mahkamah Sivil.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Batu Gajah. Semasa mengambil bahagian dalam perbahasan dua orang Ahli Yang Berhormat telah mencelah iaitu Yang Berhormat Baling dan Yang Berhormat dari Kota Tinggi. Jadi saya mula dengan perkataan gaji median.

Antara kriteria-kriteria yang diambil oleh Majlis Perundingan Gaji Negara semasa menentukan gaji minimum untuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dan Semenanjung. Antaranya ialah kita mengambil kira gaji median bukan gaji medium. Gaji median ini bererti kemampuan si majikan itu untuk menggaji si pekerja. Jadi kalau kita tidak mengambil langkah ini maka saya percaya banyak majikan akan menggulung tikar. Maka gaji median harus kita ambil kira. Salah satu lagi, saya nampak saya punya masa sudah pun habis.

Tentang ratifikasi saya perlu beritahu di sini iaitu langkah-langkah kerajaan untuk meratifikasikan tiga *convention* utama ILO yang masih belum diratifikasi. Kementerian sedang menjalankan kajian semula undang-undang buruh dan mengambil pendekatan untuk mematuhi prinsip-prinsip yang digariskan oleh *convention* seperti *Convention 105: Forced Labour*, *Convention 87: Freedom of Association* and *Convention 111: Employment Discrimination*.

Kementerian akan mengambil langkah untuk meratifikasikan *convention* tersebut apabila undang-undang buruh telah dipinda untuk mematuhi prinsip dan artikel digariskan. Dalam perkara ini Tuan Pengerusi, kementerian sedang meneliti dan akan membuat pindaan kepada akta-akta pekerjaan secara holistik. Harus dimaklumkan di sini bahawa di bawah kementerian, kita punya mempunyai 25 akta di bawah Kementerian Sumber Manusia.



**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Kawan bangun Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih Menteri. Menteri, walaupun saya bertanyakan soalan atau mencelah, saya mohon Menteri memberikan jawapan bertulis kepada saya kepada soalan ini.

■2110

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Akan tetapi berkaitan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Perkara baru tidak boleh di...

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Berkaitan dengan apa Yang Berhormat Batu Gajah katakan tadi mengenai *discrimination of employment*. Isunya adalah cuti untuk ibu-ibu yang mengambil anak angkat dengan izin *mothers who adopt babies* tidak diberikan masa yang sama dengan izin *maternity leave* tiga bulan memandangkan masa itu bukan sahaja untuk ibu menyusukan anak tetapi untuk mewujudkan satu *bonding between the mother and the baby*.

Saya rasa sekiranya undang-undang digubal untuk lebih banyak masa diberikan untuk ibu *bond* dengan anak-anak mereka, anak-anak angkat mereka, *babies who are adopted*, ini akan menggalakkan lebih ramai wanita dan keluarga untuk mengambil anak angkat dan produktiviti yang tinggi supaya ibu-ibu tidak terbeban dengan memikirkan di mana anak mereka untuk dihantar. *Because is a new baby, there is no blood bondage a bond between baby and mother*.

Jadi saya mohon isu ini diberi pertimbangan. Terima kasih.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Tuan Pengerusi ini perkara baru, maka kalau boleh kita akan menjawab secara bertulis.

Lepas itu Yang Berhormat Batu Gajah telah membangkitkan isu keperluan guna tenaga kerja di restoran-restoran India. Restoran-restoran India sebelum pembekuan iaitu pada 19 Februari telah dibenarkan untuk mengambil pekerja asing termasuk tukang masak. Pembekuan pengambilan pekerja asing adalah dasar kerajaan dan bukan dasar Kementerian Sumber Manusia. Walau bagaimanapun Kementerian Sumber Manusia akan mengambil akan perkara ini. Akan tetapi semalam saya baru balik dari Dhaka dalam mana kerajaan telah memutuskan untuk mengambil pekerja-pekerja asing dalam tiga sektor yang kritikal. Sektor-sektor yang kritikal ini adalah pembuatan, binaan dan juga perladangan.

Masih dengan Yang Berhormat Batu Gajah. Apakah tindakan kerajaan untuk meningkatkan peratus tenaga mahir daripada 28 peratus ke 35 peratus dalam empat tahun mendatang. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini sebenarnya, di bawah untuk melahirkan modal insan yang mahir, ia bukan saja terletak di bawah tangan di bawah Kementerian Sumber Manusia tetapi ia melibatkan lima lagi kementerian yang lain termasuk Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan. Jadi Jabatan Tenaga Manusia yang mempunyai 32 institusi di bawahnya, institusi latihan iaitu Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan ADTEC akan terus menawarkan latihan kemahiran teknikal secara penuh masa dan separuh masa untuk mencapai peratus 35 peratus ini.

Mengenai, beliau juga telah menyebut tentang Jabatan Pembangunan Kemahiran iaitu dalam mana beliau telah menyentuh tentang skim yang dipanggil sebagai Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) dalam mana 70 peratus adalah amalan atau praktikal di tempat-tempat, di bengkel-bengkel dan 30 peratus adalah *is classroom learning*. Daripada itu saya pergi Yang Berhormat Batu Gajah nombor tujuh.

Manakala yang kelapan adalah dari Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Kapar telah menyebut khususnya tentang kematian yang berlaku di tapak binaan dalam mana beliau telah menyebutkan bahawa sejak empat tahun kebelakangan ini 87 kematian telah berlaku di tapak binaan.

Tuan Pengerusi harus diingatkan di sini bahawa bilangan tapak binaan setakat ini di seluruh negara adalah sebanyak 118,891 tapak binaan. Ini tidak termasuk pembinaan jalan raya. Oleh yang demikian, bagi kita angka itu walaupun menyedihkan, bukanlah salah satu angka yang besar kalau dibandingkan dengan nisbah dengan tapak binaan yang ada di seluruh negara. Walau bagaimanapun Tuan Pengerusi, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP) akan menentukan sebenarnya mengikut undang-undang tiap-tiap tapak binaan yang besar dimestikan untuk mengadakan *safety officers* di tapak binaan. *Safety officers* ini, pegawai keselamatan yang digaji oleh majikan hendaklah sentiasa berada di tempat binaan pada setiap kali kerja-kerja di lakukan. Mungkin apa yang terjadi baru-baru ini mungkin kerana syarikat-syarikat yang telah membuat binaan itu tidak mempunyai *safety officers*. Jadi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu bangun Yang Berhormat.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Okey. *Sorry just now.*

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyebut pada Yang Berhormat Menteri sebenarnya ucapan

saya tadi bukan hanya cadangan tetapi juga merupakan soalan. Di antaranya adalah tentang *safety officers* di mana saya ajukan adakah *safety officers* ini hanya *window dressing* atau adakah tugas *safety officers* untuk menjalankan tugas beliau. Ini kerana pertamanya pekerja-pekerja dan kakitangan kontraktor bertugas tidak pun memahami Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu. Jadi bagaimana mereka hendak mematuhi arahan.

Kedua, bagaimana kita boleh terima atau kementerian boleh terima satu *safety officer* bertugas menjaga beberapa tapak dalam waktu yang sama. Kalau Yang Berhormat Menteri kata tadi ini merupakan *mandatory requirement, it must be full time job, standing supervision*, tidak boleh kerja sambilan. Oleh sebab itulah begitu banyak kemalangan berlaku kebelakangan ini seperti yang telah diutarakan oleh sahabat saya. Itu soalnya. Apakah langkah untuk menguatkuasakan, *requirement* ada, *is it just window dressing or is it meant to be effective enforcement* dengan izin.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh saya sambung Yang Berhormat Menteri. Boleh saya sambung? Yang Berhormat Kapar. Okey yang pertama sekali, terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali bilangan kematian yang saya ada itu adalah bilangan yang telah direkodkan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, ada juga yang tidak direkodkan. So saya rasa setiap yang meninggal dunia itu perlu diberi perhatian. Kedua tentang *safety officers*. *Safety officers* ini seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi adalah daripada majikan itu sendiri. Di situlah kita ada pra wasangka ataupun kepincangan tentang ketulusan mereka. Saya memberi cadangan bahawa untuk projek-projek yang melebihi satu angka siling, peruntukan contoh RM20 juta or RM30 juta, ini contoh saja.

Saya menasihatkan atau mencadangkan bahawa *safety officers* itu perlu *independent* yang boleh dihantar oleh kementerian dan sebagainya. *So we need an independent safety officers* untuk projek-projek yang melebihi satu nilai paras nilai projek tersebut. Minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Menteri, boleh sikit dulu.

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]:** Okey.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri saya hendak respons sedikit daripada apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

■2120

Sebagai seorang pengamal undang-undang, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah terdapat inisiatif ataupun perancangan agar undang-undang

yang lebih keras dikenakan? Kita tengok beberapa negara maju misalnya seperti UK dan sebagainya, mereka telah bergerak ke arah itu. Mengenakan undang-undang yang begitu keras dan memberikan hukuman yang lebih menyedarkan syarikat-syarikat yang terbabit dalam pembinaan dan sebagainya agar memberikan keutamaan dan *priority* kepada hal-hal keselamatan ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih kepada ketiga-tiga Yang Berhormat. Tentang kesihatan dan keselamatan para pekerja sama ada di tapak pembinaan atau di jalan raya, untuk pengetahuan kita bersama, itulah terpulang kepada mahkamah walaupun kita mempunyai undang-undang yang ketat. Kita memang mempunyai undang-undang yang ketat, tetapi terserah kepada mahkamah untuk menentukan tindakan atau penalti yang akan dikenakan.

Saya mengambil sebagai contoh, kejadian yang berlaku di tempat saya sendiri. Empat lima tahun yang lampau dalam mana sebuah kilang telah meletup dan bunyi letupan itu seakan-akan kita berperang di Iraq. Akan tetapi sampai sekarang, keputusan mahkamah belum lagi didapati. Jadi, ini sebenarnya berlaku. *To be honest, this is actually what is happening. Their laws and our laws are strict.*

Jadi dalam perkara ini mengenai kejadian *piling* kren yang telah – *the piling, whatever you call it* yang telah berlaku mengorbankan dua orang nyawa. Sebenarnya kita, pegawai-pegawai kita *within 20 minutes*, dalam 20 minit pegawai-pegawai kita JKKP telah pun berada di tempat kejadian. Begitu juga dengan pegawai-pegawai dari Kementerian Kerja Raya.

Dalam pada itu Tuan Pengerusi, kita telah menggunakan perkataan kita, Kementerian Sumber Manusia bersama-sama dengan Kementerian Kerja Raya iaitu melalui agensinya di bawah CIDB. Kita telah pun dan sedang membuat inisiatif agar kejadian ini tidak akan berulang lagi. Akan tetapi untuk memastikan kemalangan tidak berlaku di tempat binaan, di tapak binaan, itu banyak bergantung kepada syarikat-syarikat besar iaitu kontraktor kepada projek-projek besar itu.

Saya telah menunjukkan angka tadi dalam mana kita mempunyai 18,891 tapak binaan di seluruh negara *and we just don't have the officers*, dengan izin. *We just don't have the officers to monitor these 18,891 of construction sites.* Oleh yang demikian, maka bergantung kepada pihak kontraktor untuk memastikan bahawa setiap tapak binaan perlulah mempunyai *safety officer* yang benar-benar mempunyai *qualification*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, *the last one.*

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Okey.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, saya terima penjelasan. Saya dengar secara teliti. *All right*, kita ada kepincangan dari sudut undang-undang, saya faham. Akan tetapi undang-undang kita agak kuat efektif, itu pada pandangan Yang Berhormat. Saya hendak tanya satu, bagi saya satu kuasa yang ada pada kementerian yang boleh mendidik kontraktor yang ada di Bandar Bukit Raja di Meru itu daripada pihak kementerian, *immediate action from your side within the boundary of your management of your ministry. There must be something concrete that due respect*, dengan izin. *Something that within your power, you can do something. Please, thank you.*

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Okey. Itu soalan-soalan yang amat baik sebenarnya. Saya lupa beritahu. Satu kejadian sebagai contoh, satu kejadian telah berlaku di Melaka. Kalau tidak silap saya hujung tahun lepas atau awal tahun ini. Dalam setengah jam, pegawai-pegawai kita, pegawai-pegawai JKPP kita yang bertempat di Melaka telah pun pergi ke tempat itu dan saya sendiri telah pergi ke tapak binaan itu hari keesokannya. Dengan serta-merta kita telah *issue stop works order*.

Saya percaya setakat ini, binaan itu iaitu membina sebuah bangunan yang *stop works order* ini belum lagi ditarik balik. Ini bererti kerja-kerja di tapak binaan itu sudah pun diberhentikan. Ini menunjukkan bahawa kita mengambil berat akan kemalangan-kemalangan atau kejadian-kejadian yang berlaku di tapak binaan. Kita ambil berat tentang itu kerana *life* tidak boleh diganti.

Jadi dengan itu Tuan Pengerusi, saya menegaskan di sini bahawa adalah menjadi tanggungjawab untuk kontraktor-kontraktor yang mempunyai projek bernilai RM20 juta ke atas untuk memastikan tapak binaan itu 24 jam atau sekurang-kurangnya 15 jam satu minggu mesti diawasi oleh *safety officer*. Kalau JKPP sebuah jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia mendapati bahawa waktu pemeriksaan didapati tidak ada *safety officer* di situ, maka Kementerian Sumber Manusia melalui jabatannya, jabatan JKPP boleh memberhentikan pekerjaan dijalankan pada hari itu.

Dengan itu Tuan Pengerusi, sekiranya ada isu yang telah dibangkitkan oleh kelapan-lapan Ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya jawab pada malam ini, saya kira pegawai-pegawai saya di belakang telah pun mencatatkannya dan saya minta agar mereka kita memberi jawapan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM717,700,000 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM717,700,000 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM522,785,000 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM522,785,000 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Tuan Pengerusi (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 21 November 2016.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.29 malam]***